

**PARLIMEN KESEBELAS****PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 27****Khamis****22 Disember 2005**

---

**K A N D U N G A N****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 2)

**USUL:**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Aturan Urusan Mesyuarat

(Halaman 23)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Timbang Tara 2005

(Halaman 23)

Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005

(Halaman 35)

Rang Undang-undang Kewangan 2005

(Halaman 85)

Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2005

(Halaman 97)

Rang Undang-undang Keluarga Islam  
(Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005

(Halaman 108)

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Khamis, 22 Disember 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan pertama ialah pertanyaan berangkai atau berangkul yang mempunyai lima pautan. Jumlah bagi tahun 1999 – 2005, jumlah cukai import, pecah pula kepada CKD dan CBU 1999 – 2005, anggaran kerugian kerana pengisytiharan bawah nilai, strategi terbaru menangani isu dan lima cara dapatkan balik kekurangan cukai kerana pengisytiharan bawah nilai.

Kalau tidak ditangani dengan baik, keseluruhan masa pertanyaan akan dihabiskan oleh pertanyaan ini, maka saya ingin menyeru kepada pihak yang bertanya, tanyalah dengan tepat, dan bagi pihak yang menjawab, jawablah sebagai menteri dalam Dewan Perundangan, bukan sebagai saksi dalam mahkamah, penjenayah dalam balai dan murid dalam peperiksaan.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu izinkan saya mengalu-alukan rombongan daripada negeri saya, negeri Kedah iaitu Bahagian Baling dalam Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan, saya pula bagi pihak Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri Kabinet Malaysia pada pagi ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

1. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kutipan hasil yang telah dipungut oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dari tahun 1999 – Jun, 2005 serta jumlah hasil kutipan daripada cukai import kenderaan (CBU dan CKD) dalam tempoh tersebut dan anggaran kerugian hasil cukai bagi kenderaan pengisytiharan bawah nilai dalam tempoh tersebut serta apakah strategi terbaru yang telah dan akan diambil bagi menangani isu pengisytiharan bawah nilai kenderaan import dan cara untuk mendapatkan semula hasil cukai di bawah nilai pengisytiharan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan hasil yang telah dipungut oleh Kastam Diraja Malaysia bagi tahun 1999 – Jun, 2005 adalah sebanyak RM125.7 bilion. Jumlah kutipan hasil daripada duti import kenderaan CBU dan CKD dalam tempoh tersebut pula adalah sebanyak RM8.8 bilion. Manakala, anggaran kerugian hasil cukai yang disebabkan

perisytiharan bawah nilai kenderaan tersebut dalam tempoh yang sama adalah sebanyak RM94.24 juta.

Anggaran kerugian ini adalah berasaskan hasil pemeriksaan pasca audit kastam dan hasil siasatan pencegah kastam. Bagi mengatasi isu pengisytiharan bawah nilai ini Kastam Diraja Malaysia telah pun memperkenalkan beberapa strategi yang baru antaranya seperti berikut:

- (i) membuat kajian *landed cost* dan harga jualan tempatan di negara-negara Asean, harga eksport atau *ex-factory* di negara pengeluar dan harga di pasaran antarabangsa di London untuk mendapatkan maklumat secara langsung tanpa menggunakan pihak ketiga;
- (ii) memantapkan tugas panel penyemakan harga kenderaan import CPU di ibu pejabat Kastam Diraja Malaysia di mana ahlinya terdiri daripada pegawai Kastam dan wakil Perbendaharaan;
- (iii) memperkemas maklumat data harga kenderaan dan menetapkan panduan harga kenderaan;
- (iv) mengadakan auditan pasca import secara berterusan ke atas syarikat pengimport;
- (v) meningkatkan usaha pencegahan seperti siasatan, rampasan dan pendakwaan ke atas syarikat atau individu yang melakukan penipuan perdagangan kenderaan; dan
- (vi) mengadakan lawatan ke pejabat Kastam di pelabuhan atau di pintu-pintu masuk secara berkala bagi memantau pematuhan pegawai-pegawai terhadap panduan harga kenderaan yang telah dikeluarkan.

Antara strategi yang telah dilaksanakan untuk mendapat semula hasil cukai disebabkan pengisytiharan bawah nilai ialah mengambil tindakan tuntutan sivil atau mengenakan denda kepada pengimport yang melakukan penipuan perdagangan kenderaan di bawah Akta Kastam 1967. Keputusan juga telah diambil untuk memantapkan lagi program pengurusan risiko supaya lebih berkesan untuk membendung kes pengisytiharan bawah nilai bagi kenderaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan sebagai Menteri dalam Dewan Perundangan.

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah tindakan yang diambil kepada pegawai-pegawai Kastam yang mentaksirkan harga murah daripada yang sebenarnya.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi memang kalau pegawai Kastam yang membuat hal iaitu mereka sengaja dengan pengetahuan mereka menilai harga kereta yang diimport itu dengan harga yang rendah maka tindakan akan diambil ke atas mereka sendiri.

2. **Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah benar-benar wujud kesan kepada pengguna apabila kementerian membuat penguatkuasaan kepada peniaga menerusi Skim Kawalan Harga Pengguna 2005/2006 dan berapa ramai peniaga telah diambil tindakan kerana melanggar skim tersebut.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Skim kawalan harga barangan 2005/2006 ini dilaksanakan oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna bagi tempoh 15 Oktober tahun ini sehingga 28 Februari tahun depan bertujuan untuk membendung supaya barangan-barangan keperluan ini tidak akan meningkat harganya dan bekalannya mencukupi.

Kita dapati skim ini dapat membantu kerajaan bahkan negara kita untuk membendung kadar inflasi di negara kita selama ini. Kalau kita melihat, membuat perbandingan di antara kadar inflasi di antara beberapa negara seperti di Thailand, Indonesia dan juga Filipina, negara kita masih jauh lebih rendah berbanding dengan kadar inflasi yang didapati di negara tersebut.

Di negara kita, kita catat kadar inflasi pada bulan Oktober yang lalu 3.4 peratus dan kadar inflasi bagi November 3.5 peratus. Walaupun ada peningkatan tetapi sedikit berbanding dengan negara-negara yang lain, di Indonesia hampir 7.6 peratus, di Filipina hampir 5.8 peratus. Skim ini juga telah membantu dari segi menjimatkan perbelanjaan pengguna kita.

Pelaksanaan skim itu adalah disertai dengan tindakan penguatkuasaan yang tegas dan berterusan bagi membanteras penyelewengan seperti penjualan melebihi harga maksimum, tiada menggunakan tanda harga khas merah jambu, tiada mempamerkan tanda harga dan barangan kawalan tanpa lesen. Bagi tempoh 15 Oktober 2005 hingga 20 Disember 2005 iaitu malam semalam, sejumlah 171,835 premis perniagaan telah kita periksa dan sejumlah 927 kes diambil di bawah Akta Kawalan Harga 1946 dan melibatkan penyertaan barangan bernilai sehingga RM85,608.44. Bagi kes-kes yang telah di kompaun, nilai kompaun keseluruhannya adalah berjumlah RM59,065.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Hajah Sharipah Aminah, selepas itu Dato' Dr. Chin Fook Weng dan kemudian Puan Siti Zailah.

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah perancangan pihak kementerian untuk menentukan barang-barang makanan utama dikekalkan harganya bagi manfaat masyarakat luar bandar. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kita mengekalkan barangan keperluan seperti yang saya sebutkan tadi iaitu menerusi skim kawalan ini. Semenjak skim ini dilaksanakan pada tahun 2000 yang lalu sehingga pada tahun 2005 ini, kita dapati bahawa ada sedikit perubahan yang kita perlu lakukan pada tahun ini. Kalau berdasarkan pada tahun yang sudah kita cuma mengawal mungkin dalam lingkungan sebulan. Pada tahun ini kita kawal sehingga empat bulan

setengah iaitu mulai daripada tahun baru, bulan puasa, hari raya sehingga Deepavali, Krismas dan Tahun Baru Cina sehingga 28 Februari ini.

Kita dapat berupaya mengawal bukan hanya dari segi harganya, seperti yang saya sebutkan, memastikan bekalannya mencukupi, tetapi bilangan barangan yang kita kawal cuma 23 iaitu ayam, tomato dan ubi kentang tertakluk kepada musim-musim perayaan kerana kita dapati bahawa di musim perayaan sesetengah barangan amat diperlukan untuk membolehkan supaya ia mencukupi dan harganya tidak meningkat. Kadang-kadang bila permintaan meningkat, harganya terus meningkat.

Jadi, dengan penguatkuasaan yang sedia ada ini kita rasai memadai sebahagian daripada langkah. Tetapi kerajaan tidak akan berupaya untuk membendung semua barangan kita kawal. Contohnya teh tarik dan nasi lemak kerana kita tahu ini adalah merupakan barang-barangan yang mana masyarakat kita mempunyai pilihan yang lain. Tetapi kalau contohnya macam ayam, ikan dan barang-barangan ini amat diperlukan di musim-musim perayaan, musim-musim tertentu, maka kita mempunyai asas yang kukuh untuk membolehkan supaya ia dikawal.

Saya rasa sebahagian daripada langkah skim kawalan ini seperti yang saya katakan, beberapa kempen juga kita gunakan iaitu untuk mempertingkatkan kesedaran ilmu pengetahuan. Orang bilang itu *empower consumer* - memperkasakan pengguna kita supaya mereka ini mempunyai pengetahuan dan maklumat serta menjadi pengguna bijak sebelum membuat pembelian barang-barangan. Maknanya apa yang kita perlukan mereka harus mengambil langkah-langkah seperti membuat perbandingan barangan. Kalau kedai kopi ini mahal, masuk kedai kopi yang murah; kalau *hypermarket* ini mahal, masuk kepada *hypermarket* yang murah. Kita dapati jika sekiranya pengguna kita bertindak dengan bijak, Insya-Allah, mereka akan menjadi pengguna yang tidak akan terbeban oleh kenaikan harga-harga barangan ini.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kehadiran menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen dari kementerian ini memberi semangat saya menanyakan soalan tambahan. Kenapa kementerian ini tidak melibatkan kerjasama dan juga bantuan daripada persatuan-persatuan pengguna dalam setiap negeri itu supaya ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Supaya itu tidak perlulah - kenapa tidak melibatkan.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Kerana saya lihat itu sangat penting, tetapi nampaknya tidak ada. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Dato' Dr. Chin. Untuk makluman Yang Berhormat, bukan hanya pihak kementerian bekerjasama dengan pihak badan-badan pengguna seperti FOMCA, Pengguna Islam, malahan juga agensi-agensi kerajaan. Contohnya, sebelum kita menetapkan kadar harga yang kita telah tetapkan, kita rujuk kepada FAMA, kita berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Kementerian Usahawan dan pihak pengangkutan, memastikan pengangkutan mencukupi bagi mengangkut barang, bekalan pihak petani mencukupi - tanaman waktu itu dapat, kalau tidak cukup tanaman dibekalkan di pasaran

kita perlu mengimport. Tetapi dalam kita mengimport, kita berbincang dengan agensi yang mengimport barangan ini daripada MITI bagi memastikan bahawa harga pengimport itu tidak akan mahal.

Tetapi bagi NGO ini, kita melakukan kerjasama yang begitu rapat dengan pinak-pihak ini. Contohnya, bukan hanya kita bagi sedikit peruntukan kepada mereka seperti persatuan Pengguna Islam, FOMCA dan CAP Pulau Pinang, kita berikan bantuan dari segi kewangan, tetapi tidak bererti bilamana kerajaan bagi bantuan untuk mereka, sedikit sebanyak ada wang, mereka tidak dibolehkan untuk mengkritik kerajaan. Saya sudah katakan, mereka terbuka untuk menyatakan sesuatu demi kepentingan pengguna kita diperbaiki. Contohnya, kalau ada perkara-perkara pelaksanaan, dari segi program yang kita lakukan tidak begitu berkesan, mereka berhak untuk mengambil tindakan menegur kita. Kerjasama sentiasa kita pertingkatkan dengan pihak FOMCA, Pengguna Islam dan CAP, malahan kita juga libatkan masyarakat setempat. Contohnya, PUSPANITA ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Apabila Yang Berhormat pandang kepada saya itu, saya teringat bila kita menguasai sesuatu subjek itu kita hendak ceritakan semuanya. Tetapi kita perlu disiplinkan diri.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Ketawa]* Okey, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat memadai dengan kerjasama yang kita perlukan itu memang ada, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusof:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimanakah kerajaan memantau harga-harga barang di kawasan pedalaman di luar bandar yang memerlukan kos pengangkutan yang tinggi dan bagaimanakah kedudukan kawalan selepas daripada 28 Februari, tarikh akhir daripada skim kawalan harga ini. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih atas soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Siti Zailah tadi. Yang pertama, memang kerajaan mengambil langkah yang proaktif untuk membendung harga barangan di peringkat luar bandar dan kita dapati sebenarnya di peringkat luar bandar ini lebih murah; contohnya, macam sayur-sayuran dan ikan-ikan.

Saya berikan contoh, bila saya membuat lawatan di Keningau, harga satu ikat sayur merata tempat di pasar didapati lebih murah daripada tempat-tempat di bandar - satu ringgit satu ikat. Kalau di sini, tomato mungkin harganya dalam RM4 lebih sekilogram, lebih tinggi empat kali ganda. Walau pun demikian, kita dapati ada barang-barang tertentu contohnya bekalan seperti susu pekat dan Milo yang juga diperlukan tetapi tidak dikeluarkan di peringkat luar bandar ini, dan ini kita berunding dengan pihak syarikat ini. Contohnya, penetapan harga ini tidak harus melebihi dari segi kosnya. Kita tahu untuk mengangkut barang ini kosnya akan meningkat, tetapi kita

mempunyai kaedah untuk memastikan ia tidak membebankan masyarakat pengguna kita, kalau pun ada peningkatan dari segi harga, tetapi harganya berpatutan.

Persoalan kedua Yang Berhormat sebutkan tadi selepas 28 hari bulan. Skim yang kita gunakan bukan hanya dari segi skim kawalan ini. Ada juga jenis-jenis barangan yang kita kawal sepanjang tahun, tetapi itu bukanlah jenis barangan makanan yang diperlukan dalam musim perayaan. Dalam pada itu kerajaan juga memantau semua jenis barangan. Contohnya, kalau kita dapati teh tarik ataupun nasi lemak harganya terlampau tinggi, kita meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pihak penguat kuasa tempatan untuk memberi teguran yang keras kepada pihak-pihak ini supaya jangan mengambil tindakan yang sewenang-wenangnya.

Di peringkat kementerian, saya sudah pun mendapat perakuan daripada pihak Kabinet baru-baru ini untuk melaksanakan satu undang-undang iaitu *competition law* yang kita namakan Dasar Amalan Perniagaan Adil (DAPA). Dengan adanya undang-undang ini, Insya-Allah, kita akan bentangkan pada tahun 2006 akan datang ini, ataupun pada tahun 2007 yang akan membolehkan pihak kerajaan lebih berkuasa untuk memastikan supaya tindakan yang tegas boleh diambil terhadap peniaga-peniaga yang mengaut keuntungan - yang kita sebutkan '*profiteering*' ini.

Saya hendak bercakap lebih nanti, Tuan Yang di-Pertua...*[Ketawa]*.. Banyak yang hendak dicakapkan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi yang itu mustahak akan ada *competition law*, ya, akan ada undang-undang dan terdapat kaedah-kaedah tertentu bagi menangani masalah yang Yang Berhormat kemukakan tadi.

3. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan apakah langkah yang dilakukan bagi memasarkan hasil karya seni kita ke negara luar memandangkan berlaku banjir karya seni dari luar yang memasarkan hasil seni mereka seperti muzik dan filem ke luar negara ini sedangkan karya seni dari Malaysia sukar untuk menembusi pasaran negara-negara luar.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, karya seni adalah luas meliputi seni muzik, tari, teater, filem, kraf dan sebagainya. Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan iaitu KEKWA memasarkannya ke negara luar melalui pelbagai acara supaya karya seni Malaysia lebih dikenali seperti langkah-langkah yang diambil:

- (a) Program Titian Budaya yang diadakan pada tahun 2006 yang mana akan ada pertunjukan kesenian, pameran lukisan dan kraf tangan serta tayangan filem;
- (b) menyertai festival dan pertandingan seni muzik dan filem antarabangsa;

- (c) persembahan seni atas jemputan kerajaan-kerajaan luar negara melalui perjanjian kerjasama kebudayaan antara negara;
- (d) persembahan kesenian dan kebudayaan semasa mengiringi lawatan rombongan Kementerian Pelancongan ke luar negara; dan
- (e) penyertaan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia iaitu Kraftangan di pameran perdagangan antarabangsa yang dianjurkan oleh MATRADE.

KEKWA telah mengadakan hubungan dan kerjasama yang erat dengan syarikat perfileman, syarikat rakaman dan media massa bagi menjayakan acara-acara ini. Di samping itu, KEKWA juga akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui MATRADE, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pelancongan dalam usaha promosi karya seni kita ke luar negara. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Wan Nordin bin Che Murat, Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid, kemudian Tuan Ismail bin Kasim.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah dalam usaha kita meningkatkan pengeksporan karya seni kita ke luar negara, adakah kerajaan bercadang supaya setiap filem yang dibawa masuk dari negara ASEAN ini akan menjamin bahawa filem kita juga akan dipasarkan di negara ASEAN? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, adakah *arrangement quid pro quo*?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam ASEAN *Free Trade Area* (AFTA) yang telah dilangsungkan tahun ini memang di dalam persetujuan ini ada ' *bilateral* iaitu hubungan dua hala di antara negara-negara dan ini adalah satu topik yang hangat dibahaskan di antara negara kita dengan negara ASEAN. Walau bagaimanapun, kualiti filem negara kita adalah penting iaitu kita mesti menguatkan syarikat pemasaran filem negara kita supaya filem negara boleh ditayangkan di negara-negara ASEAN dengan langkah yang pertama dan kemudian ke pentas antarabangsa di dunia. Terima kasih.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta izin Tuan Ismail bin Kasim, biarlah saya beri peluang kepada Tuan M. Saravanan sebab beliau lama tidak dapat peluang. Jadi biarlah mengalah, saya mohon izin.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Soalan tambahan saya ialah, apakah pandangan pihak kementerian dan Yang Berhormat sendiri tentang lukisan yang dibeli oleh MAS bernilai RM1.55 juta yang kononnya boleh menaikkan imej korporat? Apakah ia patut dilupuskan oleh MAS bagi mengurangkan kerugiannya daripada menjual bangunan yang merupakan imej utama korporat dan harga diri MAS? Mengapa pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan tidak menasihatkan pihak MAS untuk membeli hasil karya seni kita sendiri yang lebih berkualiti dan lebih murah? Terima kasih.



**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah pertanyaan daripada ahli baru ataupun *freshie* tetapi pertanyaan itu terkeluar langsung daripada soalan asal. Silakan Tuan M. Saravanan.

**Tuan M. Saravanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian berhasrat untuk mempromosikan epik Hikayat Ramayana yang cukup popular di dalam Asia Tenggara, khususnya sejarah Malaysia cukup dikenali dalam persembahan wayang kulit. Minta pandangan pihak kementerian, terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ismail bin Kasim ada peluang sebab soalan tadi tidak dibenarkan.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Yalah, 'benang arang orang lain jangan dipijakkan'. Ini bukan di bawah kementerian saya, jadi saya tidak akan jawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang ambil satu keputusan yang arif.

Tentang karya-karya atau kesenian negara kita melalui tadi saya kata, Program Titian Budaya di antara negara-negara dan juga di antara negara kita dengan negara asing dan juga iaitu perjanjian kerjasama kebudayaan antara negara. Kita ambil kesempatan semasa ada rombongan-rombongan yang mengunjungi negara asing, kementerian kita membawa atau memperkenalkan pementasan-pementasan dan juga persembahan-persembahan yang autentik kepada penonton di luar negara. Itulah satu langkah yang diambil oleh kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada satu perkara spesifik yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi. Bolehkah Yang Berhormat ulangi?

**Tuan M. Saravanan:** Saya minta pandangan pihak kementerian sama ada kerajaan atau kementerian berhasrat untuk mempromosikan epik Hikayat Ramayana yang cukup popular di dalam wayang kulit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hikayat Ramayana, ya memang itu.

**Tuan M. Saravanan:** Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Ramayana ini sesuatu yang spesifik tetapi saya boleh ambil perhatian kalau ada profesional yang mempersembahkan ini, kita akan mempromosi epik Ramayana. Okey, sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ramayana Hinayana. Tuan Ismail bin Kasim.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, menerusi karya-karya yang dimaklumkan oleh pihak kementerian yang dianggap tidak berkualiti, setakat ini berapakah jumlah filem dan drama-drama tempatan dan negara manakah yang kita berjaya menembusi pasarannya menerusi langkah-langkah promosi dan perbelanjaan yang telah dibuat oleh pihak kementerian setakat ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Wong Kam Hoong:** *[Tidak menjawab pertanyaan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila ulangi pertanyaan. *[Ketawa]*

**Tuan Ismail bin Kasim:** Setakat ini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tadi masih di alam Ramayana. *[Ketawa]*

**Dato' Wong Kam Hoong:** *Sorry!*

**Tuan Ismail bin Kasim:** Saya pun di alam banjir, Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini berapakah jumlah filem ataupun drama-drama tempatan yang telah berjaya dipasarkan di negara luar dan sebutkan nama negara-negara berkenaan menerusi langkah-langkah promosi yang telah dibuat oleh pihak kementerian setakat ini.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau saya hendak jawab ketika ini, mungkin jawapan yang lebih pahit ditelan sebab filem-filem negara kita masih di takuk lama yang kita keluarkan untuk penonton tempatan sahaja.

Walau bagaimanapun, filem-filem kita dapat *awards* di pesta filem di luar negara seperti "*The Beautiful Washing Machine*" di 3rd Bangkok International Film Festival dapat filem cereka ASEAN yang terbaik. Walau bagaimanapun kos bagi "*The Beautiful Washing Machine*" ini tidak melebihi daripada RM100 ribu. "Sepet", sebuah filem cereka di 27th Creteil International Woman Directors' Festival di negara Perancis dapat hadiah *Grand Jury*. Pada 2004 juga, filem "*Pontianak Harum Sundal Malam*" ialah satu filem cereka dapat *award* Pelakon Wanita terbaik iaitu pelakon Cik Maya Karin di 49th ASEAN Film Festival, Fukuoka, Japan.

Saya harap pengeluar-pengeluar filem negara kita menguatkan hubung kait iaitu *connectivity* dan juga aktiviti-aktiviti pemasaran mereka supaya filem-filem negara kita yang dapat *awards* ini dapat dipasarkan di negara asing. Sekian, terima kasih.

4. **Tuan Tay Puay Chuan** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah syarikat yang dimiliki oleh kerajaan (GLC's) dan di antara syarikat tersebut berapa banyakkah syarikat yang mengalami kerugian dan menikmati keuntungan serta senarai syarikat-syarikat tersebut.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan nombor 4 sekali gus soalan nombor 15 daripada Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**TuanYang di-Pertua:** Saya benarkan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sehingga Julai 2005 terdapat sejumlah 137 syarikat berkaitan kerajaan atau pun *Government Link Companies* (GLC's) di mana sebanyak 57 disenaraikan di Bursa Malaysia yang merupakan syarikat tempatan dan beroperasi di seluruh negara.

Analisis terkini ke atas prestasi GLC yang tersenarai dengan tumpuan ke atas 15 GLC teratas menunjukkan bahawa kesemuanya memberikan keuntungan bersih kecuali MAS dan Proton.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembaharuan-pembaharuan terhadap GLC, syarikat-syarikat GLC bermula pada tahun 2004 dengan pelancaran garis panduan pelaksanaan

prestasi syarikat-syarikat GLC. Usaha ini merupakan peringkat awal pengenalan kepada indeks prestasi utama atau pun *key performance indicators* bukan sahaja untuk Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Pengurusan, malah untuk prestasi syarikat keseluruhannya.

Ketetapan KPI ini bertujuan untuk memastikan tumpuan kepada keutamaan urusan perniagaan, menarik dan mengekal bakat pengurusan yang profesional yang *outstanding* membolehkan prestasi diukur secara objektif dan mendorong pekerja syarikat dengan menaikkan ganjaran dengan mencapai prestasi. Pada Julai 2005, rangka manual GLC telah dilancarkan bagi panduan kepada syarikat-syarikat GLC bergerak ke atas pengurusan dan prestasi yang lebih cemerlang dalam bidang kepimpinan, strategi, sistem dan kawalan, struktur industri serta pemantauan dan keupayaan. Proses transformasi ini akan berjalan secara berterusan.

Memandangkan pelaksanaan transformasi baru dilaksanakan, adalah terlalu awal untuk menilai prestasi syarikat-syarikat tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa memantau prestasi GLC, bukan sahaja bagi memastikan kecekapan pengurusan dan menjamin keuntungan syarikat tetapi juga memastikan pelaksanaan tanggungjawab sosial yang harus dipikul bersama kerajaan dalam usaha membangunkan ekonomi negara, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak dan Tuan Lee Sing Chooi.

**Tuan Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam pembaharuan GLC yang disebut tentang reformasi kepimpinan tadi, apakah kerajaan tidak bercadang meletakkan syarat supaya pemimpin-pemimpin korporat yang muda ini yang memimpin GLC sekarang ini juga diberikan syarat iaitu mereka juga mesti faham dan tahu mengenai dengan agenda Melayu. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini dengan bahasa-bahasa, dengan izin, saya boleh sebutlah bahawa *it goes without saying*, maknanya korporat-korporat muda yang mengendalikan syarikat-syarikat GLC ini mereka telah pun lebih faham bahawa mereka ada tanggungjawab untuk memastikan agenda bumiputera ini dapat dilaksanakan oleh syarikat masing-masing.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan saya berkaitan juga. Kalaulah sesebuah syarikat itu objektifnya memanglah tujuannya mencari keuntungan tetapi pada masa yang sama GLC ada tanggungjawab, seperti tadi Yang Berhormat kata tentang sosial dan sebagainya, dan juga pembangunan usahawan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanggungjawab terhadap dasar-dasar asasi kerajaan.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bagaimanakah kerajaan hendak selaraskan kedua-dua objektif yang kadang-kadang bertentangan ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, pernah saya jawab perkara ini di Dewan Rakyat dahulu bahawa tanggungjawab GLC ini memang berbagai-bagai, termasuk

tanggungjawab untuk mendapatkan untung. Yang keduanya, tanggungjawab sosial mereka dan bermacam-macam program sosial yang dibuat termasuk program Islam Hadhari yang mereka memberi sumbangan. Selain daripada itu, mereka juga mewujudkan vendor-vendor, *vendor development*. Masing-masing ada programnya seperti Proton, Telekom, TNB mereka mempunyai program masing-masing, Ini juga adalah dalam usaha mereka untuk membantu kerajaan meningkatkan lagi pegangan ekuiti bumiputera di dalam negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Lee Sing Chooi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. GLC yang menghadapi kerugian itu, adakah pengauditan dibuat untuk mencari kecuaiian atau *severity* orang yang salah itu diambil tindakan supaya siapa yang bertanggungjawab itu mesti berhati-hati untuk menjaga semua GLC ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bahawa ada banyak syarikat MKD dan GLC, ada beza sedikit. MKD adalah syarikat-syarikat yang dipegang oleh kerajaan termasuk satu *golden share* dan GLC adalah syarikat-syarikat yang telah disenaraikan dan memang kerajaan mempunyai kuasa untuk memutuskan. Memang terdapat pelbagai cara.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat prestasi syarikat-syarikat MKD dan GLC ini, didapati syarikat yang saya sebut tadi, yang rugi Proton dan MAS, selain daripada itu MAB juga dalam perhatian sebenarnya iaitu syarikat yang mengendalikan *airport*, TIME dotCom dan juga Bank Islam, walau pun masih belum kritikal lagi tetapi telah pun diberi tumpuan dan perhatian oleh pihak kerajaan supaya melihat pentadbirannya dan memastikan syarikat ini masih boleh di '*turn round*', dengan izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah pendatang tanpa izin yang masih berada di negara kita ini dan apakah tindakan susulan kerajaan bagi memastikan negara kita ini bebas dari pendatang haram.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk menganggarkan dengan tepat jumlah pendatang tanpa izin iaitu PATI di negara ini. Walau bagaimanapun, statistik tentang PATI yang terkini hanya dapat diambil berdasarkan kepada jumlah PATI yang ditahan di depot tahanan Imigresen di seluruh negara.

Mengikut statistik yang diperolehi dari Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 21 Disember 2005 terdapat seramai 3,458 PATI yang ditahan di seluruh negara, manakala berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen Malaysia, seramai 24,562 PATI telah dihantar pulang ke negara asal bagi tahun 2005 sehingga bulan Oktober.

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah PATI di negara ini adalah seperti berikut:

- (i) Operasi berterusan. Agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, RELA dan lain-lain agensi yang berkaitan bekerjasama menjalankan 'Ops Tegas' untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI dari negara ini. Yang terkini, Jabatan Polis Diraja Malaysia telah melancarkan 'Ops Mamba' dalam bulan November 2005 untuk menangkap PATI di seluruh negara;
- (ii) mendakwa majikan;
- (iii) mengambil cap jari mereka melalui sistem biometrik supaya dapat mengesan identiti mereka; dan
- (iv) menambahkan pegawai penguat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid, saya beri peluang. Minta maaf, selepas Tuan Wilson Sagamani a/l Devasagayam.

**Tuan Wilson Sagamani a/l Devasagayam:** Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, berapa lamakah tempoh yang diambil bagi menghantar pulang tahanan PATI ke negara asal dan siapakah yang bertanggungjawab terhadap kos penghantaran balik?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, selepas penangkapan PATI iaitu pekerja asing tanpa izin, mereka akan disiasat dan selepas siasatan, mereka akan dihantar balik ke negara asal dan kosnya adalah ditanggung oleh kerajaan kita.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi, soalan tak terkeluar [*Ketawa*]. Soalan tambahan saya apakah usaha pihak kementerian mencari 50 ribu pendatang tanpa izin dari negeri China di mana-mana setengah-tengahnya berkahwin dengan rakyat tempatan, melahirkan anak dan dapat kerakyatan dan akan menikmati segala kemudahan dengan senang. Apakah pihak Jabatan Pendaftaran Negara akan terus mendaftar anak-anak yang seumpamanya dan diberi kerakyatan atau apakah akan ada peraturan baru selepas ini. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, perangkaan 50 ribu orang warga China yang masih di negara kita, pada saya sudah beberapa kali telah dijelaskan oleh kementerian ini bahawa perangkaan ini tidak sah. Ini adalah satu anggaran sahaja dan Jabatan Imigresen Malaysia sedang menyiasat dan membuat analisis supaya mendapat angka sebenarnya, berapa orang warga China yang masih ada di negara kita.

Soalan yang kedua, perempuan yang datang dari negara China dan berkahwin dengan orang tempatan. Mereka dibenarkan ya, selepas pendaftaran perkahwinan untuk tinggal di Malaysia selama satu tahun. Setiap tahun mereka kena memohon visa supaya mereka boleh terus tinggal di Malaysia.

Soal mengenai status PR. Inilah satu perkara yang kita hendak meneliti secara berhati-hati, kerana kalau kita memberikan status kewarganegaraan atau PR, ini bermakna kita tidak

jaga kepentingan penduduk-penduduk negara kita. Jadi, cara permohonan untuk status PR, penduduk tetap atau kewarganegaraan Malaysia, kerajaan sentiasa meneliti dan memastikan kepentingan kita tidak terjejas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Jawapan yang baik. Puan Nor Hayati, silakan.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya lebih kurang dengan soalan Datuk Rizuan sebenarnya tadi iaitu adakah kerajaan kepada mereka-mereka pendatang tanpa izin ini yang berkahwin sesama mereka dan status anaknya satu, yang satu lagi ialah mengenai wanita tadi dia berkahwin dengan lelaki warga Malaysia saya rasa lebih mudah. Tetapi, kalau wanita Malaysia berkahwin dengan warganegara luar apa statusnya. Saya difahamkan memang susah untuk kita dapat maknanya lelaki ini dapat visa dia kena balik tiga bulan, sedangkan dia sudah ada anak di sini, hendak kena balik setiap tiga bulan, patah balik...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** datang sini, minta penerangan daripada kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang perlu di jawab yang terakhir itu saja. Layanan yang tak..

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Adil

**Tuan Yang di-Pertua:**....saksama di antara lelaki dan wanita.

**Datuk Tan Chai Ho:** Memang betul Tuan Yang di-Pertua, ini satu amalan satu praktis di *Commonwealth Countries* dengan izin, di mana perempuan Malaysia yang berkahwin dengan warga asing, suaminya dibenarkan tinggal di Malaysia, tapi mereka boleh mohon, tadi saya sebut mohon ya, status PR, tapi, kerajaan kena berhati-hatilah untuk menimbangakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

6. **Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang** minta **Menteri Pelajaran** menyatakan berapakah jumlah sekolah-sekolah bestari yang telah dibina. Apakah sekolah-sekolah bestari ini benar-benar menunjukkan prestasi yang membanggakan dalam Peperiksaan-peperiksaan Awam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam program pembestarian sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan projek perintis bestari di 87 buah sekolah iaitu 81 buah sekolah sedia ada dan enam buah sekolah baru dibina.

Daripada 87 buah sekolah tersebut sebanyak 35 buah sekolah adalah sekolah luar bandar dan selebih itu iaitu 52 buah sekolah adalah di bandar. Setakat ini Kementerian Pelajaran belum ada menjalankan sembarang analisis tentang prestasi sekolah bestari berdasarkan keputusan peperiksaan awam. Walau bagaimana pun keberkesanan pelaksanaan sekolah bestari dapat dilihat dalam dua kajian yang telah dijalankan iaitu :

- a) penyelidikan, penilaian, penyelesaian bersepadu sekolah bestari dan;
- b) penanda arasan penyelesaian bersepadu sekolah bestari.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad. Datuk Yaakob masih berpeluang untuk mengemukakan pertanyaan tambahan.

**Datuk Dr. Haji Fuad bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimanakah kementerian menilai prestasi sekolah-sekolah bestari ini, selain daripada keputusan peperiksaan. Maksud saya, adakah kayu ukur lain yang digunakan. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kajian kami yang telah dijalankan iaitu dua kajian. Kajian yang pertama menunjukkan bahawa tiada masalah besar yang dihadapi oleh kementerian dan sekolah yang melaksanakan projek perantis. Satu, iaitu dari segi peralatan, kemudahan ke infrastruktur ICT yang telah disediakan dari segi peralatan seperti komputer, *note book*, *LCD projector* dan rangkaian komputer LAN, *Local Area Network* dan WAN atau *Wide Area Network* dapat membantu dalam aspek pembelajaran dan pengajaran atau pun kita panggil PNP kepada guru dan murid.

Di samping itu pengajaran juga dilakukan melalui perisian kursus dalam mata pelajaran bahasa Melayu, Inggeris, Matematik dan Sains. Kami dapati bahawa pengajaran dengan cara ini daya menarik minat pelajar lebih berbanding dengan menggunakan cara tradisional. Kajian yang kedua, merupakan satu kajian perbandingan amalan pendidikan terbaik atau pun *practices* melalui pendidikan berbentuk IC. Di Malaysia berbanding dengan negara-negara seperti Australia, Britain, Canada, Irland, Jepun, New Zealand, Singapura dan Amerika Syarikat dan antara pendapat kajian ini ialah, kajian ini menunjukkan Malaysia telah berjaya mengetengahkan satu model bagi pendidikan berbentuk IC yang ulung untuk negara membangun.

7. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Perdana Menteri menyatakan adakah judi bertentangan dengan ajaran semua agama di Malaysia dan adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskannya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, berjudi adalah satu perbuatan yang tidak bermoral mendatangkan keburukan dan merupakan satu bentuk penindasan. Oleh itu agama Islam melarang keras umatnya daripada berjudi dan ia dianggap dosa besar yang perlu dijauhi.

Perkara ini jelas dalam firman Allah dalam surah Al-Maidah ayat 90 yang mafhumnya secara ringkas ialah menegaskan perjudian adalah perbuatan keji dan kotor serta merupakan perbuatan syaitan [*menyebut dalam bahasa Arab*]. Saya turut difahamkan agama-agama lain seperti Kristian, Buddha dan juga Hindu serta agama-agama lain juga melarang pengikutnya

daripada terlibat dengan perjudian. Kerajaan tidak pernah menggalakkan aktiviti perjudian dalam negara ini, sebaliknya aktiviti-aktiviti itu sentiasa di kawal mengikut peruntukan-peruntukan tertentu bagi mengelakkannya dari berleluasa dalam masyarakat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Wan Ubaidah.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemudian Puan Siti Zailahlah, banyak kali lepas ni tak nampak saya.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Pertanyaan tambahan saya ialah memandangkan judi itu adalah merupakan dosa besar bagi umat Islam, apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan umat-umat Islam, penganut-penganut agama Islam tidak melanggar premis-premis judi terutamanya di pusat-pusat TOTO dan 4D.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Sebagaimana jawapan saya tadi iaitu kerajaan sentiasa mengawal mengikut peruntukan-peruntukan tertentu. Kerajaan telah menyediakan beberapa peruntukan di antaranya:

- (i) Akta Pertaruhan 1953; dan
- (ii) Akta Kesalahan-kesalahan Kecil 1955.

Dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 dalam seksyen 18 telah menyebut dengan jelas bahawa mereka yang terlibat ini boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau boleh dipenjarakan tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Dalam akta-akta yang lain juga telah menyebut di antaranya yang saya boleh sebut dalam kesempatan ini iaitu denda tidak melebihi daripada RM250 atau boleh dipenjarakan tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali. Peruntukan-peruntukan itu ada dengan jelas. Selain daripada itu dasar kita ialah untuk mendidik. Saya rasa dalam dasar yang telah dijalankan oleh kerajaan melalui Majlis-majlis Agama, Jabatan-jabatan Agama saya rasa memang kalau di surau-surau atau masjid-masjid dalam kesempatan-kesempatan tertentu ada diterangkan dengan jelas supaya orang Islam menjauhi perbuatan yang keji dan mungkar ini.

Saya rasa dalam kempen-kempen yang lain pun saya pun tidak sempat hendak dengar nyanyian-nyanyian. Saya dengar juga Dato' M. Daud Kilau berjudi pun ada tajuknya supaya kita jauhi, jadi kempen itu memang ada. Saya rasa Datuk Jins Shamsudin boleh sokong saya dalam perkara ini. Sekian.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat dari segi akta yang ada jelas ada peruntukan. Tetapi sejauh manakah penguatkuasaan kerana kita dapati ada Ahli Lembaga Pengarah syarikat judi terdiri daripada orang Islam dan sehingga kini judi yang ada di negara kita sudah melebihi RM1,833 buah lesen judi. Setakat ini apakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan tempat judi ini sebab ini bercanggah dengan Islam sebagaimana yang diuar-uarkan oleh kerajaan Malaysia. Terima kasih.



**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Kerajaan mengambil pendekatan untuk menasihati. Itu suatu pendekatan yang umum. Sekiranya membawa kepada berleluasa dan sebagainya itu akan difikirkan semula pendekatan tersebut. Tapi pendekatan nasihat iaitu kempen supaya orang ramai menjauhi perbuatan ini, itu adalah merupakan pada umumnya pendekatan dan bersesuaian dengan apa yang dikehendaki oleh Islam iaitu supaya kita menggesa orang ramai. Sebenarnya dalam keadaan tertentu ada kuasa-kuasa yang ada pada kita sendiri iaitu misalnya keluarga. Kita boleh mendidik keluarga menghalang keluarga kita daripada terjebak dengan benda-benda yang mungkar ini.

Saya rasa kalau untuk mengelak kemungkaran itu ada beberapa tahap atau marhalahnya iaitu siapa yang melihat kemungkaran dia ubah dengan tangan. Kemudian kalau tidak ada dengan lidah, kalau tidak ada lagi dengan hati. Tapi saya rasa dalam kemampuan institusi keluarga untuk mengawal keluarganya itu saya rasa saya yakin dan percaya boleh mengawal. Institusi keluarga perlu berperanan dengan baik dalam masyarakat kini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Bermakna Yang Berhormat, agama ada hukum. Kerajaan selaku pemerintah ada undang-undang. Tapi tidak serupa dengan ada sesetengah pihak. Kerajaan tidak keliru terhadap peranannya dalam soal *personal morality*. Terima kasih. Masing-masing buat dosa, masing-masing-masing tanggung. Terima kasih. Tidak patutlah orang lain buat dosa saya tanggung. Puan Mariah binti Haji Abdullah.

Saya minta maaf kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan yang sudi hadir. Kerana sekali lagi dia atas kehadiran seorang Yang Berhormat Menteri penuh kabinet saya menggunakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 89 untuk meminta untuk seseorang Ahli bangun untuk bertanya. Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kebijaksanaan yang arif Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan tersebut dan soalan bagi pihak saya ialah soalan nombor lapan. Terima kasih.

8. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Menteri Pelancongan menyatakan jumlah pelancong asing yang memilih Malaysia sebagai lokasi perkahwinan pada tahun ini berbanding tahun lalu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara tidak mensiasikan masa seorang Yang Berhormat Menteri kabinet.

**Menteri Pelancongan [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya menjawab soalan ini. Sebenarnya Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kebudayaan yang kaya dan unik dan mempunyai rakyat yang berbilang kaum, adat resam dan sebagainya. Adat Melayu, Cina, India, suku kaum etnik Sabah dan Sarawak.

Melalui agensi Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan telah mempromosikan pelbagai kebudayaan ini dengan menonjolkan Malaysia sebagai sebuah negara yang menarik untuk diadakan majlis perkahwinan. Tempat-tempat yang kita pada masa kini promosikan ialah seperti Pulau Langkawi, Pulau Pinang dan juga Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun kementerian tidak dapat rekod yang tepat mengenai pelancong yang datang bertujuan untuk melangsungkan majlis perkahwinan kerana ini diuruskan oleh pihak-pihak swasta dan seterusnya mengatur sendiri majlis perkahwinan tanpa mendaftar dengan Kementerian Pelancongan. Walau bagaimanapun, kita terus juga melancarkan program-program menggalakkan majlis perkahwinan mengikut adat resam pelbagai kaum di Malaysia ini dan juga satu program yang berterusan juga kita jalankan ialah melancong semasa berbulan madu di Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. Chin Fook Weng. Minta maaf Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi Yang Berhormat telah diberi peluang. Tuan M. Munusamy.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian ini bercadang untuk mempromosi majlis perkahwinan besar-besaran *mass marriage festival* yang nampaknya menjadi trend pada masa sekarang. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** kementerian ini tidak menganjurkan program ini. Tetapi pihak-pihak swasta menganjurkan program *mass wedding* ini dan juga kita menggalakkan mereka berbulan madu bersama *mass honeymoon* yang satu program yang baru kita mulakan pada tahun dahulu iaitu *Mass Honeymoon At The Kuala Lumpur Tower* lepas itu juga berkunjung ke Alor Setar Tower, bermalam di Alor Setar dan selepas itu balik ke Kuala Lumpur semula. *That why* dengan *tag line honeymoon in the sky*. Ini adalah satu-satunya program yang Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia menyokong secara promosi dan juga penganjurannya. Tetapi bukan menganjur sebagai satu agensi. Ini adalah satu *business* untuk swasta.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita semua tahu telah terjadi suatu perkara yang tidak diingini dalam satu majlis perkahwinan yang diadakan oleh pelancong-pelancong. Apakah pandangan dan tindakan kementerian terhadap kejadian yang berlaku di perairan Johor satu masa dahulu.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini kes ini boleh dikatakan kita tutup buku kerana ini adalah masalah tempatan di mana melibatkan orang-orang tempatan dengan pihak-pihak tertentu. *Actually*, ini adalah satu perkara *internal*. Walau bagaimanapun saya telah mengambil tindakan supaya perkara seperti ini dapat dielakkan dan memastikan supaya tiap-tiap majlis yang dianjurkan oleh mana-mana pihak agensi sentiasa mengambil kira keselamatan dan juga satu pengawalan supaya orang tidak sampai ke tahap kacau-bilau. Terima kasih.

9. **Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan-tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan di dalam memastikan guru-guru yang berkualiti dihantar ke sekolah-sekolah luar bandar. Apakah kerajaan akan menambah lagi insentif-insentif kepada guru-guru agar mereka berminat bertugas di luar bandar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia tidak menafikan kawasan luar bandar dan pedalaman menghadapi kekurangan guru khususnya guru terlatih. Sehubungan itu bagi mengatasi masalah tersebut, kementerian telah melaksanakan dan merancang beberapa pendekatan, antaranya:

- (i) mengeluarkan surat siaran bertarikh 29 Januari 2005. Antara lain kandungan surat tersebut menyatakan penempatan Guru Siswazah Sandaran Terlatih (GSST), keluaran ijazah sarjana muda dengan pendidikan dari pelbagai universiti serta keluaran yang lain termasuk bekas guru yang menyambung pengajian hendaklah ditempatkan mengikut keperluan perkhidmatan dan seterusnya keperluan opsyen. Jika di luar bandar keperluan perkhidmatan amat tinggi, maka penempatan hendaklah mengikut keperluan tersebut sebagai keutamaan.
- (ii) dari segi pemilihan dan pengambilan guru untuk mengikuti Program Pendidikan Guru Pra-Perkhidmatan, kementerian mengamalkan dasar pengambilan guru dengan mengutamakan calon tempatan yang memenuhi syarat kelayakan minimum. Insentif yang sedia ada pada guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman termasuk :
  - a) bayaran Insentif Pedalaman (BIP) sebanyak 10 peratus daripada gaji bulanan.
  - b) guru-guru juga layak dibayar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) sekiranya menduduki rumah yang disediakan oleh kerajaan tetapi tidak dianggap sebagai kuarters kerajaan kerana tidak memenuhi kriteria rumah kerajaan yang ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri atau rumah substandard.
  - c) lain-lain kemudahan seperti pembinaan kuarters institusi pendidikan, skim pinjaman kereta, skim pinjaman komputer, kemudahan perkhidmatan bot dan sampan dan kemudahan perubatan pegawai awam.
  - d) memberi pengiktirafan dan penghargaan di atas jasa guru-guru yang berkhidmat di luar bandar seperti ketika sambutan Hari Guru dan ketika perayaan-perayaan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian telah merancang untuk memperbanyak pembinaan rumah guru terutama di luar bandar. Tambahan pula Kementerian Pelajaran sedang mempertimbangkan cadangan pemberian insurans keselamatan serta yuran tajaan pengajian ke pusat pengajian tinggi dan elaun COLA kepada semua kakitangan awam antara RM50 hingga RM150 berdasarkan lokasi perkhidmatan akan dilaksanakan mulai Januari 2006. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Wan Ramlah.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat sudah diberi peluang pertanyaan tambahan, kali ini saya tak bagi peluang, saya buat tak nampak. Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad.

10. **Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan sektor pertanian terus berkembang di kawasan luar bandar yang secara tidak langsung dapat membantu golongan miskin di kawasan luar bandar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan jangka panjang bagi memastikan sektor pertanian terus berkembang di kawasan luar bandar ialah mentransformasikan sektor pengeluaran agro makanan dan bukan makanan seperti ikan hiasan dan bunga-bunga menjadi satu aktiviti ekonomi yang berproduktiviti tinggi, kos efektif dan dapat menjanakan nilai tambah yang tinggi melalui pemprosesan hiliran dan industri asas tani. Perancangan ke arah merealisasikan transformasi ini akan ditumpukan kepada kegiatan agro makanan dan bukan makanan yang mempunyai potensi yang baik seperti :

- (i) menambahkan pengeluaran perikanan, tanaman dan ternakan seperti zon industri akuakultur, program penambahan daging negara dan taman kekal pengeluaran makanan;
- (ii) memajukan sumber pertumbuhan baru seperti industri asas tani, pengeluaran halal dan agro bioteknologi;
- (iii) memajukan pengeluaran bukan makanan terdiri daripada ikan hiasan dan bunga-bunga;

Di antara langkah-langkah jangka panjang adalah:

- (i) menjalankan secara berterusan pengembangan kepada petani mengenai amalan pertanian baik;
- (ii) menjalankan kursus-kursus dan latihan berbentuk amali supaya petani-petani mendapat kemahiran yang diperlukan;
- (iii) memperkukuhkan peranan pertubuhan peladang kawasan;

- (iv) memupuk semangat keusahawanan dan menjalankan pertanian sebagai satu *business*.
- (v) menggiatkan penyelidikan dan pengeluaran benih baka yang baik; dan
- (vi) melaksanakan pembangunan tanaman, ternakan berasaskan konsep zon pengeluaran.

Galakan juga diberikan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, pertanyaan ini pertanyaan umum. Dianya telah timbul sebagai pertanyaan dengan pelbagai rupa dalam masa Dewan bersidang selama ini dan dia tidaklah perlu dijawab dengan memberi jawapan yang serupa dengan pelbagai rupa juga.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ok, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, Yang Berhormat boleh jemput pertanyaan tambahan sekarang.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Chua Kim Chuan kemudian Tuan Chiam Yong Tee.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya tidak tahu sama ada terkeluar atau tidaklah tetapi saya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanya dululah.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, adakah kerajaan sedar bahawa kilang-kilang padi dan BERNAS berpakat untuk potongan 17 kilogram atas padi yang dijual oleh petani-petani di negeri Kedah dan Perlis. Ini amatlah tinggi dan mereka menyatakan bahawa....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Diminta oleh kerajaan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat sedar?

**Tuan Chua Kim Chuan:** Ada sedikit lagi, minta sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Bahawa diminta oleh kerajaan kerana hendak mengurangkan subsidi yang diberikan kepada petani, adakah benar atau tidak dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah-masalah potongan ini yang terlalu tinggi bagi membantu golongan petani yang miskin ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan begitu spesifik terdapat kemungkinan Yang Berhormat Menteri tidak mempunyai bahan untuk memberi jawapan dengan baik, maka saya serahkan kepada Yang Berhormat hendak menjawab atau tidak.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Secara *general*, Tuan Yang di-Pertua bahawa memang ada terdapat kadar potongannya berbeza daripada negeri ke negeri terpulang kepada kualiti mutu keringnya padi itu. Jadi, itu saya hendak memperbetulkan memang ada. Tetapi dari segi mengatakan mengurangkan subsidi itu saya rasa tidak ada dan BERNAS

peranannya menguruskan subsidi. Subsidi ini Kementerian Pertanian, jadi dia tidak berhak mengurangkan subsidi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun benarkan pertanyaan ini walaupun saya sedar dianya terkeluar daripada pertanyaan asal sebab sedikit sebanyak dia boleh menjejaskan pendapatan petani di luar bandar, maka secara tidak langsung ada sedikit banyak kaitan dengan nasib petani saya benarkanlah. Tuan Chiam Yong Tee.

**Tuan Chiam Yong Tee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalah utama yang dihadapi oleh golongan miskin di luar bandar untuk mencari rezeki dalam bidang pertanian ialah kekurangan tanah untuk bercucuk tanam. Jadi, walaupun tanah adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri, tetapi kementerian juga ada kuasa ataupun pengaruh. Jadi apakah tindakan yang kementerian atau kerajaan dapat buat untuk membantu golongan yang miskin di luar bandar ini memperoleh tanah untuk tujuan mencari rezeki dalam bidang pertanian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pandai Yang Berhormat alas pertanyaan dia itu supaya jadi relevan balik.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan memang betul setiap kali saya menjawab di dalam Dewan yang mulia ini sama jugalah jawapannya iaitu masalah tanah ini di bawah bidang kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, kementerian ada juga beberapa perancangan dan kita tidak putus asa dari segi sentiasa mengadakan perbincangan. Jadi, kita menggunakan apa saja forum untuk memastikan bahawa masalah tanah ini dapat ditangani bersama. Tetapi satu daripada program khas di bawah Kementerian Pertanian dinamakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Di mana di sini kita bekerjasama rapat dengan pihak negeri, untuk negeri mengenal pasti kepada kementerian tanah-tanah yang boleh kita bangunkan sebagai tanah untuk kita agihkan pula kepada petani-petani untuk mengusahakan dalam bidang pertanian.

Kedua, yang terbaru yang akan kita laksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu kita kementerian akan membeli tanah dan kita wujudkan *Land Bank* dengan izin, untuk membantu menangani masalah yang sentiasa dibangkitkan iaitu masalah tanah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Inilah inovasi yang nak didengar, langkah mewujudkan *Land Bank* oleh kementerian. Terima kasih. Puan Siti Zailah.

**11. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh manakah kejayaan hubungan dagangan di antara Malaysia dan negara-negara Islam dan berapakah jumlah eksport ke negara-negara tersebut sejak tahun 2003.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak tahu soalan Yang Berhormat hendak timbul, kalau tidak saya tidak beri peluang tadi. Saya sudah tersilap. Puan Siti Zailah.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Mah Siew Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2004, jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara OIC telah meningkat kepada RM61.6 ribu juta berbanding dengan RM46 ribu juta pada tahun 2003 atau peningkatan sebanyak 33.6 peratus. Pada tahun yang sama, eksport Malaysia ke negara-negara OIC berjumlah RM35 ribu juta manakala import adalah RM26 ribu juta. Dari Januari hingga September 2005, jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara OIC telah mencapai RM51 ribu juta berbanding dengan RM44 ribu juta bagi tempoh yang sama tahun 2004 atau peningkatan sebanyak 15 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mengambil beberapa langkah untuk mengeratkan lagi hubungan perdagangan dengan negara-negara OIC, antaranya:

- (i) Malaysia telah menandatangani dan menyelesaikan rangka kerja perjanjian sistem keutamaan perdagangan di kalangan negara-negara OIC bertujuan meningkatkan perdagangan melalui konsesi tarif dan penghapusan halangan bukan tarif;
- (ii) bagi melaksanakan rangka kerja perjanjian sistem keutamaan perdagangan negara-negara OIC yang terlibat termasuk Malaysia telah memuktamadkan rundingan protokol ke atas Skim Keutamaan Tarif; dan
- (iii) Malaysia juga sedang terlibat dalam rundingan untuk memuktamadkan perjanjian keutamaan perdagangan *developing* yang merupakan satu kerjasama pembangunan perdagangan dan ekonomi dan Malaysia telah memulakan rundingan perjanjian perdagangan bebas dengan Pakistan dan program OIM awal atau *Early Hours Programme* akan dilaksanakan melalui 1 Januari 2006. Dalam program ini Pakistan akan menawarkan pengurangan tarif ke atas 125 produk yang diimport dari Malaysia dan Malaysia pula akan menawarkan pengurangan tarif ke atas 114 produk yang diimport dari Pakistan.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Jika kita lihat Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini, kita akan membentangkan usul untuk supaya Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai urusan. Maka saya membuat keputusan masa pertanyaan sudah tamat. Masa cukup.

***[Masa Untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin ]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG TARA 2005****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[21 Disember 2005]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Dato' Dr. Chin Fook Weng saya minta jasa baik Yang Berhormat agar tidak terlalu panjang kerana kita masih ada urusan Rang Undang-undang untuk ditimbangan.



**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sedar bahawa kita masih ada empat Rang Undang-undang yang hendak dibahaskan dan kita tidak mahu tinggal di sini sehingga 12.00 malam.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyebutkan tentang penglibatan mahkamah, sebenarnya dalam perkara arbitrase kita mahu mengelak daripada tindakan mahkamah. Jadi, ada Fasal 15 yang menyatakan tentang tatacara mencabar. Di sini apabila keputusan sesuatu tribunal itu dicabar bahawa 15 (2), maka tribunal timbang tara itu sendiri akan membuat keputusan mengenai cabaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, ini sudah bertentangan dengan artikel 9 hingga 12 dalam undang-undang UNCTRA yang kita guna pakai itu. Dalam undang-undang UNCTRA atau UNCTRA rules itu mereka memperuntukkan bahawa apabila ada cabaran, pengarah yang membuat keputusan dan tribunal yang membuat keputusan. Ini sudah berlainan dan juga bahawa kalau mereka tidak puas hati dengan keputusan di bawah 15 (3) itu boleh ke mahkamah untuk mendapat satu keputusan. Ini juga melibatkan mahkamah dan harus dielakkan. Di bawah Fasal 41, dan juga 42 berkenaan dengan penentuan perkara undang-undang permulaan oleh mahkamah. Ini juga satu lagi daripada contoh yang mana mereka boleh ke mahkamah untuk mendapat satu penentuan dan ini sudah lari daripada falsafah untuk timbang tara itu dan saya fikirkan tidak patut diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang agak sudah lari daripada falsafah asal dan ini akan memberi ruang kepada pihak-pihak tertentu supaya masuk tanpa kawalan, tanpa mungkin berfungsi dengan baiknya dan akan mungkin mendatangkan satu imej yang tidak baik kepada Malaysia sebagai satu negara yang menggalakkan timbang tara sebagai salah satu penyelesaian. Ini adalah berkenaan dengan Fasal 48 iaitu kekebalan institusi timbang tara iaitu *immunity of arbitral institution*. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia, hanya seorang sahaja yang diberi kekebalan ini iaitu Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur atau KLRCA.

Hanya beliau sahaja diberi kekebalan dan kekebalan itu ialah kekebalan diplomatik, hanya seorang sahaja. Tetapi apa yang dicadangkan di 48 ialah supaya ruang ini dibuka kepada selain daripada pengarah, mana-mana orang lain, mana-mana institusi lain yang dilantik, membantu atau menamakan seorang penimbang tara itu iaitu siapa yang membuat perakuan, institusi yang membuat perakuan iaitu melantik atau menamakan seorang penimbang tara itu dia juga diberi kekebalan. Ini sudah lari daripada falsafah, pada saya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat buat kesimpulan sekarang....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini tidak patut diadakan dan bagi Fasal 51 tentang pemansuhan dan kecualian. Tuan Yang di-Pertua, dua akta yang sekarang dipakai itu akan dimansuhkan dengan kelulusan akta baru ini iaitu Akta

Timbang Tara 1952 iaitu Akta 1993 dan juga Akta Konvensyen mengenai pengiktirafan penguatkuasaan 'award' timbang tara asing 1985 iaitu Akta 320.

Di dalam kedua-dua akta ini Tuan Yang di-Pertua, ada elemen-elemen yang penting dan ini di dalam *annex* kedua-dua akta ini. Dengan pemansuhan kedua-dua akta ini maka hilanglah *annex* itu. *Annex* itu bukan memperkukuhkan imej Malaysia sebagai satu tempat atau satu pusat untuk timbang tara ini. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, di bawah *annex* itu ada sebut Konvensyen New York yang kita ikuti, yang kita laksanakan di sini. Kalau ini dikeluarkan, adakah ini bermakna kita tidak pegang kepada konvensyen itu dan ini adalah satu perkara yang sangat bahaya bagi Malaysia kerana semua pihak yang terlibat dengan arbitrase itu tahu tentang konvensyen ini dan banyak negara telah ikut prosedur-prosedur dalam konvensyen ini.

Kalau Malaysia seolah-olah telah mengeluarkan ini, ini akan memberikan kita satu imej yang tidak baik dan mungkin pihak-pihak tidak akan mengguna Malaysia sebagai satu pusat perkara ini dan kita akan kehilangan banyak aspek.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat gulung sekarang.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Akhir sekali ada satu lagi perkara iaitu tentang satu lagi aspek. Sekarang ada satu interpretasi tentang *international center for settlement of investment and dispute*. Pada 2 hari bulan Jun 2005, satu persidangan *International Federation Of Commercial Arbitral Institution* (IFCAI) telah menambah perkataan pelaburan dengan perkataan *commercial* supaya dua aspek ini sekarang boleh dibawa ke keputusan satu badan arbitrase itu iaitu dahulu komersial sahaja sekarang sudah tambah pelaburan. Memandang demikian, Malaysia sudah menandatangani satu protokol yang di panggil ASEAN Protokol iaitu perjanjian antara kerajaan-kerajaan Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipines, Republik Singapore, Kingdom of Thailand dan Vietnam. Ini telah ditandatangani pada tahun 1996 pada 12 hari bulan September dan ini melibatkan pertengkaran hal pelaburan dan komersial di bawah KLRCA. Kalau ini juga tidak disebutkan dalam *annex* atau dalam rang undang-undang ini, maka kita kehilangan satu aspek yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan begitu banyak hal yang telah ditinggalkan atau tidak sesuai dan sebagainya, saya merayu jasa baik menteri supaya mengkaji aspek-aspek ini dan terpulanglah kepada kementerian mungkin tarik balik rang undang-undang ini untuk mengkaji dengan lebih mendalam supaya kita faham tentang falsafah permulaannya untuk mengadakan KLRCA. Kemudian kalau kita mahu menjadikan tempat kita sebagai satu tempat yang selalu akan diguna oleh pihak-pihak yang ada pertikaian itu, maka kita mesti menguatkan. Kalau ada apa kelemahan kita harus melihat, kita jangan bagi satu isyarat atau signal yang boleh disalah faham oleh pihak-pihak tertentu seolah-olah kita membuka ruang kepada mana-mana pihak untuk menyertai ini dan kita akan kerugian banyak pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan itu, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon maaf kepada Yang Berhormat kerana bukanlah kita tergesa-gesa dan ingin balik sebelum pukul 12 malam. Motif dan tujuan saya adalah semata-mata kerana di depan kita ada lagi masalah Rang Undang-Undang Kewangan 2005, tambah satu akta masalah Rang Undang-Undang untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem, Akta Petroleum dan lain-lain. Kita ada masalah Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan dan kita ada masalah Rang Undang-Undang Keluarga Islam yang hendak ditimbang.

Saya rasa ralat kalau kita timbang, masalah timbang tara yang begitu panjang lebar dan mendalam tetapi sambil lewa dan acuh tidak acuh timbang soal Rang Undang-Undang Keluarga Islam dan sebagainya. Sebab itulah kerana masa yang terhad dan dengan hasrat hendak membahagikan masa supaya isu-isu dan masalah-masalah diberi ruang untuk perbincangan berlaku dengan sempurnanya, maka saya terpaksa hadkan perbincangan untuk masalah Rang Undang-Undang Timbang Tara ini. Jadi, sekali lagi bukan tidak mahu balik lewat tetapi hendak beri secara serius timbang baik terhadap perkara-perkara lain juga. Sila, jemput Yang Berhormat Menteri.

**11.28 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam rang undang-undang ini ada tiga orang yang membahaskan iaitu Yang Berhormat Datuk M. Ratnam, Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Saya ingin beri sedikit keterangan lanjut berkaitan dengan timbang tara. Saya nampak kebanyakan isu-isu yang terlibat dalam perkara timbang tara ini ada sedikit keluar daripada apa yang ada dalam rang undang-undang ini. Saya ingin bermula dengan memberi maklumat tentang timbang tara ini. Timbang tara ini apabila Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng kata perkataan yang digunakan lebih baik apabila kita gunakan perkataan arbitrase. Sebenarnya betul apa Yang Berhormat kata berkaitan dengan *mediation*. '*Mediation*' yang digunakan dalam Bahasa Melayu adalah mediasi.

Untuk *arbitration* kita dapati kita gunakan perkataan yang diberikan daripada Dewan Bahasa Dan Pustaka. Saya suka dan setuju dengan Yang Berhormat kerana di Dewan Rakyat pun saya ada masalah yang sama, mereka ini sedikit keliru berkaitan dengan perkataan timbang tara. Ada satu Yang Berhormat jumpa saya, dia kata timbang tara ini berkaitan dengan Barisan Nasional. Timbang tara itu *weighting machine* tetapi inilah kekeliruan yang begitu teruk sekali oleh sebab itu saya mungkin boleh ambil pandangan daripada Yang Berhormat untuk harap kita punya *interrupting* ini kita boleh menukar nama itu daripada timbang tara itu ke arbitrase.

Arbitrase dan mediasi, untuk melicinkan proses ini saya ingin gunakan perkataan arbitrase dan mediasi. Kedua-dua ini adalah satu alternatif *dispute resolution* ataupun lebih dikenali

sebagai ADR - *alternative dispute resolution*. Maksud ini kerana kita ada perkara-perkara dan kes-kes di luar dan daripada pendakwa raya ini di bawah mahkamah biasa. Pendakwa raya itu kes-kes berkaitan dengan jenayah dan kes-kes sivil adalah daripada pihak awam dan juga daripada pihak kerajaan yang kita bawa kes ke mahkamah.

Apabila kita bawa kes-kes ke mahkamah, ambil masa yang panjang sangat. Kita perlu ikut sistem yang sedia ada. Kita perlu ikut buku-buku yang sedia ada. *High Court Rules* seumpamanya. *Lower Court Rules*. *Lower Court Act*, dengan izin. *Judicature Act*, macam-macam akta kita ada. Dan juga prosedur-prosedur, surat-surat pekeliling (*circulars*) yang dikeluarkan oleh mahkamah itu sendiri. Oleh sebab itu, kita ada *Alternative Dispute Resolution* (ADR). Maka kita dapati ...

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat boleh teruskan, Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maka kita dapati ada pihak-pihak, pihak-pihak yang kebanyakan dari sektor korporat, dari sektor komersil, mereka ini buat perdagangan, macam-macam business. Apabila mereka buat business, daripada antarabangsa, daripada luar negeri di Malaysia ini, mereka dapati mereka ada masalah apabila ada satu kes berkaitan dengan kontrak mereka, mereka perlu pergi ke mahkamah. Dan mahkamah ambil masa yang panjang. Niat mereka itu adalah duit. Mereka nak buat *business*, cari duit dan besarkan *business* mereka.

Oleh sebab itu, kita dapati timbang tara atau arbitrase ini jadi satu perkara yang baik dalam *Alternative Dispute Resolution* (ADR). Sekarang ini juga kita dapati, mediasi juga dah masuk dalam negara kita walaupun negara lain macam Amerika, Australia, Singapura, Hong Kong, dengan negara-negara lain sudah mengguna pakai mediasi satu cara sebagai *Alternative Dispute Resolution*. Mengikut sejarah berkaitan dengan timbang tara ini, kita punya rang undang-undang ini adalah berkaitan dengan UNCITRAL. Saya juga menggunakan perkataan "UNCITRAL"lah. Saya salah tadi, semalam menggunakan perkataan "*Unicetral*". Saya ingat lebih baik *use* UNCITRAL. Saya nampak semua orang guna perkataan itu. So, kita ikut *UNCITRAL Model Law*. Untuk rang undang-undang ini, Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005. Dan mengikut sejarah, KLRCA yang kita katakan tadi, *Kuala Lumpur Regional Center For Arbitration*, dengan izin, adalah satu model daripada *Asian-African Legal Consultative Organization*, atau AALCO. Ia adalah dengan izin, satu *intergovernmental organization*. Kita yang bermula berkaitan dengan arbitrase, tetapi *it has been left behind*, dengan izin. Kita dapati Singapura, selepas kita dapati kebenaran dan kuasa untuk menubuhkan KLRCA di antara singapura dengan kita pada masa itu, mereka daripada antarabangsa memilih Kuala Lumpur sebagai satu *center*. Dengan itu, kita dapati Singapore tidak begitu puas hati.

Mereka mula satu SIAC, *Singapore International Arbitration Center*. Untuk melawan dengan kita punya KLRCA. Itulah sejarah dan didapati sekarang ini yang berbeza adalah sokongan untuk SIAC, jadi adalah lebih banyak daripada Kerajaan Singapura dan juga kalau saya tak salah, SIAC di Singapura itu hanyalah satu badan yang macam mempunyai autonomi. Tidak ada badan lain untuk mengendalikan arbitrase di Singapura.

Tetapi di Malaysia ini, bukan begitu. Kita di sini ada sedikit kelonggaran di mana ada pihak-pihak yang lain juga buat arbitrase sendiri dan pada tahun ini kita dapati adalah juga aduan di mana lagi satu arbitrase *centre* telah wujud, di mana kita ada kekeliruan. Untuk bagi autonomi bagi KLRCA, itu kita perlu fikir dengan cara baik bolehkah kita bagi autonomi penuh kerana arbitrase adalah satu perkara di mana mereka ada pilihan. Nak pergi mahkamah atau nak pergi *arbitration* atau sekarang ini ada juga mediasi dan lagi satu *arbitrator*, dengan izin. *Arbitrator-arbitrator* ini kita boleh pilih. Kita sendiri boleh *choose* siapa kita hendak.

Dan sambung dengan itu, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, dia kata kita boleh bawa isu ini ke mahkamah. Saya ingat lima belas ya. Sembilan, yang di mana Dr. Chin kata itu, dia bukan berkaitan dengan kes, dia berkaitan dengan pemilihan *arbitrator*. Kalau tak setuju dengan pemilihan *arbitrator*, *you* boleh pergi ke mahkamah atau boleh *dichallenge*. Itu sahaja yang saya nak beritahulah berkaitan dengan *Alternative Dispute Resolution*. So, masalah di sini apabila saya nampak hujah-hujah dari Ahli-ahli Yang Berhormat, terkeluar daripada *original intention* untuk kita nak adakan satu akta untuk *arbitration*. Itulah saya nak beritahu di sini.

Selain daripada itu, ada dua, tiga perkara saya nak beritahu di sini, perkara berkaitan dengan Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur. Ini, dia sekarang ini menjalankan sebagai pentadbiran. Dan timbang tara di sini, *arbitration centre* ini kita gunakan *rules of KLRCA*, semua dalam perkara-perkara arbitrase kita gunakan *rules of KLRCA*, yang adalah *UNCITRAL arbitration rules*. So, sama daripada *UNCITRAL Rules*, dia ada dia punya origin di sana. Dan di pusat timbang tara, arbitrase yang kita ada, terdapat arbitrase *centre*lah yang kita ada sekarang. Terdapat 140 ahli timbang tara Malaysia. Dan kesemuanya perlu menjalani latihan sebelum diiktirafkan sebagai penimbang tara. Dia bukan kita pilih dari mana-mana pihak.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita guna *UNCITRAL Rules* seperti yang disebutkan. Tadi saya bangkitkan *UNCITRAL Rules* memperuntukkan untuk cabaran tatacara di bawah Fasal 15(2) itu yang akan membuat keputusan di bawah *UNCITRAL Rules* ialah Pengarah. Tetapi apa yang diperuntukkan di 15(2), bukan Pengarah. Tapi tribunal sendiri yang membuat keputusan. Ini sudah lari daripada *UNCITRAL Rules*, Tuan Yang di-Pertua. Itu yang saya maksudkan, terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah untuk memberi ruang kepada penimbang tara untuk menarik diri dan menjadi penimbang tara dalam prosiding berkenaan tanpa perlu melibatkan mahkamah terlebih dahulu. Dan lagi satu kita dalam *UNCITRAL Rules* itu, Pengarah itu, kita gandingkan dengan tribunal sendiri, tidak ada masalah.

Pengarah ataupun tribunal itu sendiri tidak ada masalah. Walaupun kita ikut undang-undang *model law* itu, kita tidak ikut *by the word* dengan izin. Adalah satu, dua perkara kita *modified* sedikit untuk licinkan proses di mana kita ikut kita punya keadaan *worker*.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya? Apa bezanya kalau Pengarah membuat keputusan dan apa bezanya kalau tribunal membuat keputusan? Bukankah lebih senang kalau seorang membuat keputusan daripada tiga orang yang membuat keputusan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih, itu jawapan senang. Kalau seseorang itu buat keputusan mungkin boleh salah. Kalau tiga orang buat keputusan itu lebih adil. Itu jawapan bolehlah juga. Tetapi, apabila timbang tara ini, mereka ini di tribunal duduk. Kalau keputusan boleh diberi dengan seterusnya pada masa itu, itu boleh menjimatkan masa. Dan juga kita boleh teruskan dengan prosiding. Kalau tidak kita kena menanggunghkan prosiding lagi sekali. Kita kena bawa isu kepada Pengarah dan ambil masa lagi.

Saya dah kata ADR ini, *Alternative Dispute Resolution* mereka memilih untuk ADR ini kerana mereka tidak nak pergi mahkamah dan mereka juga menjimatkan masa dan wang apabila kita membazirkan masa, bermakna kita membazirkan duit juga.

So, kita dapati untuk meneruskan prosiding dengan lancar dan cepat, kita dapati bahawa keputusan yang dibuat oleh penimbang tara sendiri tiga orang itu lebih baik daripada seorang Pengarah. Dan juga jawapan bagaimana timbang tara dipromosikan, Kerajaan Malaysia telah menubuh Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur dengan perjanjian daripada AALCO, yang saya ada katakan tadi, *Asian-African Legal Consultative Organization*, dengan izin. Dan mengadakan banyak kursus dan ceramah untuk kita *mengcreatekan* lebih *awareness* dalam perkara ini, dengan izin. Lawatan dan ceramah juga dijalankan di luar negeri untuk *promote* timbang tara serta Malaysia sebagai negara yang mempunyai satu pusat timbang tara yang *neutral*. Lebih *neutral* daripada yang .....

Dan lagi sekali, isu timbang tara, perkataan "timbang tara dan arbitrase". Dua kali saya ingat Yang Berhormat Dato' Dr. Chin membangkitkan. Saya dah jawab tadi, tetapi hanya saya nak beritahu di sinilah. Di Indonesia mereka ini guna perkataan "arbitrase"lah. Mungkin kita boleh Indonesia juga. Itu kita ambil perhatianlah perkara itu. Dan berkaitan dengan,... ini keluar topik, tetapi saya perlu jawablah. Ini berkaitan dengan *appointment of Senators*, dengan izin. Selepas saya bincang di luar dan juga semak dengan apa yang berlaku di Dewan Negara sini, saya ingin beri tahu maklumat ini kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini untuk selesaikan kekeliruan yang ada berkaitan dengan perlantikan. Pemilihan Ahli-ahli Dewan Negara, kita ikut Jadual Ketujuh, Perkara 45, Perlembagaan.

Kalau kita Perlembagaan, inilah jawapan saya. Setiap kali berlaku kekosongan di kalangan Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh negeri, Yang di-Pertua Agong dalam memberikan notis kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri, bagi negeri itu bahawa seorang Ahli Dewan

Negara dikehendaki dipilih dan Raja atau Yang di-Pertua Negeri itu hendaklah menghendaki dewan undangan memilih seorang Ahli Dewan Negara dengan seberapa segera yang boleh.

Satu perkara yang kita dapati, tidak diikuti oleh negeri, satu, dua negeri yang tertentu, sebelum mereka dapat notis daripada Yang di-Pertuan Agong, mereka sendiri dah mulakan proses pemilihan. Itu salah. Itu tidak boleh, kita tidak boleh *recognise* - itu menyalahi Perlembagaan Persekutuan, satu. Yang kedua, 45(3)..

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sebelum yang kedua. Itu yang pertama dulu, kalau cadangan itu dibuat oleh Dewan Undangan Negeri dan kemudian diterima di sini dan mereka angkat sumpah, apakah implikasinya? Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Kalau satu keputusan telah dibuat di negeri dan nama telah dihantar dan lepas itu ambil sumpah. Tidak ada apa-apa *defect*, dengan izin, dia boleh teruskan dan keputusan adalah dibuat oleh Dewan Negara sendiri, tidak ada masalah.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Datuk Haji Roslan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Saya lihat bahawa ada *contradictory* dari segi kenyataan. Satu kenyataan tidak sah, satu kenyataan boleh terima. Yang mana satu patut kita pakai? Jadi dari satu sudut, Yang Berhormat mengatakan tidak sah dan satu perkara lain boleh diterima oleh Dewan, jadi ini bercanggah. Saya kurang arif dalam hal undang-undang ini. Terima kasih.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sikit.

**Datuk M. Kayveas:** Itulah, sila duduk. Bagi saya peluang untuk jawab dulu, boleh dengar jawapan, *you* minta jawab soalan, boleh jawab. Saya belum selesai jawab, *you* minta soalan, *so* sangkutlah. Ada perkara ini berlaku di Dewan Rakyat juga tetapi saya ada panggil mereka nama, dia marahlah. Tetapi di sini semua okey, tak ada *problem*. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, lebih baik Yang Berhormat jawab dahulu.

**Datuk M. Kayveas:** Lepas saya jawab, *you* boleh faham. Okey, ada dua, tiga prosedur. Satu perlu dapat notis untuk Yang Berhormat saya akan selesaikan perkara ini jugalah. Jadual 7 Perkara 45(5), saya baca dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "jika berbangkit apa-apa soalan sama ada seseorang Ahli Dewan Negara telah dipilih dengan sewajarnya mengikut peruntukan jadual ini, maka Dewan Negara hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad. Tetapi kegagalan mengadakan sesuatu pemilihan di bawah Seksyen 1(2) dengan seberapa segera yang boleh tidaklah dengan sendirinya menindas pemilihan mana-mana Ahli Dewan Negara." Itulah tadi yang saya sebut.

Prosedur itu ada, kalau ada silap sikit pun okey juga, Perlembagaan ini sudah *cover*. Dan saya hendak sebut tadi adalah 45(3), "tempoh jawatan seseorang Ahli Dewan Negara ialah tiga tahun dan tempoh itu tidaklah tersentuh dengan pembubaran Parlimen". Dan juga saya ingin

merujuk kepada Perkara 75, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "jika mana-mana Undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu Undang-undang Persekutuan, maka Undang-undang Persekutuan itu hendaklah mengatasi Undang-undang Negeri dan Undang-undang Negeri itu adalah tidak sah setakat yang tidak selaras itu."

Maka jawapan saya, jawapan muktamad adalah bahawa pelantikan Senator itu bermula tiga tahun daripada tarikh ambil sumpah dan tamat apabila tiga tahun itu selesai. So, tidak ada negeri-negeri boleh menggunakan apa-apa kuasa, mana-mana kuasa untuk mengurangkan masa tiga tahun ini. Kalau ada negeri-negeri, saya ada fahamlah dua negeri yang buat demikian, saya harap mereka ambil perhatian bahawa Perlembagaan Persekutuan ada kuasa dan negeri-negeri perlu ikut apa yang sedia ada dalam Perlembagaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya cuba untuk memahami apa Yang Berhormat jelaskan tadi. Kalau sesuatu Dewan Undangan Negeri telah pun membuat pemilihan atas seorang Ahli Dewan Negara dan Dewan Undangan Negeri menetapkan tarikh itu. Berkuat kuasa daripada bila? Katakan dalam perkara ini berkuat kuasa daripada tarikh selepas Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Ahli Dewan Undangan Negeri tersebut telah pun tamat selepas daripada tarikh itu. Adakah ini sah?

**Datuk M. Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu tidak sah. Mereka tidak boleh menetapkan tarikh, mereka tidak boleh *overlap*, tidak ada mana-mana peruntukan dalam Perlembagaan ini ada kuasa atau peruntukan untuk memberi peluang kepada negeri-negeri untuk *overlap*, so tidak boleh *overlap*. Masa tiga tahun itu perlu jalan dengan tidak apa-apa kekeliruan daripada mana-mana pihak termasuk kuasa negeri.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Kedudukannya barangkali begini supaya kita jangan jadi salah faham. Katalah satu orang itu tamat 2 hari bulan, notis telah dibuat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada sultan dan sultan beritahu kepada Yang di-Pertua Dewan. Tamat Ahli Dewan itu 10 hari bulan tetapi Dewan Undangan Negeri itu bersidang pada 8 hari bulan, bukan 10 hari bulan. Dan Dewan itu memutuskan ganti yang 10 hari bulan itu ialah si polan, si polan tetapi tarikh berkuat kuasanya pada 11 hari bulan, adakah pelantikan itu sah? Itu persoalan yang saya minta.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu sama dengan apa yang saya tanya kepada Yang Berhormat tadi.

**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri:** Barangkali kerana Yang Berhormat tidak jelas, saya perelaskan supaya jawapan yang ini, sah tidak sah, terima tidak terima macam sahabat saya bangkitkan. Jadi biar saya ceritakan kedudukannya, Yang di-Pertuan Agong sudah notis kepada sultan, sultan sudah beritahu kepada Dewan Undangan Negeri. Tamat si polan itu cukup dah, tiga tahun kemudian saya beri contoh tamat 10 hari bulan, cuma Dewan Undangan Negeri bersidang lebih awal daripada 10 hari bulan. Katakan bersidang 8 hari bulan, tapi dia putus



bahawa kuat kuasa pelantikan itu ialah pada 11 hari bulan. Adakah itu sah ataupun tidak sah? Itu dia persoalannya.

**Datuk M. Kayveas:** Ini Yang Berhormat-Yang Berhormat yang minta soalan itu semua ada kekeliruan. Saya yang hendak beri penjelasan, sekarang saya pula tidak jelas. *[Ketawa]* Tengoklah saya punya keadaan di sini. Tak apa, saya akan jawab ini. Bila dapat notis, baru mereka boleh melantik. Kalau mereka buat sedemikian, tidak ada masalah kerana notis ini keluar selepas tamat tempoh tiga tahun. Kadang-kadang adalah negeri-negeri dia punya masa, dia hendak selesaikan persidangannya ataupun dia lebih rajin, ataupun macam negeri Kelantan ke mana, yang dia takutlah kuasa negeri tukar, dia hendak melantik dengan lebih awal lagi.

Tetapi masa untuk menjalankan tugas sebagai Senator dan masa untuk mereka adalah apabila mereka ambil sumpah. Masa itu tidak boleh ditetapkan oleh negeri, tidak boleh. Dia boleh bersidang awal ataupun *later*, dengan izin, tetapi masa itu bila dia ambil sumpah, tiga tahun berjalan daripada tarikh itu, dan sampai tiga tahun itu habis, tidak boleh mana-mana kuasa negeri meringkaskan kedudukan itu. Ada lagi soalan?

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Ya, satu lagi, mungkin *last* sekali. Saya takut ini jadi satu *precedent*. Apabila ia menjadi satu *precedent* di dalam mana-mana perundangan di dalam negara kita, ia akan menjadi mana-mana tempat boleh buat. Yang Berhormat mengatakan tadi, mengikut pertanyaan Tuan Yang di-Pertua tidak sah, sekarang ini mengikut pertanyaan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri boleh. Jadi kekeliruan ini timbul, jadi yang mana satu hendak pakai?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya beri peluang sekali lagi kepada Yang Berhormat untuk memberi penjelasan sejas-jelasnya. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** *[Ketawa]* Jawapan saya kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sama, tidak ada perbezaan. Apa yang saya katakan ialah notis perlu dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong kepada sultan atau raja di negeri-negeri berkenaan. Selepas itu, baru notis itu diberi kepada Dewan Undangan Negeri, mereka boleh mulalah buat *voting*. Dan nama boleh dihantar dengan proses yang biasa tetapi tarikh, kalau ada Dewan Undangan Negeri yang awal dan pilih dua orang dan lepas itu hantar nama itu, masa mereka ambil jawatan itu tidak boleh lebih awal daripada seorang daripada negeri itu belum selesai dia punya tiga tahun, tiga tahun itu perlu selesai.

Kalau tidak habis tiga tahun, dia tidak boleh ganti seorang, ada dua hari kurang atau tiga hari kurang, tidak boleh. So ini jelas, tidak ada kekeliruan dan ini tidak boleh jadi *precedent*. *Precedent* yang kita kawatir boleh berlaku kalau kita sekarang ini biar sahaja, beri peluang kepada negeri-negeri untuk buat keputusan yang telah dibuat sekarang. Sekarang ada dua, tiga keputusan oleh negeri yang dia buat, dia sudah pilih orang, dia kata okey, sekarang tiga tahun bermula daripada pilihan yang dibuat daripada kuasa negeri, tidak, itu tidak sah, itu salah.

Kita senang sahaja, untuk tidak ada *precedent* yang lain atau kekeliruan, kita hanya ikut Perlembagaan. Perlembagaan itu jelas, sangat jelas, ada tiga peruntukan. Satu, kita perlu tunggu notis, lagi satu itu tiga tahun bermula daripada tarikh ambil sumpah. Yang ketiga itu, kalau ada kekeliruan berkaitan dengan Undang-undang Negeri dan Perlembagaan, Perkara 75 berkata ikut Perlembagaan Persekutuan. Itu sahaja, ini perkara biasalah semua orang tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, itu sudah jelas. Yang Berhormat boleh pergi kepada perkara lain.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini mustahak, ada dua, tiga orang, dia kurang dua, tiga hari, itu gaji beri kepada sayalah. *[Ketawa]*.

Okey, selain daripada itu ada beberapa isu yang berbangkit berkaitan dengan keputusan umpamanya keputusan tribunal, adakah muktamad. Sememangnya keputusan tribunal adalah muktamad dan itu dari segi fakta, ikut Fasal 36 dan hanya persoalan undang-undang sahaja boleh dibawa ke Mahkamah Tinggi, so tidak ada masalah, itu Fasal 41 dan Fasal 42.

Dan juga kita boleh nampak lagi Fasal 8 Rang Undang-undang memperuntukkan tiada mahkamah boleh campur tangan dalam apa-apa perkara melainkan perkara-perkara macam Fasal 18(8), perkara *appeal*, rayuan dan 14(3) mencabar *order award* oleh *arbitration* dan sebagainya – 37, 42, 11 dan 29 untuk maklumat Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Dan perkara lagi satu yang dibangkitkan ialah berkaitan dengan New York Convention. New York Convention ini, satu, kita perlu ada satu persefahaman dengan New York Convention pada masa itu kita tidak adalah, kita harap kita ambil cadangan ini dan kita boleh berbuat sesuatu di mana apabila kita memasuki WTO, globalisasi semua ini, kita perlulah New York Convention bersama dengan rang undang-undang ini.

*Authority* dengan izin, *authority* berkaitan dengan KLRCA, memang KLRCA tidak boleh mengawal atau *control* semua badan-badan yang sedia ada. Ini sistem yang kita ada sekarang ini, melainkan daripada Singapore, kalau dia ada *arbitration*, dia *control* semua, satu badan sahaja. Di sini tidak ada, kita beri sedikit kelonggaran dalam perkara ini, mungkin dalam masa depan kita akan kaji *progress*, macam mana kita buat *progress*, perlukah kita beri autonomi kepada KLRCA. Sekarang ini kita beri *privileges* dan *immunity* kepada pihak-pihak lain.

Berkaitan dengan *award*, kita ada peruntukan Fasal 38(1), *award from .foreign state*, dengan izin boleh juga gunakan di sini, kita tidak ada masalah dengan *foreign state* ataupun kita punya *award*, kita boleh *vice versa*, boleh gunakan di antara dua-dua pihak *international* dan domestik.

Selain daripada itu, saya ingat itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak ingin ambil masa. Kalau ada kekeliruan apa-apa yang saya tidak jawab, ada dua, tiga sahabat di sini.....

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Sebelum Yang Berhormat duduk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat

Menteri bertimbang rasa kepada saya kerana dapat kefahaman dalam perkara ini. Oleh itu saya pinjam perkataan Tuan Yang di-Pertua semalam semasa dalam perbahasan. Saya hendak bangkit hanya mungkin satu, dua perkara sahaja oleh kerana dalam Rang Undang-undang Timbang Tara ini matlamatnya ialah mengurangkan campur tangan.

Keduanya ialah dari segi mempercepatkan apabila ..... Di dalam konteks timbang tara ini saya ambil asalnya ialah domestik dalam huraian yang pertama tadi ialah domestik yang dikehendaki. Banyak keterangan yang diberi kepada *international* antarabangsa tetapi di peringkat domestik ini banyak juga perkara-perkara timbang tara ini diperluaskan. Di dalam syarat-syarat kontrak khususnya kontrak-kontrak JKR semuanya ada di dalam satu *clause* yang terakhir mana-mana *dispute* dengan izin yang ada hendaklah pergi kepada *arbitration* tidak boleh pergi ke mahkamah dan ini merupakan satu halangan kepada kontraktor-kontraktor yang menghadapi ini kerana masa, pengetahuan kontraktor dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam hal timbang tara ini agak lambat. Saya memberi contoh timbang tara yang berlaku di antara sebuah syarikat dengan syarikat kerajaan yang mengambil masa lebih daripada 16 tahun. Ini kadang kala juga dihadapi, bukan membawa satu keuntungan terhadap individu itu. Jadi oleh demikian, sebab itu saya sentuh semalam minta laluan iaitu berkait dengan masa, supaya masa, juga perlu diberi di dalam menyelesaikan hal timbang tara sebab kita ada tiga parti sahaja yang *involved*. Di antara dua parti yang memohon dan berlawan dengan penimbang tara itu sahaja. Jadi kita perlu adakan masa, ini mungkin mikro dari segi kerja-kerja mengendalikan ini supaya pandangan ini dapat diambil, selain daripada pandangan-pandangan lain.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Satu, dalam kontrak mana-mana dokumen kontrak, apabila ada peruntukan untuk merujuk mana-mana masalah atau kes apabila ada kes sebelum pergi ke mahkamah rujuk kepada arbitrase. Itu adalah satu kontrak dengan izin *laissez-faire* itu adalah antara dua pihak. Mereka ini dia punya suka, dia hendak ada peruntukan itu di dalam kontrak atau tidak sebelum mereka menandatangani perjanjian itu pilihan mereka. Kalau mereka memilih sebelum mereka menandatangani dokumen itu kontrak itu mereka memilih ingin rujuk kepada *arbitration* itu pilihan mereka. Kalau mereka tidak hendak *arbitration* mereka boleh mengeluarkan perkara atau peruntukan artikel dalam kontrak itu dan teruskan dengan perjanjian.

Yang kedua, berkaitan dengan masa, ada dua perkara, satu, kalau saya sudah sebut ini saya ulanglah ini kerana apabila kita kata, satu kes itu ambil masa yang panjang ada kita kata dalam bahasa Inggeris *justice* dengan izin *justice delayed is justice denied* satu masa yang panjang diambil. Apabila kita juga pada masa yang sama proseskan satu kes dengan cepat, kita cegah satu kes, katakanlah satu kes jenayah atau pun kes lain di mahkamah-mahkamah lain, kes sivil di mahkamah sebelum kes *management*. Kalau kita *rush* kes itu, kita mempercepatkan

proses kita tidak bagi semua dokumen masuk kita bagi mereka peluang hendak buat *pleading* juga kita boleh kata *justice hurried is also justice denied* dengan izin.

So kalau kita memperuntukkan masa yang terhad dalam aribitrasi undang-undang ini rang undang-undang ini atau Akta Arbitrasi 2005 yang dikeluarkan lepas ini, kita menyekat orang. Kalau katakanlah mereka tidak boleh selesai kes itu dalam 20 hari yang kita peruntukan dalam kes itu maka kes itu kalah kerana kita menubuhkan atau kita ada satu peraturan had masa. Ini mungkin tidak adil oleh sebab itu saya tidak tahulah pandangan itu baik atau tidak tetapi saya haraplah pegawai-pegawai kita yang sedia ada boleh ambil kira pandangan daripada Yang Berhormat berkaitan dengan had masa tetapi saya tidak boleh buat keputusan dalam perkara itu. Dengan itu, saya itu sahajalah Yang Berhormat. Saya terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG WARISAN KEBANGSAAN 2005**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.13 tgh.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk memberikan peruntukan bagi pengkalan dan perlindungan warisan kebangsaan, warisan semula jadi, warisan yang ketara dan warisan budaya tidak ketara, warisan budaya bawah air, harta karun dan bagi perkara-perkara yang sehubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila berikan huraianya Yang Berhormat.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana mengizinkan saya membentangkan Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan

2005 bagi bacaan kali kedua. Akhirnya tercapai juga hasrat dan cita-cita mulia Kerajaan untuk membentangkan Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 seperti yang berada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang adalah hasil gigih kementerian dan pelbagai pihak bagi mewujudkan undang-undang warisan. Satu-satunya perkara yang kian meningkat, signifikan serta nilai warisan serta nilai tambahnya dalam kehidupan kita. Ini juga adalah hasil kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang berkaitan. Kita sedari bahawa sesebuah negara dan rakyatnya yang tidak prihatin terhadap warisannya amat mudah didalangi sejarah dan pengaruh luaran. Pada masa yang sama memperlekeh warisan sendiri adalah perbuatan menidakkan tamadun sendiri.

Di atas kesedaran kebangsaan kita terhadap betapa pentingnya warisan tanah air ditadbir dan dipelihara di samping melakukan carian-carian baru inilah dikemukakan undang-undang setimpal baginya. Jika bukan kita sendiri yang menilai dan menghargai warisan sendiri siapa lagi. Pada masa ini hanya terdapat satu undang-undang yang diguna pakai bagi perlindungan dan pemeliharaan warisan negara iaitu harta benda purba 1976 (Akta 168). Akta Benda Purba adalah berkaitan perlindungan dan pemeliharaan barang purba, monumen dan tinggalan kebudayaan. Terdapat juga satu lagi akta iaitu *Treasure Trove* 1957 Act 542 yang berkaitan jumpaan harta karun tetapi pelaksanaannya terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Perlembagaan Persekutuan telah dipinda dengan memasukkan pemeliharaan warisan di dalam Senarai Bersama iaitu *Concurrent List* jadual ke-9 pada sesi Parlimen Januari 2005. Sehubungan itu warisan kini menjadi bidang kuasa *legislative* bersama di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Melalui pelaksanaan dan peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini ianya akan memberikan tanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan rakyat untuk memelihara, melindungi, memperkembang dan menjaga warisan kebangsaan.

Pelaksanaan ini juga adalah sejajar dengan penubuhan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia yang baru. Sebelum ini terdapat undang-undang mengenai warisan dalam skop yang luas khususnya merangkumi semua aspek dan kategori warisan. Undang-undang yang sedia ada iaitu Akta Benda Purba 1976 hanya berkaitan warisan ketara dengan izin *tangible heritage*. Manakala aspek perlindungan dan pemeliharaan warisan ketara iaitu *intangible heritage* tidak terdapat dalam mana-mana perundangan justeru adalah perlu pada zaman pembangunan pesat dan era globalisasi ini untuk melihat warisan secara lebih menyeluruh dan komprehensif.

Umumnya Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini adalah satu skop perundangan yang komprehensif merangkumi dua aspek yang luas iaitu warisan budaya dengan izin *cultural heritage* dan warisan semula jadi dengan izin *natural heritage*. Warisan budaya pula dipecahkan kepada dua skop yang besar iaitu warisan ketara *tangible heritage* dan warisan tidak

ketara *intangible heritage*. Sebagai tambahan peruntukan berkenaan warisan budaya bawah air iaitu *under water cultural heritage* turut dimasukkan secara khusus dalam rang undang-undang ini.

Dengan pindaan Perlembagaan persekutuan, khususnya berkaitan Senarai Bersama atau *Concurrent List* yang dikuatkuasakan di bawah perkara 95 baru-baru ini, warisan ini adalah tergolong kepada perkara urusan bersama antara persekutuan dan negeri-negeri. Justeru rang undang-undang ini adalah berpaksikan hakikat itu. Mukadimahnyanya atau dengan izin *preamble* rang ini di bawah Seksyen 3 cerai (2) sedia mencerminkan falsafah ini iaitu apa-apa hal atau perkara yang menyentuh kepentingan Kerajaan Negeri berkaitan warisan pihak Persekutuan tidak boleh bertindak bersendirian melainkan merundingi dan pada hal-hal tertentu mendapat persetujuannya.

Akta ini akan membantu kita memperkukuhkan lagi urusan dan pengertian tentang warisan sebagai sesuatu yang bernilai dari pelbagai aspek termasuk seni, budaya sama ada yang ketara, *tangible* atau tidak ketara *intangible*.

Warisan fizikal yang tampak adalah sesuatu yang berharga dari segi pandangan masyarakat yang menzahirkannya melalui proses ciptaan kemanusiaan. Sesungguhnya ia menjadi entiti atau benda yang boleh diturun-temurunkan kepada generasi akan datang. Dari artifak sejarah sampailah kepada alam semula jadi seperti gunung, sungai, masjid, candi, bangunan, monumen, pekan yang indah, makam, pantai yang indah boleh belaka dianggap sebagai bahan warisan fizikal yang memerlukan perlindungan, pemuliharaan dan promosi supaya ia mampu diwarisi untuk kehidupan ke tamadun zaman akan datang. Begitu juga manuskrip tulisan-tulisan usang, karangan-karangan lama dan baru yang diberi nilai yang tinggi oleh masyarakat, artifak sejarah, pemuziuman, alat-alat muzik, alat-alat kehidupan yang menambah nilai hidup, pakaian, barang kemas atau fesyen yang mencerminkan aspek-aspek kemasyarakatan lama.

Kesemua ini dan banyak lagi bahan warisan boleh belaka digolongkan kepada apa yang dianggap sebagai warisan tampak yang di dalam Akta ini dipanggil warisan. Bahasa dan aspek-aspek perbahasan seperti peribahasa, gurindam, perumpamaan, pantun, seloka, karang-karangan, lisan yang bersifat sastera antara lain adalah bahan-bahan warisan *intangible* atau tidak ketara. Demikian juga nyanyian, tarian, muzik, komposisi muzik, lirik, lagu, legenda, ungkapan tradisi, cerita lisan rakyat juga tergolong kepada warisan tidak ketara. Di bawah Akta kita telah dicerakinkan istilah-istilah dan pengertian warisan yang jelas. Pada amnya warisan bererti warisan kebangsaan yang meliputi tapak atau projek di darat atau di bawah air sama ada yang didaftarkan atau tidak. Warisan kebangsaan bererti tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan termasuk yang di bawah air atau mana-mana orang hidup yang diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan di bawah Seksyen 67.

Warisan kebudayaan itulah ertinya termasuk bentuk ketara atau tidak ketara harta, struktur atau artifak kebudayaan dan boleh meliputi perkara objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzik warisan yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia dari segi sejarah atau semasa di atas batu atau di dalam tanah atau warisan kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara tetapi tidak termasuk warisan semula jadi yang meliputi pengertian ciri-ciri semula jadi mana-mana kawasan seperti gunung-ganang, sungai, pembentukan batu, pesisir laut atau pembentukan alam semula jadi.

Sesuatu yang bertaraf warisan harus mempunyai proses dan syarat-syarat tertentu sebelum ia diiktiraf sebagai warisan, justeru Akta memperuntukkan struktur sedar kaedah pentadbiran warisan secara keseluruhan di samping memperkukuhkan dasar berhubung dengan pemuliharaan. Secara umumnya isi kandungan Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini mempunyai 17 bahagian dengan 125 Seksyen.

Rang Undang-undang ini adalah bersifat *complimentary* dan komprehensif yang memperkukuh pentadbiran hal ehwal warisan serta tidak menghapuskan perundangan sedia ada pada kerajaan negeri berkaitan warisan. Namun begitu Akta Benda Purba 1976, Akta 168 dan *Treasure Trough Act* 1957 iaitu Akta 542 akan dimansuhkan apabila Rang Undang-undang ini di lulus dan dikuatkuasakan oleh kerana kesemua peruntukannya adalah dimasukkan ke dalam Akta baru ini. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan Kebangsaan, Warisan Semula Jadi, Warisan Kebudayaan Ketara dan Tidak Ketara, Warisan Kebudayaan di Bawah Air, Harta Karun dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Ya, saya beri peluang kepada Datuk Dr. Jins Shamsudin, selepas itu Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

#### **12.21 tgh.**

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberikan saya kesempatan untuk membahas Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005.

**Timbalan Yang di-Pertua:** ....selepas itu, minta maaf ya. Selepas itu Yang Berhormat Puan Safinah saya terpaksa beri peluang juga hari ini dan Yang Berhormat Puan Tay Puay Chuan. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang ini yang telah pun baru sebentar tadi dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang mengandungi 17 bahagian dan 125 Fasal atau Seksyen.

Saya tidak akan membahaskannya bahagian-bahagian yang terlibat melibatkan pentadbiran, pelantikan, pesuruhjaya, pegawai-pegawai warisan, penubuhan majlis yang berada di dalam bahagian 3 dan 4. Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Wong Kam Hoong sebentar tadi.

Terima kasih juga kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang telah baru-baru ini melancarkan iaitu Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim yang baru-baru ini telah melancarkan Minggu Warisan Kebangsaan yang telah diadakan di Tapak Arkib Negara. Di situ kita dapat melihat warisan-warisan kebangsaan yang telah dipamerkan menggambarkan bahawa sebenarnya kita mempunyai berbagai-bagai warisan negara yang tersimpan dan tersembunyi yang telah pun dipamerkan dan kita sedar bahawa dari segi makanannya sahaja mempunyai beratus-beratus jenis makanan yang telah dipamerkan dari utara sehingga ke Selatan termasuk Sabah dan Sarawak.

Alat-alat pembikinan kuih muih yang dahulunya kita agak sukar untuk melihatnya dan kita telah dapat dipamerkan di sana. Begitu juga dengan kuih muih yang memang sudah menjadi kebiasaan kita melihat kuih-kuih pada musim-musim perayaan dan kuih muih ini juga termasuk kuih-kuih yang datang dari Sabah dan Sarawak yang tidak pernah kita lihat dan juga kuih-kuih pelbagai bangsa seperti kuih bakul dari orang-orang Tionghoa yang jarang kita dapat hari ini. Ini juga telah dipamerkan untuk memberi kefahaman kepada kita di dalam menyediakan warisan negara kerana ia mempunyai nilai-nilai warisan yang tersendiri.

Pada bahagian 6 kita telah melihat Daftar Warisan dan sebelum Rang Undang-undang ini dibentangkan mungkin sudah ada seperti mana yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mungkin sudah ada yang melindungi atau pemuliharaan warisan ini di bawah Akta-akta lain. Mungkin di bawah Muzium Negara, Arkib Negara, Balai Seni Lukis Negara, Perpustakaan Negara dan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan.

Tetapi Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini lebih menyeluruh, untuk melindungi dan memelihara warisan negara. Saya ingin bertanya adakah apa-apa peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini untuk membolehkan kerajaan mengambil balik harta-harta intelek yang berada di luar negara. Contohnya, filem-filem kita yang umurnya lebih daripada 50 tahun sekarang ini sudah berada di Hong Kong dan Hong Kong telah pun menjadi sebahagian daripada Tanah Besar China.

Bagaimanakah kita dapat berusaha untuk mendapatkan kembali kalau tidak pun *originalnya* dengan izin mungkin *prim* nya dengan izin supaya dapat kita menyimpan warisan-warisan ini kerana dia mengandungi budaya, sejarah dan bahasa di dalamnya yang hari ini sukar bagi kita untuk mendapat bahan-bahan ini bagi tujuan penyelidikan di masa-masa akan datang.



Oleh kerana itu saya merasakan bahawa perlu ada satu usaha untuk mengambil kembali warisan-warisan ini yang berada di luar negara dengan cara mana sekali pun untuk kita menjadikannya sebagai satu warisan negara dan ia bolehlah kita simpan di Arkib Negara.

Saya juga ingin menyarankan supaya kita mempercepatkan penubuhan Arkib Filem atau *Archive Film* kerana ianya amat penting di dalam pemuliharaan sejarah-sejarah negara. Sejarah-sejarah ini termasuklah nama-nama asal sejarah negara negeri-negeri, daerah, bangunan, tempat, jalan, bukit, sungai dan gunung yang ketara dan tidak ketara. Nama-nama monumen, objek yang kita harus lihat di dalam senarai yang telah pun di dalam Rang Undang-undang ini pada muka surat 11 yang telah menyenaraikan dengan lengkap yang tidak saya akan bacakan satu persatu. Diisytiharkan di bawah Seksyen 49 dan didaftarkan di bawah Seksyen 51 di dalam Rang Undang-undang ini. Walaupun kita sudah 48 tahun merdeka tetapi minda kita masih di jajah dan kita masih di jajah dengan berbagai-bagai cara. Penjajahan budaya di antaranya yang amat ketara sekali iaitu kita masih lagi mempunyai nama-nama penjajah di seluruh negara.

Mungkin kita boleh fikirkan di dalam senarai-senarai yang akan disenaraikan oleh kementerian nanti mungkin boleh juga difikirkan bagaimana kita boleh dapat menyenaraikan semula, atau melihat semula nama-nama dalam negara kita yang masih berbau sejarah. Seperti sebagai contohnya di Pulau Pinang kita ada *Miami Beach*, kita ada Batu Feringhi, kita semua kenal Pulau Pinang adalah sebuah pulau peranginan yang banyak menarik pelancong-pelancong dari luar negara tetapi hari ini kita masih lagi mengekalkan nama walaupun kita orang-orang Pulau Pinang saya difahamkan kalau pergi ke Pulau Pinang dia tidak kata *George Town*, "Mari kita pergi *George Town*". "Mai kita pi Pulau Pinang atau kita pi Penang" Penang barangkali. Tetapi kita masih kekalkan *Geoge Town*, nama barat dan nama asing kepada kita. Kita sudah merdeka 48 tahun masih lagi *George Town*. *Butterworth* yang kita tahu ialah nama asalnya ialah *Seberang Prai* kerana ada sejarahnya, di sana ialah *Prai* kita harus menyeberang.

*Seberang Prai* yang amat indah namanya kita masih menggunakan nama-nama Inggeris, *Butterworth*. *Port Weld* yang dahulunya nama asalnya ialah *SePETANG* dan kita telah pun menukarkannya, kerajaan negeri Perak telah tukar kembali kepada *SePETANG* atau *Kuala Sepetang*. *Port Weld* telah ditukar kepada *Kuala Sepetang*, *Temple Park* masih mengekalkan lagi, *Simpang Hall*, *Slim River* dan banyak lagi nama-nama di seluruh negara mempunyai pengaruh penjajah Inggeris, Portugis dan lain-lainnya.

Kita juga mempunyai nama-nama jalan yang masih lagi dipengaruhi oleh Inggeris atau penjajah. *Tapah Road*, *Kuala Kubu Baru*, *Batu Road* hari ini telah kita tukar kepada *Jalan Tuanku Abdul Rahman*. Kita telah tukar kepada *Jalan Tuanku Abdul Rahman (Batu Road)* dan kemudiannya kita juga ada mempunyai satu nama lagi iaitu *Sekular Road* dan kita tukar kepada *Jalan Pekeliling*. Kalau ini boleh kita lakukan kenapa tidak boleh kita lakukan juga kepada nama-nama yang lain.

Jalan Pekeliling kemudiannya kita tukar kepada Jalan Tun Abdul Razak dan hari ini agaknya itulah Jalan LT atau Lingkaran Tengah Satu kerana hari ini ada Jalan Lingkaran Tengah Dua yang telah diperkenalkan, yang saya ingin bertanya ialah nama-nama Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Putrajaya telah dijadikan nama sebuah daerah. Tetapi nama-nama jalannya tidak mencerminkan identiti nasional, nama-nama dibawa dari Amerika. Kita masih dijajah, minda kita masih dijajah. Kita telah meletakkan nama jalan dengan nama **precinct** dan sebagainya. Ini semua tidak mencerminkan identiti nasional. Kita masih lagi boleh diperbetulkan. Ini adalah merupakan sesuatu yang saya kira pernah ditegur melalui sebuah filem saya yang bernama '*Tiada Esok Bagimu*'. Bangunan-bangunan di sini sama sahaja, di Malaysia ini sama sahaja seperti bangunan-bangunan di Hong Kong, di Amerika dan di luar negara. Nama-nama tempat telah diubah dari nama asalnya, saya telah sebut dalam sesi yang lepas dengan izin, Ulu Kelang menjadi UKAY, maka berikutnya lahirlah Ukay Perdana, Ukay Boulevard yang di bawa Amerika, Ukay Height atau Kemensah Height. Sejarah daerah telah diubah dengan sewenang-wenangnya. Maxwell Hill di negeri Perak telah diubah menjadi Bukit Larut. Cameron Highlands, *Frazer's Hill* masih kekal Tuan Frazer dan Cameron yang membukanya. Ini semua adalah merupakan sesuatu yang boleh kita lakukan. Kuala Sipitang kalau kita boleh ubah....

**Datuk Haji Roslan bin Awang Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** [*Bangun meninggalkan Dewan*]

**Datuk Jins Shamsudin:** Saya ingat hendak minta laluan, terima kasih. Kalau Kuala Sipitang kita boleh ubah daripada Port Weld yang telah menjadi tempat atau *port* yang termasyhur pada ketika itu kerana di Taiping adalah kereta api yang pertama di bina di seluruh negara iaitu dari Taiping ke Port Weld. Saya juga ingin memberikan sedikit gambaran tentang bagaimana kita menamakan tempat-tempat sejarah ini kerana itu harus dikekalkan di dalam senarai warisan negara. Kalau kita lihat Taiping, adalah satu nama yang diberi kemudian, sejarahnya haruslah diungkap kembali. Taiping adalah nama-nama orang-orang Tionghoa memanggilnya 'Taiping' ialah bandar aman atau keamanan. Itu yang saya difahamkan. Tetapi, di dalam cerita asalnya, sebenarnya Taiping ialah berasal daripada sebuah kedai kopi yanguduknya di hujung *jail* Taiping sebuah *jail* yang masyhur, di sana Ahmad Indra digantung, Botak Chin digantung, Taiping mempunyai sejarah yang tersendiri.

Kalau kita lihat di Taiping, jalan kereta api yang pertama dibina di Taiping, Mahkamah pertama dibina di Matang iaitu daerah Taiping, doktor yang pertama juga di Matang, Taiping; pasukan polis juga dibina di Taiping. Taiping menjadi pusat pentadbiran orang Inggeris pada awal-awal lagi. Jadi oleh kerana itu, cerita yang datang daripada orang besar-besar Taiping yang saya dengar daripada Pembesar Orang Kaya-Kaya Jajahan yang mendapat cerita yang sebenarnya, cerita asalnya ialah sebuah kedai kopi yang diusahakan oleh sepasang suami isteri. Isterinya bernama Puteh dan suaminya bernama Ariffin. Maka itu dia panggil, 'Teh' Puteh biasanya orang Melayu panggil 'Teh', 'Pin' Ariffin jadi 'Pin'. Jadi 'TehPin' jadi, 'mana hendak

pergi?’ ‘mari kita pergi ke ‘TehPin’. ‘TehPin’, TehPin’, TehPin’, maka ini telah didengar oleh orang-orang pelombong-pelombong yang datang dari luar negara, maka dia dengar TehPin’, dia kata ada satu nama. Nama ini sama dengan bahasa Cina, bahasa Tionghoa yang mengatakan bandar aman. Maka terjadilah TehPin’ hari ini Taiping. Kalau orang-orang Perak yang berada di daerah Taiping atau ada di sekitarnya dia tidak panggil Taiping, dia panggil ‘TehPin’. Orang sana, tanyalah sesiapa pun, dia akan panggil ‘TehPin’ kerana asal ceritanya begitu. Saya tidak berhasrat untuk menukarnya kerana itu adalah satu nama yang baik, ‘*peaceful town*’ dengan izin. Tetapi, sejarahnya haruslah kita tulis.

Satu lagi perkara yang saya ingin kemukakan ialah semua nama taman perumahan dan nama-nama jalan. Selain daripada kerajaan tempatan, pemaju-pemaju perumahan juga hendaklah bertanggungjawab. Hendaklah diberikan nama taman-taman dan jalan-jalan yang dimajukan oleh mereka berunsurkan nama-nama yang ada kaitan dengan sejarah daerah, mengambil kira nama-nama persekitaran dan sejarahnya. Kita hendaklah melihatnya sebab contoh-contohnya terlalu banyak kita lihat seperti Perlis kita ambil Perlis, kita ada Kuala Perlis, Kedah kita ada Kuala Kedah, Sepetang kita ada Kuala Sepetang, Kangsar kita ada Kuala Kangsar.

Kuala Kangsar sebenarnya ialah ‘kurang sa’ asalnya nama itu ialah ‘kurang sa’. Maksud kurang satu sepuluh. Kerana dia ada sepuluh kuala tetapi hanya sembilan sahaja yang ada, Jadi maka itu dia panggil Kangsar, ‘kurang sa’ daripada sepuluh. Itu sejarahnya. Jadi sejarah ini hendaklah kita kekalkan dan kita harus melihat di Selangor sendiri, kita ada Kuala Selangor, kita ada Ulu Selangor, kita ada Ulu Yam, Kelang, kita ada Ulu Kelang. Ini sejarah yang amat penting Ulu Kelang nanti saya ceritakan sedikit. Tembling kita ada Ulu Tembling, Terengganu kita ada Kuala Terengganu, Kelantan Ulu Kelantan, Ulu Melaka dan mengekalkan juga monumen bangunan-bangunan bersejarah.

Tempat-tempat bersejarah seperti Bangunan Sultan Abdul Samad akan dijadikan bangunan yang bersejarah. Bangunan stesen kereta api Kuala Lumpur, Ipoh dan sekitarnya termasuklah Majestic Hotel. Magestic Hotel adalah sejarah yang agung kerana di situlah pertemuan-pertemuan ahli-ahli sejarah yang awal. Di situlah pertemuan raja-raja untuk membincangkan tentang kemerdekaan Tanah Melayu dengan Tunku Abdul Rahman dan lain-lainnya. Di sanalah tempat mereka berbincang dan tempat itu adalah merupakan tempat yang amat bersejarah yang patut kita kekalkan - Majestic Hotel. Saya difahamkan Majestic Hotel telah berpindah tangan. Saya tidak pasti kepada siapa dan kita harapkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dapat mengekalkan bangunan itu supaya dia menjadi satu bangunan warisan yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Kalau dirobuhkan, maka hilanglah kita satu sejarah bangsa. Juga, bangunan-bangunan di sekitarnya boleh di jadikan pejabat warisan. Kalau boleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan mengambil alih bangunan itu dan

menjadikannya pejabat warisan kerana bangunan Sultan Abdul Samad juga saya difahamkan akan dikosongkan.

Mahkamah telah dipindahkan, yang ada di situ ialah sebuah Dewan Bandar Raya atau Panggung Bandar Raya dan juga Pejabat Penerangan dahulunya. Pada awalnya dahulu ialah Pejabat Menteri Besar Selangor, Allahyarham Datuk Harun Dato' Haji Idris pernah menduduki bangunan itu. Kalau bangunan itu telah dikosongkan, kita mengharapkan supaya dapat diserahkan kepada Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan untuk dijadikan pejabat warisan amat sesuai sekali apabila pejabat ini akan ditubuhkan nanti dan akan ada pesuruhjaya dan pegawai-pegawainya akan menggunakan bangunan warisan ini amatlah sesuai sekali. Bangunan-bangunan Mahkamah, Panggung Dewan Raya, Masjid Jamek yang juga amat penting di mana di situ pertemuan dua sungai, Sungai Gombak dan Sungai Ulu Kelang, maka lahirlah Kuala Lumpur.

Jadi Kuala Lumpur itu berasal dari dua sungai yang bertemu di Masjid Jamek iaitu Sungai Gombak dan Sungai Ulu Kelang. Kalau Ulu Kelang sudah diubah menjadi UKAY, bukan lagi Ulu Kelang, maka sejarah kita akan hapus kerana dia bermula daripada Ulu Kelang, sungai itu mengalir dan Sungai Gombak bertemulah dia di persimpangan Masjid Jamek dan akan menjadi satu dan pergi ke Kelang sungai itu, mengalirlah airnya ke Kelang dan di situlah Kuala Lumpur. Tapak itu hendaklah juga dijadikan tapak warisan dan dibina satu monumen supaya dia akan kekal ratusan tahun akan datang. Itulah Kuala Lumpur. Mungkin kita hari ini yang masih mengenali sejarah negara kita, kita dapat melihat dan mengkaji serta menghayatinya. Tetapi betapa halnya 300 tahun akan datang atau selepas itu tidak ada orang yang kenal, maka sejarah kita akan hilang. Jadi inilah yang hendak dipertahankan.

Saya sebenarnya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang telah mengemukakan satu Rang Undang-undang yang lengkap, komprehensif dengan izin.....

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk Jins Shamsudin:** ... ia dapat meliputi semua warisan kebangsaan, silakan.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada idola saya Datuk Jins. Saya lihat kepakaran Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin di dalam menghujahkan sejarah-sejarah, fakta-fakta tentang nama-nama tempat negara kita. Jadi sekadar ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, Tuan Yang di-Pertua, tentang nama-nama di samping nama-nama sejarah wujud juga nama-nama yang berunsurkan keganjilan, kadang-kadang dijadikan bahan-bahan cerita.

Umpamanya, saya hendak minta pandangan. Mungkin Yang Berhormat Datuk Jins ada sejarahnya. Nama-nama di Perak wujudnya nama-nama Parit, Dinding, Lumut dan di Selangor nama Batang Berjuntai. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat, beri sedikit penjelasan tentang

nama-nama tersebut. Apakah perlu ditukar imejnya kerana telah menjadi bahan cerita, terima kasih.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Memang benar beberapa nama sejarah khususnya di negeri Perak yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi mempunyai sejarahnya. Kalau kita lihat di Parit, selalu menjadi satu jolokan orang-orang negeri Perak. Begitulah ramainya rakyat negeri Perak, kata mereka di 'Parit' pun ada orang, di 'Lumut' pun ada orang, di 'Dinding' pun ada manusia'. Jadi ramainya rakyat. Sebenarnya mempunyai sejarah yang tersendiri kerana di sana, Lumut ialah tempat itu pada awalnya di zaman pemerintahan Inggeris dahulu kita ada Raja Abdullah yang telah membuat satu Perjanjian Pangkor di Lumut. Jadi di situ banyak kelihatannya sungai-sungainya tempat itu, daerah itu memang mempunyai lumut. Jadi, ini barangkali di antara sebabnya. Parit kerana memang dahulunya parit dan kemudiannya menjadi lebih besar.

Ada juga sungai kemudiannya menjadi parit kerana hakisan-hakisan tanah menjadi parit, mungkin daripada nama itu. Dinding umpamanya, dahulu tempat itu dinding, dipanggil dinding dan banyak lagi nama. Mungkin disebut tadi Batang Berjuntai di negeri Selangor. Batang Berjuntai mungkin juga kalau kita hendak mengubah bolehlah, sebab ada nama Batang Berjuntai itu memberi *double meaning* dengan izin. Ada di antara kita mempunyai *double meaning*. Sebenarnya pada cerita asalnya batang berjuntai ialah, pokok yang telah tumbang dan terjuntai. Tergantung, jadi batang itu terjuntai, jadi itulah asalnya menjadi Batang Berjuntai. Tetapi ada orang mentafsirkannya *double meaning* yang lain, yang saya tidak akan sebutkan dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, saya amat prihatin terhadap nama-nama tempat ini. Stadium Merdeka, Stadium Negara umpamanya dan hari ini kita mempunyai bangunan *flat* dengan izin, yang terlama di negeri Selangor akan dirobohkan iaitu *Flat Pekeliling*.

Mungkin juga kita tidak ada halangan kerana *flat* itu banyak sangat yang digantung bendera pada setiap pagi, bendera peribadi, bendera sendiri, bukan bendera negara kita. Bendera peribadi yang kadang-kadang kita tengok pun agak hendak tutup mata, apatah lagi apabila pelancong-pelancong melalui jalan yang juga menjadi jalan laluan utama ke PWTC yang akan melihat bendera-bendera peribadi yang selalunya tergantung. Elok jugalah dirobohkan dan digantikan dengan yang lain.

Peristiwa-peristiwa yang bersejarah dirakamkan di dalam filem hendaklah juga disenaraikan menjadi warisan negara iaitu Arkib Negara khususnya hendaklah membina satu arkib bagi tujuan untuk menyimpannya. Hari ini kita lihat, banyak filem sejarah kita yang sudah mula pudar dan rosak kerana penyimpanannya dan pemuliharaannya tidak mengikut peraturan-peraturan yang sebenarnya.

Jadi, inilah perkara yang harus kita lihat sebagai satu warisan negara yang tidak mungkin kita dapat kembali peristiwa-peristiwa yang saya sebutkan tadi, menjadi warisan negara kita, pengisytiharan kemerdekaan semasa bendera *Union Jack* diturunkan dan bendera Persekutuan

Tanah Melayu dinaikkan, ini semua terakam di dalam sebuah filem yang hari ini sukar untuk kita melihatnya kerana dia sudah mula kabur.

Kalau 200, 300 tahun lagi akan datang, kalau tidak ada pemuliharaan dari hari ini, mungkin kita akan kehilangan bahan-bahan sejarah yang amat berharga kepada negara, bangsa kita kerana itu sahajalah sejarah kita yang ada setelah di jajah lebih 460 tahun lamanya, kita baru merdeka 48 tahun. Kalau kita tidak boleh menyimpan dan memelihara sejarah bangsa ini, ia akan luput suatu ketika. Bangsa yang tidak mempunyai sejarahnya, bangsa yang tidak ada tamadunya. Maka itu kita merasakan bahawa haruslah kita mencadangkan dan menyarankan supaya pemuliharaan sejarah warisan ini hendaklah disokong.

Maka itulah saya merasakan satu undang-undang Akta Warisan Kebangsaan ini adalah satu akta yang patut diberikan perhatian yang serius dan juga ia perlu disokong. Maka itu saya, pertumbuhannya adalah seperti rakaman-rakaman pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama dan yang seterusnya, pilihan raya yang pertama, Perang Jepun, kita ada bintang tiga, 13 Mei dan banyak lagi peristiwa-peristiwa sejarah, Malayan Union, Perang Larut, penubuhan UMNO, penubuhan MCA, MIC dan lain-lainnya serta pejuang-pejuang negara seperti Datuk Maharaja Lela, Datuk Sagor, Datuk Naning, Datuk Mat Kilau, Datuk Janggut, Datuk Bahaman, Panglima Nayan, Panglima Ah Chong, Kiyai Salleh, Panglima Mat Salleh.

Nama-nama pembesar pada zaman mutakhir Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir, Tun Tan Cheng Lok, Tun V.T Sambathan, Tun Ghazali Shafie yang banyak berjasa kepada negara, Tun Jeneral Ibrahim yang digelar pahlawan Melayu dan Menteri-menteri Kabinet yang terawal bolehlah disenaraikan di dalam senarai warisan negara yang akan kita jadikan nama-nama ini diabadikan di jalan-jalan yang sekarang ini diberikan nama-nama yang dibawa dari Amerika.

Kenapa tidak kita gunakan nama-nama yang saya sebutkan tadi sebagai nama jalan-jalan di Putrajaya sebagai satu usaha untuk memberikan gambaran, kita punya warisan negara yang akan dilihat ratusan tahun akan datang tetapi anak cucu kita, ratusan tahun akan datang hanya melihat nama-nama penjajah yang ada di sana, sedangkan kita tidak pernah dijajah oleh Amerika tetapi nama-nama jalan di Putrajaya dibawa dari Amerika. Kita lihat nama-nama ini ada di Amerika.

Dan, begitu juga dengan muzik-muzik asal. Dibuat satu kajian semula seperti mana yang telah pun disenaraikan di dalam akta ini, muzik-muzik dan sebagainya. Lagu Negaraku sebagai contoh. Siapakah penggubahnya, asalnya, bagaimana mulanya untuk disenaraikan di dalam warisan sejarah kita kerana ia mempunyai *significant*, dengan izin, kerana lagu Negaraku adalah sesuatu yang harus kita kaji dan kita lihat siapa penggubahnya. Ini boleh dilakukan.

Lagu-lagu asli, Dondang Sayang seperti pernah yang di sebut oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng di mana perginya Dondang Sayang, Ghazal, Ulik Mayang, Rodat dari Terengganu, Dabus dari Perak, Canggung dari Perlis, Dikir Barat Kelantan, Boria dari Penang, Mak Yong, Ayam Didik

dari Kedah dan banyak lagi lagu-lagu yang harus dibuat kajian dan disenaraikan di bawah warisan negara.

Ini juga merupakan satu hak cipta pada Bab 2, Perenggan 2, 51, kita dapat melihat hak cipta juga akan dipelihara kerana hak cipta ini amat penting. Saya ingin bertanya, adakah kita mempunyai satu peruntukan jika sekiranya kita tidak dapat *trace*, dengan izin, atau mencari siapakah hak ciptanya, berapa tahunkah jarak masa akan menjadi warisan negara. 10 tahun, 20 tahun, 30 tahun kalau ia tidak lagi kita dapat *trace* atau mencari nama penghakciptanya, maka ia akan menjadi warisan negara. Ini juga mungkin boleh kita lihat kerana ada beberapa perenggan saya lalui di dalam akta ini yang membolehkan kita melakukan demikian. Ini ada di bawah kuasa Menteri untuk memberikan dia satu senarai yang tertentu.

Persoalannya, jika hak cipta tidak dapat dihubungi, apa yang harus kita lakukan. Jarak masa ini juga amat penting bagi kita untuk mencari nama-nama yang boleh kita jadikan dia warisan negara. Jadi, pesuruhjaya, dia akan dilantik kemudian nanti. Pesuruhjaya Warisan yang akan mendaftarkan nama-namanya dan ini akan menjadi warisan dan saya menjangkakan ada di antara akta yang membenarkan kita menjadikan ia warisan negara selepas 50 tahun lamanya tidak ada lagi hak cipta.

Ini juga boleh dikaji semula. Kalau kita lihat filem-filem P. Ramlee sebagai contoh, dari awalnya hampir 50 tahun, jadi boleh ia menjadi hak cipta negara kerana budaya dan sejarahnya adalah Singapura pada ketika di bawah Malaysia. Jadi, ini barangkali boleh diambil kira dan boleh kita jadikan ia sebagai warisan negara bagi tujuan anak cucu kita akan datang dapat mengkaji semula dan menjadikannya sebagai satu usaha di universiti-universiti yang ada hari ini. Kita terpaksa mengkaji bahan-bahan sejarah dari luar negara kerana kita tidak punya senarai panjang yang walaupun bahan ini ada, tetapi sudah keluar hak ciptanya, sudah bukan lagi menjadi milik kita.

Jadi, ini di antara perkara-perkara yang ingin saya sebut dan juga di dalam Bahagian 6, daftar warisan kebangsaan ini akan juga boleh disenaraikan oleh pesuruhjayanya nanti dengan kuasa-kuasa Menteri yang diberikan, juga di dalam Bahagian 49 senarai sebagai objek warisan oleh pesuruhjaya. Permohonan bagi mendaftarkan objek warisan. Jadi, ada dua cara yang boleh kita jadikan daftar warisan mengikut rang undang-undang ini, sama ada kita dengan secara sukarela untuk mendaftarkan objek warisan ini kepada kerajaan ataupun kerajaan boleh mengambil hak cipta mana-mana pihak dengan memberikan bayaran yang tertentu untuk dijadikan hak cipta sama ada daerahnya, sama ada bahan yang digali di bawah tanah, di dalam tanah, di bawah air, di dalam bukit dan sebagainya ada tercatat di dalamnya dan saya amat melihat ia cukup komprehensif bagi melindungi warisan negara.

Bahagian 12 di dalamnya juga adalah satu lesen hendaklah dikeluarkan bagi mengeksport. Jadi ini juga kita hari ini mempunyai banyak kereta-kereta antik yang boleh kita jadikan warisan negara. Tetapi kalau tidak dilindungi, maka kereta-kereta ini akan dieksport

semula ke negara asalnya. Akhirnya, kita tidak punya bahan-bahan yang berharga walaupun ia dibawa masuk dari luar negara, tetapi sudah didaftarkan di sini, sudah menjadi warisan kita.

Ini kerana, ada ketika-ketiknya, khususnya apabila kita hendak membuat filem-filem sejarah, filem-filem yang menggunakan kereta-kereta lama, antik ini sukar untuk dicari kerana kebanyakannya telah dieksport semula ke luar negara. Saya mengharapkan supaya Kementerian Kebudayaan dan Warisan juga dapat menyenaraikan supaya kereta-kereta antik ini juga disenaraikan supaya tidak dibenarkan untuk dieksport kerana ia akan dijadikan warisan negara. Begitu juga kalau ada bahan-bahan yang telah ada di luar negara, ada peruntukan dalam Perkara 83 untuk mengimport kembali butiran-butiran warisan ini supaya dapat kita jadinya warisan negara.

Saya dengan itu, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya ada minta Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi untuk bersedia. Tetapi saya ada minta permintaan daripada Puan Safinah binti Jusoh untuk didahulukan, memandangkan hari ini adalah hari yang terakhir bagi beliau. Saya tidak tahu sama ada Dr. Puad boleh beri?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** [*Memberi isyarat tanda setuju*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh. Yang Berhormat ada enam minit untuk berucap. Terima kasih.

**12.54 tgh.**

**Puan Safinah binti Jusoh:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan DR.29/2005 iaitu Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005. Izinkan saya membaca sepotong ayat Al-Quran. *Bismillahir Rahmanir Rahim* [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] dari surah *As-Sajadah* iaitu ayat 26, yang bermaksud: "*Bukankah Tuhan telah tunjukkan kepada mereka betapa banyaknya angkatan iaitu keturunan sebelum mereka yang telah kami binasakan sedang mereka berjalan-jalan, yakni berulang-alik di tempat-tempat itu. Sesungguhnya hal-hal yang demikian itu menjadi keterangan atau tanda-tanda kebesaran Allah S.W.T. Maka mengapa mereka tidak mendengar?*"

Tuan Yang di-Pertua, akta ini adalah sebagaimana yang telah disebutkan oleh Menteri iaitu akta yang begitu komprehensif yang berkaitan dengan kebudayaan kita dan yang menjadi tarikan kepada saya dalam akta ini ialah berkaitan dengan bangunan iaitu tafsiran bangunan itu yang mempunyai nilai-nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni ataupun sains. Dengan izin, *what is today, will become a heritage in the future.* Iaitu apa yang ada pada hari ini, akan menjadi warisan di masa akan datang. Saya percaya bahawa rang undang-undang ini bukan sekadar untuk menggali, bukan sekadar untuk *conserve*, memelihara objek bangunan yang ada tetapi kita mahu juga melihat bahawa apa yang kita usahakan pada hari ini, bangunan-



bangunan yang ada pada hari ini biarlah mereka ini mempunyai nilai-nilai kebudayaan setempat kita atau nilai-nilai kebudayaan kaum yang ada di Malaysia ini.

Jadi, kita mahulah supaya seperti bangunan Parlimen ini sendiri membuat *renovation* tetapi sudah pun ada, maknanya tanda-tanda ada dimakan oleh serangga, bubuk. Bubuk itu jenis perkataan dari Terengganuloh. Jadi, bagaimanakah bangunan ini kita dapat pertahankan untuk masa akan datang? Untuk masa 50 tahun lagi, untuk masa 100 tahun lagi. Begitu juga kalau kita lihat sekarang ini dari segi pembinaan, tempat-tempat perhimpunan orang ramai di kampung-kampung, Dewan Sivik yang mana tidak sampai lima tahun, selepas dewan ini, selepas bangunan ini digunakan, sudah ada tanda-tanda kerosakan kepada bangunan ini.

Jadi kita biarlah sekarang ini apa yang kita usahakan, apa yang kita buat menjadi suatu ingatan kepada diri kita. Apa yang kita hendak buat ini, kita hendak buatnya dengan kukuh, dengan tahan lama supaya benda ini dapat menjadi suatu kenangan, kita dapat tunjukkan kepada generasi kita akan datang. Oh, ini dia Parlimen! Oh, ini dia Dewan Sivik! Ataupun apa-apalah, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Itulah sahaja apa yang saya hendak mengutarakan berkaitan dengan akta iaitu Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005.

Saya sebenarnya pada hari ini merupakan hari terakhir mengikuti sesi Dewan Negara yang mulia ini dan saya telah pun pada malam ini, tamat tempoh sebagai Ahli Dewan Negara. Sukalah saya merakamkan junjung kasih saya kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Tunku Mizan negeri Terengganu yang telah pun berkenan melantik saya menjadi Ahli Dewan Negara dan juga kepada Kerajaan PAS yang telah pun melantik saya menjadi Ahli Dewan Negara.

Kepada sahabat-sahabat, rakan-rakan seperjuangan di dalam Dewan yang mulia ini, saya meminta berbanyak kemaafan, selama kita bergaul. Sesungguhnya bagi saya pengalaman yang saya raih selama enam tahun berada di sini, ia merupakan suatu kenangan sejarah, suatu memori, suatu kenangan, suatu peringatan yang berada dalam liku-liku hidup saya sendirilah sebab kita ini hidup sentiasa berada dalam keadaan memperoleh pengalaman. Selepas daripada ini sambung lagi kehidupan kita dan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang berada di hadapan kita pada tengah hari ini dan juga kepada Tan Sri.....

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit laluan.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat masa pun sudah cukup. Yang Berhormat Puan Safinah habiskan ucapan itu.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat, oleh kerana ini satu kehidupan yang bersejarah, tidakkah Yang Berhormat hendak juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang tidak mempersoalkan kedudukan Yang Berhormat selepas selesainya Kerajaan PAS?

**Puan Safinah binti Jusoh:** Terima kasih di atas persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Terengganu juga. Saya bukan kata tidak mengucapkan terima kasih tetapi perjawatan saya ini adalah terangkum di dalam Perlembagaan itu sendiri, yang mana tadi telah pun disebut oleh Menteri bahawa perjawatan Ahli Dewan Negara ini tidak terjejas dengan pembubaran Parlimen.

Jadi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, selama saya berada di sini daripada tahun 1999 hingga kepada tahun 2005. Insya-Allah, mudah-mudahan pengalaman yang saya perolehi di sini akan menjadi suatu pengajaran, suatu teladan kepada kehidupan saya yang seterusnya. *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh* dan saya menyokong rang undang-undang ini. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagi pihak Majlis, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan di atas sumbangan-sumbangan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat kepada Majlis ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah pun cukup. Saya tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang ini.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang tengah berucap tadi? Siapa yang tengah berucap tadi?

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Sudah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang hendak berucap sekarang?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**2.32 ptg.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan rang undang-undang mengenai Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dengan kewujudan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akhirnya kita mendapat satu akta yang dipanggil sebagai Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Saya berharap kita belum terlambat sebenarnya untuk menyelamatkan apa yang ada baik dari segi khazanah kita, warisan kita, artifak kita, yang ada di dalam bumi, di dalam air ataupun yang wujud di udara antara bumi dan langit di negara kita ini kerana ini penting sebenarnya kerana semuanya ini, warisan ini akan mengukuhkan lagi perpaduan, patriotisme, semangat kebangsaan, kecintaan kita kepada negara kita.

Saya mendapati rang undang-undang ini memang amat komprehensif kerana ia menyentuh secara terperinci apa yang kita maksudkan sebagai warisan kebangsaan, warisan kebudayaan, warisan kebudayaan bawah air, warisan kebudayaan *tangible* dengan izin, warisan kebudayaan *intangible* dengan izin, warisan kebudayaan semula jadi dan warisan kebudayaan penting.

Saya ingin menyentuh satu aspek yang penting di sini iaitu warisan kebudayaan semula jadi. Di bawah pengertian warisan semula jadi ini gunung, sungai, anak sungai, pesisiran laut dan sebagainya sekarang ini boleh didaftarkan sebagai warisan semula jadi. Saya berharap kerajaan akan memperincikan kesemuanya ini dengan sebaik-baiknya yang membezakan dengan Akta Perhutanan yang ada hutan simpan kekal dan sebagainya dengan menjadikan kesemuanya ini sebagai warisan semula jadi iaitu apa sahaja yang ada di dalamnya tidak boleh diambil, dikeluarkan, dicuri, dieksport dan sebagainya. Oleh sebab itulah saya berharap melalui akta ini kerajaan akan menyegerakan supaya gunung-ganang kita ini seperti Gunung Ledang, Gunung Kinabalu, Gunung Jerai, Gunung Tahan, Gunung Pulai, Gua Niah, Gua Mulu ataupun Batu Caves dan sebagainya didaftarkan sebagai peninggalan warisan kita.

Saya mengambil contoh Gunung Ledang tanpa akta ini menyebabkan ramai pengunjung atau pelancong daripada Singapura apabila mereka datang ke Gunung Ledang mereka akan mengambil apa yang ada di situ termasuklah spesies bunga orkid dan sebagainya dan membawa keluar tanpa ada sebarang sekatan, halangan dan sebagainya kerana kita tidak mempunyai akta ini. Sebab itu dengan adanya akta ini maka kita melihat kita sudah ada satu benda yang boleh mengawal keadaan ini dan saya harap ini disegerakan melalui apa yang dipanggil sebagai warisan kebudayaan semula jadi ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya hendak cuba sedikit memahami hujah-hujah Yang Berhormat. Kita mewarisi alam dan dunia ini dan segala yang kita warisi boleh dibahagikan kepada dua, iaitu segala yang kita warisi tanpa sentuhan manusia langsung maka *our natural heritage*, dan ada pula yang kita warisi dengan terdapat pada zaman purba atau bila-bila detik dalam masa kehadiran kita di muka bumi ini sentuhan tangan manusia. Maka boleh kita sebut *cultural heritage*.

Jadi kalau Yang Berhormat hendak satukan antara *natural heritage* dan *cultural heritage* saya cuba cari pautan yang memungkinkan kita memperundangkan perkara tersebut. Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya melihat berdasarkan kepada Akta Warisan Kebangsaan ini sudah diperincikan apa yang dimaksudkan sebagai warisan kebudayaan, warisan kebangsaan, warisan kebudayaan bawah air yang *tangible*, *intangible* dan sebagainya. Sebab itu kenapa saya mengatakan bahawa rang undang-undang ini sebenarnya adalah merupakan satu perkara yang kalau saya bincang dengan para budayawan, sebelum saya hendak membahaskan perkara ini mereka amat gembira

mendengar adanya akta ini sebenarnya. Yang dinanti-nantikan sejak sekian lama Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itulah apabila kita memperincikan apa yang dimaksudkan warisan kebudayaan semula jadi kerana ini memang tidak ada sebenarnya peraturan ini dalam negara kita, sebab itu saya menyebutkan tadi bahawa ada pihak yang tahu perkara ini dan mereka mengeksploitasi segala benda ini. Dicuri, dirosakkan, diambil, dieksport dan sebagainya dengan sewenang-wenangnya. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua di London Castle yang kalau kita hendak masuk kita kena bayar dan diperiksa semua dengan menggunakan segala peralatan moden. Saya difahamkan di situ juga ada jongkong emas yang dibawa oleh penjajah semasa menjajah negara kita yang akhirnya kita sendiri melihat dan menontonnya tanpa boleh kita berbuat apa-apa. Sebab itu nanti saya akan menyentuh tentang harta kita yang ada di luar negara yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin tadi.

Cuma saya amat dukacita sedikit tentang rang undang-undang ini kerana ia tidak memperincikan kedudukan kebudayaan nasional ini. Kita sekarang ini seolah-olah tenggelam dengan apa yang dipanggil sebagai *multiculturalism* dan kebudayaan nasional itu semakin terpinggir dan ini harus diperbetulkan. Bukan kita tidak mengiktiraf budaya-budaya yang pelbagai yang wujud di negara kita, tetapi kita harus sedar bahawa kita ada kebudayaan nasional yang perlu dipertahankan.

Sebab itu saya amat sedikit runsing apabila dibangkitkan sekarang ini mahu mewujudkan apa yang dipanggil sebagai tarian Malaysia. Biarlah tarian India kekal dengan tarian India, tarian zapin dengan zapin dan sebagainya. Tarian kipas dengan tarian kipas. Kita tidak perlu mewujudkan satu tarian, tarian Malaysia yang mencampuradukkan dan merojakkan kesemua ini.

Sebab itu malam tadi sebagai contohnya saya melihat bila saya makan di Restoran Nelayan, lagu *Malaysia Truly Asia* ditarikan dengan tarian Melayu yang merosakkan keaslian tarian Melayu menggunakan muzik lagu *Malaysia Truly Asia* ini. Kita dengar baru-baru ini bagaimana persatuan-persatuan silat menolak cadangan kementerian mahu mewujudkan apa yang dipanggil sebagai Silat Malaysia. Biarlah sendeng dengan sendengnya, lincah dengan lincahnya. Jadi apabila berlaku ketidaktentuan dalam soal *multi cultural* dengan tidak faham dengan kebudayaan nasional, maka ini akan merosakkan sebenarnya warisan kebudayaan yang kita bahaskan ini.

Kemudiannya saya ingin menyentuh tentang pesuruhjaya warisan. Kenapa pesuruhjaya warisan termasuklah Majlis Warisan Kebangsaan hanya bersifat *advisory*, dengan izin, tetapi tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan. Saya ambil satu contoh tentang Akta Bahasa. Kita ada Akta Bahasa tetapi Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan. Akhirnya bahasa kita menjadi rojak, disalahgunakan dan sebagainya sebab tidak ada penguat kuasa kepada Dewan Bahasa dan Pustaka walaupun sudah ada Akta Bahasa ini. Sebab itulah saya berharap kementerian harus melihat tentang peranan Pesuruhjaya Warisan ini bukan

setakat hanya untuk mendaftarkan apa yang kita katakan sebagai warisan kebangsaan dan sebagainya tetapi juga mempunyai kuasa penguatkuasaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat saya minta maaf saya selalu tergerak mengganggu Yang Berhormat. Ada juga satu pandangan yang masyarakat kita ini di antara masalahnya ialah banyak sangat orang yang berkuasa dan ini merupakan sebab kerap juga berlaku salah guna kuasa, bila ada kuasa itu boleh digunakan dengan baik dan boleh disalah guna. Jadi kita asyik beri kuasa sahaja kepada pelbagai pihak, maka akhirnya tidak hairanlah kalau kita terperangkap dengan terlalu banyak orang yang salah guna kuasa seperti berlakulah bila dikuatkuasakan menangkap anak-anak muda berpegangan tangan di taman sana sini timbul masalah-masalah. Jadi kalau diberi lagi kuasa, kita perlu ingat bahawa akan timbul lagi salah guna kuasa.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita mengetahui perkara ini akan berlaku. Cuma Tuan Yang di-Pertua apa yang saya timbulkan di sini ialah kerana ketidakjelasan tentang kuasa penguat kuasa ini, siapa sebenarnya bila akta ini wujud tidak diperjelaskan dari segi dendanya, tindakannya dan bagaimana. Sebab itulah saya menimbulkan perkara ini sebab saya mengambil contoh tadi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka itu kerana ialah akhirnya dia mengatakan bahawa ini adalah tindakan kerajaan tempatan. Kerajaan tempatan pula memberi alasan yang lain.

Jadi sebab itu haruslah dalam perkara ini apabila kita membuat satu undang-undang, Akta Warisan Kebangsaan yang sebegini baik tetapi akhirnya orang akan melakukan manipulasi dan eksploitasi terhadap apa yang ada yang menjadi khazanah kita ini untuk melepaskan diri mereka dan membawa keluar apa yang ada dalam negara kita. Itu yang saya harap diberikan perhatian sebenarnya.

Oleh kerana itu apabila diwujudkan apa yang dikatakan sebagai Majlis Warisan Kebangsaan, saya harap Majlis Warisan Kebangsaan ini mempunyai *officinya*, dengan izin, di setiap daerah dan negeri sebab kebanyakan daripada apa yang ada ini artifak kita, warisan kita ini adalah berada di negeri-negeri dan juga di daerah-daerah, bukannya setakat di Kuala Lumpur dan sebagainya sebab itu *office* ini iaitu Majlis Warisan Kebangsaan ini mempunyai cawangan-cawangannya, pegawai-pegawainya di negeri dan juga daerah supaya perkara ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Saya mengambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, bahawa di Johor kita ada Yayasan Warisan Johor. Yayasan Warisan Johor memang ada beberapa peraturan yang jelas mengenai perkara ini. Tetapi kalau perkara ini dapat diselaraskan melalui Majlis Warisan Kebangsaan, maka ini akan memberi kesan yang lebih besar sebenarnya dalam keadaan kita hendak menyelamatkan apa yang masih ada dalam negara kita ini, baik di bumi, baik di air, baik di ruang udara antara langit dan bumi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya sentuh juga di sini seperti mana yang dibangkitkan oleh Datuk Jins Shamsudin tentang Minggu Warisan. Dengan ini saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memilih salah satu daripada satu hari dalam setahun di negara kita ini yang kita panggil sebagai Hari Warisan dan dijadikannya sebagai cuti umum di negara kita. Kita sudah ada Hari Gawai, Hari Guru, Hari Landskap, Hari Ibu, Hari Bapa dan sebagainya. Kita perlukan Hari Warisan ini iaitu hari di mana kita beri cuti kepada orang ramai untuk mereka menghayati segala warisan yang ada di negara ini termasuk tokoh-tokoh yang ada di negara kita sebagai warisan sekarang ini.

**Datuk Jins Shamsudin :** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua :** Ini detik yang paling baik saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Peraturan Mesyuarat 36. Kita boleh bagi satu demonstrasi yang cukup terbaik supaya kekal dalam ingatan. 36 berbunyi, "Seseorang Ahli..." Yang Berhormat, sila duduk sebentar. "Seseorang Ahli tidak boleh mengganggu Ahli yang sedang bercakap kecuali..." sebab itu saya tekankan ada yang boleh secara lumrah, ada yang boleh secara pengecualian. *Allowed as a matter of cause and allowed as a matter of exception.*

Sayangnya dalam kehidupan kita hari-hari, kita kira allowed sahaja, boleh sahaja, tidak kira adakah benda itu boleh sebagai lumrah atau boleh dalam keadaan dikecualikan. Sebab itulah yang saya kata timbul, saya bagi contoh kahwin banyak itulah. Satu contoh boleh dengan lumrah dan boleh dalam keadaan dikecualikan, maka Peraturan Mesyuarat 36 pun begitu juga. "Seseorang ahli tidak boleh mengganggu Ahli yang sedang bercakap kecuali...", maka dia tekankan tidak, kemudian kecuali :

Pertamanya, "jika hendak keluarkan teguran berkenaan tertib mesyuarat..." – kena sebut bilangan berapa peraturan, tarik perhatian Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya, "tidak boleh mengganggu kecuali...", bukan boleh mengganggu tetapi tidak boleh mengganggu kecuali, yang keduanya ialah "jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh Ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat Ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan Ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Tuan Pengerusi".

Datuk Jins Shamsudin, silakan.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana memberikan saya peluang untuk memberi pandangan. Apa pandangan Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kita harus ada Hari Warisan, Hari Ibu, Hari Bapa, Hari Wanita, Hari Kanak-kanak dan banyak lagi. Apa pandangan Yang Berhormat kalau kita mencadangkan 'Hari Seniman', harus ada satu 'Hari Seniman' kerana seniman banyak memberikan sumbangan di dalam hal-hal yang bersangkutan dengan warisan ini. Jadi kita juga wujudkan satu 'Hari Seniman', memohon apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi :** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau kita rujuk kepada rang undang-undang ini, sekarang ini segala-galanya sudah ada di sini dipanggil seniman juga adalah merupakan warisan kebangsaan. Pejuang politik seperti Dato' Onn juga warisan kebangsaan. Maksudnya pengertiannya di dalam rang undang-undang ini sudah meluas, sudah cukup komprehensif. Sebab itu saya kata saya amat gembira apabila melihat rang undang-undang ini. Apabila saya menyebut 'Hari Warisan', dia menyentuh segala-galanya – seniman, penyanyi, pelakon, artifak kita, bahan-bahan kita, kita perlu ingati sebagai satu bahan untuk menguatkan lagi patriotisme kita, semangat kebangsaan kita. Kita mengingati kalau kita lihat akhbar hari ini bagaimana Tun Tan Cheng Lock sudah dikeluarkan CD perjuangan.

Kita harus melihat dia sebagai warisan kita. Sebab itu saya mengatakan bahawa Hari Warisan ini adalah hari warisan bukan setakat soal kuih dan sebagainya tetapi segala-galanya. Kita lihat Datin Seri Endon, kita harus melihat dia sebagai tokoh warisan batik kita yang harus kita ingati semasa Hari Warisan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa ada batik kita yang berumur 100 tahun sudah pun di bawa keluar daripada negara kita. Ini yang mengecewakan kita sebab itu dengan akta ini, sekarang ini segala-galanya menjadi warisan, tidak boleh sewenang-wenangnya dikeluarkan dan kita harus mengingati Datin Seri Endon sebagai tokoh warisan batik sebab ada batik kita yang 100 setahun yang kita tidak sedar sudah pun dibawa keluar daripada negara ini.

Kita harus ingat pendeta Za'aba sebagai tokoh bahasa kita, dalam keadaan bahasa yang semakin kucar-kacir sekarang ini. Kita harus mengingati P. Ramlee, orang yang disebut mempunyai 7P iaitu Pelawak, Penyanyi, Pelakon dan segala-galanya. Kalau kita lihat filem dia, semuanya ada pengajaran. *Semerah Padi* ada pengajaran dari segi pelaksanaan undang-undang Islam, dalam soal keluarga ada dalam filem *Ibu Mertuaku*, dalam soal tamak, Tiga Abdul pun ada. Ada juga filem Madu Tiga kalau orang hendak bermadu, kenapa P. Ramlee tidak buat filem Madu Empat, Madu Dua, kenapa Madu Tiga? Sudah tentulah P. Ramlee mempunyai unsur-unsur pengajarannya. Sebab itu kita harus mengingati P. Ramlee, maknanya hari warisan ini sebagai tokoh orang yang banyak memberikan pengajaran kepada hidup kita melalui sebuah filem.

Kita tengok Dato' Onn, walaupun dia pemimpin Melayu tetapi dia bukan seorang perkauman, dia sanggup datang ke Batu Pahat jumpa Bintang Tiga, jangan bergaduh, dia pergi jumpa Kiai Salleh jangan bergaduh, jangan berdendam. Dia pun pernah mencadangkan UMNO itu keahliannya dibuka kepada semua kaum, walaupun dia tidak pernah menjadi Perdana Menteri.

Saya ingin maklumkan Tuan Yang di-Pertua, Dato' Onn apabila dia bertengkar dengan British dan membawa kaum keluarganya berhijrah ke Singapura menjadi nelayan, hidup sebagai seorang nelayan tetapi dia melihat kemiskinan, kaum bangsanya sendiri yang apabila berlaku

tengkujuh tidak boleh turun ke laut dan sebagainya maka menimbulkan kesedaran pada dia kalau dia tidak memberi pendidikan kepada kaum bangsanya, maka mereka akan hidup dalam kemiskinan sebab itu dikembalikan ke tanah Melayu, menentang Malayan Union, menyatupadukan orang Melayu.

Sebab itu kita melihat pemikirannya, apa yang dilakukannya, kata-katanya penuh hikmah dan sebab itu kita harus mengingati mereka ini seperti juga Tun Tan Cheng Loke. Dia seorang pemimpin cina tetapi tidak ada rasa perkauman dan sebagainya, membawa orang Cina bersatu mewujudkan satu parti perikatan supaya sama-sama kita ini merebut kemerdekaan, menghalau penjajah dan juga untuk mewujudkan sebuah negara yang berbilang kaum tetapi bersatu padu ini. Sebab itulah saya berharap ini diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang warisan kita yang sudah berada di luar negara sekarang ini. Apa yang kita boleh buat, kita hendak buat bagaimana, kalau di Leaden University ini, banyak warisan yang dipanggil sebagai *intangible* ini, penulisan-penulisan. Bahan-bahan kita. telah

Tuan Yang di-Pertua saya pernah pergi ke Suas College di London, saya melihat bahan-bahan yang diambil daripada Sarawak, daripada Sabah dipamerkan di sepanjang laluan fakulti pengajian Asia Tenggara tersebut bahkan di tempat saya belajar di Universiti Of Haule itu pun kebanyakan pensyarah dari pengajar Asia Tenggara datang dan pernah mengajar dan buat kajian di Malaysia, di Sabah, di Sarawak boleh cakap Melayu semua tetapi bahan-bahan tersebut di simpan dalam almari sepanjang laluan tersebut yang kita tidak boleh buat apa-apa sudah tetapi bagaimana kita hendak supaya bahan-bahan ini juga kembali ke negara kita.

Maka perlu ada satu peraturan di dalam Rang Undang-Undang ini sama ada kita boleh minta kebenaran daripada mereka untuk disanding dan sebagainya. Dengan apa cara sekalipun sekurang-kurangnya perkara itu dan barang-barang yang sudah dibawa keluar itu ada, apa yang panggil sebagai suatu gantian sebenarnya walaupun bukan yang asli. Ini perlu ada di dalam Rang Undang-Undang kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang UNESCO World Heritage ini, kita lihat di Pulau Pinang, di Melaka ada kawasan-kawasan yang sudah pun diiktiraf sebagai *World Heritage* di bawah UNESCO ini tetapi yang kita hairan kenapakah kampung-kampung tradisi yang di luar bandar ini tidak diletakkan juga sebagai *World Heritage* ini yang tidak boleh di ganggu seperti mana kalau kita lihat di Luong Prabang. Apabila ke sana memang ada pejabat UNESCO di situ yang sudah mendaftarkan Luong Prabang ini sebagai *World Heritage* maksudnya kalau orang kat situ hendak buat *renovation* atau ubahsuai dengan izin rumah mereka pun kena minta kebenaran daripada pejabat UNESCO yang ada di sini, untuk mengekalkan tradisi yang ada di sini sebagai satu warisan.

Tetapi kita lihat, dalam soal ini kebanyakan kampung-kampung tradisi kita tidak diberi perhatian dan akhirnya kita lihat kalau di kampung kita sekarang ini seolah-olah



pengubahsuaianya itu merosakkan kesenian yang ada itu sebagai satu warisan dan ini harus diberi perhatian oleh kementerian melalui Akta Warisan ini. yang

Yang paling akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah soal denda ini harus diperjelaskan denda terhadap mereka yang menjual warisan kita ini. Apa denda jua, harus diperjelaskan dengan lebih baik supaya ini akan memberikan suatu halangan kepada mereka yang cuba untuk mencuri ataupun membawa keluar barang ini apatah lagi yang merosakkannya yang akhirnya menyebabkan kita kehilangan begitu banyak warisan-warisan yang ada di dalam negara kita ini dan saya menyokong pandangan sahabat saya ini iaitu Yang Berhormat Puan Syafinaz iaitu bahawa salah satu daripada punca kita ini tidak ada peninggalan yang kuat ialah kebanyakan bangunan kita ini tidak dibuat dengan kukuh. Sebab itu kalau kita pergi di kebanyakan istana-istana lama kita ini sudah tidak ada sudah, sudah tidak nampak semuanya dimakan anai-anai berbanding kalau kita pergi ke negara-negara Eropah, *castle* mereka yang dibuat daripada batu dan sebagainya dan ini juga harus diberi perhatian supaya ia adalah mendatangkan kebaikan kepada generasi kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya amat menyokong kuat Rang Undang-Undang Warisan Kebangsaan 2005 ini, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Tay Puay Chuan, selepas ini.....

### 2.58 ptg

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini saya akan beri seorang lagi berucap.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang di hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terus kepada beberapa seksyen yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-Undang ini di mana saya berpendapat bahawa masih ada ruang untuk diperbaiki, mungkin pada masa-masa hadapan. Saya terus kepada Seksyen 10 (g) di mana seksyen ini membolehkan seseorang menteri ataupun menteri yang berkenaan melantik enam anggota yang lain untuk menganggotai Majlis Warisan Kebangsaan ini. Pada hemat saya ini adalah satu langkah yang baik kerana memberi kuasa kepada menteri untuk berbuat demikian, cuma saya harap bahawa enam anggota majlis yang bakal di lantik oleh menteri hendaklah datang dari semua lapisan masyarakat ataupun semua kaum kerana sudah tentu warisan kebangsaan kita diperturunkan oleh kaum-kaum di negara kita.

Begitu juga Seksyen 18 membolehkan majlis menubuhkan jawatankuasa dan saya juga berharap jawatankuasa yang bakal ditubuhkan juga merangkumi semua kaum yang akan menganggotai jawatankuasa tersebut kerana pada pendapat saya sudah tentu hanya kaum-

kaum yang tertentu dapat mengenal pasti, mengecamkan dan mengesahkan sesuatu itu adalah warisan kaum tertentu dan dijadikan warisan kebangsaan seterusnya.

Seterusnya saya ingin ke Seksyen 16, mengenai Mesyuarat Majlis Warisan Kebangsaan. Seksyen 16 hanya memperuntukkan bahawa Mesyuarat Majlis diadakan seberapa kerap yang boleh. Ini membolehkan majlis tersebut mempunyai budi bicara ataupun '*discrimary*', *discretion* dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Discriminatory.*

**Tuan Tay Puay Chuan:** Ada budi bicara dia. Saya rasa ini adalah satu, masih ada ruang untuk diperbaiki. Saya rasa hendaklah mewajibkan Majlis mengadakan mesyuaratnya mungkin dalam masa dua bulan ataupun tiga bulan sekali. Kalau seberapa kerap yang boleh mungkin satu tahun baru sekali, dua tahun sekali. Ada kepincangannya Tuan Yang di-Pertua dari segi ini.

Seterusnya, ialah Seksyen 26(3) di mana Pesuruhjaya boleh melakukan pemeriksaan ke tapak warisan untuk dijadikan tapak warisan kelas sekiranya tapak tersebut sesuai untuk dijadikan sedemikian. Seksyen 26(3) hanya membolehkan tuan punya tanah ataupun tuan punya tapak membuat sesuatu bantahan sekiranya mendapat kelulusan pihak berkuasa negeri.

Kita tahu untuk mendapat kebenaran, pihak berkuasa negeri akan mengambil masa yang panjang. Saya rasa kalau tuan punya, sudah tentu kita harus memberinya hak mutlak untuk membantah tanpa mendapat kebenaran mana-mana pihak kerana beliau adalah tuan punya tapak tersebut.

Seterusnya, sekiranya bantahan tersebut diterima, tiada dari peruntukan di bawah Rang Undang-undang ini, bagaimana bantahan tersebut harus ditangani. Harus dikendalikan seperti yang ada cuma pada Seksyen 29, iaitu pendengaran untuk sesuatu tapak dijadikan tapak warisan setelah notis diberikan. Setelah keputusan dibuat untuk menjadikan tapak tersebut sebagai tapak warisan baru diperlukan pendengaran. Tapi bila sebelum tapak tersebut diputuskan untuk dijadikan tapak warisan disiarkan notisnya tiada peruntukan bagaimana bantahan tersebut hendak diuruskan.

Seterusnya, saya pergi ke Seksyen 48(1), iaitu sesuatu objek warisan. Mengenai objek warisan ini, tuan punya sekiranya Pesuruhjaya perlu boleh memberi pampasan kepada tuan punya objek itu di mana objek itu terletak di atas tanah tuan punya. Tetapi tidak apa-apa ganjaran ataupun hadiah ataupun bayaran akan diberikan kepada seseorang yang menjumpai objek tersebut. Tiada peruntukan.

Saya rasa untuk menggalakkan lebih ramai ataupun untuk menggalakkan seseorang yang menjumpai objek tersebut untuk melaporkan kepada pihak berkuasa, maka saya rasa orang yang menjumpai objek tersebut harus juga diberi ganjaran yang sewajarnya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Seksyen 48, atau pun Seksyen 67(1) mengenai mana orang yang hidup boleh dijadikan warisan kebangsaan. Saya juga menyeru

agar apabila seseorang yang hidup hendak dijadikan sebagai warisan kebangsaan, semua kaum diberi pertimbangan yang patut. Seksyen 72 memperuntukkan bahawa kerajaan boleh, atau pesuruh boleh memperuntukkan ruangan untuk pemuliharaan dan pemeliharaan warisan kebangsaan.

Tetapi tidak menyebut tentang hadiah yang boleh diberikan kepada orang-orang yang hidup yang boleh dijadikan warisan kebangsaan. Saya rasa sekiranya kita jadikan seseorang itu warisan kebangsaan, maka kita harus memberi sedikit pengiktirafan dari segi kebendaan ataupun kewangan. Sungguhpun bukan niatnya untuk dapat, tetapi sebagai satu tanda penghormatan atau penghargaan. Saya harap Menteri boleh menggunakan kuasa-kuasanya di bawah atau membuat sesuatu regulasi untuk tujuan berkenaan.

Saya beralih ke Seksyen 109(1) mengenai seseorang yang dituduh, maka apa-apa yang diperkatakan olehnya sama ada menjawab soalan atau tidak yang dipersoalkan oleh pegawai berkuasa ataupun polis boleh digunakan terhadapnya di masa perbicaraan.

Walaupun, walaupun, soalan itu tidak diterjemahkan kepadanya. Walaupun beliau tidak fasih atau tidak faham langsung soalan tersebut. Misalannya seseorang rakyat daripada luar Negara, apabila beliau ditangkap, beliau disoal siasat. Tetapi dalam masa soal siasat tersebut, kemungkinan besar bahasa yang digunakan ialah bahasa kita, bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris. Tetapi beliau mungkin tidak fasih dalam bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris. Mungkin beliau seorang daripada misalan, Fiji ataupun Afrika yang tidak fasih kedua-dua bahasa. Ataupun apa-apa yang dijawabnya boleh digunakan untuk *gainship* dengan izin, dalam perbicaraan. Saya rasa ini adalah satu keadaan yang tidak adil. Dan saya rasa penterjemah diperlukan dalam keadaan demikian.

Kerana kalau kita mengikut keputusan-keputusan mahkamah, mahkamah selalunya akan membuat sesuatu keputusan bahawa dalam keadaan sedemikian, seseorang penterjemah hendaklah digunakan. Supaya tiada berlaku prejudis ke atas orang yang kena tangkap ataupun kena tahan tersebut.

Seterusnya saya pergi ke Seksyen 109(3) iaitu percakapan beramaran. Saya juga ingin sentuh Seksyen 109(6) yang ada hubung kait kedua-dua seksyen tersebut. Ini adalah sesuatu yang luar biasa. Bagi saya satu anomali. Anomali bermaksud tidak biasa berlaku di mana-mana undang-undang kita. Walaupun undang-undang Kanun Keseksaan ataupun Kanun Acara Jenayah. Di mana kalau kita tengok, ini adalah satu percakapan amaran pada biasanya Seksyen 113, Kanun Acara Jenayah.

Tetapi apabila kita mengeratkan sesuatu *caution statement*, ataupun seseorang ditangkap dia akan *caution statement*, maka beliau diberi amaran bahawa beliau berhak untuk tidak menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan. Ataupun beliau berhak berdiam diri, *to remain silence*, dengan izin. Ini adalah hak asasi seseorang. Jika kita tengok, kita dituduh di mahkamah dan *prima facie* kes telah dibuktikan bahawa pembelaan harus dipanggil. Mahkamah

ataupun undang-undang juga memberi hak kepada orang kena tuduh tersebut semasa pembelaan, beliau berhak untuk berdiam diri tidak mengatakan apa-apa pun. *That is .....election, one of them. One of the election* dengan izin. Beliau berhak berdiam diri.

Tapi pada Seksyen 109(3) dan (6) ini, sekiranya seseorang ditangkap, maka polis ataupun pihak berkuasa akan bagi tahu bahawa beliau telah ditangkap, ditahan, dia tidak berhak untuk dia bercakap. Beliau akan diberi amaran bahawa kalau ada apa-apa sesuatu, beliau hendaklah beritahu kalau tidak beritahu maka pada kemudian harinya dengan berdiam diri maka beliau dibolehgunakan dalam keterangan bahawa pada masa beliau ditangkap, beliau berdiam diri tidak mengatakan sesuatu.

Maka suatu *adverse inference*, satu seksyen iaitu Seksyen 109(6), satu tanggapan boleh dibuat apabila mahkamah hendak membuktikan *prima facie case* bahawa kamu berdiam diri, tidak cakap apa-apa, sepatutnya kamu harus membela diri, tapi kamu tidak, maka saya ataupun mahkamah boleh memutuskan bahawa kalau kamu berkata apa-apa, itu tidak mendatangkan manfaat kepada kamu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna Yang Berhormat hendak menyatakan Seksyen 109(6) ini ialah satu usaha halus hendak mempermudah pendakwaan.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Benar, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengetepikan prinsip-prinsip keadilan yang lebih tinggi.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Benar, Tuan Yang di-Pertua. Sungguh pun kita hendak mendakwa dan kita tahu mungkin dia bersalah, tetapi kita tidak boleh ambil jalan mudah dengan *to deprive the very basic rights, the human rights of someone* dengan izin. Seterusnya saya sentuh tentang Seksyen 126(1). Seksyen 126(1) ini saya rasa adalah satu seksyen yang paling luar biasa. Saya tidak pernah lihat dalam mana-mana undang-undang ada peruntukan sedemikian. Izinkan saya menyebut seksyen tersebut Tuan Yang di-Pertua kerana ini adalah sangat-sangat penting.

Seksyen 126(1) berbunyi demikian, "*Menteri boleh melalui perintah membuat apa-apa ubahsuaian dalam peruntukan Akta ini yang didapatinya perlu atau suai manfaat bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan yang disebabkan oleh permulaan kuat kuasa Akta ini.*"

Seksyen 126(2), "*Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen ini selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa ini.*"

Seksyen 126(3), "*ubahsuaian termasuklah pindaan, tambahan, pemotongan, penggantian, penyesuaian, variasi, penggubahan dan ketidakpakaian mana-mana peruntukan Akta ini.*"

Sungguh pun ada satu *qualification* iaitu menteri hanya boleh menggunakan kuasa *invoke* Seksyen 126(1) dengan membuat ubahsuaian ke atas sesuatu peruntukan. Kita

mempunyai 125 peruntukan sebelum Seksyen 126, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, menteri dalam masa dua tahun berkuat kuasanya undang-undang ini, menteri boleh dalam masa dua tahun membuat apa-apa perubahan ke atas mana-mana peruntukan dalam undang-undang ini. Saya rasa ini adalah satu perbuatan - sebelum itu saya kena menegaskan bahawa saya tidak cemburu ataupun kita tidak cemburu dengan kuasa-kuasa menteri. Cuma kalau berlaku demikian maka seolah-olah menteri telah *used up the role, the sacred role of the* Parlimen. Sesuatu peranan yang begitu teramat agung.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** [*Bangun*]

**Tuan Tay Puay Chuan:** *Let me finish it*, biar saya habiskan, nak habis dah ini. Sesuatu peranan yang begitu agung yang dimiliki, dinikmati oleh Parlimen tidak pernah ada apa-apa peruntukan membolehkan seseorang menteri ataupun mana-mana pihak meminda sesuatu, membuat ubahsuaian ke atas sesuatu peruntukan undang-undang.

Saya faham bahawa ini adalah satu undang-undang yang baru, yang tidak sunyi mempunyai kepincangan ataupun kelemahan-kelemahan tertentu. Tetapi sekiranya ada kepincangan ataupun kelemahan biarlah Parlimen yang memperbetulkannya pada masa hadapan kelak tetapi bukan menteri. Dengan itu saya tamatkan ucapan saya ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bukankah Yang Berhormat hendak beri laluan tadi?

**Tuan Tay Puay Chuan:** Saya beri laluan. Terima kasih

**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat beri laluan kepada

....

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih, laluan saja ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju ada anomali dari segi Seksyen 126 ini, tapi saya fikir anomali ini adalah satu keperluan kerana ini adalah untuk menjaga warisan kita. Seperti mana ada pepatah Melayu berkata - Hang Tuah pernah berkata, "Melayu tidak akan hilang di dunia". Tapi sekarang ini orang Malaysia berkata, "Malaysia tak akan hilang di dunia". Saya fikir untuk menjaga warisan kita dengan penuh perasaan patriotik terhadap negara dengan izin, *we must jealously safeguard* kita punya *heritage*.

Undang-undang ini, Seksyen 126 ini, walaupun ia agak aneh tetapi keanehan ini perlu kerana sesiapa yang cuba, yang telah melakukan ataupun yang sedang melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini nanti yang boleh mencabuli warisan kita, maka tidak ada lain caranya melainkan unsur-unsur sebegini macam seksyen yang disebutkan sebelum ini juga Seksyen 109, itu pun satu anomali tapi anomali itu adalah sangat perlu. Kerana tidak ada daya lain caranya kalau kita hendak perhebatkan, cara kita hendak mempertahankan warisan kita.

Jadi siapa yang nak buat jahat terhadap warisan kita, harus menempuh seksyen-seksyen yang begitu hebat, yang aneh ini. Kuasa yang diperturunkan kepada menteri di bawah Seksyen

126 ini, memberi menteri tersebut ruang untuk mempertahankan warisan kita kerana kalau kita hendak bawa sesuatu pindaan lagi dalam masa dua tahun, masa undang-undang ini hendak dicubakan keberkesanannya, maka ia akan memperlambat ataupun menghindarkan perjalanan kementerian ataupun suruhanjaya yang dipertanggungjawabkan di bawah Akta ini.

Saya rasa tidak timbul di mana hak asasi seorang yang sedang disiasat atau sedang didakwa melainkan ianya menjurus kepada mempertahankan warisan kita. Jadi sesiapa yang berkenaan haruslah bekerjasama menerusi peruntukan undang-undang ini. Tiap-tiap *inference* dengan izin, dari segi *evidential rules* adalah untuk menjaga hak warisan kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat diberi laluan...

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat diberi laluan sahaja.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Ya, tetapi oleh kerana terlalu *intricate*, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa panjang lebarkan sedikit laluan. Jadi itu sahaja, jika Yang Berhormat boleh mengulas apa yang saya katakan tadi. Yang Berhormat mungkin ada pendirian yang lain.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Idris. Itu betul. Terima kasih kerana Yang Berhormat bersetuju dengan pendapat saya bahawa Seksyen 126 adalah satu seksyen yang aneh. Cuma apa yang saya luahkan, saya harap tidak menjadikan saya kurang patriotik. Yang saya risaukan ialah kita membuat satu *precedent*, membuka satu *precedent* dan masa-masa akan datang, apa-apa Akta yang bakal diluluskan, maka ada peruntukan yang sedemikian bahawa seseorang menteri di bawah satu *ministry* yang di bawah jagaannya boleh ada kuasa untuk ubahsuai sesuatu peruntukan dalam rang undang-undang yang bakal diluluskan.

Jadi saya rasa ini satu perbuatan ataupun bukan satu perbuatan, satu cubaan yang tidak begitu sihat dan tidak harus digalakkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat takut sekiranya rang undang-undang ini terkeluar daripada batasan Perlembagaan, *unconstitutional*, ya? Tuan Haji Hassan Shukri.

### **3.19 petang.**

**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Bismillahhi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya akan mengambil masa yang pendek sahaja untuk menyokong rang undang-undang ini. Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005. Saya memahamkan bahawa setiap rang undang-undang yang kita bentangkan di dalam Dewan ini, kuasa bagi melaksanakan undang-undang itu biasanya adalah dipertanggungjawabkan kepada orang-orang yang telah melantik untuk melaksanakan undang-undang itu.

Saya melihat di sini bahawa sesungguhnya di antara kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Pesuruhjaya Warisan ini, setakat ini saya kira sudah mencukupi, maka dengan sebab itu kita mengharapkan supaya suruhanjaya ini akan dapat melaksanakan tanggungjawabnya ataupun pesuruhjaya ini akan dapat melaksanakan tanggungjawabnya mengikut undang-undang ataupun mengikut undang-undang apabila rang undang-undang ini diluluskan pada petang yang mulia ini.

Yang kedua, saya juga ingin menyebut di sini sedikit kerana kalau kita hendak sebut tentang warisan kebangsaan ini, hendak sebut satu-satu saya ingat lima hari lima malam pun tidak habis kerana di negara kita ini pertama berbilang agama, berbilang bangsa, berbilang suku. Saya pernah menyebutkan di sini bahawa di Nusantara termasuk Nusantara kita inilah ada 3,863 suku-suku dan suku-suku ini ada mempunyai budaya ada mempunyai seni ada macam-macam yang dimiliki oleh mereka. Saya hendak menarik perhatian satu sahaja, saya mengharapkan pertama sekali ialah mengenai tulisan jawi.

Barangkali ada orang akan kata saya ini sentimen pada jawi tetapi oleh kerana tulisan jawi ini makin hari makin pupus sekarang ini maka dengan sebab itu saya mengharapkan kementerian yang bertanggungjawab memelihara warisan kebangsaan ini juga hendak mengambil berat tentang buku-buku, kitab-kitab tulisan jawi ini. Kerana saya melihat ada banyak kitab-kitab tulisan jawi sama ada *style* ejaannya secara lama ataupun secara baru yang perlu dikumpulkan. Ini kerana buku-buku ini telah memberikan jasa yang banyak pertama sekali kepada ayah-ayah kitalah, yang telah mewariskan ilmu mereka kepada kita. Jadi pewarisan yang telah diberikan oleh tok nenek kita kepada kita ini juga perlu dipelihara dengan sebaik-baiknya. Maka, dengan sebab itu di antara yang saya mohon tulisan jawi ini haruslah dikira sebagai warisan kebangsaan dan ianya perlulah diambil perhatian dengan sebaik-baiknya.

Yang ketiganya, saya ingin menyebutkan saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh sahabat saya ini iaitu tentang ahli-ahli majlis ini, keanggotaan majlis ini ada menyebutkan dalam Seksyen 10 (g) tidak lebih daripada enam orang. Dan, saya mengharapkan supaya salah seorang daripada ahli majlis ini hendaklah dilantik dari kalangan orang-orang yang pakar dalam bidang agama, agama Islamlah. Kalau boleh agama-agama yang lain, kalau dia ada enam orang sahaja, barangkali agama Hindu boleh, agama Kristian boleh, agama Buddha pun boleh. Bermakna, saya yakin bahawa orang-orang yang tahu tentang agama ini dia juga tahu tentang perjalanan selok-belok budaya dan seni tiap-tiap agama yang mereka pimpin itu. Jadi, saya mengharapkan supaya seorang pakar agama Islam mestilah didudukkan ataupun dilantik untuk menjadi ahli majlis ini.

Selain daripada itu, begitu juga dalam jawatankuasa ya kerana jawatankuasa yang boleh dibentuk oleh majlis ini dan dalam jawatankuasa-jawatankuasa ini mungkin banyak jawatankuasa. Jawatankuasa yang berkaitan dengan agama, yang berkaitan dengan kesenian, berkaitan dengan seniman, mungkin ada jawatankuasa-jawatankuasa khas. Tetapi saya

mengharapkan juga dalam jawatankuasa-jawatankuasa ini supaya jangan ditinggalkan orang-orang yang sedikit sebanyak mengerti tentang agama supaya jawatankuasa-jawatankuasa ini sebelum menasihati majlis dan juga menasihati Menteri supaya maklumat-maklumat mengenai budaya seni yang sedikit sebanyak mungkin ada bercanggah dengan agama-agama yang ada di negara kita ini boleh disampaikan supaya ianya tidak akan merosakkan budaya seni yang dianut oleh berbagai-bagai agama dan juga berbagai-bagai bangsa di negara kita ini.

Jadi, saya mengharapkan semoga ini diambil perhatian. Saya tidak mahu mengulang apa yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya. Cuma saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua kerana saya habis pada 12.00 malam ini, sudah habis tempoh sayalah. Jadi, saya mohon izin, pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Yang di-Pertua, kepada Datuk Timbalan Yang di-Pertua Dewan ini. Yang pada pengalaman saya selama enam tahun beliau memberikan, kedua-dua beliau ini memberikan keadilan yang sebaik-baik walaupun orang kata saya ini daripada parti pembangkang. *[Tepuk]*

Tetapi saya tidak kata saya daripada parti pembangkang, saya wakil kerajaan kebetulan pada waktu itu kerajaan PAS, jadi wakil kerajaan untuk dilantik duduk dalam Dewan ini. Khidmat saya ialah untuk memberikan pandangan-pandangan yang sesuai dengan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Memang kita iktiraf Yang Berhormat sebagai mewakili Kerajaan Negeri Terengganu.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Kerana sahabat-sahabat kadang-kadang dia kata pembangkang nasib baik saya ini tidak panas. *[Ketawa]* Jadi, saya tidak jawab kadang-kadang. Jadi saya sangat menyanjung tinggilah kebebasan yang telah diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan ini kepada saya sendiri dan sahabat-sahabat yang lain apabila memohon untuk turut serta memberikan ataupun memohon penjelasan, memohon laluan dan juga memberikan ucapan-ucapan ketika membahaskan sama ada belanjawan, bajet ataupun belanjawan tambahan, semuanya diberikan ruang dan peluang kepada kami. Saya ucap terima kasih.

Dan yang keduanya, saya juga menyanjung tinggi kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu yang telah memperkenankan pelantikan saya untuk menjadi Ahli Dewan Negara selama enam tahun. Saya juga terima kasih kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang sekarang tidak ada membuat apa-apa gangguan kepada saya. Tidak ada gangguan apa-apa. *[Tepuk]* Dan sahabat-sahabat Yang Berhormat daripada Terengganu yang ada sekarang ini walaupun dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, ada empat ke lima saya tidak ingat - Terengganu, barangkali ada empat, yang menjadi Ahli Dewan Negara, setakat ini menjadi sahabat yang cukup baik dengan sayalah. Boleh bincang, boleh bertukar pandangan, boleh bertukar pendapat dan memberikan kadang-kadang pandangan-pandangan kepada saya untuk saya kumpul kalau boleh saya sampaikan saya



sampaikan, yang tidak boleh saya simpanlah, sekurang-kurangnya untuk modal hidup saya pada masa yang akan datang.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Minta laluan juga, ya?

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Adakah ini juga sebahagian daripada warisan?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya tidak tahulah sama ada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang bertanggungjawab ini dia akan mencatatkan ini sebagai warisan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dari segi Parlimen ini kalau hendak.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya Yang Berhormat, *Hansard* atau catatan yang dibuat dalam persidangan Dewan ini memang merupakan warisan negara.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua, dua minit barangkali. Kalau hendak kira warisan ini saya sebenarnya dengan Dewan Rakyat ini bukanlah asing kerana waktu Tan Sri Syed Nasir menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini saya memberikan kuliah, tafsir tiap-tiap sebulan sekali di Dewan Rakyat ini kepada pegawai-pegawailah.

Maknanya waktu Tan Sri Syed Nasir menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Beliau menjemput saya kerana pada waktu itu beliau menjadi Tuan Yang di-Pertua Persekutuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah saya menjadi naif. Kemudian Tan Sri Ubaidillah menjadi naif bagi pihak orang India Muslim, jadi maknanya sama ada itu hendak dicatat sebagai warisan saya pun tidak tahulah. Itu sahaja! Jadi, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, sementara kepada sahabat-sahabat ahli-ahli Yang Berhormat saya mohon maaflah kalau sekiranya dalam ucapan-ucapan yang saya sampaikan di dalam Dewan ini menyentuh perasaan, menyentuh hati, terkasar dan sebagainya saya mohon maaf banyak-banyak.

Dan, mudah-mudahan saya doakan tuan-tuan Ahli-ahli Yang Berhormat semua dipanjangkan umur, dimudahkan rezeki, dibanyakkan khidmat kepada rakyat dan demikianlah juga saya mohon doa daripada sahabat-sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian semoga saya dipanjangkan umur, dimudahkan rezeki dan saya mampu memberikan khidmat dan sumbangan kepada rakyat negara kita ini yang berbilang kaum itu, Insya-Allah. Jadi, setakat itulah saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan Negara merakamkan ucapan selamat maju jaya kepada Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri. Yang Berhormat Datuk Dr. Chin. Lepas ini saya akan minta, ada lagi? Silakan.

**3.30 ptg.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini saya juga bersama Tuan Yang di-Pertua ucapkan selamat bersara kepada kawan kita.

Saya selalu anggap beliau itu sebagai wakil dari kerajaan menunggu bukan pembangkang, 'kerajaan menunggu' sampai bila saya tidak tahu, tetapi sedang menunggu dan beliau telah memainkan peranan yang objektif demi kebaikan negara, syabas kepada beliau. Saya menunggu beliau berdaftar sebagai seorang pelajar untuk *masters* di Universiti Wawasan yang akan ambil pelajar pada tahun depan.

Dalam Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini, Tuan Yang di-Pertua sebelum saya menyentuh aspek-aspek yang penting, saya ingin menarik perhatian kementerian kepada satu kesilapan dalam rang undang-undang ini. Di bawah Perkara 65(2) muka surat 47 versi Bahasa Malaysia ada satu kesilapan. Sebenarnya subseksyen itu mesti subseksyen 1, subseksyen 2 tidak boleh merujuk kepada sendiri, dia mesti rujuk kepada subseksyen lain.

Kalau kita bandingkan versi Bahasa Inggeris muka surat 43, kita lihat terjemahan itu betul tetapi rang undang-undang asal itu silap. Tentu ini bukan kesilapan Menteri atau Timbalan Menteri, tetapi pihak-pihak yang menyediakan dokumen ini mesti sedar kalau ini tidak dikenal pasti pada peringkat ini, maka Dewan ini akan meluluskan satu rang undang-undang yang mengandungi kesilapan. Ini sudah datang dari Dewan Rakyat, Dewan Rakyat telah luluskan satu rang undang-undang dengan kesilapan ini tidak patut berlaku, saya berharap pihak yang berkenaan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak tahu sama ada kerana permaidani ini merah atau sinarannya menjadikan muka Yang Berhormat semua termasuk muka saya merah, malu saya rasa.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Sebenarnya warna kerusi kena merah juga Tuan Yang di-Pertua kerana ini Dewan Negara di Dewan Rakyat ia hitam, Dewan Negara ia warna lain tetapi itu pun tidak diambil kira, jadi siapakah kita ingin salahkan dalam perkara ini. Tidak haruslah, nanti saya pun tidak tahu saya hendak sokong atau tidak sokong kerana kalau saya sokong ada kesilapan, ini pun tidak betul kerana saya sudah kata semalam apabila kita angkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara kita ada melafazkan satu ikrar, sumpah itu menyatakan, "Saya akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan". Yang penting saya berharap semua orang yang membantu kami dalam Dewan ini tahu tentang peranan ini, boleh jadi kesilapan-kesilapan macam ini berlaku. Nanti dalam jawatankuasa mungkin kita boleh buat cadangan supaya memperbetulkannya, tetapi kalau ini tidak dirasai maka semua dalam Dewan ini seolah-olah meluluskan satu rang undang-undang dengan kesilapan. Tuan Yang di-Pertua berbalik ke aspek-aspek dalam Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini.

Saya ucapkan tahniah kepada kementerian di atas usaha mereka untuk menyediakan rang undang-undang ini. Pada keseluruhannya saya dapati ia lengkap, ia mempunyai objektif-objektif yang tertentu, dan ia adalah satu dokumen yang begitu penting bagi kita untuk memastikan warisan kita itu kekal. Tetapi dari segi lain Tuan Yang di-Pertua, saya kurang senang hati dari segi lain, dari segi satu rang undang-undang maka ia menepati pada tujuannya. Tetapi dari segi lain saya kurang senang hati kerana warisan bukan satu perkara yang senang. Warisan ialah satu perkara yang memerlukan sokongan daripada mereka yang terlibat, iaitu semua pihak mesti memberi sokongan yang bersepadu, sokongan yang cukup baik untuk menjayakan apa yang dihasratkan dalam rang undang-undang ini. Dari segi itu saya dapati rang undang-undang ini ada kelemahan. Pendekatan yang diambil dalam rang undang-undang ini pada pendapat saya ialah untuk mengambil kekerasan.

Satu tindakan keras terhadap pihak-pihak tertentu untuk mencapai objektif dalam rang undang-undang ini dan pendekatan itu setahu saya Tuan Yang di-Pertua tidak berjaya, orang tidak akan bagi kerjasama, tidak akan menyambut baik hasrat yang ada di sini. Sungguhpun ada bahagian-bahagian yang menyatakan pampasan dan sebagainya harus diberi kepada pihak-pihak itu supaya objek itu dapat disalurkan atau dapat diberikan kepada kerajaan, atau kerajaan dapat memberikan objek-objek itu tetapi dari banyak segi tidak ada keadilan. Tadi, seorang sahabat saya Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan telah menyatakan bahawa tidak ada keadilan, dan saya boleh bagi secara *detail* aspek-aspek yang mana saya fikir ini bertentangan dengan satu suasana yang akan menggalakkan orang datang untuk menyerahkan objek atau menjualkan objek mereka kepada kementerian untuk menjayakan objektif dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Bahagian V itu tentang dana, di Fasal 20 ada disebutkan tentang sumber-sumber dana itu, iaitu ada peruntukan supaya terma yang diterima boleh diguna semata-mata untuk membeli objek-objek warisan atau minta penderma membelinya dan kemudian derma kepada pesuruhjaya itu. Tetapi kalau tidak ada garis panduan yang mencukupi, maka kita akan melihat satu senario macam MAS beli 3 lukisan dan kalau pihak ini beli lukisan-lukisan tertentu dengan harga mahal dan sebagainya, maka ini akan menimbulkan satu keadaan di mana orang ramai mungkin tidak mahu derma kepada tabung ini, dana ini untuk membeli. Kita mesti ada garis panduan yang mencukupi di mana peruntukan dalam dana ini boleh diguna untuk tujuan membeli objek-objek warisan. Saya lihat ini tidak ada, terpulang mungkin kepada kebijaksanaan pesuruhjaya dan kalau kita bandingkan itu pun terpulang kepada Pengerusi MAS untuk membuat keputusan.

Hendak beli tidak mahu beli, harga berapa dan itu yang kita sekarang mempertikaikan, kenapa itu dibeli.

So, kita sudah lihat satu contoh dan saya tidak mahu ini juga berlaku seperti dana ini. So, saya fikir ini perlu diberi lagi *detail* apakah garis panduan yang harus diguna oleh

pesuruhjaya sebelum ia dapat menggunakan dana ini untuk membeli objek. Kalau derma okeylah, kita terima. Kalau tiga lukisan itu didermakan oleh artis, kita tidak soal lagi. Tetapi, kerana ia dibeli dengan dana ini, dengan duit yang disumbangkan oleh mereka yang sokong kerja ini. Maka kita kena mengawasi perkara ini.

Tentang bahagian 6, Daftar, Tuan Yang di-Pertua, 23 (1) 23(2) dan 23(3) ada diwajibkan supaya satu daftar untuk butiran warisan itu diadakan dan daftar ini mesti menunjukkan di mana objek tersebut disimpan dan mesti dibuka untuk pemeriksaan dan kebenaran untuk memeriksa daftar itu akan diberi dan sesiapa pun berhak untuk membuat salinan dari daftar ini. Ini adalah satu perkara yang baik pada pendapat saya tetapi kita mesti mengawasi bahawa apa yang disebutkan dalam daftar itu jangan hilang. Kita sudah ada kes-kes yang mana objek yang telah direkodkan tetapi tidak ada apabila hendak cari. So, apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementerian ini untuk memastikan apa yang disebutkan dalam daftar itu ada di tempat-tempat seperti yang disebutkan dan tidak ada apa-apa kehilangan.

Di bawah 26 iaitu tindakan kenal pasti tapak dan sebagainya iaitu tentang tapak warisan. Ada disebutkan bahawa notis kalau pesuruhjaya hendak masuk ke tapak, maka kena bagi notis kepada si pemunya tapak atau penduduk tapak itu sekurang-kurangnya notis tujuh hari. Tetapi yang penting juga kita mesti pastikan notis itu sampai ke pihak ini. Kalau kita hanya menyatakan tidak kurang dari tujuh hari notis, tetapi kita tidak pastikan notis itu sampai kepada pihak berkenaan, maka tentulah ada masalah lagi kalau ada cabaran.

Di bawah 28 juga ada peruntukan bagi bantahan dan ada disebutkan bantahan kena sampaikan kepada pesuruhjaya dalam masa 30 hari. Kalau kita menggunakan satu pendekatan yang lebih mesra, maka kalau sesiapa ada bantahan, kita kena layan, kita tidak boleh kata lepas 30 hari, kita tidak mahu layan lagi apa bantahan tentang masuk ke tapak dan sebagainya. Mereka mesti ada sebab-sebab yang ingin melarang pesuruhjaya itu masuk ke tapak. Jadi kita kena tahu dan di bawah peruntukan ini tidak ada ruang untuk rayuan, selepas satu keputusan dibuat oleh pesuruhjaya tidak ada ruang untuk rayuan. Tetapi inilah yang saya nampak bahawa itu tidak mesra rakyat, tidak mesra pelanggan kerana kita mahu galakkan orang itu supaya membantu kita dalam perkara warisan.

Kalau semasa masuk ke tapak itu, kalau ada kerosakan, 26(4) dan 33(7) itu menyatakan bahawa pesuruhjaya dan pemunya atau penduduk itu boleh buat pengiraan tentang ganti rugi yang harus diberi. Itu boleh diselesaikan kalau ada persetujuan. Tetapi kalau tidak ada persetujuan, macam mana dan ada dikatakan kalau tidak ada persetujuan, tiada peruntukan untuk membuat rayuan. Itu lagi satu aspek yang saya kurang senang hati. Sepatutnya kita mesti ada satu proses untuk selesaikan ini.

Kalau orang yang memiliki tapak itu kata atas apa yang telah berlaku dalam tapak ini kerosakan telah dialami, maka saya tuntutan pampasan itu banyak. Tetapi pesuruhjaya hanya tawar sedikit sahaja. Jadi, itulah keputusan mutlak, tidak ada ruang lagi bagi orang itu bantah

atau buat rayuan. Sebenarnya kita mesti ada peruntukan supaya rayuan boleh dibuat kepada pihak berkuasa negeri dan kalau kita ada ruang itu maka mungkin lebih senang hati kerana satu *third party* terlibat dan ini mungkin boleh memutuskan secara adil kepada kedua-dua pihak itu.

Satu lagi masalah yang saya lihat dalam rang undang-undang ini ialah kalau seseorang itu mempunyai satu tapak dan tapak itu telah dikenal pasti sebagai tapak warisan, tiap-tiap kali satu tapak komersial atau apa-apa kalau dikenal pasti sebagai tempat ruang kosong atau satu medan lapang atau satu tapak warisan, tentulah akan turun nilai tapak itu. Kalau demikian, kita mesti ada satu perhubungan di mana dana kerajaan boleh diguna untuk membeli tapak itu kalau orang itu buat satu tawaran kepada kerajaan, orang itu boleh kata tapak ini pada hemat saya bernilai begitu banyak, tetapi oleh kerana sudah diwartakan sebagai satu tapak warisan, mungkin sudah jatuh harganya.

So, saya tidak mahu memiliki ini lagi. Saya mahu jual ini kepada kerajaan atau kepada pesuruhjaya. Tetapi tidak ada peruntukan dalam rang undang-undang untuk proses ini berlaku. Satu daripada masalah warisan yang dihadapi di Pulau Pinang ialah banyak daripada bangunan yang dikenal pasti sebagai bangunan warisan, pemunya bangunan itu ingin menjual kepada kerajaan kerana sudah isytihar bangunan itu sebagai bangunan warisan, maka pada pendapat mereka harga sudah turun, ingin jual. Tetapi tidak ada peruntukan untuk kerajaan membelinya. Kalau ada peruntukan, maka ini kana memberi kita satu jalan keluar dalam isu semacam ini.

Tentang objek warisan, Tuan Yang di-Pertua, ada ini di bawah Fasal 47, perjumpaan objek iaitu mewajibkan orang yang jumpa objek itu menyerahkannya kepada pesuruhjaya. Kalau tidak berbuat demikian, boleh denda RM50 ribu atau tidak melebihi 5 tahun penjara. Tetapi untuk menilai sama ada objek yang dijumpai itu adalah satu objek warisan atau tidak, 47(1) menyatakan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mempunyai warisan kebudayaan yang penting.

Apakah alasan yang akan diguna? Dia mempunyai sebab untuk mempercayai. Kalau kita memberi ruang yang begitu besar tanpa apa garis panduan yang tepat, mereka ini menimbulkan satu situasi di mana objek-objek yang dimiliki oleh orang-orang tertentu di isytihar sedemikian dan itu akan menimbulkan masalah dari segi siapa akan memilikinya nanti.

Jadi tidak ada, saya baca 47(1), nampaknya tidak ada peruntukan bagi perkara ini diselesaikan. 48 iaitu hak kepunyaan objek. Ada disebutkan selepas kuat kuasa akta, semua mana-mana objek yang dijumpai menjadi hak mutlak Kerajaan Persekutuan. Ini adalah satu masa yang sangat besar. Mungkin ia akan dipakai demi kebaikan negara tetapi dari segi keadilan, selepas kuat kuasa akta ini, selepas kuat kuasa akta ini, mana-mana objek yang dijumpai menjadi harta mutlak Kerajaan Persekutuan. Dari segi pampasan Tuan Yang di-Pertua, kalau saya jumpa, saya korek satu lubang di belakang rumah saya dan kalau saya jumpa satu objek.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bangun sudah lama. Yang Berhormat hendak mohon laluan?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tidak Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Berjalan keluar Dewan]*

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Jadi kalau satu objek itu dijumpai, maka ia sudah jadi harta mutlak Kerajaan Persekutuan dan kalau saya kata ini dicari oleh saya, tetapi okey bagi pampasan. Bagaimana pampasan itu ditentukan Tuan Yang di-Pertua di bawah 48(2), ada disebutkan ia ditentukan oleh seorang pesuruhjaya yang dilantik iaitu Pesuruhjaya Warisan itu melantik satu orang lagi kawan dia dan keputusan penilai warisan yang berwibawa adalah muktamad.

Orang itu buat keputusan muktamad. Tidak ada ruang lagi bagi rayuan itu. Jadi itu adalah keputusan muktamad. Adakah ini juga menggalakkan orang supaya menyerahkan objek kata beritahu saya sudah cari objek ini, mungkin objek ini ada lain. Tetapi kalau satu orang yang dilantik oleh pesuruhjaya itu sahaja yang membuat keputusan tentang nilai pampasan itu, maka tidak ada ruang lagi bagi orang ini mempertikaikan harga yang ditawarkan.

Kenapa kita tidak ada satu panel yang paling bagi saya Tuan Yang di-Pertua, yang paling adil ialah orang berkenaan mencari objek itu lantik seorang penilai, pesuruhjaya lantik seorang penilai dan kedua-dua orang ini lantik seorang lagi penilai dan ketiga-ketiga orang itu buat keputusan dan keputusan itu adalah muktamad. Itu bagi saya lebih baik kerana seperti yang ada dalam rang undang-undang .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mohon laluan sedikit. Saya lihat Yang Berhormat tadi sedang kira ahli. Apakah maksud Yang Berhormat? *[Merujuk kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid]*

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Saya hendak tengok cukupkah tidak cukup fasal ramai orang keluar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin ada kuorum atau tidak kuorum, ya? Masalah ini biar saya terangkan bahawa kuorum ialah 10 orang. Tetapi dengan syarat ianya ditimbulkan oleh seseorang ahli. Kalau ahli tidak timbulkan, Tuan Yang di-Pertua tidak nampak. Mata dia orang tunjuk, baru dia nampak. Jadi tidak perlulah kluatir dalam soal kuorum jika Yang Berhormat tidak membangkitkan perkara itu. Saya, mata susah sikit hendak nampak. Baik teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tetapi kita yakin tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua. Lebih daripada 10 orang ada dalam Dewan ini. Dari segi ini kalau boleh, kita patut wujudkan satu panel yang mengandungi tiga orang. Satu pelantikan Pesuruhjaya, satu orang berkenaan dan satu lagi orang bebas yang dicari oleh kedua-dua itu. Biarlah ketiga-tiga orang itu buat keputusan dan nampak itu ada keadilan dari segi itu dan juga 53(2) menyatakan pesuruhjaya itu

ada hak hendak simpan, hendak beli objek itu atau tidak. Kalau beliau putuskan, saya tidak mahu beli objek ini, saya pun tidak mahu simpan objek ini. Tetapi yang cari objek ini mesti simpan objek ini. Jadi dia kata saya pulangkan objek ini kepada tuan, tetapi tuan kena simpan objek ini, tidak boleh jual, tidak boleh buat apa, simpan objek ini. Dia kata, di sini dia pulangkan objek tetapi kenakan apa-apa syarat.

So, syarat dia mungkin mesti simpan, tidak boleh jual, simpan. Simpan dengan baik. Dari segi keadilan lagi, apakah syarat yang patut, boleh dikenakan oleh Pesuruhjaya kerana dia tidak mahu simpan, dia tidak mahu beli. Dia suruh orang yang cari objek itu supaya simpan dan kenakan syarat, apa syarat dia akan putuskan, dia boleh tentukan. Kalau demikian, itu akan menggalakkan orang mencari objek. Kalau saya tahu ada peruntukan ini, bila saya cari satu objek, saya diam diri, saya tidak mahu beritahu sesiapa, saya simpan sahaja dalam beg. Bila saya keluar negeri, saya pergi jual di pasaran lain. Kita hilang satu warisan, satu objek warisan dalam negara ini. Jadi ini nampaknya tidak begitu mesra pelanggan. Kalau kita ada ini dan kemudian bila kita suruh dia simpan di bawah 56(1) itu, juga ada satu lagi syarat tidak boleh jual tanpa keizinan Pesuruhjaya.

Kalau disebutkan di sini, dalam masa 30 hari Pesuruhjaya ada hak pertama, *first right of refusal* untuk membeli dengan harga yang dipersetujui. Kalau tidak ada persetujuan dalam harga, maka tidak boleh jual kalau dijual, maka boleh didenda kurang daripada RM10,000 atau di penjara kurang daripada setahun. Ini yang saya sebutkan bahawa ini tidak mesra pelanggan. Kalau saya tidak nasib baik, saya beli objek itu daripada orang berkenaan, saya tidak tahu dan saya beli objek itu daripada orang itu, saya pun sudah disekat kerana saya mesti memberi tahu Pesuruhjaya bahawa saya sudah beli satu objek. Mungkin saya tidak tahu bahawa objek yang saya beli itu satu objek warisan dan saya tidak beritahu, saya tidak sedar itu objek warisan dan saya belinya. Saya tidak beritahu. Tetapi saya boleh didenda RM10,000 atau penjara satu tahun.

Ini juga nampak ada satu kelemahan Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Bahagian 9, warisan kebudayaan di bawah air, ini berkenaan dengan objek-objek mungkin dari tongkang yang dahulu belayar dari negara-negara lain, tenggelam dekat pantai kita dan objek itu dicari. Peruntukan di bawah 65(1) itu yang pertama, 45(1) itu daripada pendapat saya munasabah kerana dikatakan tidak boleh mencari objek yang di bawah air iaitu untuk memulakan kerja-kerja *salvage* dan sebagainya, tidak boleh kecuali dengan lesen. Ini berpatutan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh teruskan.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih. Di bawah 65(2) ada disebutkan mana-mana orang yang melanggar subseksyen, ini patut subseksyen 1, melakukan satu kesalahan. Itu

sahaja. Kita tahu selalu mereka yang berupaya untuk mencari objek di bawah air itu ialah organisasi atau orang asing. Dasarnya organisasi asing atau orang asing yang mempunyai kewangan dan juga banyak kemudahan untuk mencari objek-objek sedemikian. Orang-orang ini selalu mengambil kesempatan datang ke pantai-pantai kita atau lautan kita untuk mencari selepas mereka melihat peta-peta dan sebagainya, mereka sudah lebih kurang tahu di mana kapal-kapal yang penting, yang mungkin belayar dari India, dari China dan sebagainya iaitu membawa barangan yang bernilai itu.

Mereka boleh mencari objek-objek di bawah air ini dan selalunya sebelum kita tahu, maka mereka sudah keluarkan semua objek ini dan kita pun tidak rasa. Di bawah 65 ini, tidak ada disebutkan apakah denda, apakah tindakan dan sebagainya, seolah-olah kita tidak mahu ambil tindakan terhadap orang asing kerana mereka yang berupaya untuk mencari objek semacam ini selalunya ialah orang-orang asing, bukan orang tempatan. Orang tempatan kita selalu tidak tahu tentang isu-isu sedemikian dan kurang mereka cari objek semacam ini. Saya pun tanya kenapa tidak ada peruntukan untuk denda, untuk penjara dan sebagainya dalam 65 ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah pelesenan, Bahagian 12, Fasal 83 iaitu untuk mengeksport satu objek warisan, kita perlukan lesen. Ini saya sokong kerana ini memberi satu perlindungan kepada objek warisan kita.

Tetapi 84(1) tentang pengimportan butiran warisan asing. Kalau saya ke Cambodia Tuan Yang di-Pertua dan saya melawat Angkor Watt dan saya beli satu batu. Katakan satu batu yang dikatakan dari Angkor Watt. So, saya bawa balik KLIA. Dalam KLIA itu, saya mungkin menghadapi masalah kerana ada disebutkan di sini, siapa yang berniat untuk mengimport apa-apa butiran warisan asing hendaklah memberitahu pesuruhjaya. Saya bukan hendak niat hendak import tetapi saya bawa balik satu batu yang saya beli dekat Angkor Watt kerana saya melawat Angkor Watt itu, saya beli dan saya bawa balik. Tetapi boleh ditahan di KLIA kerana saya tidak minta kebenaran dari pesuruhjaya untuk membawa ini dan saya mesti tunjuk dokumen yang memperakukan bahawa butiran warisan asing itu telah dibawa keluar dari negara asing secara sah.

Selalu ramai orang kita keluar negeri, kita beli objek-objek dan sebagainya. Kita lihat bazar di Egypt, kita lihat bazar di India, Turki dan sebagainya. Kita beli objek-objek ini dan kita bawa balik. Dengan peruntukan 84(1) ini, kita mesti kalau kita ditahan oleh pihak kastam. Saya pun tidak tahu siapa yang akan menguatkuasakan perkara ini dari segi import kerana pada anggapan saya, bila kita bawa balik satu objek, itu mungkin diinterpretasikan sebagai mengimport objek itu. Kalau demikian, maka saya tidak ada sijil, tidak ada dokumen yang menunjukkan sedemikian. Mungkin kerajaan kita berhasrat untuk melindungi negara-negara lain supaya rakyat kita tidak membawa masuk ke Malaysia objek-objek tidak sah atau dengan cara yang tidak sah itu dan mereka mahu melindungi objek warisan negara-negara lain.



Itu memang satu hasrat yang baik tetapi adakan ini akan menyusahkan rakyat kita sendiri? Kalau saya balik dari jalan, saya melalui Thailand, saya balik dengan kereta dan sebagainya, kalau itu diperiksa dan saya dapati ada objek sedemikian, siapa yang akan membuat penentuan tentang objek sedemikian. Kalau saya ditahan oleh pihak KASTAM, pihak polis dan sebagainya, mungkin ini akan menimbulkan satu keadaan di mana mungkin dengan bayaran dan sebagainya, kita boleh dilepaskan ataupun pihak-pihak ini menggunakan kesempatan menahan objek itu dan apabila kita hendak ambil keluar objek itu, kena bayar dan sebagainya. Adakah kerajaan sedar bahawa dengan adanya 84(1) dengan tidak ada garis panduan yang jelas itu, ini boleh salah guna dan akan menyusahkan rakyat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di Bahagian 14, kuasa yang berhubungan dengan penguatkuasaan, penyertaan, penangkapan dan sebagainya, satu peruntukan yang disebutkan di dalam bahagian ini saya amat sokong iaitu berkenaan dengan mereka yang minta orang berkenaan serahkan objek atau tunjuk objek warisan dan sebagainya. Mungkin tiba-tiba seorang datang ke rumah saya, kata saya mahu tengok objek.

Saya tahu ada satu objek dalam rumah tuan itu, saya mahu tengok objek itu. Tiba-tiba satu orang datang dan minta demikian, so di bawah bahagian ini dia hendaklah, apabila diminta mengemukakan kad kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan, kuat kuasa yang dikeluarkan kepadanya. Perkataan "hendaklah" bagi saya amatlah sesuai kerana di bawah rang undang-undang lain ada disebutkan, "dia boleh apabila diminta", tetapi di dalam sini, "dia hendaklah apabila diminta", tetapi juga ada bahaya kalau satu orang tiba-tiba datang ke rumah saya kata, "Saya mahu tengok objek ini" dan saya pun bimbang sama ada orang ini benar atau tak benar.

Dia mungkin tunjuk satu kad kepada saya, saya pun tak tahu apakah kad itu dan kalau saya tidak benar orang ini masuk, tengok objek saya, maka saya telah lakukan kesalahan tetapi kalau saya benarkan orang ini masuk ke rumah saya tengok objek itu, maka ada satu risiko kepada saya, mungkin objek saya itu begitu bernilai bagi orang ini, sama ada dia hendak tengok atau dia nak saya serahkan dan sebagainya, pun menjadi satu masalah. Dengan adanya peruntukan dia hendaklah apabila diminta, itu pun lebih baik daripada - kalau diminta di sini hendaklah, apabila diminta mengemukakan kad kuasa dan sebagainya tidakkah dalam perkara yang begitu penting ini Tuan Yang di-Pertua kerajaan memikir satu lagi jalan keluar supaya satu pasukan atau apa datang untuk objektif semacam ini, kerana dari segi memastikan orang itu adalah orang yang sah dan dia bukan orang yang menyamar diri sebagai penguatkuasaan daripada pesuruhjaya dan sebagainya.

Jadi bukankah kita lebih selamat menentukan satu lagi cara untuk perkara ini. Kalau tidak, kalau dari segi penguatkuasaan, penyitaan kerana ini juga ada termasuk penyitaan, jadi orang ini boleh ambil objek itu daripada saya. Apa kepastian kalau nanti saya buat laporan dompet saya sudah hilang dan satu orang datang tunjuk kad kuasa, tetapi saya diberitahu ini

bukan orang yang menyamar sebagai orang dari kementerian ini, so kenapa you bagi objek you kepada dia? Ini akan menimbulkan satu masalah, tetapi saya pun takut kalau saya tak serahkan maka saya melakukan satu kesalahan. Jadi, dengan adanya peruntukan ini maka sudah membuka ruang kepada perkara-perkara semacam itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya saya rasa kerajaan kena ada satu rang undang-undang yang menggalakkan (*encourage*) orang yang ada objek warisan atau *heritage item* itu untuk datang menderma kepada kerajaan atau jual kepada kerajaan secara rela. Tetapi kalau ada banyak paksaan dan nampaknya semua peruntukan itu hanya membela kerajaan sahaja, saya tak tahulah apabila diguna pakai nanti apa respons daripada rakyat. Adakah ini akan mengakibatkan mereka yang sekarang ada objek-objek yang penting bagi negara itu dengan cepatnya keluarkan objek ini ke negara lain.

Kalau itu berlaku, maka sudah larilah daripada falsafah ini dan akta ini tidak boleh dilaksanakan secara berkesan. Saya minta kerajaan supaya memikirkan perkara ini secara mendalam. Ini bukan satu perkara beli-belah dan sebagainya. Ini ialah satu akta yang memberi kuasa kepada kerajaan supaya ambil untuk satu objektif yang baik, untuk negara untuk generasi akan datang, objek-objek yang sekarang dipegang oleh orang persendirian. Jadi pendekatan untuk mencapai hasrat ini mesti berlainan daripada apa yang dicatatkan dalam rang undang-undang. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja komen-komen dari saya dan saya berharap .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Abdul Rashid bin Ngah.

#### **4.16 ptg.**

**Dato' Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Turut sama membahaskan Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005, Tuan Yang di-Pertua saya seperti sahabat-sahabat lain yang terdahulu bercakap mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, yang telah memberikan perhatian yang besar kepada masalah warisan dengan mewujudkan satu kementerian atau memasukkan hal yang ada hubungannya dengan warisan ini ke dalam satu kementerian yang penting.

Seperti sahabat-sahabat lain juga saya mengalu-alukan dalam rang undang-undang yang menyeluruh, tetapi walau bagaimanapun izinkanlah saya memberi sedikit pandangan mengenai dua tiga perkara. Saya rasa patut berdasarkan semangat kerajaan kita yang ada sekarang, yang mana undang-undang yang dibentangkan dalam Parlimen ada di Dewan Rakyat atau dewan Negara yang tidak begitu berat untuk diterima dan diluluskan. Kerajaan nampaknya cukup bersedia untuk mendengar pandangan-pandangan supaya pandangan-pandangan itu

dapat digunakan untuk mengubahsui atau meminda perkara-perkara yang ada dalam satu undang-undang jika timbul masalah-masalah kemudian ini.

Ini sesungguhnya saya rasa satu pendekatan yang sangat baik, yang menjimatkan masa, yang menjimatkan tenaga dan kita tidak lupa menghargai tenaga pegawai-pegawai kita terutamanya dari A.G. Chamber, yang memberikan perhatian dalam usaha mereka mendraf dan mengemukakan satu-satu undang-undang yang tertentu. Namanya undang-undang yang ada di depan kita untuk dipertimbangkan sekarang. Saya nak sentuh sedikit Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan tafsiran iaitu "bersatu". Bersatu dalam akta ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "bangunan" diberikan ertinya kemudian "benda purba" diberikan ertinya.

Masalahnya sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, mana satu kita nak pakai dalam pentadbiran atau kehidupan kita sehari-hari. Ada satu jabatan kita Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah kita namakan Muzium ini dari Jabatan Antikuiti, tetapi di dalam tafsiran ini antikuiti dalam bahasa Inggerisnya dipakai benda purba. Tidakkah boleh sebagai satu usaha penyelarasan kita gunakan antikuiti juga di sini bukan benda purba.

Kalau tidak kita terpaksa juga ganti nama muzium itu, juga jabatan benda purba. Kalau kita sudah boleh menerima nama muzium sebegitu rupa saya rasa tidak ada sebab perkataan "antikuiti" tidak boleh kita terima pakai di sini dan bukan perkara yang asing atau keterlaluan kalau kita gunakan perkataan yang seumpama itu yang memang untuk mencari terjemahan atau persamaan dalam Bahasa Melayu agak payah. saya molek kalau boleh gunakan perkataan "antikuiti" gantikan benda purba. saya kurang berpuas hati sedikit Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dengan cara beberapa perkara diberikan pengertian dalam bahagian tafsiran.

Misalnya, bangunan ertinya atau cara dibuat benda purba yang saya katakan tadi ada ertinya butiran warisan ada ertinya, butiran warisan asing ada ertinya dan yang lain-lain tetapi ada tempat-tempat yang tertentu. Tidak dipakai erti, misalnya saya mulakan kawasan muka surat 11, kawasan termasuklah kerja manusia atau gabungan kerja alam dan manusia dan kawasan yang termasuk. Begitu juga halnya dengan objek termasuklah dengan benda-benda purba oleh warisan kebudayaan dan ada tempat-tempat lain atau perkataan ertinya di pakai perkataan "termasuk". Saya lebih suka dalam tafsiran ini supaya tidak timbul masalah kemudian, diberi ertinya kemudian kalau ada tambahan-tambahan barulah digunakan perkataan "termasuk". Jadi tidak terus kita pakai perkataan termasuk misalnya "objek" kalau sebelum "objek" ini, sudah ada pengertiannya, "objek" ertinya begini, begini. Kemudian termasuk mana-mana itu saya rasa satu perkara yang boleh diterima. Itu cara butiran yang saya rasa patut dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, perkataan "Pesuruhjaya", saya rasa satu perkataan yang kita pakai dalam pentadbiran, terlalu lumrah, kita ada pesuruhjaya polis, kita ada pesuruhjaya pengakap, kita ada pesuruhjaya agama, kita ada pesuruhjaya PAS dan banyak pesuruhjaya-pesuruhjaya yang kita terjemahkan daripada keadaan Inggeris *information*. Untuk ini, boleh atau tidak kita

pakai perkataan lain? Saya cadangkan, untuk perkataan pesuruhjaya itu, kita pakai *perwaris* kerana sebenarnya sesungguhnya pesuruhjaya itu menjalankan kerja-kerja sebagai seorang yang menerima warisan ataupun perwaris, jadi terpulang kepada kerajaan memikirkan kalau difikirkan munasabah, kita pinda pada masa-masa yang akan datang.

Saya pergi sedikit kepada keanggotaan majlis. Keanggotaan Majlis 10, majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut, Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh menteri, Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan atau wakilnya, Kementerian Pelancongan atau wakilnya, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa dan wakilnya, Teras Jabatan Muzium dan antikuiti atau wakilnya. Pesuruhjaya yang tidak lebih daripada 6 orang anggota lain seorang daripadanya ialah pegawai awam yang mempunyai pengalaman.

Ada dua perkara di sini Tuan Yang di-Pertua, yang pertama oleh kerana kerja-kerja ini sedikit sebanyak ada hubungannya dengan Kerajaan Negeri, saya rasa elok kalau boleh kita masukkan wakil Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Setiausaha-setiausaha Kerajaan, itu satu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, pengalaman kita selama ini menunjukkan kementerian-kementerian kita berubah-ubah. Di sini kita kata, Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sebelum ini kita sedia maklum, sebelum kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat, tidak ada kementerian yang seumpama ini. Adakah kita bila berubah hanya susunan-susunan kementerian dan berubahnya letaknya warisan itu sendiri, atau mempunyai warisan itu maka kita akan datang ke dewan untuk meminta supaya di ubah ataupun dipinda. Tidakkah boleh, kementerian-kementerian yang berkenaan itu diletakkan sebagai anggota tetapi dalam keadaan nama yang lebih umum supaya kemudiannya senang kita memadamkan yang kementerian-kementerian yang disusun. Saya rasa susunan kementerian ini laku setiap lima tahun setiap kali pilihan raya. Itu mengikut style ataupun selera Perdana Menteri itu terutamanya.

Menyentuh berhubung dengan pampasan, ini perkara terakhir Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong apa yang ditimbulkan dan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi bahawa kita tidak seharusnya berpuas hati dengan penilaian yang dibuat oleh seorang pegawai sahaja yang dilantik ataupun yang ditunjuk oleh Pesuruhjaya. Kena haruslah ada satu panel yang terdiri daripada tiga orang atau lima orang yang berwibawa, yang boleh buat penilaian.

Saya nampak selain daripada harga butiran warisan atau objek dan sebagainya ada satu lagi pampasan yang seharusnya diberi pertimbangan. Iaitu ke atas kawasan yang terpaksa ditetapkan oleh pesuruhjaya iaitu kawasan yang berdekatan ataupun bersempadan dengan satu kawasan yang telah diisytiharkan, yang telah ditetapkan oleh pesuruhjaya sebagai satu kawasan warisan. Tetapi untuk memudahkan laluan ke tempat itu, kita terpaksa mengambil mungkin ataupun menentukan bahawa kawasan yang bersempadan dengan itu mestilah kita masukkan

dalam kawasan yang kita isytiharkan itu. Maka penilaian, pampasan ke atas tanah ini pun mestilah dibuat oleh satu panel penilai yang berwibawa.

Tuan Yang di-Pertua. Secara khususnya, saya suka merujuk kepada perkara 55 iaitu pertikaian mengenai pampasan atau peruntukan. Jika terdapat apa-apa pertikaian berhubung dengan pampasan yang hendak dibayar bagi apa-apa objek warisan atau peruntukan bahagian dalam objek ini, pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada menteri dan keputusannya adalah muktamad.

Saya rasa elok kalau boleh perkataan *muktamad* itu tidak digunakan, ertinya masih ada peluang bagi orang-orang yang hartanya atau tanahnya seperti yang saya sebutkan sebagai contoh, dinilai dan diberi peluang untuk mendapat ketentuan yang lebih baik dengan mengemukakan dan merujuk kes atau nilai yang ditentukan oleh pesuruhjaya dan diluluskan oleh menteri itu pada mahkamah supaya mudah-mudahan orang yang berkenaan mendapat keadilan yang lebih saksama.

Secara umumnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan enam orang lain yang dilantik menganggotai majlis ini adalah dipilih daripada orang-orang yang mewakili badan-badan tertentu selain daripada orang yang mempunyai kepakaran ataupun kewibawaan dalam majlis. Misalnya saya sebut sebagai contoh, wakil daripada persatuan sejarah, wakil dari badan-badan yang lainlah, yang kepakaran ataupun pengalamannya, yang pandangannya perlu untuk menolong pesuruhjaya menentukan satu-satu objek atau satu-satu perkara itu satu warisan ataupun tidak. Kerana kerja-kerja memilih dan mendaftarkan warisan itu adalah satu kerja yang agak remeh dan benda atau butiran atau perkara-perkara yang hendak disebut, yang hendak ditentukan sebagai warisan terlalu banyak, yang telah berlaku dan sebagainya.

Dan satu perkara lagi ada disebut berhubung dengan selain daripada warisan kebudayaan tidak ketara dan ketara, yang di bawah air dengan kemajuan sains dan teknologi sekarang saya nampak di sini tidak ada objek-objek, warisan yang mungkin ada di antara tanah dan ke atas udara. Misalnya apa hendak kita sifatkan satelit yang kita gunakan yang sedang beredar satu masa - saya tak tahulah mungkin barang kali kepada ahli sains, satelit ini hanya umur kurang daripada 50. Sebagai satu, sains. Tetapi kalau umur satelit itu sendiri lebih dari 50..... macam mana kita hendak sifatkan sebagai satu warisan sedangkan di dalam ini tidak terdapat sebarang peruntukan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Dato' Menteri yang mewakili Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk memberi jawapan.

#### **4.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tujuh orang Yang Berhormat Senator, iaitu Senator Datuk Jins Shamsudin, Senator Safina binti

Jusoh, Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Tuan Senator Hassan bin Haji Shukri, Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng dan seterusnya Senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah yang mengambil bahagian dalam perbahasan iaitu Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005.

Dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada pandangan-pandangan, cadangan-cadangan, teguran-teguran, dan nasihat-nasihat iaitu Dewan yang mulia ini terhadap Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan supaya kita pada satu hari nanti dengan kelulusan akta ini, iaitu warisan negara kita dijalankan dengan licin dan lancar. Yang Berhormat Senator Datuk Jins Samsudin membangkitkan perkara-perkara - beliau memang bijak dan juga arif dalam warisan.

Dan terlebih dahulu beliau membangkitkan iaitu Minggu Warisan bangsa yang baru-baru ini dilangsungkan di Arkib, dan beliau juga mendapati pelbagai juadah-juadah daripada Sabah. Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sentiasa memperbaiki program-program yang didasarkan kepada warisan negara. Program seperti Minggu Warisan yang akan dijadikan acara tahunan bagi merangsang dan menyebarkan pengetahuan kepada masyarakat umum. Yang kita adakan baru-baru ini adalah julung kali diadakan oleh Arkib Negara.

Selain itu, program-program seperti merayakan kesenian dan memartabatkan adat. Kenduri adat, gotong-royong, dan penerapan nilai-nilai murni akan diteruskan pada tahun 2006. Beliau juga menanyakan adakah apa-apa peruntukan dalam rang undang-undang ini untuk mengambil balik harta-harta intelek di luar negara. Contohnya, iaitu filem-filem melayu klasik dan bersejarah yang ada di Hong Kong.

Di bawah Seksyen 21, kementerian dibenarkan memperuntukkan dari Kumpulan Wang Warisan digunakan untuk perolehan atau pembelian butiran atau apa-apa objek warisan. Termasuk harta dan filem dari luar yang terbukti merupakan warisan negara termasuk filem-filem melayu klasik dan bersejarah yang berada di Hong Kong.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, filem melayu klasik dan bersejarah ada sebahagian besar di Hong Kong, sebab pada mulanya bila penggambaran filem-filem melayu dilakukan di negara ini, ada dua syarikat, iaitu Syarikat Shaw Brothers, yang membikin filem pada awal-awal tadi. Sebab ibu pejabat Shaw Brothers di Hong Kong. Maka banyak iaitu filem-filem Melayu klasik di Hong Kong. Maka kementerian akan cuba sedaya upaya, kalau tak boleh mengambil balik iaitu seboleh-bolehnya kita dapatkan satu salinan. Sebab sekarang dengan IT. Buat salinan di dalam CD, VCD, DVD dan sebagainya. Tentang penggunaan nama-nama asing pada tempat-tempat dan kawasan-kawasan di negara ini, kementerian menyedari tentang penggunaan nama-nama asing di beberapa tempat di negara ini.

Sebahagiannya dikekalkan kerana ia berkaitan dengan sejarah negara. Namun, manamana nama yang agak asing seperti nama "precinct" adalah di luar bidang kuasa kementerian saya. Walau bagaimanapun, pihak kementerian bersedia menegur dan memberikan pandangan

agar penghormatan terhadap warisan negara terus diberikan perhatian, seterusnya menggalakkan penggunaan nama-nama tempatan. Beliau juga mencadangkan pembinaan tugu ataupun monument di tempat pertemuan di antara Sg. Gombak dan Sg. Kelang, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk tatapan sejarah generasi akan datang.

Pihak kementerian akan mempertimbangkan sebarang usaha yang mampu meningkatkan kesedaran terhadap sejarah dan warisan negara. Sekiranya terdapat asas dan mempunyai *significant* dari segi sejarah dan budaya, maka kementerian akan mengambil langkah-langkah bagi melaksanakan pembinaan tersebut. Sekiranya akta ini dilaksanakan, maka lebih banyak kepentingan sejarah akan terpelihara. Tentang usaha-usaha berkaitan pemeliharaan terhadap lagu-lagu dan tarian-tarian tradisional, kini terdapat usaha-usaha untuk menjalankan penyelidikan dengan kerjasama institut pengajian tinggi, individu-individu, dan institusi-institusi tertentu berkaitan lagu-lagu dan tarian tradisional.

Pada masa kini agensi-agensi seperti Jabatan Muzium dan Antikuiti Jabatan Arkib Negara dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara banyak menyimpan lagu-lagu dan visual tarian tradisional. Sebahagiannya telah didokumentasikan termasuk diterbitkan dalam bentuk VCD manakala sebahagian lagi masih dalam penyelidikan. Beliau meluahkan keinginan dan mengharapkan KEKWAH dapat menyenaraikan kereta-kereta antik yang bersejarah untuk dijadikan warisan negara. Saya dapat tahu Yang Berhormat pun ada beberapa buah iaitu kereta antik, bolehlah kalau di bawah Kementerian saya ada satu muzium automobil dan kita mengalu-alukan apa-apa sumbangan dan derma-derma kepada muzium ini.

Walau bagaimanapun mengikut tafsiran di dalam Rang Undang-undang ini, kereta antik adalah termasuk di dalam tafsiran objek bersejarah yang mana ianya boleh diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Ini satu objek yang semakin lama kita pegang, semakin bernilai harganya. Beliau juga mencadangkan iaitu Arkib Negara patut bina satu pusat Arkib Filem untuk pulihara dan memelihara filem-filem sejarah.

Arkib Negara Malaysia akan menubuhkan pusat pendokumentasian dan pemeliharaan bahan-bahan pandang dengar dengan izin *audio visual*. Pusat ini akan bertempat di Kompleks Arkib Negara Malaysia di Jalan Duta, Kuala Lumpur. Pembinaan yang akan bermula pada 2006. Pusat ini akan berfungsi sebagai pusat menyimpan segala bahan-bahan pandang dengar termasuk juga filem-filem keluaran negara. Tetapi juga sebagai tempat pemeliharaan *restoration* dan *conservation* dan penyelidikan.

Yang Berhormat Senator Puan Safinah binti Jusoh, beliau tidak ada di sini. Beliau mengharapkan sebuah kerajaan mewartakan bangunan sejarah seperti bangunan Parlimen ini sebagai satu warisan negara. Mengikut Seksyen 67 Rang Undang-undang ini, Menteri boleh mengisytiharkan bangunan seperti bangunan Parlimen ini sebagai warisan kebangsaan sungguhpun usianya kurang daripada 100 tahun. Saya ucapkan selamat bersara kepada Senator Puan Safinah binti Jusoh dan juga Senator Tuan Hassan bin Shukri. Selamat maju jaya

dalam apa-apa bidang yang yang akan diceburi oleh yang kedua-dua Yang Berhormat, moga-moga Tuhan yang Maha Cinta akan melanjutkan usia dan memberkati perjalanan selepas tamat jawatan di Dewan yang mulia ini. *It's life after politics.*

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mencadangkan iaitu menyegerakan supaya warisan semula jadi diadakan sebagai warisan kebangsaan. Pada masa ini Kementerian telah pun bekerjasama rapat dengan jabatan-jabatan berkaitan untuk ke arahewartakan warisan semula jadi sebagai warisan kebangsaan. Malahan telah ada dua warisan semula jadi yang diwartakan sebagai warisan dunia dalam UNESCO iaitu Taman Negara Kinabalu di Sabah dan Taman Negara Mulu di Sarawak. Tentang peranan Suruhanjaya Warisan, kuasa Suruhanjaya Warisan jelas diterangkan di dalam Seksyen 6 dan Seksyen 7 dan seksyen khusus yang menjelaskan kuasa Pesuruhjaya. Bidang kuasa beliau merangkumi melaksanakan kerja-kerja penyelidikan, penyelamat, memelihara atau mengekalkan serta mengembangkan warisan negara.

Pesuruhjaya ini akan dibantu oleh Timbalan Pesuruhjaya dan termasuk di negeri-negeri juga. Beliau juga mencadangkan supaya diadakan satu hari cuti sebagai hari warisan. Kementerian telah mengadakan Minggu Warisan yang saya sebut tadi dan Kementerian akan meneliti tentang perlunya adakan satu hari lagi sebagai cuti umum sebagai hari warisan. Beliau juga menanya apa denda ke atas sesiapa yang mencuri atau membawa keluar warisan negara kita. Menurut Rang Undang-undang ini dalam Seksyen 113 ada menjelaskan denda yang berkaitan iaitu sebanyak RM50 atau penjara selama lima tahun atau kedua-duanya.

Beliau juga mencadangkan iaitu kampung-kampung tradisi disenaraikan sebagai *world heritage*. Pencalonan senarai-senarai warisan di bawah kategori *tangible* termasuk bandar, daerah dan kampung akan diteliti oleh *World Heritage Centre* iaitu WHC belum diletakkan di bawah kategori *world heritage list under tangible* kategori. Kementerian bersama Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia iaitu SKUM sentiasa mempertimbangkan penyenaian sesuatu kawasan atau tempat sekiranya menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh WHC. Namun setiap negara hanya boleh menghantar dua pencalonan sahaja setahun yang merangkumi *tangible, intangible* dan *natural heritage*. Oleh yang demikian, setiap pencalonan harus menunggu giliran masing-masing. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Mak Yong telah berjaya disenaraikan sebagai satu warisan tidak ketara di UNESCO, Isnin ini.

Senator Peguam iaitu Tuan Tan Puay Chuan membangkitkan beberapa isu dari segi perundangan. Beliau ialah seorang yang pakar, terima kasih dengan pandangan-pandangan dan juga kelemahan-kelemahan kalau ada di Akta baru ini. Beliau sentuh tentang Seksyen 10(J) iaitu di mana Menteri boleh melantik enam peta Majlis Warisan Kebangsaan? Beliau mencadangkan mereka hendaklah datang dari semua lapisan atau kaum. Seksyen ini telah mengambil kira keperluan iaitu kepakaran dari berbagai-bagai bidang ilmuwan termasuk keanggotaan dari wakil-wakil kaum dan negeri-negeri. beliau mahukan Seksyen 18 supaya membolehkan Majlis



menubuhkan jawatankuasa yang juga perlu merangkumi iaitu semua kaum, ini kita akan ambil pelbagai aspek supaya keanggotaan iaitu Majlis Warisan Kebangsaan boleh dijalankan tugas mereka yang diamanahkan.

Tentang Seksyen 28, di mana orang yang hidup akan menjadi warisan kebangsaan dan juga Seksyen 77, iaitu di dalam seksyen ini beliau kata tidak menyebut hadiah untuk memberi orang yang hidup sebagai warisan kebangsaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini melalui penubuhan Kumpulan Wang Warisan dalam Seksyen 20 dan perbelanjaan yang dibenarkan dalam Seksyen 21 jelas memperuntukkan ganjaran-ganjaran yang boleh diberi atau disalurkan kepada perkara-perkara tersebut. Sebagai satu galakan iaitu tindakan yang ini diletakkan oleh Menteri yang begitu prihatin kepada iaitu *living heritage* atau warisan yang masih hidup. Kita mesti menghayati atau menilai iaitu sumbangan-sumbangan mereka, maka yang disenarai di dalam *list* sebagai satu tokoh seni warisan atau tokoh warisan.

Saya mencadangkan mereka mendapat sedikit sebanyak elaun daripada kerajaan. Tahniahlah kepada mereka yang selama ini menyumbangkan atau mengorbankan masa untuk meningkatkan iaitu warisan negara. Senator Tay Puay Chuan juga sentuh tentang kandungan Seksyen 126 yang memberi kuasa kepada Menteri membuat pengubahsuaian bagi menghapuskan kesulitan perjalanan atau telah mengambil kuasa Parlimen. Seksyen ini terdapat dalam beberapa akta yang lain sebelum ini.

Kuasa Menteri hanya bagi mengelak atau menghapus kesulitan yang timbul akibat permulaan kuat kuasa akta ini sahaja. Seperti memberikan tafsiran dan ubahsuaian yang penuh bagi memudahkan dan melicinkan pelaksanaan akta bagi tempoh dan tahun selepas berkuat kuasa akta ini. Sebarang ubahsuaian pindaan selepas itu hanya boleh dibuat melalui Parlimen sahaja. Kalau ada apa-apa cadangan Menteri akan bawa balik kepada Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara ini. Beliau akan menggunakan kuasa di bawah ini dengan khidmat beliau juga seorang peguam, dan beliau sedar iaitu kuasa yang diberikan kepada dia akan digunakan dengan hemat.

Tentang Seksyen 126 juga, kuasa yang diberikan oleh Menteri membuat perintah berhubung dengan iaitu pendekatan anomali, kerana ia melibatkan pelaksanaan undang-undang adalah lebih mudah jika kuasa itu juga diberikan kepada Menteri selaku Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara berkenaan. Dan akta-akta lain yang saya katakan tadi pun juga ada peruntukan ini seperti di Akta Pembangunan Sukan 1997, Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000 dan Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 dan Akta Insurans 1996.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri mencadangkan supaya memelihara bahan-bahan dalam tulisan jawi. Minta supaya tulisan jawi sebagai warisan kebangsaan. Saya amat bersetuju sebab tulisan jawi bukan terhad kepada satu iaitu sebagai tulisan sahaja. Di bawah Akta Warisan Kebangsaan manuskrip-manuskrip lama dan kitab-kitab agama turut

dikategorikan sebagai warisan, apatah lagi sekiranya ia berkaitan dengan sejarah dan budaya negara.

Untuk makluman juga, kementerian sedang memperkasakan tulisan jawi dan ia sebahagian dari program tahun 2006. Untuk pelajar-pelajar yang tidak fasih dalam tulisan jawi, ini bermakna tulisan-tulisan iaitu masa silam semua ada dalam tulisan jawi kalau tidak faham jawi manakala sejarah negara, sejarah tanah air, dokumen-dokumen penting, dokumen-dokumen yang bersejarah mereka tidak celiklah dan mereka tidak faham. Di samping itu juga tulisan jawi bukan sahaja satu tulisan komunikasi sahaja, juga satu tulisan warisan di mana digunakan oleh seniman di pakai sebagai warisan di mana keris-keris, pasu-pasu dihiaskan dengan tulisan jawi. Ukiran kayu, kain songket, kain batik, tulisan khat dan sebagainya, maka ini jadi satu sifat bangsa Melayu di samping agama, adat resam dan sebagainya. Jadi ini akan diperkasakanlah oleh kementerian, dan saya difahami Kementerian Pelajaran juga akan mementingkan dan menghidupkan baliklah minat pelajar untuk mempelajari tulisan jawi.

Berkenaan dengan pelantikan ahli agama sebagai ahli majlis dalam jawatankuasa patut satu dilantik, semua cadangan pelantikan ahli-ahli agama amat dialu-alukan. Walau bagaimanapun ia akan dilihat dari segi kesesuaian dan keperluan dari masa ke semasa. Sungguhpun demikian dalam melaksanakan tugas-tugas mengekalkan warisan ini kementerian sentiasa peka dengan merujuk kepada fatwa-fatwa agama. Kalau mereka sangsi satu benda akan bercanggah dengan agama kita akan rujuk kepada fatwa-fatwa agama.

Terima kasihlah saya ucapkan kepada Dato' Dr. Chin Fook Weng yang begitu rajin menyemak akta ini, beliau dahulu adalah sebagai jawatan kita bersama-samalah menjawat di Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Beliau mencatatkan satu rekod direkod Malaysia iaitu berturut-turut memegang jawatan Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang 26 tahun ya Dr? 26 tahun. Jadi beliau menemui satu kesilapan, iaitu Perkara 65 di mana subseksyen (2) sepatutnya subseksyen (1) akan membuat pembetulan di peringkat Jawatankuasa dan sepatutnya ia berbunyi seperti berikut, "mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) bukan (2) telah melakukan suatu kesalahan".

Beliau juga bimbang iaitu tidak ada peluang rayuan oleh pihak-pihak yang tidak berpuas hati kepada keputusan pesuruhjaya yang menetapkan tapak warisan. Peruntukan rayuan terdapat dalam Seksyen 96 Akta ini, rayuan adalah kepada menteri dan keputusan menteri adalah muktamad. Yang Berhormat juga membangkitkan satu masalah kalau kawasan atau bangunan yang diisytiharkan sebagai tapak warisan, maka akan turun nilainya maka mesti ada peruntukan untuk membolehkan pemilik menjual kepada kerajaan. Contohnya beliau membangkitkan ialah, bangunan warisan di Pulau Pinang di mana pemilik tidak dapat menjualnya.

Peruntukan ini terdapat dalam seksyen 21(a) di mana iaitu pesuruhjaya boleh beli atau dengan menggunakan kumpulan wang warisan. Tentang perkara 48(2) beliau menanyakan

bagaimana pampasan ditentukan? Seksyen 48(2) memerlukan pelantikan penilai warisan yang berwibawa. Ini bermakna penilai ini akan membuat penilaian berdasarkan kriteria yang tertentu mengikut profesionalisme penilaian tanpa dipengaruhi oleh unsur-unsur lain. Ini bermakna pampasan ditentukan berdasarkan nilai sebenar objek tersebut. Tentang seksyen 56(1) di mana pemilik tidak boleh jual objek warisan tanpa keizinan pesuruhjaya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Seksyen 56 bertujuan memastikan kedudukan objek warisan dapat diketahui oleh pesuruhjaya pada setiap masa. Setiap objek warisan boleh dijual beli tetapi pesuruhjaya harus mengetahuinya kerana objek tersebut didaftarkan dalam daftar warisan. Pesuruhjaya sebagai penjaga daftar mesti mengetahui kedudukan itu supaya setiap *entry* atau rakaman kepada daftar sentiasa tepat.

Tentang Seksyen 65(2) mengenai kesalahan di atas pelanggaran seksyen 65(1) maknanya tiada denda atau penalti dikenakan sekiranya melakukan kesalahan. Denda-denda yang berkaitan dengan pelanggaran Seksyen 60(1) adalah dijelaskan di dalam bahagian khas *select* iaitu disebut dalam Seksyen 112, Seksyen 113 dan seksyen 114.

Tentang perkara 81 iaitu pengimportan objek warisan, beliau bertanya sekiranya ada orang membawa pulang ke dalam negara perlu mendapat kelulusan pesuruhjaya dan mesti menunjukkan dokumen kebenaran yang sah. Perkara ini perlu bagi penyelarasan dengan konvensyen antarabangsa di samping jika ianya akan dieksport semula tidak akan menimbulkan kesulitan kerana ia jelas bukan warisan negara kita.

Hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng ialah kerajaan mesti memikirkan satu kaedah yang memberi galakan kepada pemilik untuk mengisytiharkan objek mereka sebagai objek warisan. Tentang ini, Seksyen 53(3) jelas memperuntukkan bayaran atau pampasan ke atas objek warisan.

Di samping dalam Seksyen 21 juga memperuntukkan peruntukan bayaran untuk pembelian objek warisan dengan nilai yang setimpal dan di seksyen itu juga kita ada penubuhan kumpulan wang warisan. Akhir sekali iaitu perkara-perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah iaitu penggunaan dalam tafsiran ertinya dan termasuk penggunaan perkataan ertinya merupakan penerangan sesuatu takrif tertentu secara khusus.

Namun begitu dengan menggunakan perkara termasuklah akan takrif sesuatu perkataan itu akan diperluaskan skop pengertiannya. Kedua-dua perkara ini biasanya terdapat dan digunakan dalam mana-mana Akta lain yang perlu digunakan bergantung kepada keadaan masing-masing.

Perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Shukri, jawapan yang saya bagi kepada Yang Berhormat....

**Puan Siw Chun A/P Eam:** Tuan Yang di-Pertua saya minta laluan, boleh tidak? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini saya memang berasa banggalah bahawa Makyung telah didaftarkan dalam senarai warisan oleh UNESCO.

Kalau boleh saya ingin mencadangkan supaya ada tiga warisan kebudayaan bentuk tidak ketara yang dimiliki oleh orang Siam Malaysia iaitu 'menora', 'Songkran' dan 'Lokratong' juga kalau boleh disenaraikan dalam senarai warisan Malaysia dan saya ingin pohon melalui pihak kementerian ini supaya membenarkan *Hari Songkran* iaitu hari orang Siam menyambut tahun baru seperti kaum Melayu menyambut Hari Raya Aidilfitri, kaum Tionghua menyambut Tahun Baru Cina dan juga Deepavali oleh kaum India. Orang Siam menyambut tahun baru pada *Hari Songkran*, jadi kalau boleh melalui kementerian ini saya mohon supaya diisytiharkan sebagai hari cuti am, satu hari sahaja di dalam negara ini. Sekian terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun yang hampir-hampir *misses the vote* tetapi saya akan layan iaitu permintaan daripada iaitu senator yang berketurunan orang Siam.

Iaitu *Menora*, *Songkran*, *Lokratong* disenaraikan sebagai warisan-warisan, memang kementerian kita akan mementingkan iaitu semua warisan yang tidak ketara. Bukan sahaja kaum etnik minoriti juga suku-suku kaum di Sabah, Sarawak dan sebagainya sebab kita mesti menganggap yang keunikan negara kita yang pelbagai bangsa, adat, agama dan sebagainya iaitu satu khazanah kepada negara.

Ini satu aset yang maka *Menora*, *Songkran* dan sebagainya saya anggap mudahlah kalau mudah untuk kita laksanakan sebagai satu warisan negeri. Tentang *Hari Songkran* iaitu hari tahun baru keturunan Siam saya akan bawa balik ke kementerian saya dan kalau di terima akan dikemukakan kepada Kabinet sebab keturunan Siam hanya di Utara Semenanjung dan bilangan penduduk iaitu keturunan Siam hanya 60 ribu sahaja setahu saya.

Saya cuba sedaya upaya iaitu menjadikan *Hari Songkran* sebagai hari cuti am mungkin pada negeri-negeri di Utara Semenanjung.

Dengan ini sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang ambil bahagian akan bersama-sama menjalankan tugas-tugas kita dan moga-moga kita akan dapat melaksanakannya dan menjadi penyelamat atau penyimpan warisan negara dengan lancar dan licin, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[*Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa dalam Jawatankuasa kita akan buat pindaan pada fasal 65 (2). Iaitu

perkataan Subseksyen (2) itu ditukar kepada subseksyen (1) muka surat 47. Jadi dicadangkan supaya perkara itu diluluskan dalam Jawatankuasa, terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Senator yang memberitahu kepada Dewan yang mulai ini iaitu satu kesilapan *typo* Seksyen atau fasal 65 (2) di mana di dalam ayat ini subseksyen (2) sebenarnya ialah subseksyen 2 (1). Maka pembedulan yang saya cadangkan kelulusan Dewan yang mulia ini berbunyi seperti; Fasal 65 (2) mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan, sekian.

**Timbalan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat. Saya agak penggunaan perkataan 'pindaan' oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng adalah lebih baik berbunyi 'pembedulan' dan bukan 'pindaan'.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Pengerusi, saya tidak ada masalah untuk menggunakan 'pembedulan' terima kasih.

**Timbalan Pengerusi:** *Correction.*

**Dato' Wong Kam Hoong:** Saya menggantikan 'pembedulan' digantikan dengan 'pindaan'.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Tuan Pengerusi, ini adalah jelas hanya satu kesilapan taip. Bukan langsung ada impak terhadap isi, terima kasih.

**Timbalan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Petua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya baru dimaklumkan oleh Penasihat Undang-Undang iaitu pindaan akan dibuat melalui pembedulan iaitu penukaran *clerks amendment* sahaja dan tidak perlu melalui pindaan Jawatankuasa kerana ia melibatkan pindaan kecil sahaja, minta maaf.

**Timbalan Pengerusi:** Adakah Yang Berhormat setuju bahawa pembedulan di peringkat Jawatankuasa ini adalah *redundant*?

**Dato' Wong Kam Hoong:** Iaitu saya cadangkan pindaan akan dibuat melalui pembedulan perkeranian iaitu dengan izin *clerks amendments* sahaja bukan satu pindaan.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Tuan Pengerusi, ia merupakan pembedulan kerana hendak elak daripada perkataan 'pindaan' terima kasih.

**Timbalan Pengerusi:** Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Pengerusi, saya sependapat supaya bukan perkataan pindaan tetapi pembedulan kerana ini boleh jadi salah taip sahaja, saya setuju kalau, Timbalan Menteri terima.

**Timbalan Pengerusi:** Saya lihat Rang Undang-undang dalam Bahasa Inggeris ini adalah betul. '*Any person who contravenes subsection (1).*'

**Dato' Wong Kam Hoong:** Ya, versi Bahasa Inggeris betul hanya versi bahasa Malaysia sahaja yang ada kesilapan *typo*.

**Timbalan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat.

Fasal-fasal 1 hingga 126 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2005**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **5.19 ptg**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Kewangan 2005 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Rang Undang-undang ini adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2006 di samping untuk melaksanakan keputusan kerajaan yang telah dibuat yang mana memerlukan pindaan pada akta-akta tersebut. Rang Undang-undang ini telah dibuat pindaan di peringkat Jawatankuasa di Dewan Rakyat sebagaimana kertas pindaan yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 65 fasal dan dibahagikan kepada enam bab seperti berikut:-

Bab I - Permulaan.

Dalam bab permulaan terdapat dua fasal seperti berikut:-

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas Akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2005 dan Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini, iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [Akta 169], Akta Setem 1949 [Akta 378], Akta petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543] dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 [Akta 445].

Bab II - Pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

Bab kedua terdiri daripada 36 fasal iaitu Fasal 3 hingga 38 yang bertujuan untuk meminda Akta 53 seperti berikut:-

Fasal 3 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas Akta 53. Kesemua pindaan kepada Akta ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran berikutnya, kecuali seksyen-seksyen berikut:

- (a) Seksyen 23 dan 30 berkuat kuasa mulai 1 Januari 2006; dan
- (b) Seksyen 25 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2005.

Fasal 4 adalah bertujuan meminda Seksyen 19(5) bagi memotong Jadual 4A untuk mengeluarkan potongan perbelanjaan yang layak ke atas projek pertanian yang diluluskan daripada peruntukan Seksyen 19 berhubung penetapan pendapatan kena cukai.

Fasal 5 adalah bertujuan meminda Seksyen 25 dan memperkenalkan subseksyen (1A) yang baru bagi menyediakan peruntukan mengenai pengenaan cukai ke atas manfaat daripada skim opsyen saham pekerja (ESOS) yang diterima oleh pekerja daripada majikannya. Peruntukan tersebut menetapkan manfaat ESOS yang diterima oleh seseorang pekerja ditaksir dalam tahun ESOS itu dilaksanakan.

Fasal 6 adalah bertujuan meminda Seksyen 32 bagi menerangkan cara pengiraan manfaat ESOS.

Fasal 7 adalah bertujuan meminda Seksyen 39 bagi memotong Jadual 4A untuk mengeluarkan potongan perbelanjaan modal yang layak ke atas projek pertanian yang diluluskan daripada peruntukan Seksyen 39 berhubung penetapan pendapatan kena cukai.

Fasal 8 adalah bertujuan meminda Seksyen 43 untuk menyediakan peruntukan bahawa kerugian hanya dibenarkan untuk dibawa ke hadapan oleh sesebuah syarikat dalam sesuatu tahun taksiran tertakluk kepada pematuhan "ujian pemegangan saham".

Fasal 9 adalah bertujuan meminda Seksyen 44 bagi membenarkan 50% kerugian tahun semasa sesebuah syarikat diserahkan untuk dituntut sebagai potongan oleh syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama dalam menentukan cukai pendapatan. Fasal 9 juga memperuntukkan bahawa apa-apa kerugian yang dibawa ke hadapan hanya dapat dibenarkan dalam sesuatu tahun taksiran berikutnya jika sebahagian besar pemegangan saham dalam tahun taksiran kerugian tersebut berlaku adalah sama dengan pemegangan saham dalam tahun taksiran kerugian hendak ditolak. Sebahagian besar pemegangan saham merujuk kepada lebih 50% saham biasa berbayar penuh dan nilai *nominal* saham yang diperuntukkan dalam sesuatu syarikat. Walau bagaimanapun, dalam keadaan khas Menteri diberi kuasa untuk mengecualikan syarat ini kepada syarikat.

Fasal 10 adalah bertujuan memperkenalkan peruntukan khas Seksyen 44 supaya kerugian bagi tahun taksiran 2005 dan sebelum yang dibawa ke hadapan disifatkan sebagai kerugian bagi tahun taksiran 2005.

Fasal 11 adalah bertujuan memperkenalkan peruntukan baru Seksyen 44A berhubung pelaksanaan *group relief*. Sebelum ini *group relief* hanya dibenarkan bagi syarikat yang menjalankan projek pengeluaran makanan yang diluluskan di bawah Jadual 4C, Akta Cukai

Pendapatan. Pemberian *group relief* kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama diperluaskan bagi semua sektor atau industri yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia bertujuan untuk mempergiatkan lagi pelaburan swasta.

Dalam peruntukan baru ini, syarikat berkaitan yang mengalami kerugian dalam tahun asas yang tidak boleh diserap oleh punca pendapatan lain dalam syarikat tersebut (disebut sebagai syarikat menyerah "*surrendering company*") boleh menyerahkan 50% kerugian tahun asas bagi satu tahun taksiran itu kepada syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama (disebut sebagai syarikat menuntut atau *claimant company* untuk menentukan cukai pendapatan syarikat yang menuntut.

Syarat-syarat syarikat untuk layak kepada potongan *group relief* adalah:

- i) syarikat ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia dan mempunyai modal berbayar syer biasa melebihi RM2.5 juta;
- ii) perhubungan antara syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut adalah mengambil kira pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70%. Fasal ini telah dibuat pindaan bertujuan untuk menjelaskan bahawa syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut hendaklah bermastautin dan diperbadankan di Malaysia serta perhubungan dari segi pegangan ekuiti secara tidak langsung hendaklah melalui perantara sebuah syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia;
- iii) kedua-dua syarikat menyerah dan syarikat menuntut mempunyai tempoh asas 12 bulan yang berakhir pada tarikh yang sama bagi sesuatu tahun taksiran;
- iv) syarikat-syarikat yang sedang menikmati insentif berikut tidak layak menikmati *group relief*:
  - a) taraf perintis di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
  - b) Elaun Cukai Pelaburan atau Elaun Pelaburan (Akta Penggalakan Pelaburan 1986);
  - c) Elaun Pelaburan Semula di bawah Jadual 7A, Akta Cukai Pendapatan;
  - d) menerima pendapatan perkapalan yang dikecualikan di bawah Seksyen 54A, Akta Cukai Pendapatan;
  - e) pengecualian cukai pendapatan di bawah mana-mana peruntukan di dalam Akta Cukai Pendapatan;
  - f) menuntut potongan di bawah *Income Tax (Deduction for Cost of Acquisition of Proprietary Right) Rules 2002*; atau
  - g) menuntut potongan di bawah *Income Tax (Deduction for Cost of Acquisition of a Foreign Owned Company) Rules 2003*.



Tuan Yang di-Pertua, Fasal 12 adalah bertujuan meminda Seksyen 45A bagi membenarkan potongan untuk suami kepada isteri dalam keadaan suami tidak mempunyai punca pendapatan atau tidak bekerja.

Fasal 13 adalah bertujuan meminda Seksyen 46 bagi memperluaskan bidang pengajian yang layak menuntut potongan atas yuran pengajian sehingga maksimum RM5,000 untuk merangkumi pengajian dalam bidang perakaunan dan undang-undang.

Fasal 14 adalah bertujuan meminda Seksyen 48 bagi memudahkan tuntutan potongan anak di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS) di mana potongan sebanyak RM4,000 iaitu 4 kali ganda daripada potongan biasa diberi secara automatik untuk setiap orang anak berusia melebihi 18 tahun yang menerima pendidikan tinggi di peringkat diploma dan ke atas di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negeri yang diiktiraf oleh Pihak Berkuasa Kerajaan yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, potongan ini tidak terpakai untuk anak yang mengikuti pelajaran matriks, tingkatan enam atau pra universiti. Bagi anak yang belajar di IPT luar negara, dicadangkan potongan empat kali diberi bagi anak yang belajar di peringkat ijazah dan ke atas dalam kursus dan di IPT yang diiktiraf. Bagi anak kurang upaya yang belajar di IPT yang diiktiraf, potongan tambahan sebanyak RM4,000 disediakan supaya meningkatkan potongan kepada pelajar kurang upaya kepada RM9,000.

Fasal 15 adalah bertujuan meminda Seksyen 60 supaya amaun sebenar defisit aktuari yang dipindahkan daripada dana pemegang saham kepada dana hayat dibenarkan sepenuhnya sebagai tolakan dalam menentukan pendapatan larasan dana pemegang saham.

Fasal 16 adalah bertujuan meminda Seksyen 60F bagi menetapkan layanan cukai ke atas syarikat pegangan pelaburan (*investment holdings companies*) supaya lebih telus. Pendapatan syarikat pegangan pelaburan akan dianggap sebagai pendapatan bukan perniagaan. Pindaan juga memberi definisi baru kepada syarikat pegangan pelaburan supaya merangkumi syarikat yang mana kebanyakan aktivitiinya adalah memegang pelaburan dan menerima 80% pendapatan daripada pemegangan pelaburan.

Fasal 17 adalah bertujuan memperkenalkan seksyen baru 60FA bagi menetapkan layanan cukai khusus untuk syarikat pegangan pelaburan yang merupakan syarikat senaraian awam di Bursa Malaysia. Peruntukan mencadangkan pendapatan dividen, faedah, sewa dan pendapatan lain yang diterima oleh syarikat pegangan pelaburan sebagai pendapatan daripada punca-punca perniagaan.

Walau bagaimanapun, layanan cukai yang khusus diperuntukkan dalam menentukan pendapatan statutori seperti berikut:-

- (a) Dalam menentukan pendapatan larasan daripada punca perniagaan itu:-
  - i) tiada potongan perbelanjaan dibenarkan jika tiada pendapatan diterima daripada punca perniagaan itu;

- ii) jumlah potongan perbelanjaan yang dibenarkan tolakan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 terhadap kepada amaun pendapatan kasar punca tersebut dan apa-apa amaun lebih perbelanjaan berkaitan adalah diabaikan; dan
  - iii) jumlah potongan bagi perbelanjaan bersama (*common expenses*) ditentukan berasaskan formula pendapatan kasar dan dibenarkan tolakan daripada amaun pendapatan kasar daripada punca perniagaan tersebut. Apa-apa amaun lebih perbelanjaan bersama ini adalah diabaikan.
- (b) Dalam menentukan pendapatan statutori daripada punca perniagaan itu, elaun modal di bawah Jadual 3 yang boleh dibenarkan adalah terhadap kepada pendapatan larasan daripada punca tersebut sahaja. Apa-apa lebih elaun modal yang tidak dapat diserap tidak boleh dihantar ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 18 adalah bertujuan menyediakan peruntukan khas berhubung dengan seksyen baru 60FA. Seksyen ini membenarkan apa-apa kerugian larasan atau elaun di bawah Jadual 3 yang dibawa hadapan dari tahun taksiran 2005 iaitu sebelum terpakainya Seksyen 60FA dibuat menurut Seksyen 43 dan 44.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Fasal 19 adalah bertujuan meminda Seksyen 75A bagi memelihara kepentingan pihak pekerja yang membuat potongan cukai di bawah Skim Potongan Cukai Berjadual (PCB). Peruntukan menetapkan bahawa pengarah syarikat bertanggungjawab atas kegagalan syarikat meremit potongan cukai pendapatan pekerja di bawah PCB dan tindakan memperoleh bayaran daripada pengarah berkenaan boleh diambil.

Fasal 20 adalah bertujuan meminda Seksyen 91 bagi memberi kuasa yang jelas kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri untuk membuat taksiran dalam tempoh enam tahun selepas keputusan mahkamah diterima bagi yang melibatkan keputusan mahkamah atau selepas pembatalan atau penarikan balik pengecualian, remitan atau elaun bagi yang telah diberi di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 atau di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Fasal 21 adalah bertujuan meminda Seksyen 95 kerana ianya tidak lagi relevan di bawah Sistem Taksir Sendiri yang menghendaki cukai dibayar walaupun amaunnya kurang RM25.

Fasal 22 adalah bertujuan meminda Seksyen 107C bagi memperuntukkan bahawa anggaran cukai pendapatan suatu syarikat bagi suatu tahun taksiran hendaklah tidak kurang daripada 85% anggaran cukai kena bayar tahun taksiran sebelumnya.

Fasal 23 adalah bertujuan meminda Seksyen 111B bagi membolehkan bayaran balik di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949 dan Akta Petroleum (Cukai

Pendapatan) 1967 dibuat daripada Tabung Bayaran Balik di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 24 adalah bertujuan meminda Seksyen 125 bagi memperuntukkan bahawa penalti yang dikenakan berikutan kesalahan di bawah subseksyen 44A(9) dianggap sebagai cukai kena bayar hanya bagi maksud pungutan cukai.

Fasal 25 adalah bertujuan meminda Seksyen 127 bagi memperkenalkan subseksyen baru (3A) untuk membolehkan Menteri mengecualikan seseorang daripada pengenaan cukai pendapatan tanpa mewartakan pengecualian tersebut.

Fasal 26 adalah bertujuan meminda Seksyen 134 bagi meminda nama gelaran Pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi menggambarkan struktur organisasi baru LHDN.

Fasal 27, 28 dan 29 adalah bertujuan meminda Seksyen 136 yang berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 134(2) dan nama gelaran Pengarah LHDN Sabah dan Sarawak tidak lagi diguna pakai dalam struktur organisasi baru LHDN.

Fasal 30 adalah bertujuan meminda Seksyen 153 bagi memperuntukkan bahawa akauntan profesional yang diluluskan sebagai juruaudit syarikat tidak lagi secara automatik menjadi agen cukai. Dengan ini, akauntan profesional perlu memohon untuk menjadi agen cukai di bawah Seksyen 153.

Fasal 31 adalah bertujuan menyediakan peruntukan khas supaya akauntan profesional yang telah diiktiraf sebagai juruaudit syarikat sebelum pindaan akan dikekalkan sebagai agen cukai di bawah Seksyen 153. Fasal ini telah dibuat pindaan seperti di kertas pindaan yang bertujuan untuk menjelaskan bahawa akauntan profesional yang telah diiktiraf sebagai juruaudit syarikat sebelum pindaan Seksyen 153 berkuat kuasa akan terus menjadi agen cukai sehingga tamat tempoh sah laku lesen juruaudit tersebut.

Fasal 32 adalah bertujuan meminda Jadual 3 dengan memperkenalkan perenggan baru 19A bagi menyediakan peruntukan bahawa aset bernilai kecil iaitu yang bernilai tidak melebihi RM1,000 setiap satu dibenarkan tolakan sehingga 100% dalam tahun perbelanjaan dilaksanakan tertakluk kepada jumlah tuntutan maksimum RM10,000 setahun. Fasal ini juga telah dibuat pindaan bertujuan untuk menjelaskan bahawa jumlah elaun yang dibuat di bawah perenggan baru 19A hendaklah dihadkan kepada jumlah RM10,000 jika jumlah perbelanjaan loji yang layak melebihi jumlah tersebut. Pindaan tersebut juga bertujuan memperuntukkan bahawa peruntukan sedia ada yang berhubungan dengan perbelanjaan itu hendaklah terus terpakai jika syarikat tidak membuat apa-apa tuntutan di bawah perenggan baru ini.

Fasal 33 adalah bertujuan memperkenalkan peruntukan khas perenggan 75A supaya elaun Jadual 3 bagi tahun taksiran sebelum tahun taksiran tahun 2006 yang dibawa hadapan disifatkan sebagai elaun modal bagi tahun taksiran 2005. Sehubungan dengan itu, elaun Jadual 3 ini akan diabaikan melainkan lebih 50% pemegang syer syarikat dalam tahun kerugian adalah sama dengan tahun penyerapan.

Fasal 34 dan 35 adalah bertujuan memotong Jadual 4A dan 4C masing-masing berbangkit daripada pengenalan *group relief*. Ini kerana *group relief* terpakai untuk semua sektor dan industri sekiranya memenuhi syarat-syarat yang dikenakan.

Fasal 36 adalah bertujuan meminda Jadual 6 bagi meningkatkan amaun pendapatan royalti daripada penerbitan hasil seni (tidak termasuk lukisan asli) dan juga dalam bidang rakaman yang dikecualikan cukai daripada RM6,000 kepada RM10,000. Pindaan juga dibuat bagi memperluaskan skop pengecualian cukai pendapatan bagi individu, unit amanah dan *listed closed-end fund* ke atas pendapatan faedah supaya diperluaskan kepada pendapatan dalam bentuk diskaun yang diterima.

Fasal 37 adalah bertujuan meminda Jadual 7A bagi mengemaskinikan peruntukan sedia ada supaya lebih telus bersesuaian dengan konsep Sistem Taksir Sendiri. Dengan pindaan ini, tempoh asas bagi dua tahun taksiran bertindih adalah merupakan tempoh asas tahun taksiran pertama.

Fasal 38 adalah bertujuan memperkenalkan peruntukan baru sebagai peruntukan peralihan. Ini bertujuan supaya syarikat atau mana-mana orang yang telah diluluskan insentif di bawah Jadual 4C terus kekal mendapat manfaat tersebut dalam tahun-tahun taksiran selepas 2005 sehingga insentif berkenaan dinikmati sepenuhnya.

Bab III – Pindaan Kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (CKHT).

Bab ketiga terdiri daripada 11 fasal iaitu Fasal 39 hingga 49 yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 seperti berikut:

Fasal 39 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas Akta ini seperti berikut:

- a) Fasal 40, 48 dan 49 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2005;
- b) Fasal 42 dan 43 mulai berkuat kuasa pada 1 Januari 2006; dan
- c) dalam teks bahasa kebangsaan Fasal 47 disifatkan telah berkuat kuasa pada 11 September 2004.

Fasal 40 bertujuan meminda Seksyen 9 dengan memotong perkataan "*person or*" dalam subseksyen 3 dan juga memasukkan subseksyen baru 3A untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi mengecualikan mana-mana orang daripada pengenaan cukai keuntungan harta tanah tanpa melalui pewartaan.

Fasal 41 bertujuan meminda Seksyen 15 dengan memasukkan subseksyen baru (3) untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri membuat taksiran dalam tempoh enam tahun selepas keputusan mahkamah diterima bagi yang melibatkan keputusan mahkamah atau selepas pembatalan atau penarikan balik pengecualian, remitan atau elaun bagi yang telah diberi di bawah Akta CKHT.

Fasal 42 mencadangkan pindaan kepada Seksyen 24(6), Akta CKHT yang berbangkit daripada pengenalan seksyen baru 24A. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan pembayaran

balik CKHT dibuat daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 43 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru seksyen 24A, Akta CKHT yang menghendaki sejumlah amaun CKHT hendaklah dibayar kepada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk tujuan bayaran balik cukai keuntungan harta tanah.

Fasal 44, 45 dan 46 adalah pindaan kepada Seksyen 45, 55 dan 56 supaya selaras dengan perubahan terkini mengenai nama gelaran yang diperkenalkan dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia termasuklah tatanama Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Sabah dan Sarawak yang tidak lagi diguna pakai dalam struktur organisasi baru Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Fasal 47 adalah pindaan kepada Jadual 2 dalam teks Bahasa Kebangsaan dengan menggantikan subperenggan 3(g) yang baru supaya selaras dengan teks bahasa Inggeris berhubung pelupusan aset bagi suatu skim mengikut prinsip syariah.

Fasal 48 adalah untuk memotong perenggan 3, Jadual 3, bagi membolehkan setiap individu pemastautin tetap dan warganegara Malaysia layak memilih untuk menikmati pengecualian ke atas pelupusan satu rumah kediaman persendirian miliknya sekali sepanjang hayat.

Fasal 49 bagi mewujudkan peruntukan khas berkaitan perenggan 3, Jadual 3 yang bertujuan memberikan pemilihan pengecualian sekali lagi kepada suami yang telah membuat pemilihan pengecualian cukai atas rumah kediaman isteri sebelum pindaan kepada perenggan 3, Jadual 9. Dengan ini suami dapat membuat pilihan untuk pengecualian bagi pelupusan rumah kediaman miliknya.

#### Bab IV - Pindaan Kepada Akta Setem 1949.

Bab Keempat hanya mempunyai tujuh fasal iaitu fasal-fasal 50 hingga 56 yang bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949 seperti berikut :

- (i) Fasal 50 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas Akta ini. Pindaan di fasal 51, 52, 53, 55 dan 56 akan mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005. Manakala Fasal 54, akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2006;
- (ii) Fasal 51 adalah pindaan kepada subseksyen 21(2) dengan memotong ungkapan "*or three ringgit as the case may require*" bagi tujuan menyelaraskan semua duti semua setem pada kadar tetap ialah RM10.00;
- (iii) Fasal 52 adalah pindaan kepada perenggan 43(5)(b) yang bertujuan untuk menyeragamkan penalti yang dikenakan ke atas mana-mana

- cek atau Nota Janji Hutang yang ditunaikan atau dibuat di luar Malaysia dengan penalti ke atas Surat Cara tidak bersetem;
- (iv) Fasal 53 adalah pindaan kepada Seksyen 80 iaitu pengenalan Seksyen 80(1A) yang baru yang memberi kuasa kepada menteri bagi memberi pengecualian dan peremitan duti setem tanpa melalui pewartaan. Berikutan dengan ini, perkataan "*instrument or*" dalam subseksyen (1) dan perkataan "*any instrument or*" dalam subseksyen (2) perlu dipotong;
  - (v) Fasal 54 adalah memasukkan seksyen baru 80A bagi membolehkan pembayaran balik duti setem daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 supaya mempercepatkan serta memudahkan proses bayaran balik duti setem;
  - (vi) Fasal 55 bertujuan untuk memasukkan sub-butiran baru 22(6) ke dalam Jadual Pertama Akta Setem yang menetapkan suatu Surat Cara bagi pembelian barang-barang di bawah prinsip Syariah Al Bai Bithaman Ajil adalah tertakluk kepada duti tetap sebanyak RM10.00; dan
  - (vii) Fasal 56 adalah pindaan kepada perenggan 8, Jadual Kelima yang berbangkit daripada pertukaran nama "*Kuala Lumpur Stock Exchange*" kepada "Bursa Malaysia".

#### Bab V - Pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Bab Kelima yang mempunyai lapan fasal iaitu fasal-fasal 57 hingga 64 ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 seperti berikut :

- (i) Fasal 57 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat kepada Akta di mana pindaan di Fasal 60 dan 64 akan mula berkuat kuasa mulai pada 1 Januari 2006. Manakala fasal 58 dan 59 mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007 dan fasal 61, 62 dan 63 mula berkuat kuasa pada tarikh pewartaannya;
- (ii) Fasal 58, 61, 62 dan 63 adalah pindaan kepada Seksyen 2, 69, 77 dan 78 Akta supaya selaras dengan perubahan terkini nama gelaran struktur organisasi baru Lembaga Hasil Dalam Negeri;;
- (iii) Fasal 59 adalah untuk memasukkan subseksyen baru 39(4) yang bertujuan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri membuat taksiran dalam tempoh 6 tahun selepas keputusan Mahkamah diterima bagi yang melibatkan keputusan Mahkamah

atau selepas pembatalan atau penarikan balik pengecualian, remitan atau elaun bagi yang telah diberi di bawah Akta;

- (iv) Fasal 60 bertujuan memasukkan seksyen 50A yang menghendaki sejumlah amaun cukai pendapatan petroleum dibayar kepada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- (v) Fasal 64 bertujuan untuk meminda seksyen 81 Akta yang berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 50A. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan pembayaran balik cukai pendapatan petroleum dibuat daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bab VI – bab keenam hanya mempunyai satu fasal iaitu fasal 65 bertujuan untuk meminda seksyen 18, Akta supaya selaras dengan perubahan terkini nama gelaran di bawah struktur organisasi baru Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Cukai-cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta setem 1949, Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dibacakan Kali Yang Kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Oleh sebab Rang Undang-undang ini merupakan satu omnibus bill yang hanya bertujuan untuk kemas kini beberapa undang-undang yang sedia ada dalam urusan kewangan pemerintah dan tidak menyentuh prinsip-prinsip asasi perundangan dan pemerintahan saya mohon kiranya Yang Berhormat-Yang Berhormat berbaik hati untuk elak daripada terlalu banyak retorik kalau ucapan melainkan tumpu kepada subjek-subjek secara khusus. Terima kasih.

Silakan Dato' Dr. Chin Fook Weng.

#### 5.48 ptg

**Dato' Dr. Chin Fook Weng :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam Rang Undang-undang Kewangan 2005 ini, cadangan-cadangan yang dicadangkan kepada lima akta itu pada pendapat saya berasaskan kepada apa yang kita telah bahaskan enam hari iaitu unsur-unsur dalam belanjaan tahun 2006 dan banyak daripada perkara yang ada ini ialah akibat daripada kelulusan Rang Undang-undang itu. Jadi tak payah seperti Tuan Yang di-Pertua katakan tadi kita bahaskan secara mendalam. Saya hanya ada dua perkara yang.....

**Tuan Yang di-Pertua :** Yang saya takut itu hanya itu kalau panjang-panjanglah.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng :** Tak ada, tak ada perkara yang sedikit sahaja kerana saya pun faham kita ada kesuntukan masa. Tuan Yang di-Pertua, hari itu apabila saya mendengar jawapan tentang *group relieve for companies* di bawah seksyen baru 44(A) itu saya dengar bahawa satu syarikat yang membina rumah kos rendah. Kalau dia mengalami kerugian boleh di *offset* kan keuntungan daripada satu lagi syarikat yang dimiliki bersama yang mana ada keuntungan tetapi syarat yang dikenakan ialah projek kos rendah itu dilaksanakan tetapi tidak dipastikan sama ada siap atau tidak siap. Jadi tak payah siap senang sahaja kalau ada kerugian sudah boleh buat tuntutan.

Jadi saya fikir ini tidak patut. Dia mesti siapkan projek itu sebelum boleh buat tuntutan. Jadi ini satu perkara yang saya kurang puas hati, Tuan Yang di-Pertua dan saya harap ini akan diambil perhatian oleh kerajaan dan perlu dibereskan kerana kalau tidak berbuat demikian maka tujuan untuk mengadakan rumah kos rendah itu sudah sia-sia sahaja dan kita akan mengalami banyak projek terbengkalai, dengan itu tidak sesuai.

Perkara yang kedua ialah tentang pindaan kepada seksyen 75A di mana pengarah dan sebagainya diwajibkan *reliable* kalau cukai itu tidak dibayar. Bolehkah kerajaan juga memikirkan kerana kita ada masalah pinjaman sahaja daripada yang sudah kerja tetapi enggan bayar pinjaman itu. Bolehkah kita juga memikir sama ada itu juga menjadi satu daripada perkara yang mana kerajaan boleh buat tuntutan dan mewajibkan syarikat itu supaya bayar bagi pihak membuat potongan dan sebagainya daripada gaji orang berkenaan dan bayar kepada kerajaan dan kalau tidak, maka peruntukan di bawah 75A ini terpakai dalam perkara ini juga. Ini akan mengelak daripada satu keadaan di mana kita pinjam-pinjam tetapi tidak bayar balik dan kerajaan dipaksa melakukan beberapa tindakan drastik seperti tahan daripada ke luar negeri dan sebagainya. Ini tidak patut. Kalau kita ada peruntukan semacam ini kita harus guna pakai dalam situasi yang sama dan kalau pengarah atau syarikat itu tidak berbuat demikian, maka sudah ada satu kesalahan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja komen saya dan saya menyokong kerana ini hanya satu ringkasan daripada apa yang saya ingin sampaikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab dan menggulung.

### **5.53 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya amat-amat berterima kasih di atas penerangan Tuan Yang di-Pertua itu supaya tidak ada banyak sangat perbincangan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, saya tidak kata apa, mereka tidak bangun, saya pun jemputlah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Okey. Terima kasih Dato' Dr. Chin yang telah pun mengambil bahagian secara pendek dan padat. Berkenaan dengan apa yang dibangkitkan



berkenaan dengan kerugian daripada projek rumah kos rendah boleh ditolak daripada kerugian dan keuntungan daripada syarikat lain yang dalam kumpulan yang sama. Sebagai jawapannya kerugian daripada projek rumah kos rendah boleh ditolak daripada keuntungan daripada projek perumahan bukan kos rendah. Ini membolehkan sesuatu syarikat perumahan menampung kerugian.

Mengenai hal itu, memang jawapan begitulah bahawa, Tuan Yang di-Pertua, memang mana-mana syarikat perumahan pun kalau dibuat pun kalau dibuat rumah kos rendah memang dia rugi bahagian itu tetapi dia untung bahagian lain, dan ini memang dibenarkan, cuma yang dipertikaikan oleh Dato' Dr. Chin ialah bahawa tidak siap lagi pun sudah boleh bayar. Ini adalah satu perkara yang telah pun kemudahan yang di bagi sebagai galakkan kepada mereka dan syarikat-syarikat untuk membina rumah kos rendah sebanyak mungkin.

Biasanya di peringkat kerajaan tempatan, Tuan Yang di-Pertua, sebelum diluluskan projek itu mendapat oversea dia hendak pastikan dan tentukan bahawa projek itu siap dahulu baru dapat OC, ini satu perkara yang ada sekatan di situ Tuan Yang di-Pertua, bermakna bukan semestinya projek tidak siap dapat OC, jadi ada sekatan dari peringkat kerajaan tempatan. Jadi bermakna ada maknanya ia ditahan di situ, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada *freedom* sangat, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pengarah *reliable* ini memang sebagai pengarah, mereka bertanggungjawab untuk memastikan syarikat mereka bayar cukai. Kalau ia tidak diberi tanggungjawab itu, maka dia akan lepas tangan begitu sahaja sebab itu kerajaan hanya bertegas dan pengarah memang diwajibkan untuk mengambil tahu. Ada pengarah, kadang-kadang kita dengar pengarah tidak ambil tahu langsung. Jadi ini tidak boleh berlaku pada masa akan datang. Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Dato' Dr. Chin dan dewan ini, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

***Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Fasal 1 hingga 65** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2005**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.59 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu "suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang".

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bolehlah memberikan huraian.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Akta Pengangkutan Jalan ini telah berkuat kuasa sejak tahun 1987 dan telah beberapa kali dipinda bagi disesuaikan dengan keadaan dan perkembangan semasa. Kali terakhir akta ini dipinda ialah pada tahun 2001. Cadangan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 pada kali ini adalah bertujuan untuk membolehkan penguatkuasaan terhadap kegiatan *touting* di tempat-tempat awam di tangani secara berkesan, memandangkan kedudukan perundangan sedia ada tidak memungkinkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan *touting* atau lebih dikenali sebagai ulat ini semakin berleluasa di tempat-tempat awam di negara ini. Kegiatan ini dapat dikesan di beberapa tempat awam seperti di terminal-terminal perhentian bas, perkhidmatan feri, stesen kereta api dan di lapangan terbang. Aktiviti *touting* ini tidak terhad pada perayu teksi haram sahaja, malah melibatkan pelaku *tout* yang menawarkan perkhidmatan penjualan tiket-tiket pengangkutan awam secara haram kepada pelanggan di luar kawasan penjualan tiket. Kerajaan berpandangan bahawa sudah tiba masanya aktiviti *touting* ini ditangani dengan segera bagi meningkatkan imej tempat-tempat awam yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada para pengguna sekali gus meningkatkan keyakinan orang awam yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam.

Aduan mengenai kegiatan *touting* ini sering didedahkan melalui media massa selain daripada saluran biasa seperti surat dan e-mail, kepada agensi-agensi yang berkaitan iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, Malaysia Airports Holding dan Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedia maklum akan masalah kegiatan *touting* ini dan pihak JPJ, PDRM, dan LPKP telah mengadakan operasi bersama dari semasa ke semasa untuk menahan mereka yang disyaki menjalankan aktiviti ini.

Namun begitu, operasi yang diusahakan tidak memberi sebarang kesan yang diharapkan kerana tiada pertuduhan di mahkamah yang boleh dibuat terhadap pelaku *tout* ini kerana ketiadaan peruntukan undang-undang yang khusus bagi menangani aktiviti *touting* yang berkuat kuasa di negara ini. Semasa sesi Parlimen pada 12 Mei, 2005 yang lalu, sewaktu saya membentangkan Rang Undang-undang Kesalahan Penerbangan Pindaan 2005, isu berkaitan dengan *touting* ini telah dibangkitkan ahli-ahli Dewan Negara yang telah mendesak supaya kerajaan mengambil langkah-langkah yang segera dan sewajarnya dengan menggubal pindaan kepada perundangan sedia ada bagi menangani isu *touting* di tempat-tempat awam ini.

Menyedari hal ini, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan agensi penguat kuasa yang berkaitan bagi mencari jalan penyelesaian bagi menangani masalah *touting*. Akhirnya semua pihak bersetuju bahawa masalah *touting* ini dapat diatasi secara berkesan melalui pindaan kepada undang-undang sedia ada bagi membolehkan penguat kuasa undang-undang dilaksanakan terhadap pelaku *tout* ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyediakan draf pindaan, terhadap Akta Pengangkutan Jalan 1987, untuk menangani aktiviti *touting* di tempat-tempat awam, kajian telah dibuat ke atas perundangan di negara-negara lain. Hasil kajian mendapati bahawa ini bukanlah merupakan negara yang pertama bahkan mempunyai peruntukan perundangan bagi mencegah aktiviti *touting* ini. Sebaliknya perundangan yang sama bagi mencegah aktiviti *touting* ini telah sedia ada dalam *statued* negara-negara lain seperti Hong Kong, iaitu Airport Authority Ordinance. Di Ireland, Air Navigation dan Transport Act 1950, dan di Singapura Miscellaneous Offences. Public Order dan News and Act chapter 184, dan di England di Heathrow, By Laws 1996, di Australia Transport Act 1998 yang mempunyai peruntukan dalam *statued* untuk menangani aktiviti *touting*. Oleh itu aktiviti *touting* ini bukanlah sahaja berlaku di Malaysia malah turut berlaku di negara-negara lain.

Berdasarkan kajian tersebut kerajaan telah bersetuju supaya pindaan dibuat ke atas Seksyen 2 dan Seksyen 110, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dengan menggubal peruntukan baru Seksyen 110A yang menjadikan aktiviti *touting* satu kesalahan dan memperuntukkan kuasa kepada anggota Penguat kuasa JPJ dan anggota PDRM untuk tujuan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan di bawah Seksyen 2, memasukkan tafsiran lapangan terbang mempunyai erti yang sama diberi kepadanya oleh Akta Penerbangan Awam, Akta 3 pindaan kepada Seksyen 2 ini perlu dibaca secara bersama dengan Seksyen baru 110A,(3).

Menurut Seksyen 110A(3), tempat awam diberikan definisi sebagai termasuk semua bahagian dalam suatu lapangan terbang yang boleh dimasuki secara bebas oleh orang awam. Memandangkan bahawa lapangan terbang merupakan istilah yang baru dimasukkan dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987, maka istilah lapangan terbang perlu ditafsirkan untuk mengelakkan apa-apa keraguan. Tepatan dalam istilah lapangan terbang penting khususnya apabila pendakwaan dijalankan terhadap seseorang yang melakukan kesalahan di tempat awam yang

merujuk kepada lapangan terbang. Selain itu juga tafsiran lapangan terbang perlu dimasukkan dalam pindaan kepada Seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan 1987, ataupun APJ 1987 untuk memastikan keselarasan makna lapangan terbang dalam APJ 1987 dan Akta Penerbangan Awam 1969.

Selain daripada itu, pindaan di bawah Seksyen 110 ini juga turut memasukkan satu seksyen baru iaitu seksyen 110A(1). Ia menghuraikan perbuatan atau tingkah laku yang boleh ditafsirkan sebagai *touting* seperti memujuk atau mendesak tanpa kuasa yang sah. Ataupun *without law full authority*. Bagi maksud menawarkan perkhidmatan yang berkaitan dengan sewaan, atau ganjaran mengangkut penumpang, seksyen ini menetapkan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau pun kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, perkataan *law full authority* dimasukkan bagi membezakan di antara perayu teksi. Iaitu teksi awam dan teksi sapu. Dan teksi yang dibenarkan beroperasi seperti yang ditetapkan dalam syarat permit. Sebagai contoh, jika teksi Limo KLIA, beroperasi di KLIA mereka mempunyai *law full authority* dengan izin untuk beroperasi sepenuhnya di KLIA. Apabila mereka beroperasi secara sah, dan mendapat *law full authority* isu *touting* tidak timbul sama sekali di pihak mereka. Dalam erti kata lain teksi awam yang mempunyai *law full authority* dengan izin untuk beroperasi di mana-mana tempat di Kuala Lumpur tidak mempunyai *law full authority* untuk beroperasi di KLIA.

Oleh itu teksi awam tidak mempunyai authority untuk beroperasi di KLIA dan sebarang kegiatan mendesak atau memujuk bagi maksud menawarkan perkhidmatan yang berkaitan dengan sewaan atau ganjaran mengangkut penumpang berjumlah sebagai aktiviti *touting* dan boleh disabitkan dengan kesalahan. Bagi teksi sapu pula mereka tidak mempunyai sebarang *law full authority* dengan izin untuk beroperasi di mana-mana tempat awam.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan bahawa amaun denda RM50,000 merupakan amaun denda yang tertinggi buat masa ini dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987. Jika Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan Pindaan 2005 diluluskan, oleh Dewan yang mulia ini, jumlah denda tersebut diperuntukkan bagi menggambarkan keseriusan kesalahan *touting*. Jumlah denda yang tinggi itu juga bertujuan sebagai *deterrence sentence* kepada bakal-bakal pesalah. Pada masa yang sama sebarang perbandingan dengan jumlah denda yang sedia ada dalam APJ 1987 tidak mencerminkan tindakan susulan yang sedang diambil oleh pihak kerajaan. Ini adalah kerana pihak kerajaan kini dalam proses untuk mengkaji semula semua hukuman denda dan penjara yang diperuntukkan dalam APJ 1987.

Setelah kajian semula diluluskan oleh kerajaan kelak hukuman denda RM50,000 yang dicadangkan untuk pesalah *tout* ini bukan lagi hukuman denda yang paling tinggi dalam APJ 1987. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga kerajaan ingin menjelaskan bahawa kegusaran akan isu bidang kuasa mahkamah tidak timbul berikutan daripada hukuman denda RM50,000 ini. Walaupun pesalah *touting* akan dihadapkan di mahkamah majistret.

Ini disebabkan sungguhpun Seksyen 87(1) Akta Mahkamah Rendah 1948 memperuntukkan hukuman denda RM10,000 boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Majistret. *Proviso* kepada seksyen 87(1) akta yang sama memberikan kuasa yang sama kepada Mahkamah Majistret untuk menjatuhkan hukuman denda melebihi RM10,000 dengan syarat akta yang sama dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987, memperuntukkan hukuman denda yang melebihi RM10,000 itu memperuntukkan secara jelas bahawa hukuman denda melebihi bidang kuasa asal mahkamah boleh dijatuhkan.

Dalam konteks ini, Seksyen 116A Akta Pengangkutan Jalan 1987 secara jelas memperuntukkan bahawa *notwithstanding anything contain, in any written law to the contrary a First Class Magistrate shall have the jurisdiction to try any offence under this Act and to award full punishment for such an offence*, dengan izin. Oleh itu, isu had bidang kuasa mahkamah tidak timbul dalam mengenakan hukuman denda melebihi RM10 ribu berdasarkan peruntukan proviso kepada Seksyen 87(1) Akta Mahkamah Rendah 1948 yang dibaca bersama dengan Seksyen 116A Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi membolehkan hukuman denda di bawah Seksyen baru 110A(1) dikenakan terhadap pesalah *touting* ini.

Berkenaan dengan saksi atau pengadu yang mungkin akan melibatkan pelancong asing ke negara ini, kehadiran pengadu adalah diperlukan di mahkamah. Kesalahan *touting* ini adalah sama seperti jenis-jenis kesalahan jenayah lain. Ianya tidak berbeza dengan kesalahan lain, saksi atau pengadu perlu hadir di mahkamah untuk memberi keterangan. Keperluan hadir di mahkamah sama adalah sebagai saksi atau pengadu ini terpakai untuk semua kes jenayah yang lain di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga dibuat dengan memasukkan Seksyen 110(2) yang baru yang memberikan kuasa kepada pegawai polis dan JPJ untuk membuat tangkapan terhadap perayu-perayu yang terlibat. Seksyen ini menjelaskan bahawa pegawai-pegawai yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan peraturan yang berkenaan ialah anggota polis PDRM dan JPJ. Seksyen ini memperuntukkan bahawa kesalahan di bawah Seksyen ini adalah merupakan kesalahan boleh tangkap seperti yang dimasukkan dalam Kanun Tatacara Jenayah.

Kuasa membuat tangkapan ini tidak diberikan kepada anggota penguat kuasa lain seperti warden lalu lintas atau Majlis Perbandaran kerana kesalahan *touting* tiada berkaitan dengan cara pemanduan, penggunaan kenderaan motor dan pengawalan trafik lalu lintas. Sebaliknya kesalahan *touting* boleh dilanjutkan kepada mana-mana individu yang bertindak sebagai perantara yang menyerahkan pelanggan untuk menaiki teksi. Ianya tidak terhad kepada cara pemanduan, penggunaan kenderaan motor dan lalu lintas sahaja. Oleh itu kuasa tangkapan diberikan kepada PDRM dan JPJ bersesuaian dengan keputusan dasar kerajaan. Berkenaan dengan isu sama ada pegawai keselamatan MAHB mempunyai kuasa untuk menangkap orang melakukan *touting* kerajaan ingin menjelaskan bahawa pegawai keselamatan MAHB juga termasuk dalam kategori pegawai polis bantuan. Polis bantuan di bawah Akta Polis

1967 dan merupakan pegawai yang dilantik dan diberi kuasa untuk menjalankan tugas dalam lapangan terbang.

Dari segi prosedurnya pula, apabila tangkapan dibuat oleh pihak JPJ, pesalah akan diserahkan kepada pihak PDRM. Ini disebabkan JPJ tiada kuasa siasatan di bawah Kanun Tatacara Jenayah. Pesalah *tout* yang ditangkap akan ditahan di lokap PDRM sebelum permohonan reman di mahkamah. Pihak PDRM akan menjalankan siasatan membuat permohonan tahanan reman dan menuduh pesalah *tout* ini di mahkamah. Kesalahan *tout* bukanlah *strict liability offence* dengan izin, ianya adalah kesalahan boleh tangkap dan beban pembuktian di mahkamah adalah *beyond reasonable doubt* dengan izin, di akhir kes pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 110A(3) pula memberikan maksud tempat awam sebagai termasuk:

- a) mana-mana jalan;
- b) mana-mana tempat yang telah diwartakan sebagai suatu perhentian bagi perkhidmatan kenderaan awam; dan
- c) semua bahagian dalam suatu lapangan terbang yang boleh dimasuki secara bebas oleh orang awam.

Seksyen ini menjelaskan maksud tempat awam bagi membolehkan penguatkuasaan dilaksanakan oleh bahawa pegawai-pegawai yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan. Aktiviti *touting* tidak ditumpukan kepada lapangan terbang sahaja, ia meliputi juga mana-mana jalan seperti mana diberikan definisi "jalan" dalam Seksyen 2 APJ 1987 dan Perhentian Perkhidmatan Awam yang digazetkan. Oleh itu apabila Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 Pindaan ini di lulus dan dikuatkuasakan kelak, ianya boleh dikuatkuasakan di tempat-tempat awam yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam.

Pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan JPJ dan PDRM menjalankan tugas membanteras kegiatan *touting* dengan lebih berkesan berlandaskan Rang Undang-undang serta dapat meningkatkan imej tempat-tempat awam yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin nak memaklumkan kepada Dewan ini, apa yang telah saya cadangkan di sini adalah apabila saya mengambil kira pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat waktu saya dan rakan-rakan saya di dalam kementerian mengadakan taklimat baru-baru ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara yang akan dipinda dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987. Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Pengangkutan Jalan Pindaan 2005 ini tidak akan melibatkan sebarang tambahan perbelanjaan wang kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Dato' Hajah Saripah Aminah.

**6.18 petang.**

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberi peluang kepada saya mengambil bahagian membahas Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan Pindaan 2005 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Pindaan Seksyen 2 dan penyertaan Seksyen baru 110A.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas Seksyen 110A bertujuan membolehkan ulat teksi ditahan dan dihadapkan ke mahkamah. Jika sabit kesalahan, denda hingga RM50 ribu ataupun penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Walau bagaimanapun sekiranya dihalusi penggubalan Seksyen 110A ini tidak dilakukan secara teliti oleh pihak yang terlibat. Mengapa saya beranggapan demikian? Wujud banyak kelemahan di dalam Seksyen 110A.

Pertama, Seksyen 110A ini seolah-olah di draf tanpa merujuk kepada Akta Ibu itu sendiri. Paling ketara denda atau hukuman yang dikenakan adalah agak melampau malahan melebihi hukuman ke atas kesalahan kes memandu secara cuai hingga menyebabkan kematian. Apa yang ketara Tuan Yang di-Pertua, *AG Chambers* dengan izin tidak merujuk secara teliti kepada Akta Ibu sendiri sebelum melakukan penggubalan itu.

Kedua, Seksyen 110A juga agak terlalu luas rangkumannya khasnya Fasal yang menyebut, "*mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memujuk atau mendesak bagi maksud menawarkan perkhidmatan yang berkaitan dengan menerima sewa atau ganjaran atau mengangkut penumpang atau berulang alik untuk sewa atau ganjaran sama ada atau tidak dilakukan oleh orang itu.*" Kerana pendaftaran fasa yang luas sebegini, maka bukan sahaja ulat teksi tetapi sesiapa sahaja boleh didenda contohnya pemilik kenderaan iaitu yang empunya teksi.

Ketiga, penyabitkan kesalahan, apa gunanya undang-undang jika penguatkuasaan lemah. Contohnya, adakah seorang saksi iaitu pelancong asing yang akan dipanggil pulang ke Malaysia untuk memberi keterangan selaku saksi kes. Sekiranya saksi gagal hadir di mahkamah, maka sukarlah untuk menyabitkan kesalahan. Tidakkah ini dibincangkan di peringkat kementerian dan *AG Chambers* dengan izin. Jangan kita lupa bahawa objektif Seksyen 110A ini adalah untuk mengekang aktiviti ulat-ulat teksi khususnya di KLIA. Maka adalah penting untuk menyabitkan mereka kepada kesalahan undang-undang di bawah Seksyen 110A ini.

Keempat, sekiranya berjaya menyabitkan kesalahan denda yang dikenakan sebanyak RM50,000 ini tidak mungkin dapat dijelaskan oleh ulat-ulat ini. Maka hukuman penjara maksimum akan dikenakan. Walaupun menurut *AG Chambers* dengan izin objektif hukuman yang dikenakan adalah atas dasar *deterrence sentencing* dengan izin ianya kelihatan tidak logik. Jika dibandingkan dengan hukuman yang diperuntukkan di bawah Akta 41 (Akta Pengangkutan

1987) di mana hukuman bagi kesalahan memandu secara cuai sehingga mengakibatkan kematian hanya memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi 10 tahun berserta dengan denda maksimum RM20,000 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 ini telah pun dibahaskan di Dewan Rakyat sistem monopoli teksi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) mendapat bantahan sebahagian besar penyokong kerajaan BN-BBC di Dewan Rakyat ketika Rang Undang-undang Pengangkutan dibahaskan malahan ada yang mencadangkan supaya diwujudkan satu terminal teksi di KLIA bagi memecahkan monopoli ini.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin nyatakan sesuatu di sini saya bukan menyokong kegiatan ulat-ulat di KLIA ataupun di mana-mana sahaja di perhentian pengangkutan awam di Malaysia tetapi kita terlebih dahulu perlu mengkaji bagaimana ulat-ulat ini boleh wujud. Puncanya adalah sistem monopoli yang dibuat oleh sesebuah syarikat iaitu Airport Limo Sdn. Bhd. sehingga menyebabkan orang lain tidak boleh mencari makan.

Saya percaya kegiatan ulat ini tidak akan timbul sekiranya kerajaan memberi alternatif kepada penumpang KLIA untuk memilih teksi yang ingin mereka naiki. Sistem monopoli ini telah mengakibatkan ramai pemandu teksi yang lain tidak boleh cari makan. Monopoli ini juga telah mengakibatkan kita terpaksa membayar kos yang terlalu tinggi di mana penumpang terpaksa membayar harga tambang untuk dua hala.

Monopoli teksi di KLIA ini perlu dipecahkan supaya beban kos yang terlalu tinggi tidak ditanggung oleh penumpang. Tambahan pula tiada jaminan bahawa tambang *limosin* ini tidak akan dinaikkan di masa hadapan memandangkan mereka menguasai sistem berkenaan. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Airport Limo Sdn. Bhd. ini pun tidak setimpal dengan monopoli ke atas kontrak yang mereka pegang. Rata-rata terdapat rungutan oleh orang ramai yang mengadu bahawa perkhidmatan *limosin* ini tidak mencukupi. Pelancong dan penumpang mendapat di KLIA terpaksa menunggu begitu lama sehingga akhirnya memilih untuk menaiki teksi ulat-ulat ini setelah bosan menunggu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang jelas sekiranya Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 ini diluluskan oleh Dewan Negara Seksyen 110 (a) akan memastikan monopoli limosin ini di KLIA terus berkekalan. Adakah monopoli berterusan ini satu pendekatan terbaik oleh kerajaan untuk pelanggan dan juga rakyat. Adakah Seksyen 110 (a) penyelesaian terakhir sedangkan puncanya ialah monopoli perkhidmatan *limosin*. Janganlah kita mengambil sikap berat sebelah dalam menangani isu ulat ini sedang kita tahu punca sebenarnya.

Akhir sekali saya amat berharap janji Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Yang Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin yang pernah berkata bahawa kerajaan akan membuka peluang kepada pengusaha teksi lain untuk beroperasi di lapangan terbang KLIA akan menjadi realiti. Jika tidak, Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 ini hanya akan memastikan monopoli *limosin* di KLIA terus berkekalan. Siapa yang rugi? Pelanggan dan



pelancong. Siapa yang untung? Airport Limo Sdn. Bhd., dan siapa pula yang akan dipersoalkan? Kerajaanlah.

Tuan Yang di-Pertua sebelum saya dengan berat hati menyokong rang undang-undang ini satu permohonan iaitu *accountability* dari segi *auditing* selepas setahun rang undang-undang ini dilaksanakan perlu dibuat dan dibentangkan agar pengetahuan tentang keberkesanannya dapat diketahui kelak.

Tuan Yang di-Pertua saya menyokong. Sekian terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** [Bangun]

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. Chin boleh kita bagi Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi dahulu kemudian Dato' Dr. Chin. Sila. Lepas itu saya akan minta Timbalan Menteri menjawab dan menggulung.

#### 18.22 ptg

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lepas Dr. Puad, Dr. Chin kemudian Timbalan Menteri jawab dan gulung.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya hanya memerlukan tiga minit sahaja kerana mengizinkan untuk saya membahaskan rang undang-undang ini. Kerana isu yang dibangkitkan ialah soal ulat-ulat teksi ataupun *touting* ini. Saya telah membuat satu ujian sendiri iaitu saya telah pergi kota raya di Johor Bahru di bangunan Balai Seni tempat penumpang-penumpang mendapatkan teksi untuk ke Singapura. Di sana saya telah berjumpa dengan satu teksi yang dikatakan sebagai ulat ini dan bila saya bertanya dengan harga tambang ke Singapura maka jumlah yang diminta itu adalah melebihi daripada kalau saya mendapatkan teksi yang *legal* teksi yang sah iaitu lebih kurang RM100.00 duit Malaysia yang diminta pada saya lebih kurang SD65.00 ini teksi ulat.

Berdasarkan kepada pengalaman ini saya merasakan memang sebenarnya bahawa masalah ulat-ulat teksi ini harus diatasi dan saya sebenarnya amat menyokonglah iaitu dengan pengalaman tersebut apabila dikaitkan dengan soal imej dan sebagainya mungkin kita harus kita perlukan kepada akta ini untuk mengatasi masalah ulat-ulat teksi ini.

Yang kedua ialah mengenai dengan monopoli tadi yang dikaitkan dengan Airport Limo yang ada di KLIA, saya rasa ini perlu diberi perhatian dan saya ingin mengambil kesempatan ini mengharapkan supaya LPKP dan sebagainya ini diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan supaya ada keselarasan sebenarnya. Saya mengharapkan kalau boleh Airport Limo yang sekarang ini mengendalikan teksi-teksi *crown* yang dipindahkan daripada Subang Airport itu dipecahkan sahaja untuk menjadi dua syarikat yang berasingan bukan diletak di bawah

Airport Limo supaya ada persaingan antara dua pihak ini untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada penumpang-penumpang yang turun di KLIA.

Tuan Yang di-Pertua saya menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat menepati janji terima kasih. Ya Dato' Dr. Chin Fook Weng.

### 18.35 ptg

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua saya tidak tahu berapa lamalah bagi saya tetapi saya cuba pendekkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kena tahulah sebab Yang Berhormat bukan apa. Kita tidak boleh melampaui detik 12 malam.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam rang undang-undang pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan ini Tuan Yang di-Pertua, saya dapati perkara yang dibangkitkan itu amat sesuai dari beberapa segi.

Yang pertama saya telah melihat bahawa kejadian semacam ini telah merosakkan imej kita sebagai satu negara. Apabila orang datang ke KLIA kita sentiasa dengar pengumuman kata hendak naik teksi kena berhati-hati tetapi apabila mereka keluar maka sudah ada orang datang minta hendak naik teksi atau tidak dan ini tidak baik dari segi imej kita kerana yang pertama apabila kita buat pengumuman di dalam lapangan terbang itu bermakna sudah ada masalah. Kita ingatkan orang yang baru datang dia orang selalu tanya apakah ini apakah *announcement* ini berkenaan dengan apa? Tiap-tiap kali bila kita mendengar itu seolah-olah kita tidak boleh mengawasi perkara ini. Dengan adanya Seksyen baru 110A ini saya harap perkara ini tidak akan wujud lagi.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua bukan sahaja itu berlaku di KLIA tetapi kalau kita ke Puduraya Tuan Yang di-Pertua satu masalah yang dihadapi saya selalu ke Puduraya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh beri saya laluan sebentar? Yang Berhormat harapan saya ialah kerana saya prihatin dan saya dapat memerhatikan rakan-rakan Yang Berhormat kaum wanita kita telah tidak bangun dan beri peluang kepada kita kerana mereka menunggu saya agaklah membahaskan Rang Undang-undang yang berikutnya.

Maka setimpal dengan pertimbangan itu eloklah kalau mereka beri peluang kepada kita, kita pula beri peluang supaya mereka dapat bahaskan Rang Undang-undang yang dekat dengan hati mereka itu sebaik mungkin. Ini permohonan saya kepada Yang Berhormat maka saya mengambil kesempatan sebelum saya diambil alih oleh.....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Itu diambil kira Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tidak ada masalah.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat boleh teruskan.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih. Di Puduraya sebagai contoh kami dapati tiap-tiap kali ada ulat-ulat ini yang selalu datang menyatakan ada bas-bas di luar yang akan jalan dan apabila kita beli tiket daripada orang-orang ini maka bila keluar maka nampak tidak ada bas.

Kalau bas datang itu pun mungkin tidak akan jalan sehingga lama dan ini adalah satu masalah yang wujud. Sungguhpun ada banyak syarikat yang beroperasi di sana tetapi kadangkang pada musim-musim perayaan semua penuh dan mereka telah mengambil kesempatan ini. Dengan adanya pindaan ini maka saya harap perkara semacam itu akan diawasi.

Tetapi satu isu yang saya ingin bangkitkan kepada perhatian kementerian ini ialah tentang situasi yang mana kalau saya sebagai seorang awam telah membeli tiket untuk menaiki bas. Dalam syarat itu dikatakan tiket apabila dibeli tidak boleh dipulangkan, tidak boleh dapat *refund* kalau saya tidak mahu guna, kalau saya tiba-tiba tidak sempat naik bas itu pada waktu yang ditetapkan kerana mungkin saya terpaksa kerja satu hari lagi, jadi saya tidak boleh tukar tiket itu, saya tidak boleh dapat balik duit yang telah dibayar untuk tiket itu kerana selepas dibeli tidak boleh tuntutan balik duit itu. Biasanya bila kita ke sana, mereka kata *sorry* tidak boleh tetapi kalau *you* hendak cuba *you* jual bagi orang lainlah. Kalau kita berbuat demikian adakah itu dianggap sebagai *touting*?

Kalau itu dianggap dari interpretasi itu sebagai *touting* maka itu tidak adil kerana seseorang itu telah menghadapi masalah dan oleh kerana dia hendak cuba dapat balik kalau tidak ada tiket itu tidak boleh diguna langsung dan oleh kerana itu dari segi takrifan mungkin dia tertangkap oleh pegawai-pegawai berkenaan atas tuduhan dia menjadi ulat itu. Kalau ini berlaku maka tidak adillah tetapi saya pun tidak pasti bagaimana itu boleh diselesaikan kalau seseorang yang betul-betul menjalankan aktiviti ini ada banyak tiket, dia telah beli banyak tiket dan dia cuba jual kepada pelanggan itu, maka bagaimana ini dapat diawasi?

Saya minta bahawa perhatian diberi kepada satu situasi yang mungkin wujud seperti saya terangkan itu. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

**6.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sedikit sebanyak pandangan terhadap Rang Undang-undang ini.

Macam saya perkatikan tadi banyak yang telah terjawab di dalam cadangan yang saya buat tadi iaitu berkaitan dengan apa yang telah dipersoalkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah

Sharifah Aminah tadi. Saya menerima pandangan-pandangan itu dan saya juga telah mengambil kira di atas pandangan-pandangan Yang Berhormat Datuk Hajah Sharifah dan untuk hendak menguatkan lagi hujah apa yang telah saya bantah tadi iaitu berkaitan dengan denda RM50 ribu ini. Kalau kita nampak memanglah tinggi tetapi saya berkeyakinan bahawasanya seseorang majistret itu dia akan melakukan sesuatu yang adil.

Kemungkinan kita tidak akan sampai pergi kepada RM50,000, ia antara RM0 hingga ke RM50,000. Lagi satu pun undang-undang yang kita bantah ini adalah satu undang-undang yang saya rasa bukanlah luar biasa, macam saya perkatakan dalam cadangan saya tadi, kita mengambil undang-undang *touting* yang berlaku di Hong Kong dan di negara-negara lain memanglah sesuatu yang luar biasa ia akan mengikut proses undang-undang di dalam mana-mana negara mesti adanya pengadu, mesti adanya dengan saksi. Kalau kita hendak mengambil *test* kes itu sebagai satu bagi seorang pelancong saya katakan satu *test* kes yang dijadikan satu contoh buat masa ini.

Tidak ada undang-undang yang saya rasa *full proof* dalam dunia ini, sudah tentu dia memerlukan masa dan dari segi sesuatu yang berlaku kita akan kaji daripada suatu masa ke suatu masa dan kemungkinan di masa-masa depan kalau kita fikirkan ada sesuatu yang tidak boleh memberi keselesaan kepada rakyat ataupun masyarakat kita ini sudah tentu kita boleh buat sebarang ataupun sedikit pindaan. Tetapi bagi saya, ini adalah satu undang-undang yang kita perlukan pada hari ini untuk mengatasi kegiatan ulat ini ataupun *touting* ini. Saya rasa kita ambil pepatah Melayulah, 'belum cuba belum tahu kalau sudah cuba barulah tahu'.

Kita ambil pepatah Melayu itu, saya rasa tidak perlulah saya jawab beberapa perkara dengan begitu panjang, saya ambil nasihat Tuan Yang di-Pertua tadi kita cuba memendek-mendekkan dapat kita luluskan undang-undang ini dengan secepat mungkin dan sudah tentunya peranan kementerian iaitu hendak menjaga kepentingan rakyat kita ataupun juga pelancong-pelancong yang datang daripada luar dan kita tidak hendak imej-imej lapangan terbang kita atau di mana-mana tempat yang boleh kita gunakan kemudahan awam itu terjejas dengan kegiatan ulat-ulat ini.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi beberapa pandangan yang begitu bernas, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikekukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2005**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **6.42 ptg**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 dibacakan kali yang kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh berikan huraian.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju untuk menyeragamkan undang-undang Islam di seluruh Malaysia. Justeru Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Peguam Negara (JPN) telah menyediakan suatu model Undang-undang Keluarga Islam yang seragam untuk di terima pakai di seluruh Malaysia.

Pada 9 Februari tahun 2000, Majlis Jemaah Menteri telah bersetuju supaya model undang-undang Keluarga Islam diseragam dan dibentangkan di Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu. Pada 22 Mac 2001, Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu kali yang ke-188 telah memperkenankan penyeragaman Undang-undang Keluarga Islam di seluruh Malaysia. Bagi merealisasikan penyeragaman undang-undang tersebut di Wilayah-Wilayah Persekutuan,

Jabatan Peguam Negara telah membuat semakan dan perbandingan antara Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 Akta 303 dengan model Undang-undang Keluarga Islam yang telah disediakan. Jabatan Peguam Negara mendapati tiada banyak perbezaan antara model undang-undang seragam dengan Akta 303 tersebut.

Oleh yang demikian, Jabatan Peguam Negara telah mencadangkan supaya Akta 303 diselaraskan dengan model undang-undang seragam dengan cara membuat pindaan. Adalah wajar pindaan dibuat terhadap Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984 Akta 303 bagi menyelaraskannya dengan model undang-undang seragam kerana ia tiada banyak perbezaan antara kedua-dua undang-undang tersebut. Pindaan yang

dicadangkan dalam Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan Pindaan 2005 adalah seperti berikut.

Fasal 1, mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2, bertujuan untuk meminda Seksyen 2 Akta 303 untuk memasukkan takrif baru untuk menggantikan takrif tertentu dan untuk memotong takrif bagi istilah tertentu yang digunakan dalam Akta 303 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda Seksyen 9 Akta 303 untuk menjelaskan lagi peruntukan sedia ada berkaitan dengan pertalian yang melarang perkahwinan.

Fasal 4, bertujuan untuk meminda Seksyen 13 (B) Akta 303 dengan menggantikan perkataan terhadap perkahwinan itu 'oleh wali Raja' dengan perkataan 'kepada wali Raja' untuk mengakad nikahkan perkahwinan itu.

Fasal 5, bertujuan untuk meminda Subperenggan 14(2)(b)(iii) Akta 303 dengan memasukkan selepas perkataan 'janda' perkataan 'dan'.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda Seksyen 23 Akta 303 untuk membolehkan Mahkamah menghendaki seseorang lelaki yang telah diberikan kebenaran untuk mengamalkan poligami atau telah mendaftarkan perkahwinan secara poligaminya di bawah Seksyen itu untuk membayar nafkah kepada isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada atau untuk memerintahkan pembahagian aset yang diperolehi mereka semasa perkahwinan itu melalui usaha mereka bersama jika terdapat apa-apa permohonan dari mana-mana pihak kepada perkahwinan itu.

Fasal 7, bertujuan untuk meminda Seksyen 28 Akta 303 dalam nota bahu dengan menggantikan perkataan 'timbangan' dengan perkataan 'pendaftar kanan' 'pendaftar' dan dalam teks bahasa kebangsaan dalam Seksyen (4) dengan menggantikan perkataan (1) dengan perkataan (2).

Fasal 8 bertujuan untuk meminda perenggan 31 (2) (c) Akta 303 dengan menggantikan perkataan 'akuan' dengan perkataan 'ikrar'.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda Seksyen 38 Akta 303 untuk menaikkan penalti yang diperuntukkan bagi kesalahan dengan sengaja membuat ikrar atau pernyataan palsu denda maksimum dinaikkan dari RM1,000 kepada RM2,000 dan tempoh pemenjaraan maksimum dinaikkan daripada 6 bulan kepada 12 bulan.

Fasal 10, bertujuan untuk meminda Subseksyen 42 (1) Akta 303 dengan menggantikan perkataan 'Akuan berkanun' dengan perkataan 'suatu ikrar'.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda Subseksyen 47 (1) Akta 303 dengan menggantikan perkataan 'akuan' dengan perkataan 'ikrar' dan subseksyen 47 (2) dengan menggantikan perkataan 'akuan berkanun' dengan perkataan 'ikrar'.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda Seksyen 52 Akta 303 untuk menjadikan Seksyen itu selaras dengan Hukum Syarak melalui pemberian hak fasakh kepada suami dan isteri.

Fasal 13 bertujuan untuk memotong Seksyen 58 Akta 303.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda perenggan 59 (2) (b) Akta 303 dengan teks Bahasa Kebangsaan dengan memasukkan selepas perkataan 'kemahuan suaminya' perkataan 'atau'.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda Seksyen 61 Akta 303 dengan teks Bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan '*regardless off*' dengan perkataan '*havin regard too*'.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda Seksyen 73 Akta 303 untuk membolehkan Mahkamah memerintahkan seseorang lelaki untuk membayar nafkah kepada anaknya apabila membenarkan lelaki itu mengamalkan poligami di bawah Subseksyen 23 (1).

Fasal 17 bertujuan untuk meminda Sub-perenggan 79(c)(i) Akta 303 dengan memasukkan selepas perkataan dirinya perkataan 'atau'.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda Sub-perenggan 81 (2) (a) dan perenggan 81 (2) (c) Akta 303 dengan memotong perkataan 'peringkatnya'.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda Seksyen 107 Kata 303 dalam Nota bahu dengan menggantikan perkataan 'injunksi terhadap gangguan' dengan perkataan 'perintah tegahan'.

Fasal 20 bertujuan untuk memasukkan Seksyen baru iaitu Seksyen 107A ke dalam Akta 303 seksyen baru ini. Ini bertujuan untuk membolehkan mahkamah atau permohonan mana-mana pihak kepada sesuatu perkahwinan untuk membuat suatu perintah larangan terhadap pelupusan harta sepencarian oleh isteri suami jika apa-apa *proceeding* hal ehwal suami isteri masih belum selesai di mahkamah.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda perenggan 114(g) Akta 303 dengan memasukkan selepas perkataan 'kesahatarafan', perkataan 'atau'.

Fasal 22 bertujuan untuk meminda Seksyen 121 akta 303 untuk menyatakan dengan jelas bahawa rayuan terhadap mana-mana keputusan Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah dan rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah.

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan satu seksyen baru iaitu Seksyen 122 ke dalam Akta 303. Seksyen baru ini memperkatakan kuasa mahkamah untuk memerintahkan pembahagian harta sepencarian.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 127 Akta 303 untuk mengadakan peruntukan bahawa menganiayai suami atau isteri atau menipu suami atau isteri akan hartanya menjadi suatu kesalahan dan apabila disabitkan, hendaklah dihukum dengan denda atau pemenjaraan atau kedua-duanya. Pindaan ini juga memberi mahkamah kuasa untuk membuat perintah tambahan untuk mengarahkan lelaki atau perempuan yang disabitkan kerana menipu isterinya atau suaminya akan hartanya hendaklah membayar pampasan kepada suami atau isteri yang telah ditipu itu.

Fasal 25 bertujuan untuk meminda seksyen 130 Akta 303 dalam nota bahu, dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “jadi murtad” dengan perkataan “percubaan untuk menjadi murtad” dan dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “*an apostate*” dengan perkataan “murtad”.

Fasal 26 bertujuan untuk meminda Subseksyen 134(1) dan (2) Akta 303 dengan menggantikan perkataan “enakmen” dengan perkataan “akta” dan perenggan 134(3)(c) dipinda dengan menggantikan perkataan “akuan” dengan perkataan “ikrar”.

Fasal 27 bertujuan untuk memasukkan suatu seksyen baru iaitu Seksyen 134(a) ke dalam Akta 303. Seksyen baru ini memperuntukkan bahawa hukum syarak akan dipakai jika terdapat apa-apa *lakuna* atau ketidakselarasan dalam Akta 303.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ya, Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae, selepas itu Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

### **6.53 ptg.**

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya laluan untuk sama-sama dapat membahaskan Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik beberapa pindaan yang dicadangkan kepada Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 melalui Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 2005 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 September 2005, khususnya berkenaan dengan tuntutan harta sepencarian oleh isteri apabila suaminya ingin berpoligami dan juga memerlukan isteri atau isteri-isteri sedia ada, bakal isteri, bakal wali untuk hadir di mahkamah. Pindaan sebegini tentunya akan melindungi hak kaum wanita yang selama ini terpaksa menanggung beban diskriminasi akibat daripada undang-undang yang kurang prihatin dan kurang peka terhadap hakikat dan keadaan hidup wanita.

Sudah bertahun-tahun wanita Islam di Malaysia berungut mengenai masalah yang dihadapi semasa mereka meminta bantuan dan nasihat daripada Jabatan Agama apabila mencari penyelesaian atas isu-isu nikah cerai di Mahkamah Syariah. Walaupun terdapat ucapan-ucapan dan sokongan-sokongan daripada pihak kerajaan supaya perlindungan yang mencukupi hendaklah diberikan kepada kaum wanita Islam di bawah sistem syariah di negara ini. Walaupun masalah yang dihadapi kaum wanita untuk mendapatkan keadilan telah diberikan



liputan yang meluas oleh pihak media, namun begitu tidak ada tindakan menyeluruh diambil bagi menghapuskan penderitaan yang kerap kali dialami oleh pihak wanita dan kanak-kanak apabila perkahwinan berpoligami ataupun perceraian berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1994 adalah di antara yang paling baik, bukan sahaja untuk Wilayah Persekutuan atau seluruh Malaysia, tetapi boleh dianggap yang terbaik di dunia Islam semasa digubal lebih 20 tahun yang lalu. Ia memberi wanita pelbagai hak dan perlindungan. Pelbagai syarat telah dikenakan kepada suami yang hendak berpoligami demi memastikan suami itu mampu berlaku adil sebagaimana dituntut oleh Al-Quran di bawah surah An-Nisa ayat 3. Isteri berhak memohon cerai fasakh atas 12 sebab dan berhak mendapat cerai taklik jika suaminya gagal memenuhi kontrak perkahwinan. Misalnya tidak memberikan nafkah selama lebih daripada empat bulan ataupun menganiayainya.

Isteri berhak menuntut mutaah ataupun pampasan jika diceraikan tanpa sebab yang munasabah, selaras dengan peruntukan Al-Quran, surah Al-Baqarah, ayat 241. Dia juga berhak mendapat harta sepencarian sama ada dia membuat sumbangan kewangan atau tidak, kerana usaha dan masa yang telah disumbangkan sebagai ibu dan isteri semuanya diambil kira. Meskipun terdapat banyak kebaikan dalam Akta Tahun Pegangan 1984, aduan-aduan daripada kaum wanita bahawa hak-hak tersebut masih jauh daripada penyelesaian kerana terdapat prasangka dan kelemahan dalam pelaksanaan undang-undang dan juga pentadbiran dalam sistem syariah.

Malangnya, langkah-langkah perundangan yang diambil sejak tahun 1990-an nampaknya menghakis beberapa hak dan perlindungan yang telah diperuntukkan pada tahun 1984. Misalnya, peruntukan asal mengenai poligami dalam seksyen 23(4)(e), pernah mensyaratkan bahawa perkahwinan yang dicadangkan tidak boleh merendahkan taraf kehidupan yang dinikmati oleh isteri dan orang-orang tanggungan sedia ada. Tetapi syarat ini juga telah dimansuhkan.

Soal salah laku isteri yang dianggap *nusyuz* jika tidak menurut perintah suami, juga amat ditekankan melalui Perintah Tahun 1994. Malah, ia menghentikan hak isteri yang telah diceraikan untuk menerima nafkah edah. Itu telah mengakibatkan banyak tuduhan *nusyuz* telah dilemparkan sewenang-wenangnya ke atas pihak isteri. Misalnya apabila isteri memohon *cerai taklik* kerana suami tidak memberi nafkah. Suami pula akan mendakwa kononnya dia tidak memberi nafkah kerana isteri berlaku *nusyuz*.

Malangnya, soal salah laku pihak suami yang tidak bertanggungjawab tidak pula ditekankan. Lebih malang lagi rang undang-undang 2005 ini walaupun pada sepintas lalu nampaknya seolah-olah ia melindungi wanita tetapi apabila dikaji dengan lebih mendalam sebenarnya ia boleh mengakibatkan ketidakadilan dan penganiayaan yang berat ke atas wanita, terutamanya kemudian di peringkat pelaksanaan.

Saya amat kecewa atas beberapa usul yang dibentangkan dalam rang undang-undang ini dan juga kecewa bahawa rang undang-undang ini telah diluluskan tanpa mengambil kira hujah dan pandangan beberapa Ahli Dewan Rakyat yang menyuarakan kepincangan dalam beberapa peruntukan yang dibentangkan.

Antara kesan diskriminasi yang perlu ditekankan di sini ialah pertama, seksyen 23(9)(b) hak suami untuk menuntut harta sepencarian daripada bahagian harta isteri apabila dia berpoligami. Pindaan ini menyatakan mahkamah mempunyai kuasa atas permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan untuk memerintah mana-mana aset dibahagikan. Akibat daripada bahasa *gender-neutral* ataupun memilih mana-mana pihak, suami juga boleh menuntut harta sepencarian daripada isteri atau isteri-isteri sedia ada.

Kami sangat khuatir peruntukan Tuan Yang di-Pertua, akan disalahgunakan oleh suami-suami yang tidak bertanggungjawab. Implikasi kepada pindaan ini, suami akan dapat menuntut supaya harta isteri sedia ada dibahagikan kepada suami atau rumah yang mereka diami dijual apabila suami berkahwin lagi untuk menampung gaya hidup barunya atau untuk apa-apa alasan. Malah harta yang diberi sebagai hadiah kepada isteri juga boleh dituntut sebagai harta sepencarian.

Ini tentulah tidak adil sama sekali dalam kes penceraian khul surah Al-Baqarah ayat 229, melarang suami mengambil balik apa jua yang mereka telah berikan kepada isteri. Tidak halal bagi kamu iaitu suami mengambil sesuatu yang telah kamu berikan kepada mereka iaitu isteri. Tuntutan harta sepencarian dalam hal poligami hendaklah memihak kepada isteri yang sedia ada demi melindungi kepentingan dan atas prinsip keadilan yang ditekankan dalam al-Quran, malah al-Quran melarang perkahwinan poligami jika dikhuatiri bahawa ketidakadilan akan berlaku kepada pihak isteri.

Amatlah tidak adil Tuan Yang di-Pertua, jika isteri sedia ada mengahwini pihak suami semasa suami itu tidak mempunyai harta dan setelah bertungkus-lumus bersama suami bekerja siang dan malam menjadikan kaya-raya, sesudah itu suami pula mengahwini wanita lain. Jika isteri sedia ada yang dapat menuntut hak sepencarian mungkin kita boleh lihat, ia mampu untuk mengurangkan ketidakadilan tetapi amatlah tidak adil sekiranya kemungkinan bahawa suami juga boleh menuntut harta sepencarian daripada isteri sedia ada dan isteri-isteri sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak membawa satu gambaran. Melalui pindaan ini lelaki yang tidak bertanggungjawab di luar sana boleh menggunakan pindaan ini untuk melihat wanita pada hari ini sebagai satu pencen skim. Dia boleh berangan-angan ini peluang yang terbaik. Hari ini saya kahwin 'A', jatuh cinta, *I'm in love with you. There's no way but to marry you my darling.* Kahwin. Setelah dua tiga bulan, tidak payah tunggu tahun, terus dia pula memohon kepada mahkamah. Apabila diluluskan, biasanya orang yang berniat ini, *usually in cases like this* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *the wife is always the last to know.* Dia sudah *freeze account* sebab peruntukan yang kemudian memberikan dia hak *freezing the account.*

Sesudah itu memohon dengan mahkamah untuk kahwin. Dapat kahwin. Lepas itu tuntutan pula hak sepencarian. Bagi harta, mangsa pertama.

Dua tiga bulan kemudian *fall in love with another women*. Jatuh cinta lagi. Sekarang tidak payah patut dan perlu. Satu sahaja sebab, cukup. *I have no choice, i fall in love*. Aku terpaksa halalkan hubungan ini, maka perlu. Tidak payahlah patutnya itu. Kahwin. Bagi pula nafkah sepencarian itu atau harta sepencarian daripada isteri kedua. Dua tiga bulan kemudian *fall in love with the third person*. Begitulah seterusnya. Kalau tidak cukup, cerai isteri pertama. Tolak hendak cukupkan yang empat itu. Tidak cukup ganti lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh nampak kemungkinan ini boleh berlaku kerana ruang ada. Kalau tidak ada ruang, tidak ada peruntukan perkara ini mungkin tidak berlaku. Saya boleh ibaratkan lagi Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wanita yang sekarang orang bilang liang lahad sudah menunggu kita. Tuan Yang di-Pertua, *I can imagine my future, I hope I'm going not to be the first victim over this* perundangan. Kalau dahulu dengan undang-undang yang lama untuk suami mendapatkan harta si isteri ini, si isteri kena mati dahulu. Baru dapat setengah. Tetapi sekarang tidak payah mati, cerai sahaja. Tidak payah cerai pun, poligami sahaja pun sudah boleh bahagi.

Tapi yang sedih Tuan Yang di-Pertua, sebab alam sudah membuat kita sebegini rupa. Apa dia? Wanita semakin meningkat umurnya semakin tidak lakulah. Betul atau tidak? Selepas 45 tahun lelaki mungkin sebelah mata pun tidak hendak tengok. Tidak usah bilang dua mata, sebelah mata pun tidak hendak tengok. Tetapi kalau kaum bapa, sampai 70 tahun pun boleh tarik gadis 16.

Perbezaan di sini, ini bukan satu jenaka Tuan Yang di-Pertua. *This is the reality of life*. Okey. Apa dia? Katakanlah, ambil sahaja Dayang, contoh yang terbaik. Nasib saya tidak baik. Saya tidak sangka suami saya kahwin saya oleh kerana harta. Saya masih muda. Janganlah tengok saya yang 56 tahun ini. Bayangkan saya 26 tahun, *25 years ago*. Kahwin. Sudah kahwin tidak berapa bulan dia cerai kita. Tidak apalah dia sudah cerai, sudah bahagilah dua harta ini. Nasib saya ini 10 tahun kemudian *down the line* barulah jumpa jodoh. Katakanlah. Dia mungkin sudah ambil hakis yang pertama, yang kedua dan ketiga. Tapi *down the line* yang saya harta tinggal separuh ini. Terjumpalah konon jodoh yang kedua ini. Dia pula hakis lagi apa yang tinggal ini sebab dia akan berkahwin lagi.

*So, this is like*, orang kita macam kalau dia ada tanah anak tujuh dia tidak ada *viability* untuk meningkatkan hasilnya kerana tanah itu terpaksa dibahagi-bahagiakan. Sekarang ini wanita kita semakin tua semakin miskin, makin terhina, makin diketepikan. Kaum bapa kita akan dapat, melalui undang-undang ini makin kaya, makin banyak isteri, kutip, kita menjadi tempat mereka berteduh.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali terlalu drastiklah untuk saya bercakap tetapi ini kemungkinan dan ini hak saya sebagai seorang wanita menceritakan dan membayangkan, tidak

ada niat lain. Kita jangan lupa yang di dalam Dewan ini ada agama Islam ada yang bukan Islam, Hindu dan sebagainya. *We do respect to you all, I have nothing I against.* Kita tidak boleh lihat undang-undang ini adalah masalah wanita secara individual. Ini masalah keluarga. *When we get married,* hubungan antara seorang isteri dengan seorang suami. Kenapa kita kahwin Kita hendak menghalalkan hubungan kita. Kita tidak mahu hubungan yang tidak halal melalui agama kita tetapi dengan syarat kita ada perlindungan.

Hari ini mungkin, saya kadang-kadang peringkat pertamalah masa undang-undang ini nak dibentangkan, saya rasa macam seolah-olah bersendirian beberapa orang sahaja memikirkan perlunya. Apabila kitalah wanita nampaknya bersatu, macam-macam saya nampak ini hal wanita, wanita-wanitalah kita gelak-gelak, apa hendak, jangan campurlah. Kita macam dipersendakan, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, ini saya cakap. *We feel very passionate* kepada pindaan rang undang-undang ini. Dayang pun tidak pernah begitu *passionate* dengan apa-apa, selama ini tak ada sebab untuk kita menentang. Tidak ada sebab untuk kita meneruskan perkara-perkara negatif yang tidak kita rasa begitu besar implikasinya tetapi ini amat besar implikasinya.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya mohon maaf, kalau adalah orang hendak meminang anak saya hari ini, saya kena fikir bukan satu kali, seribu kali. Betul, dia boleh menimbulkan satu perasaan kecurigaan. Yang orang hendak pinang itu, *sorry*lah anak saya nama Nor. "*Sorry*lah Nor, dia hendak kahwin awak ini fasal dia sayang dekat *you* ke ataupun *he loves your money, which is which?*" *You* wujudkan satu kecurigaan kepada fabrik keluarga itu. Alangkah sedihnya, dan lebih malang lagi kita bagi peluang kepada orang yang tidak bertanggungjawab untuk menyalahgunakan.

Kita jangan lupa bahawasanya poligami ini bukanlah sesuatu yang diperkenalkan oleh ajaran Islam kerana dia diamalkan seperti mana kita tahu poligami tanpa had, tanpa syarat telah diamalkan semasa Jahiliah lagi tetapi al-Quranlah yang telah menghadkan kepada empat itu pun dengan syarat kalau boleh berlaku adil. Kuncinya ialah untuk berlaku adil. Prinsip hukum syarak menegaskan bahawa kesaksamaan dan keseimbangan antara hak dan kewajiban kaum lelaki dan wanita iaitu dalam Hukum Fiqh. Dalam masyarakat tradisional telah memberikan kelebihan hak kepada kaum lelaki, seimbang dengan kelebihan kewajiban kaum lelaki. Manakala kekurangan hak wanita seimbang dengan kekurangan kewajiban kaum wanita tetapi dalam rang undang-undang ini konsep kesamarataan *gender* dalam masyarakat moden hari ini nampaknya disalahgunakan. Untuk menambahkan lagi hak kaum lelaki tetapi menambahkan beban kaum wanita.

Rang undang-undang ini seperti mana yang kita luahkanlah semasa penjelasan, sebenarnya kami bukanlah mahu mencari publisiti murah. Kita tidak termasuk golongan orang yang buat publisiti untuk merosakkan negara, tidak! Tuan Yang di-Pertua, saya mengeluarkan air mata oleh sebab undang-undang ini. Kita sayang parti kita, saya masuk jail, keluar jail Tuan

Yang di-Pertua memperjuangkan negara. Fasal rusuhan di Sabah, naik mahkamah turun mahkamah. Masa bila? *Constitutional crisis* di Sabah. Dan hari ini saya sangat sayang parti ini. Saya tahu bahawa cadangan-cadangan ini dibuat oleh JAKIM dan sebagainya, tetapi saya tidak mahu ada orang di luar itu memfitnahkan bahawasanya Kerajaan Barisan Nasional tidak prihatin kepada wanita.

Kerajaan ini telah banyak membantu wanita. Memberi kita kementerian, memberi kita kuasa untuk menandatangani dokumen seperti passport. Dahulu tidak ada kuasa daripada wanita. Memberikan kita hak pencen kepada wanita. Kalau dahulu dinafikan kerana kalau wanita itu kehilangan suami, dia mendapat nafkah ataupun dapat pencen, *sorry*, tetapi kalau dia berkahwin lagi ini undang-undang dulu dia akan hilang tetapi dalam Dewan yang mulia ini saya juga berkesempatan membahaskan rang undang-undang ini. Oleh sebab negara kita negara Islam kerana kalau kita tidak prihatin dia akan mewujudkan dan menggalakkan perzinaan, ini kita tidak mahu dan kerajaan prihatin ini telah meluluskan supaya wanita-wanita ini kalaulah wanita mudalah sudah menjadi janda, *on one hand they need the money, on the other hand, there have a long life in the hand of them, they need protection*. Begitulah prihatinnya kerajaan kita.

Saya sedih bukan apa, saya tidak mahu ada ruang. Jadi jangan disalah anggapkan kita emosi, saya emosi kerana *it is very close to us*. Di bawah seksyen 23(3) dan 23(4)(a) menjadikan poligami lebih senang terhadap lelaki. Pindaan ini memberi kelonggaran yang amat tidak kepada isteri untuk suami berpoligami. Peruntukan asal Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 23 memperuntukkan bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu hendaklah patut dan perlu tetapi ini dipinda kepada patut atau perlu.

Saya sebenarnya orang yang tidak begitu fasih dalam hukum syariah, Tuan Yang di-Pertua dan saya bersyukur oleh sebab pindaan dan undang-undang ini, saya terpaksa membuat penyelidikan bertanya dan sebagainya sekurang-kurangnya saya terdidik jugalah. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, implikasi pindaan ini ialah ia bermakna suami hanya perlu memenuhi syarat keperluan untuk berpoligami dan tidak perlu membuktikan soalan kepatutan kepada mahkamah.

Pindaan ini nampaknya sengaja hendak menolak dan mengetepikan penghakiman Jawatankuasa Rayuan Syariah dalam kes Aishah Abdul Rauf lawan Wan Mohd Yusof Wan Othman tahun 1990, 7 Hijrah 152 yang telah menekankan bahawa kesemua syarat di bawah subseksyen ini sama pentingnya dan hendaklah dibuktikan berasingan. Pihak suami telah memberi alasan untuk berpoligami bagi maksud untuk menghalalkan pertalian kasih sayang dengan perempuan yang berkenaan. Jawatankuasa Rayuan Syariah berpendapat bahawa walaupun alasan itu mungkin mencukupi untuk memenuhi syarat keperluan untuk berpoligami tetapi ianya tidak ada kena-mengena dengan soal kepatutan Jawatankuasa itu menegaskan bahawa sebagai seorang Islam, dia patut boleh mengawal nafsunya dan mengelakkan diri dari melakukan zina dan perkara-perkara yang maksiat. Oleh itu, mahkamah berpendapat bahawa

walaupun defendan memenuhi syarat keperluan tetapi dia gagal memenuhi syarat kepatutan dan permohonannya ditolak.

Seksyen 23 (9) memaksa isteri memilih nafkah atau bahagian harta sepencarian apabila suami berpoligami. Seksyen ini yang bertujuan untuk melindungi isteri sedia ada, dalam perkahwinan poligami boleh mendatangkan ketidakadilan kerana ia sebenarnya memaksa seseorang isteri itu, memilih sama ada untuk memohon perintah nafkah atau memohon perintah pembahagian harta sepencarian. Ini satu tidak keadilan dan tidak ada sebarang asas dalam perundangan Islam kerana adalah menjadi satu kewajipan seseorang suami untuk menanggung isterinya. Hak isteri untuk menuntut bahagian harta sepencarian adalah untuk melindungi kepentingan isteri sedia ada dan anak-anak dan juga supaya keadilan terlaksana dalam perkahwinan berpoligami. Oleh itu adalah tidak munasabah seorang isteri dipaksa membuat pilihan antara satu jaminan kewangan sedangkan dia berhak kepada kedua-dua mengikut perundangan Islam.

Seksyen 52(1) melanjutkan hak fasakh seorang isteri kepada suami, hak untuk menuntut fasakh yang secara tradisinya merupakan hak isteri di bawah perundangan Islam sedangkan diberi juga kepada suami.

Walaupun kita tahu suami masih mempunyai hak untuk mentalak isterinya, kami berpendapat sungguh aneh bahawa apabila terdapat percanggahan pendapat ulama mengenai sesuatu kaedah. Terdapat kecenderungan menerima, pendapat yang lebih memberi faedah kepada pihak suami serta memperluaskan lagi faedah itu. Sebaliknya apabila terdapat percanggahan pendapat ulama mengenai kaedah lain yang boleh memberikan faedah kepada pihak isteri. Contohnya memberi wanita *isma'* ataupun *talik tafwil* iaitu mewakili perceraian di mana suami memberi hak untuk membubarkan perkahwinan kepada isteri sebagaimana beliau boleh membubarkan secara talak, pendapat perundangan berdasarkan sunnah Al-Ahزاب, ayat 28 hingga 29. Implikasinya Tuan Yang di-Pertua, hak suami terhadap perceraian diperluaskan tetapi bagi isteri.....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Mohon laluan.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Sila.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang disayangi kerana memberi laluan kepada saya. Sedikit sahaja pertanyaan Yang Berhormat, saya pun turut menyokong Rang Undang-Undang ini. Masalahnya Yang Berhormat undang-undang ini telah pun diluluskan di peringkat negeri-negeri kecuali satu, dua negeri lagi yang belum membuat pindaan kali ini dan ini melibatkan pindaan di peringkat Wilayah Persekutuan. Jadi termasuk Sabah sekali pun, jadi apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini, maknanya katakanlah negeri itu telah memberi sokongan?

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju. Barangkali kalau saya hanya memikirkan saya ini orang Sabah tidak payahlah,

betul atau tidak? Tetapi saya tidak memikirkan saya orang Sabah, saya wanita! Saya berhak dan bukan sahaja saya, yang saya bela ini wanita, siapa wanita ini? Ibu kita, isteri kita, anak kita. Minta maaf Ahli-ahli Yang Berhormat, semua ada anak gadis, kubur kamu akan di kencing sekiranya kita tidak membela saya tahu undang-undang ini telah diluluskan di 10 negeri tetapi saya juga tidak menolak keseluruhan undang-undang ini, yang saya tegur ini supaya di terima, di catat hujah kami ini dan diperbaiki untuk generasi anak-anak kita di Malaysia. Jangan sampai Islam di fitnah.

Saya sedih sebagai orang Islam, saya tidak mahu Islam di fitnah dan dilihat sebagai satu agama yang tidak boleh melindungi wanitanya, ini tidak tepat. Ini adalah cadangan yang dibuat di dalam pindaan ini, betul negeri-negeri lain sudah menerimanya tetapi kalau mahu diikuti mereka mengambil contoh daripada penjelasan Yang Berhormat tadi, ini adalah menjadi modal, model sebagai contoh. Patutnya bapa dahulu selesaikan baru anak ikut, yang ini anak terima dahulu, bapa belum buat dan belum melaksanakan pun baru hari ini hendak di bahas.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Silakan.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Adakah bermakna bahawa Yang Berhormat mengatakan bahawa apabila Rang Undang-Undang ini di bawa ke negeri-negeri, Raja-Raja Melayu, sultan-sultan yang mempunyai pegawai-pegawainya sekadar menerima *rubber stamp* tanpa mengkaji dan meluluskan kalau inilah terjadi ada sesuatu yang tidak kena di jabatan agama negeri-negeri yang sepatutnya kita mencadangkan supaya menteri agama kita membuat sesuatu kerana yang dibuat oleh menteri kita untuk disemak oleh negeri-negeri supaya sekiranya ada kelemahan-kelemahan yang memperlihatkan bahawa undang-undang kita atau Rang Undang-Undang ini tidak membela wanita, dibetulkan sebelum di bawa masuk ke Dewan Rakyat, terima kasih.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Sebenarnya saya bersetuju kadang-kadang timbul kemusykilan kenapa ya? Tetapi saya juga difahamkan, sebab saya bukan orang yang tidak rasional, saya tahu berfikir, saya juga pernah duduk sebagai ahli kabinet di Sabah dan saya tahu fungsinya.

Pertama, kadang-kadang di peringkat negeri tidak ramai wakil wanita, kadang-kadang tidak ada pun wakil wanita dalam kabinet.

Kedua, kalau ada pun macam saya jugalah tidak begitu fasih dalam hukum syarak dan kalau saya hendak pilih bidang-bidang yang hendak saya bahaskan saya carilah bidang yang saya lebih arif tetapi kadang-kadang diketepikan. Masa dibentangkan apa-apa sahajalah yang dibentangkan dalam kabinet, kabinet bukan fikir satu perkara sahaja, banyak perkara. Biasanya di minta *briefing* daripada pegawai, pegawai kata yang ini tidak ada masalah sebenarnya, yang ini tidak ada masalah sebenarnya, jadi apabila tidak ada masalah sebenarnya dia pun

beranggapan mungkin betul tidak ada masalah, tidak ada niat daripada kabinet untuk mengetepikan pun.

Kita jangan lupa pula kita mempunyai sistem beraja. Saya semua ini faham ke sensitiviti antara raja dengan pemerintah. Saya sekadar untuk menyuarakan isi hati sebagai wanita dan kewajipan saya sebagai seorang ibu dan sebagai seorang isteri. Saya harap janganlah *take this too personel*, ini saya membela kepentingan kita bersama. Saya suarakan perkara-perkara ini tidak menuding jari adalah menjadi harapan saya dan saya rasa ramai di antara wanita-wanita yang tahu tentang penderitaan, wanita yang di luar sana, yang menjadi Ketua Bahagian kerap kali dikunjungi oleh ibu-ibu tunggal ya, wanita yang digelar isteri-isteri dan yang di cerai tanpa tali, dia kata gantung tanpa tali, bukan cerai tanpa tali tetapi gantung tanpa tali, cerai tidak di cerai pun, tetapi tidak diberi nafkah, tidak tahu mana haluan. Isteri-isteri yang tidak menerima nafkah dan sebagainya keputusan-keputusan mahkamah yang tidak memihak kepada mereka, ada sahaja peruntukan yang membolehkan mereka tidak layak, berbagai-bagai. Tetapi ini adalah tanggungjawab kita untuk memastikan sekurang-kurangnya kita memohon kepada menteri.

Inilah masalah yang berhadapan dengan kita. Kita sekarang ini melaung-laungkan kita adalah kerajaan Barisan Nasional, kerajaan Islam Hadhari. Saya takut Tuan Yang di-Pertua.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Jangan ada udang, bukan dia kata di sebalik batu, dia kata ada udang di sebalik mee. Luluslah esok, nanti orang kata pula, ambil kesempatan. Inikah parti yang kamu nak sokong? Yang tidak memberi perlindungan kepada wanita. Itu juga saya khawatiri. Itu sebab kadang ada yang bertanya, eh Dayang, *why are you so emotional? I love this party. I love this country, I love the religion. And I want to be seen protected by it, and I want you all to be protected by it.*

Tuan Yang di-Pertua, menyambung kepada masalah..

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, minta laluan sedikit Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Sila.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, ada tiga perkara menarik perhatian saya yang menjadi hujah Yang Berhormat tadi.

- (i) Rang Undang-undang ini seolah-olah tidak memberikan kesamarataan kepada golongan wanita.
- (ii) Rang Undang-undang ini tidak melindungi pun golongan wanita, dan.
- (iii) Rang Undang-undang ini memudahkan lelaki untuk berpoligami.

Itu kefahaman saya daripada hujah-hujah yang dikemukakan. Saya cuma ingin ...



**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat berhenti di situ, memudahkan Yang Berhormat memberi penjelasan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat berhenti di situ, memudahkan Yang Berhormat memberi penjelasan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya nak menjelaskan tentang harta sepencarian sebab itu yang dijadikan hujah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua. Sebab di dalam Rang Undang-undang ini ada menyebut bahawa jika si suami yang ingin berpoligami, dan mendapat keizinan isteri. Tetapi kalau mahkamah tidak membenarkannya, maka dia juga tidak boleh berpoligami. Itu disebut dengan jelas dalam Rang Undang-undang ini. Sebab itu saya keliru yang manakah yang menyebabkan ia lebih memudahkan lelaki untuk berpoligami.

Yang kedua ialah, harta sepencarian. Sebenarnya sebelum ini kita mengikut kepada adat yang digunakan dalam soal harta sepencarian yang kemudian diterima pakai sebagai Undang-undang Islam. Kalau mengikut adat, harta sepencarian bermaksud ialah usaha bersama. Ada dua unsur iaitu usaha dan usaha secara langsung.

Kerana dulu mereka sama-sama turun ke sawah ataupun menoreh getah maka harta itu merupakan harta sepencarian. Tetapi Islam mengambilnya dan memperbaikinya. Iaitu wanita walaupun tidak ada unsur usaha secara langsung, tetapi dia boleh mendapat harta sepencarian. Sebab itu saya merasakan bahawa Rang Undang-undang Islam ini adalah suatu kebaikan kerana walaupun wanita itu tidak dikatakan melakukan usaha secara langsung, iaitu usaha tidak secara langsung. Iaitu dia di rumah, memasak dan sebagainya tetapi kerana usaha tidak secara langsung itu diiktiraf oleh Islam sebagai harta sepencarian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Memang benarlah. Memang benar seperti saya sangkakan. Lagi lama, lagi kabur [*Ketawa*].

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, satu minit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, izinkan saya. Yang Berhormat telah membuat tiga kesimpulan. Yang Berhormat katakan tiga hujah, Yang Berhormat yang bercakap tadi. Yang Berhormat belum bersetuju itu sebenarnya hujah beliau. Yang Berhormat bantangkan tiga kesimpulan yang Yang Berhormat katakan hujah pihak yang berucap. Kemudian Yang Berhormat kupas pula di atas kesimpulan yang belum disetujukan itu, iaitu sama ada itu hujahnya. Sila Yang Berhormat bantangkan tiga kesimpulan tadi dulu.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Beginilah Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Hujah sebenar untuk menyatakan ketidaksamarataan di dalam Rang Undang-undang ini. Asasnya kerana faktor ketidaksamarataan dari segi ukuran mana yang dipergunakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu hebat. Terima kasih.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Saya setuju Tuan Yang di-Pertua, memang hebat. Sebenarnya, wanita jangan salah anggap ya? Kadang-kadang mereka ejek-ejek, *what ever you do, you know lah we past life*. Dalam al-Quran. *We are not questioning*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itupun mungkin salah anggap terhadap laki-laki.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Tidak, tidak. Ini yang saya terima antara kawan dengan kawanlah.

Tuan Yang di-Pertua, wanita tidak melarang lelaki berpoligami. Sebab kita tidak ada hak pun untuk melarang. Itu telah diperuntukkan. Apabila yang kita fahamilah selama ini, hak isteri tak boleh disentuh oleh suami. Betul kata Yang Berhormat, yang disebut tentang hak sepencarian ialah dari waktu dia berkahwin sehingga sampai masanya dia ingin berpoligami. Itulah hak sepencarian.

Tetapi yang menjadi kemusykilan ialah apabila dimasukkan lagi mana-mana aset. Saya pernah menyuarakan dan saya rasa Yang Berhormat Menteri akan berpeluang untuk menjawab kitalah, kemusykilan kita. Sebab dalam keadaan berpoligami, yang menjadi akibat kepada penderitaan, bukan kepada suami. Suami *is going to have another a new wife*. Kepada si isteri yang ada, pertama, perasaannya memang sudah hancur. Okey, ertinya dia akan diperduakan. Sekarang hartanya pula bakal diperduakan.

Walaupun dia akan dapat harta sepencarian dengan suaminya. Tetapi di mahkamah pula, *this is where the difficult parties*. Dia minta lagi saksi-saksi, bukti-bukti, orang kampung, bukti apa yang boleh kita bagi! Dan *most of the cases* wanita akan kalah sahaja. Kalau dah begitu, hari ini setiap wanita satu senpun sekarang ini kalau saya beli rumah. Ini Dr. Norraesah sebut tadi, saya beli rumah untuk anak saya. Si suami baru beli tiga bab sahaja. Yang tiga bab itu sudah harta sepencarian. Bayangkan itu. Umpamakanlah kalau saya seorang wanita yang kaya. Saya ambil contohlah. *[Menyampuk]*. Tak, saya tak kaya, hati kaya. *[Menyampuk]*.

Adalah ambil contoh, sepuluh buah rumah. Saya ada. Hasil daripada sepuluh buah rumah itu pula, sebelum saya kahwinlah katakan. Selepas saya kahwin, hasil dari sepuluh buah rumah, *my rental* kah apa, saya boleh beli lagi sepuluh buah rumah. Kalau mahu diikuti mengikut Menteri, tak berhak. Tapi kena bukti lagi pula itu. *See how difficult it is*. Jadi kita rasa dah *in justice towards*. Saya kluatir bukan apa. Ini akan menggalakkan lagi ramai kaum bapa yang tak berminat nak bekerjalah. Cari sahajalah orang yang berkemampuan, rasanyalah. *You know, I am, I risau* sebenarnya. Itu kemusykilanlah.

Kalaulah sekiranya dia berhak nak kahwin, biarlah hak yang menuntut itu kepada si isteri sahaja, dan suami akan buktikanlah berapa banyak hak sepencarian itu. Tapi jangan pula si suami diberi hak yang sama, jadi dapatlah kita elakkan *insecurity*. Sebenarnya ini *insecurity*. Sekarang ini nak kahwin, tak ada sebab saya nak kahwin atau anak saya, saya suruh kahwin. Tak ada *security* pun. Saya tak mahu juga, akibat daripada pindaan seperti ini agama kita boleh

difitnahkan seolah-olah. Saya tidak kata difitnah, berkemungkinan boleh difitnahkan seolah-olah tidak melindungi sehingga hari ini, Tuan Yang di-Pertua, ramai sudah wanita lambat kahwin kerana tanggung jawab. Akibat pindaan ini, mungkin ramai lagi tak nak kahwin pula.

Jadi kita tidak mahu, kita hendak memperbanyakkan pasangan-pasangan supaya zuriat bertambah dan kembangnya agama kita. Kita tak mahu akibat daripada pindaan ini terhalang dan lebih-lebih lagi saya risau ialah saya baru terima SMS, kalau saya bacakan kita rasa aib, memadailah kalau saya cakap sahaja. Kawan yang SMS ini anaknya dipinang, dia orang Cina dipinang oleh orang Islam, hendak masuk Islam. Apa dia bagi SMS dengan Dayang?

"Dayang, *you* bakal hendak, saya harap *you* tidak boleh hendak luluskan rang undang-undang ini", dia kata "*I'm not going to allow my daughter to marry any Muslim man*", begitu dia punya takut. Dia kata, "*My God, what's happening?*". Jadi kita tidak mahu nanti orang yang sudah masuk Islam pun melihat dia tidak terlindung, dia pula jadi murtad balik, implikasinya berat. Itu sebabnya saya menyuarakan, bukanlah kerana sengaja hendak bercakap ke apa, tidak.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih. Saya cuba hendak bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Dayang, adakah oleh kerana sekarang ini peratusan anak-anak muda kita iaitu wanita lebih kurang 65% ada dalam universiti telah mendorongkan akta ini hendak dipinda, oleh kerana kemungkinan anak-anak wanita kita ini keluar universiti kerja besar, dapat beli harta sendiri. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Itu sebab implikasinya berterusan. Tidak payahlah saya hendak panjangkan sebenarnya, kita tahu, kita boleh bayangkan, satu persatu *what is going to happen*. Saya tadi baru hendak cakap sebelum saya *diinterrupt* tadi, ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Hujah itu Yang Berhormat sudah jelas. Boleh Yang Berhormat beralih kepada hujah yang lain?

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Ya, jelas. Saya akan kembali kepada apa yang saya sampaikan di bawah seksyen 52(1) iaitu melanjutkan hak fasakh seorang isteri kepada suami. Saya tadi mengatakan bahawa terdapat kecenderungan untuk menerima pendapat yang lebih memberi faedah kepada pihak suami serta memperluaskan lagi faedah itu. Dan sekiranya apabila terdapat percanggahan, pendapat ulama mengenai kaedah lain yang memberi faedah kepada pihak isteri, contohnya memberi wanita isma' di mana suami memberi hak untuk membubarkan perkahwinan kepada isteri sebagaimana beliau boleh membubarkan secara talak. Ini telah dihuraikan dalam surah Al-Ahzab, ayat 28-29.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah seksyen 107A. Suami boleh memohon kepada mahkamah untuk menahan atau menegah isterinya memindah harta

sebab dalam ini disebut bahawasanya pelupusan apa-apa aset yang telah diperoleh semasa usaha bersama atau usaha satu pihak semata-mata, *either* isteri yang dapat atau suami yang dapatlah. Di bawah seksyen baru ini suami boleh menahan ataupun menegah isteri memindah hartanya sendiri mengikut hukum syarak. Isteri tidak bertanggungjawab untuk memberi nafkah. Oleh itu suami tidak berhak ke atas harta isteri atau harta isteri-isterinya. Tetapi isteri mempunyai hak ke atas harta suami untuk menyara kehidupannya dan anak-anaknya, implikasi.

Pada asalnya peruntukan dalam Akta 1984 membolehkan membatalkan atau menahan harta oleh pihak ibu bapa atau pihak suami yang bertujuan untuk mengurangkan kemampuan membayar nafkah kepada anak atau isteri atau mutaaah kepada isteri. Untuk menghalang isterinya daripada harta itu dengan memberi hak yang nampaknya seperti sama rata kepada suami dan isteri tetapi implikasinya ialah ia sebenarnya memperluaskan hak lelaki dan membantutkan perkembangan hak wanita.

Pindaan ini yang telah dilaksanakan di Johor telah mengakibatkan seorang wanita tampil membuat pengaduan bahawa suaminya berjaya mendapat perintah mahkamah membekukan akaun simpanannya atas alasan yang tadi kita kluatir itu, tuntutan sepencarian. Isteri yang malang ini menghadapi kesusahan menanggung diri dan anaknya kerana akaun simpanan itulah satu-satunya tempat dia bergantung untuk nafkah. Dan selama prosiding itu berjalan, suaminya tidak memberi nafkah langsung kepada beliau.

Memandangkan beberapa kerisauan yang saya telah sebutkan, saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa seksyen 23(9)(B) Pindaan ke atas harta sepencarian sebagai bagi harta suami yang berpoligami, kebenaran menuntut harta haruslah dihadkan hanya kepada isteri. Cadangan yang kedua, seksyen 23(3) dan seksyen 23(4)(A), pindaan kembali kepada Seksyen asal iaitu patut dan perlu. Seksyen 23(9), seksyen baru ini harus dipinda bagi mengiktiraf hak isteri ke atas nafkah dan harta sepencarian tanpa memerlukan isteri membuat pilihan di antara satu kerana dia berhak kepada kedua-duanya. Seksyen 52(1), hak baru suami ke atas cerai fasakh harus dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat setelah meneliti dan mengkaji peruntukan-peruntukan tersebut, bukan sahaja memberi kesan diskriminasi kepada kaum wanita, malah menarik balik hak-hak wanita yang telah diberikan kepada mereka oleh hukum syarak. Saya juga faham sesungguhnya mungkin bukan sahaja mungkin, saya yakin pindaan ini dibuat dengan niat penyeragaman seperti penjelasan yang dibuat tetapi yang kita kluatir ialah di peringkat pelaksanaan di mana pelbagai tafsiran boleh berlaku. Kita mesti menerima pada hakikatnya bahawasanya kita hanyalah manusia biasa yang mempunyai kelemahan-kelemahan, jangan sampai, dengan izin, *the end justify the means*, kehendak menghalalkan cara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyokong senang, saya rasa tidak ada dalam sejarah saya menentang, tidak pernah. Menyokong itu paling senang tetapi untuk mengubahsuai, kalau hendak kata susah mungkin tak susah tetapi mengambil masa kerana pindaan-pindaan sebegini

terpaksa mengikuti prosedur-prosedur, maka ia akan mengambil masa. Yang saya risau setelah diluluskan, kita ada masa daripada hari ini kepada rang undang-undang baru yang bakal dibentangkan kalau ada niat untuk merubahnya. sementara Tuan Yang di-Pertua bayangkan berapa ramai isteri atau ibu-ibu yang bakal menjadi mangsa di bawah rang undang-undang ini.

Jadi saya memohon dan merayu kepada Menteri, kepada JAKIM khususnya percepatkanlah bagi kita tempoh, tepatkan masa untuk kita supaya kita mempunyai *target* untuk menyelesaikan masalah yang akan menganiayai wanita kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat berdosa untuk menyokong sesuatu yang boleh menzalimi kaum saya sendiri. Pagi tadi saya lihat anak gadis saya, saya *apologize to her, today* Ahli Dewan Negara - kita akan membahaskan satu rang undang-undang dan kita akan menyokong yang akan membawa implikasi yang padah kepada beliau dan saya tidak boleh membelanya. *It is against my conscience*. Saya hanya boleh mengatakan bahawa saya menyokong rang undang-undang ini dengan syarat, dengan syarat pindaan yang saya cadangkan diambil kira. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** [*Bangun*]

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Rizuan Abd. Hamid kemudian Dr. Norraesah kemudian Datuk Hajah Azizah.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005.

Pertamanya, saya berhak untuk membahaskan rang undang-undang ini kerana saya sebagai orang yang bermastautin di Wilayah Persekutuan dan kena bagi pandangan sedikit mengenai rang undang-undang ini.

Keduanya, saya sebagai pengamal poligami yang baik, seorang lelaki yang bertanggungjawab sudah tentu mempunyai pandangan dan teguran kerana pengalaman saya turun naik di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan perlu diambil kira pada hari ini.

Seperti yang kita telah sedia maklum 11 negeri telah pun meluluskan rang undang-undang ini tinggal negeri Kedah, Terengganu dan Wilayah Persekutuan. Majlis Raja-raja pun telah memperkenankan rang undang-undang ini. Begitu juga dengan Jemaah Menteri telah bersetuju dan rang undang-undang ini dibahas dan diluluskan di Dewan Rakyat hanya Dewan Negara sahaja yang akan meluluskan Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005.

Sebelum membahas rang undang-undang ini izinkanlah saya Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil kesempatan untuk menyatakan rasa terima kasih saya dan penghargaan kepada beberapa pihak di atas pelantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Pertamanya, saya menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perkenan baginda melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Keduanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang amat tinggi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk duduk dalam Dewan Negara ini. Seterusnya kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sangat prihatin dan memberi pengiktirafan kepada saya yang telah lama berkecimpung hampir 17 tahun sebagai Ketua UMNO bahagian sekarang baru dapat - menunggu begitu lama.

Ketiga, saya juga hendak ucap terima kasih kepada Pengerusi dan juga Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan kerana tidak jemu-jemu mencadangkan nama saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Insya-Allah saya akan pikul amanah dan tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua sebagai orang Wilayah Persekutuan yang pernah turun naik Mahkamah Syariah sudah tentu ada perkara yang perlu diperbetulkan. Sebenarnya pindaan rang undang-undang ini lebih menguntungkan orang perempuan dan saya rasa memang benarlah dakwaan yang mengatakan peraturan poligami ini amat ketat. Kemungkinan akibat daripada pindaan ini ramai atau tidak banyak orang lelaki yang hendak berpoligami kerana saya berkata demikian amalan di mahkamah sekarang ini terpaksa memanggil pihak-pihak yang terlibat walaupun secara bersekali atau berasingan. Kalau hendak kahwin dua kena panggil isteri pertama hadir. Kalau hendak kahwin tiga kena panggil isteri pertama dan isteri kedua dan kalau hendak kahwin empat kena panggil isteri pertama, isteri kedua dan isteri ketiga. Selain itu kena panggil juga bakal isteri, saya tidak tahulah kenapa hendak panggil bakal isteri dan wali-wali. Hendak bincang harta sepencarian buat apa panggil bakal isteri dan apakah mereka ini tidak merasa malu, ini masalah dia. Bila hendak memutuskan hendak bagi keputusan kelulusan poligami kena panggil semua orang. Setengah orang itu khususnya mereka yang mempunyai kedudukan tinggi, isteri pegawai kerajaan, suami Ahli Yang Berhormat hendak pergi ke mahkamah? Tidak rasa malu ke? Ada dahulu kita dengar Menteri kahwin dengan *celebrity* bolehkah mereka ini pergi ke mahkamah, ini saya hendak tanya? Lepas itu apabila kes ini tidak boleh diputuskan hari itu kena tangguh. Di Mahkamah Wilayah Persekutuan kalau hendak tangguh bukan boleh tangguh minggu hadapan kena tangguh sebulan selepas itu. Lepas itu apabila dibicarakan tentang harta pencarian ada kalanya senang setuju tetapi kebanyakannya tidak setuju, bila tidak setuju keluar sahaja kamar hakim mulalah berperang. Sekarang ini di

rumah bolehlah baling pinggan periuk belanga, kalau di mahkamah baling apa? Nasib baik kena kepala kalau kena mata buta.

Prosedur yang ada dahulu saya ingat lebih baik, lebih mudah yang ada sekarang ini senang sahaja tidak payah bincang harta sepencarian, bila hakim panggil dia tanya dua perkataan sahaja. Dia tanya isteri, "Suami awak ini layak berkahwin dua atau tidak?" dan suami jawab, "Layak." Sebab dia pergi mahkamah dia kata, "Layak" kalau tidak buat apa dia pergi mahkamah. Yang keduanya, "Kamu setuju tidak setuju suami kamu kahwin dua?" Jawapan dia, "Setuju" sebab dia pergi mahkamah, kalau tidak buat apa dia hendak pergi mahkamah. Jadi prosedur yang ada sekarang ini menyebabkan macam-macam boleh berlaku. Orang hendak kahwin ini bukan boleh tahan, bila dia hendak kahwin dia hendak kahwin segera bukan boleh tangguh sebulan, tangguh lagi sebulan, dia hendak kahwin putus mahkamah esok dia hendak kahwin.

Prosedur hari ini menyebabkan orang lebih suka kahwin lari, kahwin lari ini maksudnya pergi ke sebelah Siam sana. Bantailah harta pencarian peduli apa kahwin dahulu, kahwin dahulu di Siam, balik daftar di Malaysia barulah kita bincang mengenai harta pencarian. Masa itu tidak pedulilah sebab sudah kahwin. Bincanglah harta pencarian, bincanglah yang lain-lain, nafkah anak, nafkah isteri-isteri. Selain daripada itu kalau tidak boleh pergi Siam, dia kahwin....

**Puan Siw Chun A/P Eam:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Orang, tidak apalah....

**Puan Siw Chun A/P Eam:** Dia bukan Siam, Siam itu bangsa.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Ya, ya, ya boleh.

**Puan Siw Chun A/P Eam:** Itu negara Thailand, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, nanti, nanti dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat kena bagi izin, adakah Yang Berhormat hendak beri laluan?

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Tidak apa saya, saya minta maaf saya ini dengan dia serupa sahaja itu orang Perlis itu. Sebut selalu Siam!

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia hendak sebut Thailand.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Thai, Thai, kahwin di Thailand.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila sudah, bila....

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Tetapi kami ini orang Perlis ini cakap Siamlah, kahwin dengan Siam.

**Datuk Hajah Azizah Abdul Samad:** Yang Berhormat minta laluan. Saya amat tertarik tadi kalau tidak.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, nanti dahulu Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak beri laluan?

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Orang Wilayah tidak ada.

**Datuk Hajah Azizah Abdul Samad:** Saya tertarik tadi Yang Berhormat, Yang Berhormat kata sungguh menyusahkan bila ada Rang Undang-undang ini untuk suami untuk berkahwin lebih daripada satu. Malulah, takutlah, kalau niat itu ikhlaskah apa mesti malu dan takut? Terima kasih.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Ini bagi sesetengah orang yang saya terima pandangan, saya tidak ada masalah.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat berdua ini agak lupa persidangan ini ada Pengerusi.

**Dewan:** *[Gamat seketika]*

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, kahwin senyap-senyap tanpa pengetahuan isteri pertama.

**Datuk Hajah Azizah Abdul Samad:** Yang Berhormat minta laluan, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak beri laluan? Silakan.

**Datuk Hajah Azizah Abdul Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kahwin senyap-senyap, kahwin lari bukankah itu satu tabiat yang jadi seorang pengecut? Apakah tujuan seorang suami?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat, dan *message* ini sudah jelas.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Dia kahwin senyap-senyap ini ada hikmah juga, dia kahwin dahulu bagi tahu kemudian. Macam orang kahwin di Perlis, undang-undang di negeri Perlis, kahwin, hendak kahwin dua tidak payah bagi tau tidak payah minta kebenaran isteri pertama jadi kahwinlah senyap-senyap di negeri Perlis.

Saya ada dua passport, satu kad pengenalan Perlis, satu kad pengenalan Wilayah tetapi bagi orang Wilayah dia kena kahwin di Wilayah Persekutuan. Tetapi saya hendak tanya yang kahwin senyap-senyap ini, bagaimana kita hendak putuskan harta pencarian kalau tanpa kehadiran isteri pertama? Ini kena perjelaskan kerana apabila hendak buat keputusan, sudah tentu hakim akan buat keputusan pembahagian harta. Sama ada isteri pertama puas hati tidak puas hati dia kena buat keputusan di negeri Perlis di Wilayah Persekutuan lainlah, ini kena bagi tahulah kepada kita. Selain daripada itu saya hendak maklumkan bahawa sepanjang perbicaraan di Mahkamah Syariah, surat khabar ini sentiasa mengganggu. Liputan akhbar sungguh meluas, kes penceraian, dia ada *special column* pula dalam surat khabar itu, cerita *detailed pula*.

Kalau orang yang hendak pergi mahkamah nama dia masuk surat khabar sudah tentu dia malu, ini kes poligami saya hendak mintalah saya hendak cadangkan supaya media tidak payahlah pergi mahkamah dan perbicaraan ini kalau kata tertutup bagilah cara tertutup, jangan



tertutup pun ada orang lain dengar. Saya takut pasal apa yang saya cakap tadi, keluar sahaja kamar hakim bergaduh di luar mahkamah.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan ini Mahkamah Syariah tertumpu kepada satu kawasan, di Kuala Lumpur dia ada satu kawasan sahaja Mahkamah Syariah, di Putrajaya ada satu kawasan, di Labuan ada satu kawasan. Saya tidak ada masalah mengenai Putrajaya dan Labuan tetapi di Kuala Lumpur ini, saya tengok di negeri Selangor, dia ada Mahkamah Syariah di Kajang jadi tidak ramailah orang tertumpu di tempat-tempat lain.

Ini saya tengok macam stesen bas, di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan ini, masing-masing *queue* tunggu macam hendak naik bas hendak balik kampung. Di Selangor ada Mahkamah Syariah Ampang Jaya, ada Petaling Jaya, ada Gombak ada Mahkamah Kuang jadi tidak adalah orang hendak tertumpu di situ tidak adalah macam kes itu berderet sahaja hendak tunggu sahaja macam kita ini hendak perbincangkan satu benda yang mustahak sangat, yang terlalu mustahak. Hendak kena tunggu sampai duduk pagi di situ tidak habis macam itu tunggu sampai ke petang. Kalau bolehlah, kalau boleh difikirkan kita gabungkan ada 11 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan ini, di Kuala Lumpur ini. Terlalu ramai orang hendak kahwin, kita gabungkan bahagian atau Parlimen Titiwangsa, Setiawangsa, Wangsa Maju buat satu Mahkamah Syariah.

Bahagian Kepong, Batu, Segambut, Lembah Pantai buat satu Mahkamah Syariah, jadi tidak adalah orang tunggu macam stesen bas. Saya minta diperluaskan, bukan sahaja bangunan Mahkamah Syariah tetapi juga pihak kerajaan bersedia untuk tambah perjawatan dan hakim-hakim. Kadang-kadang hakim yang membicarakan kita itu, kedudukannya di atas, yang hendak datang dengan suami isteri itu duduk di bawah, hakim bercakap perlahan sahaja. Saya kadang-kadang kesian pada orang tua-tua ini, orang tua-tua, makcik-makcik, pakcik yang tua-tua ini bicarakan kes penceraian. Hakim bercakap dia orang pun tidak faham lepas itu, tengok-tengok buat keputusan selesai.

Sampai dekat luar tanya abang setuju dia kata, dia tidak dengar apa hakim itu cakap, hakim itu cakap terlalu perlahan. Pakailah mikrofon barulah bila buat keputusan itu dia faham, ini bila lambat sedikit keputusan si isteri mula dia cuit-cuit suami suruh setuju. Ini masalah di Wilayah Persekutuan. Kita faham banyak kebaikan daripada pindaan Rang Undang-undang ini, pertamanya kita tahu tidak payah hendak tunggu bercerai. Si isteri akan dapat tahu harta dia, berapa banyak dia dapat setelah suaminya memohon untuk berpoligami. Suami tidak boleh bersembunyi harta-harta dia lagi sudah, kalau sembunyi harta dia.

Kalau dia cuba tidak mahu bagi tahu sudah tentu si isteri akan mengambil tindakan, akan mengadu kepada mahkamah dan di bawah peraturan ini kena denda, kena penjara dan sebagainya, jadi ini lebih menguntungkan orang perempuan. Keduanya, kadang-kadang kita tengok suami yang cekap, dia tidak hendaklah bergaduh-gaduh panjang cerita dia buat surat perjanjian yang awal sebelum pergi mahkamah. Sebelum pergi mahkamah dia buat perjanjian

dia bahagikan harta-harta dia, isteri pertama dapat berapa dia panggil semua isteri-isteri. Isteri pertama dapat berapa nafkah dan harta pencarian, isteri kedua dapat berapa dan anak-anak berapa-berapa nafkah ini dan dia bagi tahu ini nafkah hendak bagi pada isteri yang akan datang ini, jadi lebih mudah.

Selain daripada itu sistem *Sulk* atau *Suluk* boleh menyelesaikan banyak perkara kerana kalau bergaduh ataupun tidak setuju dalam mahkamah kita boleh keluar daripada mahkamah adakan satu perbincangan dengan pegawai-pegawai di mahkamah lepas itu bila setuju semua pihak barulah bawak balik kepada hakim untuk buat keputusan. Sebenarnya dalam Rang Undang-undang pindaan ini banyak yang lebih mendatangkan kebaikan kepada orang-orang perempuan.

Orang lelaki tidak boleh escape, dengan izin, tidak boleh lari terlepas, kalau dia pergi kahwin di Thailand dia kena balik ke Malaysia dia kena daftar. Apabila daftar, dia kena declare harta dia sebelum hakim buat keputusan dan kalau benda ini secara senyap-senyak isteri pertama dapat tahu, isteri pertama akan fail di mahkamah untuk membincangkan harta sepencarian. Jadi, banyaklah....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon...

**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid:** Sila.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati kerana pasal kahwin Thailand berapa kali sebut. [Ketawa] Kahwin di Thailand. Dalam pindaan akta ini ada menyebutkan tentang takrif hukum syarak. Takrif hukum syarak ialah mengikut Mazhab-mazhab Syafie, Maliki, Hanfi dan Hambali, ini sebagai pengetahuan sahajalah. Dalam Mazhab Hanafi seseorang perempuan itu boleh menikahkan dirinya dengan sesiapa sahaja yang dia kehendaki dengan syarat dua orang ahli. Tidak payah wali, tidak ada dalam Mazhab Hanafi – tiada wali hakim, tidak ada wali raja. Dia boleh nikahkan diri dia sendiri. Katakanlah wanita itu dia malu hendak nikahkan dirinya sendiri. Dia wakilkan saya. Dia kata, 'ustaz, saya wakilkan ustaz untuk menikahkan saya dengan si 'A', saya terima wakilnya. Saya pun kata dengan si 'A', wakil saya itu perempuan 'B'. Jadi saya pun kata, "Aku nikahkan akan kamu hai si 'A' dengan si 'B', dengan mas kahwinya sekian-sekian".

Maka perempuan itu pun terima nikah dia. Lelaki itu aku terima nikahnya sebanyak yang tersebut. Dia tidak payah pergi Thailand. Kalau ikut pindaan ini, maknanya boleh nikah di sini, tetapi mengikut Mazhab Hanafi. Ini pun saya hendak mohon juga penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri, adakah jika sekiranya berlaku macam itu, nikahnya itu sah? Kalau nikahnya itu sah, adakah mahkamah boleh memerintahkan pernikahan itu supaya didaftarkan. Ini saya tidak hendak bela lelaki. Maknanya, orang perempuan kalau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** .... dia hendak kepada seorang lelaki, dia boleh buat begitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, hanya boleh minta penjelasan dari Yang Berhormat yang sedang berucap.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jika hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, boleh bangun kemudian untuk berucap.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Mula-mula saya hendak penjelasan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju jika pernikahan itu dilakukan di sini, bahawa pernikahan itu sah dan kena daftarkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ingat atau tidak persoalan itu, saya hendak ganggu sebentar. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid:** Saya ingat-ingat begitu sahajalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ok, Yang Berhormat biar saya mohon izin untuk ganggu. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau yang saya hendak timbulkan ini, mungkin dari pihak satu pandangan adalah perkara kecil. Namun ia merupakan satu prinsip dan sebagai badan perundangan, kita buat undang-undang, kita perlu akur kepada prinsip. Daripada prinsiplah datang undang-undang.

Perlembagaan negara serta juga Peraturan Mesyuarat tidak menyatakan apa-apa, diam sahaja. Silent mengenai waktu persidangan kita. Dalam keadaan demikian rupa, kesimpulan yang dibuat oleh rakan-rakan sejawatan dengan saya sama ada di Dewan Rakyat atau di Dewan Negara ini ialah secara tradisinya persidangan Dewan mesti berakhir sebelum 12 tengah malam. Jika tidak tarikhnya sudah jadi lain, lari daripada pengisytiharan Sri Paduka Baginda. Maka kita hanya mempunyai tiga jam 46 minit untuk berbahas termasuk penggulangan. Mungkin Yang Berhormat Menteri akan mengambil masa lama juga kerana hendak menjawab kepada hujah-hujah yang dibangkitkan dan memerlukan satu jam. Jadi kita mempunyai dua jam 45 minit untuk berbahas. Jadi, saya hendak tahu sekarang ini, bolehkah Yang Berhormat bangun berapa orang lagi hendak berucap?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya sebutkan, satu, dua. Puan Hajah Samsiah, Puan Nor Hayati, Datuk Hajah Hazizah. Hazizah memang sudah tercatat dan Che Puan Sri Kelana D'Raja.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun tadi. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sebelum pukul 12. Kalau 12, tamat saya tidak boleh berucap. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan, Tuan Hassan bin Haji Shukri maka kita ada dalam perhitungan saya termasuk Datuk Haji Rizuan, lapan. Antara 15 hingga 20 minit dan saya beri kepada Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid lagi 5 minit lagi boleh?

**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid:** Insya-Allah boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila terima kasih

**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, hendak menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri tadi, jarang kita pakai Mazhab Maliki, jarang saya dengar tetapi tidak tahulah Yang Berhormat Menteri cuba gulung lepas ini. Oleh kerana ramai raka-rakan saya hendak berucap, membahas, jadi Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, yang pertamanya saya ingin nyatakan bahawa tidak ada masalah di dunia ini yang tidak diselesaikan. Kahwin, janganlah fikir pasal hendak cerai. Kena fikir kahwin hendak hidup selama-lamanya dengan isteri-isteri. Kahwin jangan fikir pasal seks, kahwin juga jangan fikir pasal harta. Harta di dunia ini bukan boleh dibawa ke mati. *“Bahagi-bahagikanlah harta kamu sebelum kamu mati untuk isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu.”*

Bagi suami yang baik yang sayangkan isteri-isteri dan anak-anaknya tidak ada apa masalah yang akan timbul. Bagi suami yang adil, suami yang beriman, yang meninggalkan anak-anak yang soleh dan solehah sudah tentu matinya dalam iman dan masuk syurga kerana anak-anaknya akan sentiasa mendoakan kesejahteraan ibu bapanya di akhirat. Bagi isteri yang beriman, yang senantiasia kasihkan suami dan anak-anaknya, dia tidak akan teragak-agak untuk membenarkan suaminya berpoligami. Tuhan sudah buat hukum, *“Kahwinlah kamu dua, tiga dan empat, jika kamu mampu dan boleh berlaku adil. Walau bagaimanapun, kahwinlah seorang jika kamu tidak mampu dan tidak boleh berlaku adil”*. Sudah tentu isteri yang beriman macam ini akan masuk syurga. Buat apa sahaja peraturan di dunia ini, pindalah apa sahaja rang undang-undang yang penting kita berpegang kepada peraturan Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan. Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah akhiri ucapan. Masih hendak.....

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Saya sebenarnya hendak bertanya, boleh tidak minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Sebab perkataan wahai, orang yang beriman. Nabi Muhammad tidak membenarkan anaknya Fatimah, tidak membenarkan menantunya Ali untuk memadukan anaknya. Ayatnya ialah apa sahaja yang menyakiti anakku, akan juga menyakiti hatiku, lebih kurang macam itu, mungkin ustaz boleh, ertinya apa sahaja yang menganiayai atau boleh yang bakal menindas anaknya Fatimah akan dirasi oleh Rasulullah. Adakah Yang Berhormat memikirkan bahawa keputusan Rasulullah itu adalah orang yang tidak beriman?

**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid:** Ini kes zaman Rasulullah, kita manusia biasa. Saya percaya orang yang betul-betul beriman, yang sembahyang tidak pernah tinggal, yang faham tentang hukum-hakam agama, sudah tentu masalah ini tidak timbul. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. “*Yang indah dinikmati, yang baik harus dipuji. Yang tidak sempurna diteguri, yang retak ditampali, yang cacat diperbaiki dalam mendirikan keluarga aman abadi*”.

Rang undang-undang di hadapan kita ialah Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan dengan pindaannya. Kita harus berbincang ini sebagai satu rang undang-undang keluarga. Apa dia konsep keluarga itu? Adakah isteri dan bapa ataupun lebih daripada itu? Yang kita fahami keluarga itu yang sememangnya kita semua fahami, terdiri daripada bapa, emak, anak, anak lelaki, anak perempuan. Saya ulang balik apa yang saya katakan tadi, yang cacat diperbaiki dalam mendirikan keluarga aman abadi.

Kelima-lima perkara yang saya sebutkan tadi, yang indah dinikmati, yang baik harus dipuji, yang tidak sempurna diteguri, yang retak ditampali. Kesemuanya ada dalam rang undang-undang dan pindaannya. Yang indah itu apa? Yang indah itu adalah niat dan hajat rang undang-undang ini dipinda yang pada pandangan saya, dasar yang dikeluhkan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga yang lain-lain yang berkaitan dengan rang undang-undang ini, ialah hasrat untuk menjamin keadilan dalam sesuatu pernikahan keluarga. Niat yang baik, niat yang murni, saya puji. Yang retak, yang tidak sempurna dalam penurunan ayat dan pembentukan bahasa itu yang kita hendak betul dan kita teguri.

Kita bukan berniat lain daripada itu sebab *constituency* saya pada hari ini, *stake holder* kepada rang undang-undang ini bukan sahaja wanita, bukan sahaja mereka yang mempunyai *constituency* Pasir Mas ataupun Tenggara atau lain-lain. *Constituency* kita pada rang undang-undang ini ialah 50% penduduk negara Malaysia. 65% adalah umat Islam, orang-orang Melayu, yang 5% terdiri daripada wanita.

Yang cacat itu ialah dalam pelaksanaan rang undang-undang yang akan dilaksanakan. Kita tidak payah lihat, tidak payah buat unjuran apa yang akan berlaku. Apa yang sedia ada sudah cukup untuk mencerminkan ketidakadilan dalam pelaksanaan rang undang-undang 1948 juga yang baik sebab Menteri kita sebut tadi tidak ada banyak pindaan. Hanya kita kemas kini dan kita cuba memperbaiki. Kalau begitu, ertinya rang undang-undang tahun 1984 juga merupakan satu rang undang-undang yang niatnya baik, hasratnya baik, bahasanya baik tetapi pelaksanaannya mengejutkan. Ada sesuatu yang terus membimbangkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sedih sebagai seorang ibu yang mempunyai tiga orang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Apabila kita bermusyawarah tentang Rang Undang-undang Keluarga, yang diberi kepentingan ialah soal lelaki hendak berkahwin lebih daripada satu. Kita berbincang tentang rang undang-undang keluarga. Jangan lupa para hadirin sekalian, Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk mereka yang menggubal dasar dan rang undang-undang yang baru ini. Tentunya ramai adalah kaum bapa, kaum lelaki. Saya sebut kaum bapa sebab saya mahu pisahkan lelaki daripada bapa. Kalau lelaki dia fikirkan diri dia sebagai lelaki. Aku

berpotensi berkahwin lebih daripada satu. Aku mempunyai keupayaan dan juga peluang untuk menambahkan jumlah isteri.

Tetapi kalau saya katakan bapa, dia dapat *positionkan* diri dia sebagai seorang yang mempunyai banyak peranan sebagai bapa, sebagai bapa saudara, sebagai bakal nenek, datuk sekarang ini. Kalau lelaki datuk. Maka kita harus melihat rang undang-undang yang sedia ada yang tentu sekali berniat baik itu dilihat dengan secara yang objektif, yang mengambil kira *constituency* kita, *stake holder* kita yang besar iaitu wanita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghayati rang undang-undang ini, kita harus menghayati rohnya, *the spirit of the law* di dalam rang undang-undang ini. Ia tentunya bertujuan untuk memberi perlindungan yang lebih kepada wanita, memberikan kesaksamaan kepada isteri dan suami, memberi kesaksamaan dan kesejahteraan dalam keluarga, menjaga anak-anak kita. Jangan lupa 50% daripada wanita adalah pengundi kita. Maka kita harus mengambil dalam perkiraan, dalam menggubal rang undang-undang dan apa jua dasar, yang 50% in yang bakal mengundi ataupun menolak kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencari roh dan semangat rang undang-undang ini. Yang penting ialah memberi perlindungan kepada yang lemah. Yang lemah itu wanita. Bagaimana indah undang-undang itu sekali, kalau pelaksanaannya itu adalah buruk dan tidak memberi kepentingan yang harus tentang keadilan, kesaksamaan, maka ianya tidak menjadi rang undang-undang yang indah dan baik. [*Nada tegas*]

Datuk Hajah Dayang Mahani sudah pun menerangkan di mana seksyen-seksyen di mana ia menggerunkan kita, menakutkan kita, membangkitkan rasa kebimbangan dan kekhuatiran yang amat sangat. Saya menunjuk pindaan rang undang-undang ini kepada tiga anak saya yang perempuan. Mereka berkata, di antaranya adalah *lawyer*. "Ibu, kalau ibu menerima rang undang-undang ini, ibu menganiayai kami". Yang pentingnya, bila terasa tergugat, bila terasa bahawa kita tidak akan mendapat keadilan, kesaksamaan yang harus kita dapati di bawah syiar Islam, di bawah syariah, maka itu menjadikan satu undang-undang itu satu undang-undang yang tidak baik.

Saya melihat kepada rohnya, kepada semangatnya, kepada tujuannya dan matlamatnya. Sungguhpun pelbagai kenyataan dan maklumat telah pun diberikan kepada kita, di mana dalam perjumpaan dengan Yang Berhormat Menteri, bila ada ruang-ruang yang disebutkan oleh Datuk Hajah Dayang Mahani tadi, ruang-ruang ini boleh dipergunakan untuk lagi menzalimi wanita. Maka, ruang-ruang yang sudah pun ada sekarang ini, yang tidak dapat kita jalankan, tutupkan dan tampalkan dengan baik dan adil, diperbesarkan lagi. Mana rasa terlindungnya wanita di negara kita ini. Kita mengamalkan Islam sebagai agama kita. Kita sudah pun menjadi negara Islam yang dicontohi di seluruh dunia.

Maka rang undang-undang yang kita gubal sekarang ataupun yang akan kita pinda, insya-Allah pada masa yang terdekat ini untuk mengambil kira segala ketidaksempurnaan ini

harus dijadikan contoh yang sebenarnya. Yang kita cakap tentang cemerlang, gemilang dan terbilang, maka Rang Undang-Undang Syariah kita juga harus menjadi sesuatu yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Tetapi dalam apa yang ada di hadapan kita, ianya tidak cemerlang, ianya tidak gemilang, ianya tentu sekali tidak terbilang oleh kerana ada ketidaksempurnaan yang mungkin kecil pada pandangan sesetengah, tetapi implikasinya amat besar. Pindaannya dalam bahasa Malaysia 16 muka. Pindaannya kecil sahaja tetapi implikasi dan impak terhadap rasa terlindung, rasa tergugat itu amat besar sekali dan ini yang harus kita awasi dan kita beri perhatian yang besar sekali.

Janganlah kalau kita bercakap tentang rang undang-undang keluarga, berpoligami sahaja dan bila bercakap tentang berpoligami, gelak-ketawa yang kita dapati. *It is not a joke*. Keluarga itu anak kita juga. Jangan kita lupa mereka yang menggubal dasar adalah bapa kepada anak-anak perempuan. Dan kalau saya lihat dalam rangka statistik yang ada sekarang, jumlah wanita semakin meningkat. Ini bermakna mereka yang akan pandang kepada kita sebagai satu pentadbiran, satu kerajaan yang ada akta saksama semakin meningkat juga.

Tuan Yang di-Pertua, mari kita lihat statistik yang ada pada kita. 50% daripada penduduk negara Malaysia adalah wanita. 65% terdiri daripada kaum Melayu bumiputera dan separuh daripada 65% ini adalah wanita. 50% adalah pengundi, 65% adalah dana intelek kita seperti Yang Berhormat Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain sebutkan tadi. 48% adalah dana pekerja di negara kita. Ini bermakna sejumlah yang besar ini memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan dan kesejahteraan negara dan kesejahteraan negara ini juga yang memberi kesejahteraan kepada bapa-bapa dan emak-emak macam saya ini.

Maka janganlah kita abaikan keperluan mereka, kepentingan mereka. Janganlah kita perolok-olokkan satu dasar ataupun satu isu yang mengambil kira kepentingan dan kedudukan wanita itu. Kalau kita ketawakan seorang wanita, kita sebenarnya ketawakan ibu kita, kita ketawakan kakak kita dan adik yang kita sayangi. Maka letaklah peranan yang sebenarnya pada diri kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, matlamat di sebalik ini saya rasakan sudah tentu sekali Yang Berhormat Menteri akan memperakui ianya ialah hajat kita akhirnya untuk menunjukkan bahawa negara ini, kerajaan ini mengambil berat tentang penggubalan satu dasar yang menunjukkan bahawa negara Malaysia ini meletak kedudukan yang amat tinggi terhadap syiar Islam.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dalam rang undang-undang keluarga, ianya tentu sekali mengenai undang-undang syariah dan dalam penggubalan dasar, ini sudah terlepas ya Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah pun di hadapan kita dan sudah pun dipraktikkan di beberapa negeri yang sudah ada, maka di

atas nama keseragaman kita terpaksa menerimanya dengan hajat, dengan doa dan dengan harapan bahawa selepas ianya diseragamkan, segala pindaan yang dipohon oleh wanita pada hari ini, segala ketidaksempurnaan yang sudah pun terdapat akan diambil kira. Dalam perundangan yang kita ada ini, saya menjangkakan bahawa tentu sekali pandangan wanita tidak begitu diambil di dalam perhatian. *The consultative process* itu saya rasa tidak betul, tidak sebenar-benarnya mengambil pandangan wanita iaitu 50% daripada *stakeholder* rang undang-undang ini. Dan saya bertanya dengan Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil iaitu Menteri.....

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi laluan?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Silakan.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad menyatakan bahawa dalam proses membuat pindaan ini tidak terdapat *consultation*. Tidakkah paling tidak tiga orang menteri wanita yang semuanya beragama Islam dalam Kabinet itu boleh disifatkan sebagai mereka yang boleh dirujuk untuk mendapatkan pandangan-pandangan yang sesuai bagi pihak wanita.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih di atas soalan itu. Saya sudah pun menjangkakan seorang daripada Ahli Yang Berhormat akan menanya soalan ini. Memang di luar sana pun kita sudah pun diacah-acahkan oleh satu soalan yang memang provokatif. Jawabnya sudah pun diberikan oleh Yang Berhormat tadi Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae.

Dalam kabinet kita terdapat 33 menteri, pelbagai rang undang-undang dibentangkan. Mustahil bagi tiga orang menteri wanita ini. Saya diberitahu bahawa Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil sememangnya Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyuarakannya. Dia juga menghantarkan memorandum tetapi bantahannya terutama sekali atas penggunaan 'dan' dan 'atau', 'patut' dan 'perlu' tidak pun diambil kira. Tiga wanita dalam satu Kabinet yang besar 33, 3/33 suaranya macam mana? Ini satu kenyataan. Kita harus terima ini satu realiti.

Dengan itu sebelum ianya pergi ke Kabinet, *consultative process* harus bermula itu daripada JAKIM umpamanya harus mengambil kira menjemput wanita-wanita daripada kementerian harus diberi peranan yang lebih besar dari apa yang sudah diberikan kepada mereka dan NGO-NGO wanita yang berilmu, yang berpengetahuan, janganlah kita anggap undang-undang syariah itu domain monopoli kaum lelaki. Ramai wanita yang sudah pun mempelajari undang-undang syariah dan memang pandai dalam undang-undang syariah.

Ini di antara permohonan kita kepada Yang Berhormat Menteri. Ini di antaranya. Proses perundangan itu harus *complete*, harus sempurna. Jangan kita pula rasa terkilan. Hari ini kita rasa *a bit emotional* ya. Emosional oleh kerana ia implikasi yang negatifnya terhadap anak-anak



perempuan kita dan tentu sekali para Ahli Yang Berhormat sungguhpun lelaki di depan, jangan sahaja mengingatkan untuk hendak kahwin lagi, ingat juga kedudukan anak kita yang akan dianiayai. Perspektif itu harus ada. Jangan kita buang daripada ingatan kita. Tambat dalam ingatan kita. Sebab seorang wanita yang teraniaya itu mungkin juga satu hari anak kepada Yang Berhormat Senator kita hari ini.

Memelihara kesejahteraan seorang wanita yang bernama ibu ialah memelihara kesejahteraan keluarga. Memelihara kesejahteraan keluarga bermakna kita memelihara kesejahteraan masyarakat kita. Memelihara kesejahteraan masyarakat bermakna kita memelihara kesejahteraan dan keharmonian negara kita. Jangan kita pisahkan ibu, seorang isteri itu daripada kelompok yang besar ini yang dinamakan negara.

Saya ingin merayu di sini kepada Yang Berhormat Menteri dan kepada pegawai-pegawai JAKIM, selepas penyeragaman undang-undang ini dikatakan dan kami mendoakan mengharapkan bahawa satu undang-undang lain yang secara menyeluruh dan *holistic* akan digubal, akan dilihat supaya ketidaksempurnaan yang ada dalam undang-undang sekarang dan juga dalam pindaan-pindaan yang begitu menimbulkan rasa takut dan kluatir di kalangan wanita harus diambil perhatian.

Jadi kalaulah ini dapat dijadikan satu komitmen bagi pihak Yang Berhormat Menteri dan juga JAKIM yang diarah ataupun diberikan mandat untuk menggubal sekumpulan dasar yang akan diterima oleh semua negeri-negeri bakal diterima, insya-Allah, maka ini harus diberi perhatian. Kadangkala dalam keghairahan kita untuk melakukan sesuatu, kita terlepas dari pandangan. Jadi kita pun tidak menyalahkan sesiapa tetapi hari ini kita hendak menyenaraikan masalah-masalah dan ketidaksempurnaan yang ada pada rang undang-undang ini.

Dengan izin, *the bas against women is well known*. Beberapa contoh sudah pun kita ketahui, kita lihat dan contoh yang terbaru ialah seorang wanita di Johor yang bukan sahaja harta pusaknya dibahagikan tetapi ada pula kaveat terhadap *savings accountnya*. Kalau kita hendak dalam pembahagian yang Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae sebutkan tadi, pembahagian okey tetapi masa yang diambil untuk menyelesaikan pembahagian harta pencarian itu memakan masa yang begitu lama. Yang dia setuju, orang ini tidak setuju. Kalau yang ini setuju untuk melengah-lengahkan. Sementara itu sumber pencariannya, saraannya tidak diberi. Sumber pencariannya, *savings accountnya* juga dikaveat. Inikah dikatakan keadilan? Rang undang-undang mungkin molek dan cantik tetapi pelaksanaan dan kebanyakan daripada hakim-hakim Mahkamah Syariah terdiri daripada kaum bapa, lelaki. Kalau saya sebut kaum bapa dia ingat ini orang perempuan mungkin anak dia, tetapi lelaki.

Saya hendak hakim-hakim Mahkamah Syariah itu mengenali mereka dan memperingati diri mereka, mereka adalah kaum bapa. Jadi roh rang undang-undang ini tidak memberi perlindungan yang sewajarnya ataupun *sense of insecurity* itu masih tebal dalam rang undang-undang ini. Apabila *sense of insecurity*, rasa selamat itu tidak ada, mereka tidak yakin bahawa

perlindungan akan dapat diberi kepada mereka dijamin, maka Rang Undang-undang itu gagal. Inilah di antara perkara yang kita hendak bangunkan di sini. Datuk Dayang sudah pun menyenaraikan segala seksyen-seksyen dan segala peruntukan yang harus diberi pandangan dan satu kajian yang lebih mendalam supaya agenda dipinda. Jadi, saya tidak perlu mengulangnya tetapi melangkah ke hadapan, kita bercakap tentang pelaksanaan, kita buat undang-undang, Yang Berhormat Menteri mempunyai hajat dan niat yang baik tetapi pelaksanaan akan menggagalkan keindahan rang undang-undang yang ada kalau i pun boleh dikatakan indah.

Mahkamah Syariah harus diperbaiki, harus ditingkatkan keefisienannya, maka kita mencadangkan di sini supaya hakim-hakim, bapa - yang lelaki itu dididik tentang sensitiviti-sensitiviti seorang wanita yang isterinya, yang ibunya, yang anaknya, mereka harus mempelajari dan didik serta menghayati tentang apa yang dikatakan *gender sensitization*. Tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, bila sebut tentang *gender sensitization* kaum bapa selalu ketawa dia kata, boleh, boleh, janda *sensitization*. Ini selalu saya dengar, saya sendiri menghadapinya, maka sekali lagi kalau sebut tentang *gender sensitization* untuk meningkatkan keadilan dan kesaksamaan dalam Rang Undang-undang Syariah, dia menjadi bahan gelak ketawa yang mereka lupa bahawa mereka gelak ketawakan ibu dan anak mereka juga.

Mereka harus mempelajari dan menghayati tentang sensitiviti dan kemahuan serta kepentingan wanita itu. Maka kursus-kursus harus disediakan oleh Yang Berhormat Menteri dan JAKIM bukan sahaja kepada hakim-hakim syariah yang ada tetapi juga pegawai-pegawai di Mahkamah Syariah dan juga pegawai-pegawai JAKIM itu sendiri. Ini satu saranan yang serius yang kita utarakan. Keduanya, kita harus mengenakan satu ukuran yang kita panggil sebagai *Key Performance Index* (KPI), kepada Mahkamah-mahkamah Syariah. Ini bermakna, kelewatan dalam penghakiman sesuatu kes diberikan satu masa yang ditentukan. Habis lama boleh dipertahankan dua bulan katakan.

*We have to solve it* - mesti kita selesaikan masalah itu. Mungkin dua bulan tetapi harus ada cadangan yang menunjukkan *target* atau saranan-saranan yang tertentu untuk menentukan bahawa kes-kes tidak dilewatkan dan dalam ke-kes di mana disengajakan dilewatkan, maka seperti juga dalam Rang Undang-undang Kehakiman yang kita terima semalam, sekiranya terjadi apa yang kita katakan tidak mengikut undang-undang, tidak bersesuaian, maka kita mengambil tindakan tatatertib terhadap hakim-hakim ini. sudah adapun dalam perundangan syariah yang ada sekarang tetapi tak pernah dilaksanakan. Kalau kita nak laksanakan terhadap hakim-hakim di mahkamah-mahkamah lain, maka kita harus juga mengambil tindakan yang sama kepada hakim-hakim Mahkamah Syariah, adil.

Kalau kelewatan berlaku di dalam satu-satu kes itu janganlah sampai 10 tahun. Tuan Hakim itu haruslah menggunakan akal fikiran dan *compassion* dia terhadap wanita yang mungkin anak saudara dia supaya ianya dipercepatkan. Apa yang dikatakan mengambil tindakan untuk

menyelesaikan masalah itu dengan secepat mungkin, jangan sengaja dilengahkan. Terutama sekali kalau suami yang harus datang ke mahkamah sengaja tidak datang, hari ini sakit minggu depan dia kata dia ada mesyuarat di luar negara, minggu depan lagi sampailah berterusan hingga tidak kesudahan.

Saya juga ingin mencadangkan supaya di tiap-tiap mahkamah ada pejabat khas, pejabat aduan untuk wanita - pejabat khidmat nasihat untuk wanita, kerana wanita kalau mereka pergi ke mahkamah mereka tidak tahu ke mana hala tuju, ke mana hendak pergi, siapa yang harus mereka berjumpa dan sering kali diketawakan. Kalau masuk hendak buat aduan, hendak mencari apakah proses yang harus dilakukan di gelak ketawakan juga. Ini saya rasa sedih sebab saya melihat dengan mata kepala saya sendiri, "*Ha, awat? Suami nak kahwin lain?*" Dia orang ketawa ataupun, "*Ditinggal suami? Ha, itulah tak mahu jaga - tak reti jaga suami!*" Wanita juga yang diketawakan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua kita harus mengambil segala tindakan ini supaya ketidaksempurnaan yang begitu ketara, yang begitu dapat kita lihat dengan jelas sekali yang akan menindas wanita ataupun memberi ruang untuk wanita lebih ditindas harus diberi perhatian dan *directifykan* dengan izin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, seksyen-seksyen yang sudah pun dihuraikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dayang merupakan satu perkara yang kami, wanita di sini 19 orang wanita termasuk yang bukan Islam juga membincang dan merasakan inilah perkara-perkara yang harus dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri, JAKIM dan Kerajaan Malaysia. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya tidak mahu mengulangi apa yang Datuk Dayang sebutkan tadi tetapi saranan untuk berjalan ke hadapan di antara yang kita hendak kerajaan lakukan ialah memastikan bahawa hakim-hakim itu mengenali undang-undang sebenarnya, Undang-undang Syariah, mereka benar-benar menghayati sensitiviti dan kedudukan wanita yang begitu tersepit dan dizalimi banyak kali, selalu dan di samping itu prosedur Mahkamah Syariah juga harus dikemaskinikan dan diperbaiki.

Saya sebutkan tentang kelewatan tadi. Saya ingin mencadangkan supaya kalau terlalu lewat sangat sampai bertahun-tahun Tuan Hakim itu membuat keputusan menghakimi penghakiman ingkar iaitu membuat *judgment in default* satu amalan yang sudah pun dipraktikkan di negara-negara yang tidak pun dikenali sebagai contoh negara Islam umpamanya di Singapura. Masalah penguatkuasaan, saraan hidup dan nafkah yang selalu diponteng oleh suami, lakukanlah apa yang kita boleh lakukan sebenarnya. Saya ambil contoh, pembiayaan yang tak berbayar (*non performance loans*) di Bank Rakyat, itulah sebab Bank Rakyat dapat membuat keuntungan yang besar kerana ia ada *deduction at source*, potongan daripada sumber, potongan daripada *source*.

Maka pada suami-suami yang ingkar dan tidak bertanggungjawab dan tidak mahu membayar nafkah setelah mahkamah sudah pun memutuskannya, saya mencadangkan supaya kita mengambil dalam perkiraan kita, satu cara untuk memotong gaji mereka daripada *source*

melalui KWSP. Ini untuk menentukan bahawa isteri yang ditinggal tidak dizalimi selamalamanya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Okey, satu sahaja lagi. Latihan hakim dan pegawai mahkamah saya sudah perturunkan dan juga JAKIM serta jabatan-jabatan agama di negeri-negeri harus juga mengambil satu tindakan, satu pelan tindakan, satu program untuk juga mendidik wanita tentang hak mereka supaya mereka tidak dianiayai.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, kita tahu tentang ungkapannya “telan mati bapa, luah mati mak”, dalam keadaan saya ini dua-dua sudah tidak ada, maka saya tukar ungkapan itu kepada “diluah saya mati, ditelan pun saya mati”.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dua-dua pun mati?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Dua-dua mati. Maka saya berhajat untuk hendak kulum sahaja tetapi kulum itu pun kalau lama nanti, saya mati. Sebab pernafasan akan tergugat, kalau saya menyelami *conscience* saya, sukar bagi saya menerima. Tetapi berasaskan niat tadi, niat untuk mendirikan kesaksamaan, keadilan dan mengemas kini serta memperbaiki undang-undang syariah. Atas niat itu yang saya harap dan doakan ia adalah benar-benar ikhlas maka saya telan. Maknanya saya telanlah undang-undang ini, saya tidak luah, maknanya saya terima. Tetapi saya menyeru, saya mendoakan sementara menunggu penggubalan dasar yang baru, satu tahun atau mungkin dua tahun pemantauan yang ketat diadakan dalam pelaksanaan rang undang-undang dengan pindaan yang ada ini. *Progress report* harus diperolehi oleh Yang Berhormat Menteri dan JAKIM untuk menentukan tidak ada kezaliman yang berlaku. Maka atas dasar inilah kami semua di sini, telan tetapi rasa tercekik jugalah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah jelas ya Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Ya. Jadi dengan itu, saya tidak mahu sebut lagilah saya sebut saya telan sahajalah. Jadi dengan harapan dan jaminan Yang Berhormat Menteri yang ada pada hari ini mendengar kami. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itulah keluhan, perasaan dan saranan yang diluahkan oleh seorang insan yang bergelar dirinya sebagai perempuan, ibu. Saya sebut perempuan tadi, tidak sebut wanita kerana saya sudah banyak kali baca rang undang-undang ini tidak ada perkataan “wanita” dalamnya tetapi disebut sebagai perempuan, tidak ada wanita. Tidak tahulah kalau saya tidak ternampak, tetapi tidak ada perkataan “wanita” tetapi semuanya “perempuan”. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Azizah Abdul Samad.

**8.54 mlm.**

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan ulang dan saya cuba memendekkan perbahasan saya pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkataan “poligami” ini, perkataan “madu” yang disangka manis, sungguh sangat sensitif dan ditakuti sebagai suatu mimpi igauan yang begitu ngeri sekali untuk seorang yang dipanggil isteri. Kenapa? Kenapa boleh jadi begitu? Sedangkan negara kita telah mempunyai undang-undang. Malahan undang-undang Seksyen 23 divedok daripada Fasal 58 rang undang-undang yang digubal tahun 1984. Setelah ditinjau, rupa-rupanya ramai lagi sebahagian besar lagi suami-suami yang berpoligami tidak menjalankan tanggungjawab mereka. Terutama sekali dari tuntutan nafkah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa begitu kecewa pada hari ini sebab saya tahu di dalam Dewan yang mulia ini ramai Yang Berhormat-Yang Berhormat mempunyai isteri dua, malahan tiga. Mereka dengan redha bercerita dengan saya ada seorang Yang Berhormat bercerita sehingga saya menitik air mata kerana Yang Berhormat itu ingin membantu. Keikhlasan Yang Berhormat, tetapi tadi saya ingatkan Yang Berhormat yang begitu prihatin hendak membantu seorang wanita sanggup mengeluarkan kata-kata “malu, takut” hendak berhadapan dengan mahkamah. Kenapa? Kalau ikhlas seorang suami yang hendak berpoligami kenapa takut? Di sini sudah tidak payah pergi jauh, sudah ada satu contoh yang mengatakan wanita tidak payah lagi harta, kerana tidak hiraukan hartalah maka ramai wanita yang merana.

Tuan Yang di-Pertua, selalunya yang bergelar isteri ini banyak berkorban. Pihak Yang Berhormat Menteri kena fikirkan ini, jadi undang-undang ini digubal bukan boleh menolong seorang wanita, saya pelik Seksyen 23 harta sepencarian, boleh diagih-agihkan dan boleh dituntut oleh mana-mana pihak termasuk suami. Yang isteri itu patut betullah, patutlah sebab si suami mohon hendak kahwin bukan isteri mohon hendak kahwin. Suami mohon hendak kahwin selepas itu dia pula boleh tuntutan, lepas itu ada juga fasal, boleh kata selepas itu, mereka yang patut boleh dituntut. Nanti saya bacakan di sini:

“Boleh juga mana-mana pihak kepada perkahwinan itu boleh tuntutan”. Bermakna isteri yang baru pun boleh tuntutan, mungkin itu betul. Kalau ditukar mana-mana pihak itu dijadikan mana-mana isteri-isteri yang sedia ada. Kasihan, bantal peluk kami telah diambil, kita kena kongsi, segala harta sepencarian kena kongsi. Mana dia keadilan? Kalau buat *business* orang kata *win-win situation*, kalau macam ini lingkup.

Yang Berhormat, saya tadi bertembung dengan Yang Berhormat Menteri, bagus, saya ucapkan tahniah. Setelah kita berbincang dapat taklimat, dia sendiri sudah berkata, “Tidak Yang Berhormat yang ini” dia kata, “Kalau harta yang kita dapat, harta isteri, dan gaji isteri, tidak payah dibahagi-bahagi, suami tidak boleh tuntutan”, terima kasih. Tetapi Yang Berhormat silalah bubarkan balik yang ini taruh tadi yang mana isteri-isteri yang sedia ada sahaja yang boleh minta. Ataupun kalau Yang Berhormat kata, “Kalau harta isteri tidak boleh dibahagi dua”. Hak asasi, tolonglah, sebab Yang Berhormat 10 tahun lagi kita tidak ada di dalam Dewan ini. Mungkin Yang Berhormat, ini bukan saya doa, saya doa biarlah Yang Berhormat lama jadi

Menteri, tetapi ini mungkin kuasa Allah mungkin tidak ada lagi. So, yang menjadi hakim ini akan mengikut undang-undang yang digubal ini, inanya kami Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Minta laluan.

**Datuk Hajah Hazizah binti Abd. Samad:** Silakan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Adakah Yang Berhormat setuju, dalam membaca Rang Undang-undang ini, hakim itu membaca apa yang tercatat, apa yang ada dan dia membuat interpretasinya. Dia tidak pula pergi, inikah yang YB Abdullah Zain cakap? Inikah yang Senator-senator wanita cakap? Tak ada. Betul tak?

**Datuk Hajah Hazizah binti Abd. Samad:** Betul, saya setuju itu. Memang kena dan tepat apa yang Yang Berhormat Dr. Norraesah sebut tu tadi. Saya setuju. So, saya mintalah Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian.

Seterusnya, harta sepencarian ini, kenapa kita mesti kongsi? Sedangkan bak kata Datuk Dayang, kita mula daripada zero. Isteri dan suami, sayang. Gunung sanggup didaki, lautan api sanggup direnangi. Kenapa mesti kongsi. Kita susah sama susah. Senang sama senang, patutnya. So, kita yang sebenar Yang Berhormat, kita tidak pernah, tidak pernah menahan siapa-siapa laki-laki yang hendak berpoligami. Kita pun nak dipayungkan dengan payung emas. Tetapi yang kita bantah ini, ialah tanggung jawab. Mungkin undang-undang digubal dengan begitu mulia dengan hati.

Saya percaya, mereka ini menggubal dengan begitu ikhlas untuk menolong kaum wanita. Tetapi mungkin orang yang menggubal undang-undangnya seperti Dato' Menteri, dan Yang Amat Berhormat yang lain, Yang Amat Arif, mungkin mereka ini adalah orang-orang yang baik. Orang-orang yang tidak pernah syak wasangka pada sesiapa. Tetapi kami ini, yang gurka yang duduk di bawah di Parlimen-parlimen ini didatangi hari-hari oleh wanita-wanita yang menangis Yang Berhormat. Yang menangis dan bila kami tanya, masalahnya serupa sahaja. Masalah pelaksanaan. Undang-undang tidak ada pelaksanaan.

Baru pagi tadi ini, pagi ini saya dihubungi oleh seorang wanita yang diberi nama, dia memberitahu, nama saya Mun. Nama dia Mun. Dia adalah saudara baru. Dalam nada yang sedih. Sekejap sedih, sekejap kecewa dan sekejap marah dan saya faham. Dia memeluk agama kita. Saya sedih. Sebab dia begitu yakin bahawa agama Islam adalah agama yang paling suci yang membela nasib wanita. Itulah sebab saya sedih tadi. Sayang Yang Berhormat Datuk Rizuan tidak ada dalam Dewan.

Bila Yang Berhormat Datuk Dayang menjawab, bahawa Rasulullah sendiri menangis bila menantu dia nak madukan anak dia. Tapi jawapannya, itu zaman Rasulullah, zaman dahulu. Apa yang dibuat sekarang? Bukankah dia kata ikut sunnah Nabi? Kahwin dua, tiga dan empat. *Full stop ! [Tepuk].* Minta maaf.

Wanita ini begitu kecewa memeluk agama kita. Dia diajar pergi kursus dekat JAKIM. Suruh menghormati suami, dia kata. Tapi dia kata sekarang, setelah dia baca dalam surat

khobar tadi, kita tak payahlah hormat suami. Kita sama-sama kerja. Suami sama-sama kerja. Bila berlaku perceraian, harta kita kena bahagi dua. Dia begitu kecewa Yang Berhormat, dan lebih sedih lagi saya. Dia menikah dengan orang kita dan sekarang telah bercerai dan menuntut nafkah untuk anak dia seorang. Sudah lima tahun. Pergi *postpone*, pergi *postpone*. Saya kata kenapa? Sebab bekas suami itu ada contact di Mahkamah Syariah. Adakah ini keadilan? Kita ada undang-undang. Ini saya beri, *again* kita *come back* pelaksanaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, perkataan *patut* dan *perlu*. Patut perkataan itu dibiarkan. Jangan dikeluarkan, ditukar menjadi patut atau perlu. Ini nak tolong wanita kah atau nak beri keistimewaan kepada kaum bapa? Patutnya patut dan perlu dan mampu. Saya tak hairan, kepada siapa yang mampu. Sudah ada duit, ya. Macam contohnya ada seorang Yang Berhormat kata, saya ada RM8 juta. Saya nak kahwin. Bagi dua. Isteri ambil RM4 juta, saya ambil RM4 juta. Mati saya, isteri dapat lagi satu per lapan. Itu yang ada RM4 juta. Yang ada kereta besar-besar, yang ada rumah banyak-banyak. Dia sudah tak kisah-kisah. Dia boleh bahagi-bahagi. Asalkan janji dia dapat berpoligami. Saya tanya dia pula, macam mana pula yang naik motosikal itu? Macam mana pula nak dibahagi-bahagikan? Ha, mampu Yang Berhormat. Itu yang penting, mampu.

Saya tahu, saya pernah berbincang dengan seorang mufti. Dia kata, kita terpaksa nikahkan. Takut, dia kata kalau orang nak nikah ini, takut nanti kalau tak dapat dinikahkan, dia akan berzina. Berdosa kita. Tapi saya tanya dia pula. Betullah, saya tahu dosa itu perkara yang dikutuk Allah S.W.T Saya tanya dia pula, bagaimana pula orang tu, yang tak mampu, yang tak patut .... oleh kerana dosa berzina kita bagi dia. Kita nikahkan dia. Selepas itu, apa akan jadi pada anak-anak yang terbiar? Adakah itu juga satu dosa? Bukankah itu juga satu dosa? Siapa yang nak tanggung? Jadi, yang sebenarnya patut dan perlu dan mampu Yang Berhormat.

Saya seperti Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah katakan, ini satu kes, contohnya Aishah dengan Mohamad Yusof. Di mana Tan Sri Datuk Azmi Kamaruddin mengatakan memberi kemenangan kepada Wan Yusof sebab dia perlu. Sebab dia sayang wanita itu, dia perlu. Tapi Aishah buat rayuan di Mahkamah Rayuan. Dia menang. Adakah akibat daripada ini yang patut ditukar perlu jadi atau, patut.

Tuan Yang di-Pertua, saya begini, tadi yang mana dan yang mana-mana isteri yang sedia, itu kena tukar itu Yang Berhormat. Tolong sedikit. Mana-mana pihak kepada perkara itu, kita bukan marah yang isteri muda. Boleh tuntutan. Kita pun membela nasib isteri-isteri muda. Jadi isteri-isteri muda, kalau kami tak bela, maksud kami, *you* baru, *you* baru kahwin, *you* buat harta lain. Dan ini juga termaktub kepada dia.

Percayalah, kalau ada nombor satu, nombor dua, akan kahwin nombor tiga. Sebab lebih mudah. Yang isteri nombor satu akan kata, padan muka engkau. Engkau pun dah kena madu. Jadi untuk yang susah ini satu, dua, tiga. Tapi sekarang tak susah dah. Dah boleh lari ke Siam pergi Thailand. Pergi Perlis, tak susah. Jadi kahwinlah kamu satu, dua, tiga. Nampaknya kita

menolong sebenarnya kaum-kaum yang muda, isteri-isteri muda. Inipun kita tolong. Kita tolong mereka sebenarnya. Itu yang kita bubuh, okey, bagilah permohonan mana-mana pihak tadi tu, tukarkan *mana-mana isteri yang sedia ada*.

Lepas itu, saya nak tanya ini, yang lagi satu ini. Untuk membuat pembayaran nafkah. Sebab saya masa pergi taklimat, kita tanya juga soalan ini. Iaitu bab nafkah dengan harta sepencarian ini. Kalau ikut ini kita boleh mohon nafkah dengan harta sepencarian. Yang sebenarnya dua-dua perlu. Dua-dua perlu. Saya tidak faham bila jawapan yang diberi kepada kami, tak, memang dua-dua perlu. Tetapi di sini pakai ayat atau, bukan dan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Nanti, laluan.

**Datuk Hajah Hazizah binti Abd. Samad:** Silakan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Adakah bahasa Malaysia itu sudah ditukar, kita tak tahu? Atau itu sudah merangkumi dan juga?

**Datuk Hajah Hazizah binti Abd. Samad:** Itulah saya pun, tetapi semacam sah contohlah. Bahasa Malaysia itu tak tukar. Contohlah ya, contohnya, saya contoh minta maaf Yang Berhormat, saya beri sebagai contoh. Contohnya Yang Berhormat hari ini nak keluar makan dengan YB Datuk Dayang dan Hazizah Samad. Ataupun Yang Berhormat kata, saya hendak keluar makan dengan YB Datuk Dayang atau Hazizah Samad. Tentu ada perbezaan. Yang Berhormat-Yang Berhormat faham tidak apa maksud saya? Bermakna ada perbezaan dan, dan atau! Betul tak?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Ya.

**Datuk Hajah Hazizah binti Abd. Samad:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat tidak bercadang untuk memberi peluang untuk berbahas.

**Datuk Hajah Hazizah binti Abd. Samad:** Silakan Yang Berhormat. Oh...silakan, *[Ketawa]* minta sikit lagi Yang Berhormat. Sebab ini pesanan anak-anak buah di Bahagian Yang Berhormat, saya kena cakap. Kalau tidak saya dipersoalkan nanti.

**Timbalan yang di-Pertua:** Saya minta kalau boleh Yang Berhormat tolong gulungkan.

**Datuk Hajah Hazizah binti Abd. Samad:** Minta maaf, minta maaf, tak banyak lagi Yang Berhormat. Minta maaf. Tak banyak lagi. Okey, itu saya mintalah Yang Berhormat Dato' Menteri tukarlah, bukan atau, ya. Dan kedua-duanya kami perlu dan kaum-kaum bapa yang dipanggil, yang nak berpoligami ini. Cubalah baik hati sikit, ikhlas. Yang isteri ini, bukankah ibu kepada anak-anak Yang Berhormat semua? Ibu kepada bapa-bapa.

Dia adalah *mother of your children, she's the mother of your children*, ikhlaslah. Ini untuk anak-anak bukan untuk isteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu sudah jelas Yang Berhormat, sudah jelas dah.

**Datuk Hajah Azizah Binti Abd. Samad:** Okey Yang Berhormat, saya dah nak tutup dah Yang Berhormat. Fasakh tadi dah nak habis Yang Berhormat. Okey fasakh tadi kan, talak dah



memang ada di tangan suami, pisau dan tali dah ada di tangan suami. Fasakh diberi kepada seorang isteri, kita tak dengar seorang isteri sewenang-wenang menggunakan fasakh, kadang-kadang isteri punya suaminya dadah, kita dok tunggulah dengan berdoa-doa, dengan menitis air mata, kita tak pernah lari daripada kita punya tanggungjawab. Kita tak gunakan fasakh tapi seorang suami ini tak payah bagi fasakh dah Yang Berhormat, dia nak kahwin isteri baru sakit kadang-kadang isteri tak payah sakit, trang tang tang lagi dia nak dah gunakan talak, dia dah gunakan perlu sebab dia sayangkan wanita lain so tak payahlah beri mereka fasakh Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tolong gulung Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah Binti Abd. Samad:** Minta maaf Yang Berhormat. Okey ini hasil yang boleh beku, itu kawan saya dah sebut tak payah saya sebutlah walaupun saya tahu orang boleh *abuse* itu, boleh guna itu sebagai ugut. Bagi saya nikah, biar saya berpoligami kalau tidak saya bekukan harta-harta *you*, takutlah wanita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah Binti Abd. Samad:** Okey cukup sudah. So saya dengan ini Yang Berhormat, saya seorang ahli parti, saya akur dengan prinsip parti, dengan ini saya ingin menyokong, sikit lagi Yang Berhormat, satu mesti saya cakap sebab ini adalah ditujukan kepada Dato' Nazri, saya hari ini Yang Berhormat, saya begitu rasa bangga menjadi seorang Senator Barisan Nasional sebab Yang Berhormat menunjukkan di dalam Dewan yang mulia ini tidak ada sekatan, kami bebas untuk mengeluarkan pandangan-pandangan dan bantahan kami.

Saya juga berasa yakin bahawa segala bantahan-bantahan hari ini akan diambil tindakan-tindakan oleh mana-mana pihak terutama dari JAKIM. Saya juga berterima kasih, saya merayu kepada rakyat Malaysia hari ini khasnya pada wanita-wanita dan juga kaum bapa yang telah memberi semangat kepada kami pada hari ini dan juga kaum-kaum NGO yang sanggup bersama-sama kita pada hari ini. Sokonglah kerajaan Barisan Nasional, hanya kerajaan Barisan Nasional sahaja yang boleh membela nasib wanita-wanita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya cukup itu Yang Berhormat. Sudah jelas Yang Berhormat, dah jelas dah.

**Datuk Hajah Azizah Binti Abd. Samad:** Terima kasih juga saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang kita kasihi telah menunaikan, saya yakin beliau akan mengambil tindakan seperti yang dia selalu prinsip Islam Hadhari yang ketujuh supaya menjaga hak-hak minoriti dan hak-hak wanita. Sekian Yang Berhormat, dengan ini seperti saya ulang balik, saya ahli parti, saya akur dengan prinsip parti, dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya silakan Yang Berhormat Datin Paduka Norhayati.

**9.15 mlm.**

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang untuk sama-sama membahaskan Usul Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan Pindaan 2005 yang disenaraikan untuk dibahaskan oleh Dewan yang mulia hari ini.

Sebenarnya sebelum saya mulakan perbahasan saya pada hari ini, saya suka hendak beritahu bahawa sebagai seorang wanita, kita tidaklah menyekat ataupun menghalang poligami yang akan dilakukan oleh pihak suami dan kami juga tidak emosional tetapi rasional untuk membahaskan isu ini pada hari ini. Sebenarnya kami berada di sini untuk menegakkan hak-hak wanita yang sepatutnya.

Oleh kerana tadi ramai rakan-rakan yang telah berucap dan telah berbahas dengan lebih penuh bersemangat dengan isu-isu, Seksyen-seksyen yang telah dibentangkan tadi, saya juga tidak akan mengambil masa yang lama, saya akan beri peluang kepada rakan-rakan yang lain kerana saya kira kita hanya ada 5 Seksyen yang dibincangkan dan semua telah disentuh oleh rakan-rakan tadi begitu juga cadangan-cadangan yang harus dibuat atau diambil JAKIM dan juga pihak-pihak Jabatan Perdana Menteri.

Saya merasakan bahawa adalah menjadi harapan wanita agar undang-undang yang bakal digubal ini dapat membela nasib kaum wanita dan juga membela nasib para isteri yang ditinggalkan suami mereka yang mengambil keputusan untuk berkahwin lagi. Saya yakin dan percaya bahawa Rang Undang-undang ini sebenarnya bertujuan baik, baik untuk wanita tetapi saya amat khawatir yang dikendong itu berciciran dan yang dikejar itu tak akan dapat. Beberapa cadangan pindaan yang dibuat melalui Rang Undang-undang ini amat diragukan keperluannya malah boleh dianggap menjejaskan kedudukan isteri berbanding dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Satu seksyen yang dikatakan baru iaitu Seksyen 122 sebenarnya 99.9% adalah Seksyen 58 yang lama. Saya perhatikan bahawa Seksyen 58 ini telah dicadangkan supaya dipotong tanpa sebarang komen dan kandungannya hampir bulat-bulat digubal semula sebagai Seksyen 122. Ya, silap mata kata rakan saya tadi. Begitu juga dengan cadangan pindaan kepada Seksyen 52 untuk memberi hak membuat tuntutan fasakh kepada suami. Ia bukanlah satu masalah yang mendesak sebenarnya sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan saya tadi. Apa perlunya seorang lelaki mendapat hak fasakh sedangkan kuasa melafazkan talak ada kepada lelaki, talak satu, talak dua, ataupun talak tiga yang memerlukan "cina buta" untuk pulang balik kepada isteri.

Hanya satu peruntukan yang benar-benar baru iaitu tambahan Sub Seksyen 9 kepada Seksyen 23 Akta Ibu, nampaknya tambahan ini bertujuan membolehkan isteri yang sedia ada menuntut nafkah ataupun bahagian harta sepencarian sekiranya suami ingin berkahwin lagi. Biasalah apabila suami mendapat isteri baru, sedikit sebanyak soal nafkah kepada isteri lama

memang akan terjejas. Saya suka menyokong rakan-rakan tadi bahawa walaupun nampaknya kecil perkataan “dan” ataupun “atau” seperti dikatakan oleh rakan-rakan tadi tetapi implikasinya besar kepada wanita.

Memang ada bezanya, memang saya juga bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri apabila diberi jawapan, sama saja “atau” ke “dan”, sama sahaja, tidak tahulah saya belajar sepanjang sekolah saya, bak kata Datuk Azizah tadi “dan” dan “atau” memang ada perbezaannya. .... macam orang lelaki nak berkahwin, saya nak kahwin antara katalah Tuan Yang di-Pertua nak kahwin antara saya dengan Datuk Norraesah, saya dan Norraesah ataupun saya atau Norraesah, salah seorang. Ada bezanya, memang *clear*, memang sah ada perbezaannya.

Maka sebab itu saya katakan supaya perkataan ini dipulangkan balik supaya menggunakan “dan” sama ada Akta Patut dan Perlu ataupun Akta Nafkah dan juga Harta Sepencarian kerana ini merupakan hak wanita yang harus diberi perhatian. Nafkah sudah tentu kena beri, harta pencarian yang kita cari harus diberi kepada wanita, tidak ada saya rasa dari dululah, rasanya kalau diceraikan lelaki itu boleh menuntut harta yang dicari oleh wanita. Ini hasil titik peluh wanita, mengapa harus diserahkan kepada lelaki? Apatah lagi harta yang dituntut oleh lelaki itu bakal di *enjoy* atau bersuka ria dengan isteri yang kedua. Saya rasa ini tak kena pada tempatnya, harus diubahsuai balik.

Namun begitu dalam hal ini juga saya merasakan ragu akan keberkesannya kerana kekaburan pada makna ungkapan “*mana-mana pihak kepada perkahwinan itu*”. Tidakkah ini bermakna bukan sahaja suami boleh memohon supaya apa-apa aset yang sebelumnya sudah diletak atas nama isteri, dipindah milik semula sebahagian kepada suami atau dijualkan dan hasil jualan dibahagikan. Kekaburan kata-kata itu seolah-olah memberi hak juga kepada isteri yang baru dikahwini itu pun untuk membuat permohonan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak dah perkara-perkara yang disentuh, saya pun tak nak mengambil masa yang lama tetapi kita juga ingin mencadangkan seperti kata Dr. Norraesah tadi agar hakim-hakim Mahkamah Syariah ini juga dilantik terdiri daripada kalangan wanita di *trained* supaya mereka boleh menjadi hakim Mahkamah Syariah. Saya juga menyokong agar denda yang dikenakan kepada si suami yang bernikah di luar negara seperti di Thailand yang akan didenda yang saya kira dendanya hanya setakat RM1,000 ke RM5,000 ataupun penjara di antara enam ke dua belas bulan tidak mencukupi. Cuba bayangkan tadi kita menerima Akta Jabatan Pengangkutan Jalan baru hanya *prebet sapu* ataupun ulat-ulat tadi yang sebenarnya hendak mencari makan untuk isteri dan anak didenda sampai RM50,000, ini apatah lagi yang hendak kahwin RM1,000 tidak ada hal sebenarnya RM1,000 ke RM5,000, boleh bayar *anytime* untuk kahwin.

Saya mencadangkan supaya denda ini dinaikkan kepada nilai yang lebih tinggi barangkali RM50,000 juga lah atau hingga ke RM100,000. Sebab orang kahwin ini dia tidak kira

RM1 juta pun dibayarnya, ada dibuat ada dibuat jadi kita juga mencadangkan agar undang-undang ini sebenarnya baik tetapi seperti rakan-rakan cakap tadi pelaksanaannya di peringkat bawah supaya ianya dapat memuaskan hati semua pihak. Sebagai penyokong parti memang kita menyokong undang-undang yang telah dilakukan ini tetapi kita berhasrat selepas penyeragaman seperti dijanjikan oleh Menteri Kabinet tadi harus ada pengubahsuaian.

Kita seperti mana kata rakan kita tadi kita belum tahu lagi tadbir di sini walaupun saya baru hendak tunggu sepuluh tahun kita bajet tiga tahun lagi tiga tahun belum tahu dilantik atau tidak. Kita mahu ketika kita berada di sini supaya undang-undang ini digubal diubah balik selepas penyeragaman seluruh negeri. Saya juga setuju memang ya semasa membuat undang-undang ini kita tidak dimaklumkan atau tidak dipanggil oleh mana-mana kementerian ataupun Jabatan JAKIM untuk dirunding bersama. Untuk itu di masa akan datang saya mencadangkan juga supaya apabila ada undang-undang yang digubal baru dipanggil semua NGO, dipanggil semua wanita, dipanggil semua Ahli Parlimen, dipanggil semua Ahli Senat untuk dibincang sebelum digubal menjadi rang undang-undang.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Minta laluan. Setengah minit. Kami diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi bukan yang ini, Pembangunan Wanita dan Keluarga. Masalah yang terbesar bagi kementeriannya yang terdiri daripada ramai wanita ialah menembusi *mindset* pegawai-pegawai JAKIM, apa pandangan?

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Yang Berhormat saya bersetuju kerana kita dapat tadi penerangan daripada Yang Berhormat Datuk Seri Shahrizat yang mengatakan itulah halangan yang paling teruk yang kami hadapi yang dihadapi oleh Menteri bagi wakil pihak wanita hendak menembusi pemikiran orang-orang JAKIM bagi menyokong isu-isu wanita ini agaknya payah sedikit. *Very difficult* banyak silap, begitu juga dengan Kabinet *because is only* ada tiga orang sahaja dengan izin di dalam Kabinet dan berbanding dengan kaum lelaki yang lebih kurang 30 orang kalau disokong tiga pun ditentang tiga puluh pun tidak lepas juga sebab itu kena usahalah so lebih banyakkkan lagi Kabinet.....

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua minta laluan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya Dato' Rashid.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Berlaku adil kepada pegawai JAKIM yang tidak boleh menjawab dan mengambil bahagian di sini. Kalau Yang Berhormat Datin merasa payah hendak memecah ataupun hendak masuk *mindset* pegawai-pegawai JAKIM, yang kita tahu pegawai JAKIM adalah orang-orang yang terdidik dalam bidang agama. Saya takut kalau Yang Berhormat juga memikirkan bahawa ulama-ulama kita juga mempunyai mentaliti yang seumpama itu. Setuju dengan saya?

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Kita diberi maklum oleh Yang Berhormat Menteri kita tidak berada dalam mesyuarat tetapi itulah yang kita sampaikan. Sudah

susah hendak menembusi kita tidak berada di mesyuarat jadi maklumkan jadi *mindset* yang dia ada, kita tahu jadi semua ulama harus dihormati dan kita percaya tujuannya pun memang baik cuma ada *loopholes* yang harus kita tampal untuk diperbaiki rang undang-undang ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Yang Berhormat ..[Bercakap tanpa pembesar suara]

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Ya kita pun ada pegawai syariah kita dia ada pun ada pegawai syariah dia, memang telah dikaji dan kita rasa barangkali tidak cukup perundingan agaknya tidak begitu mendalam hanya secara *blanked* maknanya secara luaran gambaran itu baik tetapi apabila kita teliti dengan baik saya kita sebagai Ahli-ahli Senator kita lebih mempunyai banyak masa untuk mengkaji rang undang-undang ini dan kita temui *look hole look hole* yang terdapat dengan izin di dalam rang undang-undang ini. Jadi saya rasa.....

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah hendak habis cakap ke?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Sudah hendak habis? Sedikit sahaja. Adakah sebab, beri laluan ke?

**Datin Paduka Nur Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Boleh, boleh.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Ok terima kasih. Yang Berhormat adakah sebab bila Datuk Shahrizat mengatakan adalah sukar bagi dia untuk menembusi pihak-pihak JAKIM adakah sebabnya sebab mereka berfikir bahawa Yang Berhormat Datuk Shahrizat bukan seorang yang arif tentang agama.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Saya tidak fikir begitu sebab saya kira kementerian juga ada *lawyer* nya sendiri yang boleh mengkaji tentang rang undang-undang ini jadi tidaklah sampai situ kot, *I'm sure* Datuk Shahrizat *has been* dengan izin telah pun di *brief* apa yang diutarakan oleh JAKIM.

Yang Berhormat sekalian dan juga Tuan Yang di-Pertua saya juga tidak akan memanjangkan ucapan saya cuma saya harap supaya di atas sebab-sebab yang saya sebutkan tadi wajarlah rasanya agar rang undang-undang ini diperhatikan semula supaya benar-benarnya tanpa sebarang keraguan boleh membela nasib kaum wanita daripada menjadi mangsa suami-suami yang tidak bertanggungjawab. Saya berharap agar undang-undang ini yang baik dan diharap pelaksanaan juga akan baik menyeluruh sampai ke peringkat bawah.

Sebagai Ahli Parti juga saya dengan ini menyokong usul Rang Undang-undang Agama Islam ini dengan juga berharap dengan harapan yang tinggi moga selepas penyeragaman semua undang-undang di seluruh negara ianya dapat digubal semual untuk kebaikan wanita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan.

**9.27 mlm.**

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut sama dalam membahaskan Rang Undang-undang Akta Keluarga Islam Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua saya sungguh kagum dan rasa terharu jugalah bila saya mendengarkan rintihan daripada kawan-kawan, ucapan daripada kawan-kawan seperjuangan yang telah memberikan pandangan, yang telah memberikan kata-kata yang begitu menyusuk hati saya di mana datang daripada naluri seorang wanita. Hari ini datang seorang ibu yang semata-mata membuat sesuatu perkara ini untuk masa hadapan sama ada anak, adik ataupun wanita-wanita lain.

Tuan Yang di-Pertua kita juga tidak lupa ucapkan terima kasih kepada JAKIM dan juga kerajaan yang begitu prihatin untuk meminda undang-undang semata-mata untuk meletakkan keluarga atau masyarakat Islam di Malaysia ini terbela. Walau bagaimanapun di dalam kita merancang, di dalam kita membuat dasar dan sebagainya ada juga beberapa perkara yang telah disebutkan oleh rakan seperjuangan kita tadi yang tidak kena. Bak kata Dato' Dr. Norraesah yang mana tidak elok diperelekkkan, yang mana sumbing itu kita pertampalkan maknanya kita perbaiki semata-mata untuk melahirkan masyarakat Islam di Malaysia ini yang dihormati bukan sahaja oleh Islam sendiri tetapi akan dihormati oleh agama-agama lain, bangsa-bangsa lain di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua di sini kita lihat kita nampak bahawa wanita ini *very sensitive* bila sebut sahaja poligami ataupun sebut harta sepencarian sebagainya kerana saya rasa perkara ini telah berlaku, perkara ini telah banyak berlaku dan banyak ditindas kepada kaum wanita. Yang tertindas di luar-luar bandar, di kampung, di bandar dan sebagainya sama ada tertindas wanita profesional ataupun wanita luar bandar. Kebanyakannya tindas ini berlaku kepada wanita-wanita di luar bandar yang kita lihat rata-rata mereka tidak faham tentang undang-undang ataupun mereka tidak tahu dari segi kefahaman undang-undang keluarga Islam itu sendiri.

Jadi, saya berharap kepada pihak-pihak yang tertentu ini supaya memberikan kefahaman yang secukupnya dari segi undang-undang keluarga Islam kepada masyarakat kita, masyarakat Islam. Lebih-lebih lagi kepada wanita-wanita kita, misalnya dari segi hak-hak isteri, hak-hak suami dan sebagainya kerana kita lihat rata-rata wanita telah menjadi mangsa kepada ketidakadilannya seorang suami yang tidak bertanggungjawab. Di mana saya sebagai wakil rakyat dahulu, sekarang ini pun juga sebagai Ahli Dewan Negara, sentiasa didatangi oleh berbagai-bagai orang, sentiasa didatangi daripada ibu-ibu tunggal, ibu-ibu tunggal dan

sebagainya. Tinggal itu maknanya suaminya hilang entah ke mana iaitu dia tidak cerai, itu saya namakan ibu tinggal.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bawa anak berderet-deret, kadang-kadang ada yang mengalirkan air mata bila sampai petang raya pun baju anak tidak berganti, suami tidak parwah walaupun dalam mahkamah kata kena bayar nafkah tetapi tidak bayar. Isteri dia pula hendak pergi ke mahkamah, kejam-kejam pergi orang dekat mahkamah syariah pun sudah hendak naik menyampah asyik-asyik datang, sekejap-sekejap datang, sekejap-sekejap mengadu. Begitulah keadaannya berlaku di mahkamah-mahkamah syariah hari ini. Walaupun memang ada undang-undang tetapi terlampau banyak kes. Saya berharap daripada peringkat JAKIM ini supaya menambahkan lagi pegawai-pegawai di mahkamah syariah ini supaya dapat membantu kepada mereka yang memerlukan bantuan.

Lebih-lebih lagi kepada ibu-ibu tunggal ini, yang mana saya lihat di mahkamah syariah fail-fail tertunggak begitu banyak. Sampai makan masa bertahun-tahun fail yang tidak tertutup lagi, dan juga ada kes-kes penceraian begitu lama sekali, begitu juga dengan kes nafkah anak. Anak tidak dibagi nafkah bertahun-tahun sehingga isterinya menjadi mangsa pula kepada perkara atau perkara sebegini yang banyak berlaku bukan sedikit, banyak berlaku. Saya berharap supaya Mahkamah Syariah dipertambahkan lagi hakim-hakimnya, juga saya berharap supaya pihak JAKIM mengadakan atau tubuhkanlah Mahkamah Keluarga di setiap negeri atau di setiap daerah supaya dapat mengatasi masalah-masalah yang berlaku kepada orang-orang Islam kita lebih-lebih lagi kepada ibu-ibu tunggal ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi negara kita hari ini, maka kita hendaklah supaya Islam itu menjadi satu contoh yang baik. Kita tidak mahu seperti mana dicakapkan oleh kawan-kawan tadi, oleh kerana undang-undang kita tidak adil, maka itu akan menjadikan satu perkara yang tidak manis ataupun tidak dihormati oleh agama-agama lain terhadap Islam itu sendiri. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh izinkan saya sebentar memberi sedikit panduan dalam mengendalikan perbahasan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah mengikuti perbahasan ini dengan teliti dan saya telah mula merasai beberapa hujah utama telah diulang-ulang bukan sekali, dua kali diulang banyak kali. Jadi, saya akan mengendalikan perbahasan dengan lebih keras sedikit. Jika saya dapati hujah berulang saya akan potong serta-merta. Terima kasih, silakan.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya memang tidak ulang pun apa yang telah dicakapkan oleh kawan-kawan tadi. Cuma saya bagi satu pandangan berkenaan dengan Mahkamah Syariah di setiap negeri-negeri, fail-fail yang

tertunggak, kes-kes nafkah yang tidak selesai, dan beberapa kes lagi berkenaan dengan keluarga Islam.

Itu yang saya mohon kepada Jabatan Agama Islam mempertimbangkan perkara ini. Keduanya saya juga berharap supaya ditubuhkan Mahkamah Keluarga pada setiap negeri supaya dapat menyelesaikan masalah-masalah kekeluargaan ini. Keempatnya saya ingin menyarankan di sini, dengan adanya undang-undang yang kita buat, yang kita gubal ini apakah tidak ada cara yang boleh kita buat kepada mereka yang tidak bertanggungjawab terhadap nafkah anak ini. Apakah undang-undang yang kita boleh buat supaya memberikan satu tekanan kepada mereka supaya mereka tahu bertanggungjawab tentang nafkah anak ini kerana banyak kita lihat menjadi mangsa kepada anak-anak.

Kalau boleh pihak kita buat satu undang-undang supaya kita keluarkan waran tangkap sahajalah kepada mereka yang tidak bertanggungjawab. Kerana bila kita panggil di mahkamah dia tidak datang, dia hilang diri dan sebagainya, jadi kes ini bertahun-tahun. Perlu dia ambil satu-satu tindakan supaya pihak kerajaan mengeluarkan satu undang-undang supaya ada satu cara sebagai waran tangkap kepada mereka yang tidak bertanggungjawab terhadap anak-anak tentang nafkah ini. Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan, terima kasih kepada pihak JAKIM yang telah pun bersusah payah menyediakan rang undang-undang ini untuk sama-sama kita menyokongnya yang mana saya lihat banyak yang baik ada juga yang kurang baik.

Tetapi yang baik itu kita terima, yang kurang itu kita perbaiki lagi dan saya sebagai Ahli Dewan Negara yang mewakili kerajaan hari ini memang yakin sepenuhnya bahawa kerajaan kita tidak menindas wanita, kerajaan Malaysia sentiasa memberikan hak-hak wanita itu dengan bijaksananya. Maka dengan itu saya berharap supaya walaupun pada hasratnya memang berat hati bagi wanita untuk menerimanya tetapi bagi saya telah pun dijelaskan oleh menteri tadi bahawa kita perlu menerima dan lepas itu kita akan membawa perkara ini di masa akan datang untuk diubah yang mana-mana yang tidak kena atau tidak dipersetujui oleh wanita pada hari ini.

Saya dengan itu menyokong Rang Undang-undang Akta Keluarga Islam Wilayah yang telah dibentangkan ini, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana akur. Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin.

### **9.37 mlm.**

**Puan Hajah Samsiah Samsudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya.....



**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana dan selepas Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana saya akan meminta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab dan menggulung.

**Puan Hajah Samsiah Samsudin:** ....Berbahas suatu Akta untuk meminda Akta undang-undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, apa yang akan saya perkatakan ini memang itulah *points* yang diperkatakan oleh kawan-kawan saya, tetapi dalam situasi yang berlainan. Tidak lama Tuan Yang di-Pertua, hanya tidak sampai 10 minit. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingin minta izin. Saya perlu memperjelaskan sedikit di sini bukanlah saya cuba kendalikan Dewan dalam keadaan tergesa-gesa, maka tidak sempurna dalam mempertimbangkan sesuatu Rang Undang-undang.

Kita menghadapi satu keadaan dalam mana Parlimen bermesyuarat di atas pengisytiharan Seri Paduka Baginda yang mana tarikh-tarikhnya ditetapkan. Jika persidangan kita ini melampaui detik 12 malam, boleh timbul satu persoalan tidak kira selaku andaian atau selaku teori terhadap kesahihan undang-undang yang kita luluskan kerana diluluskan di luar daripada tarikh diisytiharkan oleh Seri Paduka Baginda untuk Parlimen bermesyuarat, ini yang menjadi pertimbangan yang cukup berat bagi saya, di sebelah pihak saya mahukan semua pihak beri segala pandangan mengenai rang undang-undang ini di sebelah pihak satu lagi berkemungkinan timbul persoalan terhadap kesahihan undang-undang. Maka sebab itulah bukanlah kerana tergesa-gesa. Sila Yang Berhormat Samsiah, terima kasih kerana memberi izin saya buat penjelasan.

**Puan Hajah Samsiah Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan penghargaan. Terima kasih dan tahniah di atas usaha-usaha baik yang telah dilakukan untuk menyeragamkan Akta Undang-undang Keluarga Islam bagi seluruh negeri untuk memberi faedah kepada kita semua dan tentunya untuk memberi kebaikan, kesamarataan, kesaksamaan dan juga keadilan.

Malangnya Tuan Yang di-Pertua, masih ada perkara-perkara yang mungkin terlepas pandang, tertinggal ruang menyebabkan wanita merasa seolah-olah kami masih tidak mendapat keadilan dan juga tidak mendapat layanan yang saksama. Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 23(9)(a) mengehendaki suami membayar nafkah kepada isteri atau isteri-isteri sedia ada jika permohonan untuk berpoligami diluluskan. Tuan Yang di-Pertua, apa perlunya dimasukkan perkara ini kerana sememangnya itu sudah tanggungjawab suami sama ada poligami ataupun tidak berpoligami ataupun sengaja ditulis, dipaparkan, dinyatakan supaya umum nampak, umum tahu ada banyak tanggungan suami ataupun sengaja ditulis untuk hendak menguatkan perkara dua seksyen 23(9)(b),

iaitu membolehkan suami atau isteri memohon kepada mahkamah untuk membahagikan apa-apa aset antara mereka yang diperolehi dalam masa perkahwinan.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita bayangkan di mana ada satu situasi isteri dalam suatu keadaan suasa yang murung, sedih apabila diberitahu suaminya akan berkahwin lain. Kalau bolehlah ketika itu kiamatlah hari, datanglah ajal. Bumi yang dipijak seakan jerlus, badan yang dibawa ini seakan di awang-awangan. Itulah situasinya, tidak sanggup menghadapi keadaan ini, lalu bertanyalah diri apakah kesalahan yang telah dilakukan. Mengapa panas yang diharapkan hingga ke petang hujan turun di tengah hari. Tidak cukupkah layanan, masinkah masakan, tidak rancakkah di ranjang, apakah yang akan berlaku seterusnya?

Adakah diri akan dipersiapkan, adakah esok masih ada atau esok yang belum tentu wujudnya, hitam kelamnya pandangan. Poligami oh, poligami. Madu alangkah manisnya dimakan, bermadu alangkah pahitnya dirasakan. Tuan Yang di-Pertua, tiba-tiba datang satu lagi keadaan yang lebih gamat dan juga lebih gawat iaitu aset yang sedia ada terpaksa pula dibahagi dua. Ya, Tuhan sudah jatuh ditimpa tangga. Tuan Yang di-Pertua, kalau suami sudah sanggup beristeri lebih dari satu, ini bermakna suami telah bersedia daripada segi zahir dan batin, fizikal dan mental moral mahupun material. Apa pula perlu harta di bahagi-bahagikan. Kalau dahulu nafkah seribu, apakah setelah berkahwin, setelah berpoligami, nafkah dibahagi dua iaitu RM500 setiap seorang. Bukan begitu Tuan Yang di-Pertua, kalau nafkah dahulu seribu, suami hendak berkahwin lain, tetap juga seribu dan begitulah seterusnya, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau dahulu bawa balik ikan tenggiri seekor, sekarang juga masih lagi seekor walaupun sudah beristeri dua, tiga ataupun empat sekalipun. Begitu jugalah dengan nilai kasih dan sayang. Kalau dahulu kasih sayang melimpah ruah, setelah berpoligami, pun masih lagi melimpah ruah. Bahkan lebih-lebih lagi sehingga banjir, sayangnya Tuan Yang di-Pertua, kasih dan sayang bukannya barang yang boleh disukat, mahupun diukur lantas kasih dan sayang menjadi gersang. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar pindaan terhadap tuntutan harta sepencarian apabila suami ingin berpoligami boleh dituntut oleh suami hendaklah dilihat semula dan kalau boleh digugurkan. Yang kedua Seksyen 52 iaitu fasakh.

Suami diberikan hak untuk menuntut fasakh sedangkan suami sudah pun mempunyai haknya sendiri iaitu talak. Apakah ada sesuatu perkara yang tersembunyi di sebalik fasakh lelaki ini. saya ingin penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, usahlah isteri suruh buat pilihan sama ada untuk memilih nafkah ataupun pembahagian harta sepencarian. Nafkah itu diteruskanlah dan harta sepencarian juga tidak perlu dinilai dan dibahagikan kerana itu juga kita masih suami dan isteri. Tuan Yang di-Pertua, hendak berkahwin lagi kahwinlah, kalau lelaki sememang ada hak untuk berkahwin lebih daripada satu, siapalah kami yang hendak menghalangnya. Namun setiap perkahwinan itu bermulalah dari sifar seperti mana isteri yang pertama dahulu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Amat Berhormat, terima kasih. Che Puan Sri Kelana.

**9.44 mlm.**

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut membahas pindaan kepada Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984. Dalam Islam, amalan berpoligami dibenarkan dengan syarat tertentu selain mampu dari segi nafkah zahir dan batin, poligami dibenarkan termasuk jika isteri menghidap penyakit serius seperti lumpuh, gila babi atau penyakit berjangkit. Begitu jugalah jika isteri dibuktikan melalui pemeriksaan perubatan, tidak subur dan tidak boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak baik guna nama penyakit gila babi itu. Boleh guna sebutan sawan.

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Oh, sawan, yea!

**Tuan Yang di-Pertua:** Epilepsi!

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** ..... dan isteri yang tidak boleh mengandung, gila, tuan dan menjadi lemah serta tidak berupaya menjaga suami dan hartanya. Dalam konteks sistem kekeluargaan di Malaysia hari ini, berpoligami yang diharuskan oleh Islam sudah menjadi isu perdebatan yang hangat dan sentiasa mendapat perhatian umum. Amalan yang sepatutnya bertujuan membela dan mengangkat martabat wanita, menjadi igauan dan penuh kisah duka dan derita, terutama kehidupan wanita dan anak mereka. Oleh yang demikian, diharap pihak berkuasa dapat membuat peraturan lebih terperinci dan sentiasa dikaji keberkesananannya terutama dalam aspek poligami ini, mampu menyaring mereka yang benar kayak dan berkemampuan mengamalkan poligami.

Tuan Yang di-Pertua, Islam meletakkan kedudukan yang tinggi kepada kaum wanita. Hal ini dijelaskan dalam al-Quran dan Sunah Rasulullah s.a.w ,di mana kehadiran kaum wanita itu adakah pelengkap kepada kaum lelaki iaitu saling perlu-memerlukan dia antara satu sama lain. Dalam hal ini Allah berfirman dalam surah Al-Hujarah, ayat 13, yang bermaksud, "*Sesungguhnya kami jadikan kamu wahai umat manusia lelaki dan perempuan, pelbagai bangsa dan kabilah adalah untuk kenal mengenali antara satu sama lain dan yang paling mulia antara kamu itu adalah mereka yang bertakwa*". Meskipun kedudukan kaum hawa itu sentiasa diletakkan di tahap yang penuh dengan kemuliaan, namun kini lain jadinya.

Terdapat banyak kes wanita yang dianiayai, dirogol, diperkosa dieksploitasi, malah didiskriminasikan hak-hak mereka. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyebut pasal diskriminasi terhadap hak-hak wanita, sudah tentulah apa yang ketara mutakhir ini ialah dari segi amalan perundangan yang nyata cenderung atau memihakkan keadaan kepada kaum adam. Bukan saya mahu mempersoalkan hukum syarak dengan berkata sebegini. Namun ia adalah hakikat di mana banyak hak-hak kaum wanita Islam tidak mendapat pembelaan atau perhatian pihak perundangan.

Berhubung dengan Akta Undang-undang Keluarga Islam, Akta 303, pindaan 2005, banyak perkara yang pada hemat saya perlu diteliti. Antaranya kesan diskriminasi di Seksyen 23(9)(b), hak suami untuk menuntut harta sepencarian daripada harta isterinya apabila ia berpoligami, pindaan ini menyatakan mahkamah mempunyai kuasa atas permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan untuk memerintahkan apa-apa aset di dalam perkahwinan di bahagi antara mereka atau dijual dan hasil jualan itu dibahagikan.

Penggunaan bahasa atau frasa mana-mana pihak di dalam Seksyen 23(9)(b) maka si suami kini boleh menuntut harta sepencarian daripada isteri atau isteri-isteri sedia ada. Adalah dikhuatiri peruntukan ini akan disalahgunakan oleh si suami yang tidak bertanggungjawab. Implikasi kepada pindaan ini turut membolehkan si suami menuntut harta isteri agar dibahagikan kepada suami atau rumah yang mereka diami dijual apabila suami berkahwin lagi untuk menampung gaya hidup barunya atau untuk apa jua alasan. Ini jelas tidak adil kepada isteri sedia ada dan anak-anak, kecuali dalam kes penceraian khul. Tertarik saya untuk merujuk kepada surah Al-Baqarah 229 yang menyebut, "*Tidak halal bagi kamu suami mengambil kembali dari sesuatu yang telah kamu berikan kepada mereka iaitu isteri*".

Seksyen 23(9) ini boleh mendatangkan ketidakadilan kepada isteri sedia ada dalam sebuah perkahwinan poligami kerana ianya memaksa seseorang isteri memilih sama ada untuk memohon perintah nafkah atau memohon perintah pembahagian harta sepencarian.

Menurut perundangan Islam, adalah tanggungjawab si suami untuk menanggung isteri-isterinya. Hak isteri untuk menuntut pembahagian harta sepencarian adalah untuk melindungi kepentingan si isteri dan anak-anak serta memastikan keadilan terlaksana dalam sebuah perkahwinan poligami. Mengapa perlu si isteri memilih antara salah satu jaminan kewangannya sedangkan dia berhak terhadap kedua-duanya mengikut perundangan Islam? Justeru itu, saya mencadangkan pindaan ke atas harta sepencarian bagi harta suami yang berpoligami, kebenaran menuntut harta haruslah dihadkan hanya kepada isteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pindaan kepada Seksyen 52(1) di mana hak fasakh seorang isteri dijatuhkan kepada si suami pula. Implikasinya, hak serta keistimewaan-keistimewaan kepada si suami semakin diperluaskan sedangkan hak si isteri tetap tidak berubah. Pindaan kepada Seksyen 52(1) ini hanya akan menindas lagi kaum ibu dan isteri di mana hak memberikan cerai fasakh ini kepada si suami akan membolehkannya *escape* atau lari dari membayar apa-apa sugu hati kepada bekas isteri.

Justeru itu, ketidakadilan di dalam pindaan Seksyen 52(1) ini mesti dimansuhkan. Rasanya sudah memadai hak mutlak talak berada di tangan si suami untuk menceraikan si isteri. Apa lagi? Seterusnya saya ingin memberi sedikit pendapat berhubung dengan pindaan Seksyen 107A di mana si suami boleh memohon kepada mahkamah untuk menahan, menegah isteri memindahkan hartanya isteri. Implikasi seksyen ini membolehkan mahkamah membatalkan atau menahan pindaan harta oleh pihak ibu bapa atau pihak suami dan bertujuan untuk

mengurangkan kemampuan membayar nafkah kepada anak atau isteri atau mutaaah kepada isteri atau untuk menghalang isterinya daripada harta itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini telah pun dilaksanakan di Johor seperti contohnya seperti yang telah berlaku kepada wanita dari Johor dan ini telah pun diperjelaskan oleh beberapa rakan sejawat saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan itu, ini juga lebih memburukkan lagi keadaan sepanjang prosiding yang mana perceraian berlangsung. Si suami juga tidak memberi nafkah kepada si isteri mahupun kepada anak-anak. Tidakkah ini suatu perbuatan yang kejam terhadap seorang isteri dan ibu kepada anak-anaknya sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata lelakilah yang beruntung dengan situasi ini dan kaum ibu dan isteri terus ditindas. Jelas di sini undang-undang yang ada sekarang tidak mampu lagi mengupdatekan atau mendidik, atau dalam bahasa mudah mengajar si suami menghormati hak wanita. Saya bukan mahu mengajar pihak perundangan tetapi yang pasti, pindaan yang dicadangkan ini menyebabkan ramai wanita tidak mengerti mengapa hak-hak mereka semakin dipinggirkan. Oleh itu apa gunanya peruntukan dan kemudahan yang bermacam-macam diberikan kepada kaum Hawa, sedangkan hak mereka sebagai isteri kurang mendapat pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi pertimbangan dan penelitian yang perlu dilakukan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil yang kononnya bersidang setahun sekali, demi memastikan pentadbiran syariah ini benar-benar terpelihara, sekali gus menjamin hak-hak kaum Hawa. Ibu tunggal dan ramai lagi kaum wanita yang ditimpa malapetaka angkara kedurjanaan lelaki kebanyakannya. Bayangkan, apakah perasaan seorang ibu yang bermusyahadah mengandung, membesarkan dan mendidik anaknya tetapi disebabkan kelemahan penguatkuasaan, hak '*hadanah*' menjaga anak ditarik begitu sahaja daripadanya kerana ia gagal dikuatkuasakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah saya katakan tadi, hujah undang-undang baik, pelaksanaannya yang menjadi masalah. Ini saya dengar banyak kali dah. Hampir tiap-tiap Ahli Yang Berhormat yang berucap, itu yang disebut-sebut. Sebab itu saya ingat, hujah yang sama diulangi tetapi saya telah dipertikaikan, tetapi tidak apalah. Silakan Yang Berhormat.

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Okey Tuan Yang di-Pertua, tentang Mahkamah Syariah, bidang kuasa jenayah pindaan 1984, menyatakan kadar hukuman yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Rendah Syariah ialah denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara 5 bulan atau kedua-duanya bagi kes Mahkamah Rendah.

Manakala denda tidak lebih RM5,000 atau penjara tiga tahun atau enam kali sebatan atau mana-mana kombinasi daripada dua hukuman itu, tidak hairanlah lelaki yang melakukan kesalahan, bukan sahaja langsung tidak takut, insaf tetapi menganggap mudah peruntukan undang-undang ini dan sentiasa terus bertindak melanggar walaupun pelbagai pembaharuan dilakukan. Contohnya dalam satu kes umpamanya, kesalahan berpoligami tanpa kebenaran

mahkamah yang hampir sama faktanya. Tetapi had hukuman yang dijatuhkan oleh hakim itu berbeza. Ada yang dikenakan RM900, ada juga yang dikenakan RM500.

Malah, tidak terkecuali ada juga yang dikenakan hukuman sebanyak RM200. Jadi apakah pertimbangan yang dipakai guna mahkamah dalam kes sebegini dan apakah wajar kesalahan yang berat dihukum terlalu ringan? Memang kita sudah ada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang ditubuhkan pada akhir 1998. Namun sejauh manakah kemampuan badan ini untuk membela hak kami selagi kacau bilau dan huru-hara yang sudah pun disedari sejak azali masih tidak diatasi.

Sistem guna sama antara negeri-negeri dan kini meliputi tujuh negeri iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Pulau Pinang serta Sabah masih di takuk lama dan kurang berkesan bagi meringankan bebanan kes daripada kalangan kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, besarlah harapan saya supaya satu kajian menyeluruh dilakukan bagi memastikan pentadbiran dan undang-undang syariah di negara ini terutama berkaitan dengan hak-hak kaum Hawa diteliti sebaik mungkin termasuklah berhubung Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan (Pindaan) 2005 ini. Memandangkan pindaan-pindaan yang saya sebutkan mempunyai implikasi yang tidak adil kepada kaum isteri. Saya memohon agar rang undang-undang ini dapat diteliti terlebih dahulu dengan mengambil kira pendapat dan hujah persatuan wanita dan pihak-pihak yang berniat agar hak-hak si isteri kekal terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Pegawai Syariah Wanita, Pegawai Suluk diperbanyakkan terutama di daerah-daerah. Juga diharapkan mereka ini sentiasa diberi latihan kemudahan dari masa ke semasa yang berkaitan dengan undang-undang, penyelesaian, masalah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya turut menyokong. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dengan itu saya kini menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab serta menggulung perbahasan. Yang Berhormat mempunyai kurang sedikit daripada dua jam sehingga kita luluskan undang-undang ini, jadi bolehlah Yang Berhormat menjawab dan menggulung sekarang.

#### **10.01 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian yang begitu aktif dalam membincangkan, membahaskan Rang Undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) Pindaan 2005.

Saya sangat menghormati sebenarnya pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana saya kenal mereka, mereka begitu ikhlas sekali dan daripada penyampaian hujah-hujah yang telah dikemukakan mereka sangat merasa bahawa pentingnya mereka berhujah dan seterusnya mengeluarkan pandangan supaya penambahbaikan terhadap Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia ini terutama di Wilayah Persekutuan dapat dijaga dengan baik.

Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat boleh percayalah kepada saya sebab emak saya pun wanita, kakak saya pun ada, anak saya pun dua orang wanita. Wanita atau perempuan? Saya pun tidak tahu.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Perempuan.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Perempuan. Selain daripada itu saya tidak mengamalkan poligami. Kalau mengamalkan poligami mungkin menjejaskan sedikit kewibawaan saya dalam berhujah pada malam ini. Tetapi walau bagaimanapun saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana empat Rang Undang-undang telah dapat dibawa ke Dewan ini dan saya rasa yang paling mencabar bagi saya ialah Undang-undang Keluarga Islam. Yang tiga dahulu saya rasa tidak sebegini dan alhamdulillah hari ini pun saya dengar pengakuan yang boleh dikatakan Ahli-ahli Yang Berhormat lelaki faham. Dia beri laluan yang baik kepada Ahli-ahli Yang Berhormat wanita. Saya rasa saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lelaki kerana mereka pun hendak bercakap tapi kerana menghormati wanita mereka beri peluang sepenuhnya supaya Ahli-ahli Yang Berhormat wanita mengeluarkan pandangan untuk berhujah dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Sebagaimana dahulu juga saya telah menyebut ini biasa sahaja dahulu tidak apa iaitu kebaikan Rang Undang-undang seragam ini sebagaimana kita ketahui saya juga dahulu berhujah iaitu dapat mengatasi masalah ketidakseragaman dan ketidakselarasan undang-undang Islam yang sedang berkuat kuasa di negeri-negeri. Itu demi penyeragaman. Saya rasa itulah di antara yang besar. Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyokong kerana demi penyeragaman tadi.

Kemudian yang kedua dapat mengatasi masalah perbezaan penghakiman yang dibuat oleh Mahkamah-mahkamah Syariah antara negeri untuk mengatasi keadaan tersebut. Yang ketiganya yang paling baik daripada penyeragaman ini iaitu penyeragaman boleh menyelesaikan kes-kes tertunggak dan perintah-perintah mahkamah, saman dan juga waran dengan adanya perintah bersaling iaitu di antara negeri dengan negeri yang lain yang mengamalkan undang-undang seragam ini apa yang telah berlaku di suatu negeri, difailkan dan dibicarakan. Kemudian sudah boleh lari hendak datang ke Wilayah Persekutuan pun sama serupa dengan apa yang telah dilakukan di negeri-negeri lain.

Boleh dikatakan hampir keseluruhan negeri-negeri di Malaysia telah memilih penyeragaman ini kecuali ada satu dua. Saya tidak namakan dan saya difahamkan apabila Perdana Menteri dalam MKI (Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam) telah meminta negeri ini supaya akhir tahun ini ataupun awal tahun depan makna mesti seragamkan. Ini adalah

merupakan penyeragaman yang sangat mustahak demi kepentingan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Keluarga Islam ini dan telah menyebut banyak sekali masalah dan ada dicatatkan oleh pegawai-pegawai saya. Catatan-catatan tadi dan saya rasa saya berhujah di sini dalam memberi jawapan berdasarkan kepada isu-isu lebih mudah. Isu-isu yang besar kita selesai dahulu kemudian yang kecil-kecil itu mungkin tidak sempat jawab maknanya kita ambil perhatian. Ada kita catatkan. Kemudian kita berhujah yang besar dahulu. Di antara yang besar yang saya rasa saya kategorikan yang sering disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin Yang Berhormat mula berhujah dengan hujah-hujah besar.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin keberatan bagi Yang Berhormat hendak menyebutnya tapi mungkin di antara hujah-hujah yang terbesar ialah kuasa-kuasa ke atas hal ehwal agama yang diberi kepada raja-raja dan mereka cukup cemburu jaga padanya dengan negeri-negeri bersetuju dengan Rang Undang-undang ini dan akhirnya datang ke sini bermakna raja-raja telah menyerahkan sedikit sebanyak kuasa terhadap sekurang-sekurangnya Undang-undang keluarga Islam kepada Parlimen dan ini adalah satu langkah yang Parlimen menghargai.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya mempunyai sedikit perbezaan dengan Tuan Yang di-Pertua dalam perkara ini. Ini kita sudah bawa kepada Majlis Raja-raja. Majlis raja-raja telah bersetuju.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa mereka bersetuju dengan rela.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Bersetuju, kemudian yang kita berbahas hari ini bukan seluruh kita hendak laksanakan. Kita hanya di Wilayah-wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Itu sahaja. Yang lain itu adalah merupakan dibawa ke dalam Dewan Undangan Negeri menjadi enakmen. Yang kita menjadi akta di Wilayah Persekutuan dan kita tidak ada Dewan Negeri, Dewan Undangan Negeri di Wilayah Persekutuan kita bawa ke Dewan Rakyat dan kita bawa kepada Dewan Negara. Untuk Wilayah Persekutuan sahaja bukan untuk semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang ini yang di hati kecil saya hendak Yang Berhormat terangkan kepada Dewan.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Okey, terima kasih. Makna Tuan Yang di-Pertua kita ini di Wilayah Persekutuan sahaja bukan selesai di sini semua selesai. Ini kalau menurut catatan yang ada pada saya dan masa penjelasan semalam pun diberitahu ada beberapa negeri sahaja. Saya tidak namakan. Tapi dia pun telah memprosesnya. Saya tanya LA dan bawa dan kemudian dalam penelitian lagi dan Perdana Menteri dalam MKI iaitu Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam yang tertinggi Perdana Menteri yang menjadi pengerusi dihadiri oleh Menteri-Menteri



Besar. Dalam itu yang lepas makna Perdana Menteri kata mesti selesaikan dan semua berjanji. Negeri yang belum lagi itu berjanji akan bawa dan saya tidak tahu kenapa di Wilayah Persekutuan lambat saya pun tidak tahu. Jangan tanya saya. Apabila saya masuk jadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri saya tanya sudah bawa masuk atau tidak, dia kata belum bawa masuk lagi. Saya pun bawa masuklah setelah 2002 lagi telah pun diminta supaya perkara ini dibawa ke Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara, jadi nampak benda itu berjalan.

Hujah yang pertama isu saya yang saya rasa begitu besar sekali mesti selesaikan ini dan inilah yang telah diminta oleh Perdana Menteri apabila ada pandangan-pandangan daripada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat wanita kemudian Perdana Menteri telah meminta penjelasan daripada saya. Dia kata apa ini? Sudah timbul masalah. Itu sudah *overload* kah dahulu, sudah terlepas pandang kepada keadaan ini iaitu sepencarian. Kalau boleh selesai di situ tidak ada masalah kata Perdana Menteri.

Saya telah menjelaskan. Ini pun saya sudah tanya banyak pihak sehinggakan AG makna Peguam Negara sendiri telah memberi jawapannya dan juga JKSM sebagaimana kita ketahui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan juga JAKIM. JAKIM bahagian penggubalan tetapi yang melaksanakan nanti JKSM (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia). Mereka telah memberi pentafsiran yang sama iaitu terhadap harta sepencarian ini yang hangat kita perdebatkan.....

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh bagi Yang Berhormat habiskan dahulu.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Habiskan dahulu sebab takut.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hujah ini sebab sempurnakan hujah ini kemudian Yang Berhormat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Ada anggapan mengatakan bahawa pindaan rang undang-undang ini akan membolehkan suami berhak untuk menuntut sebahagian daripada harta isteri atau isteri-isteri sedia ada apabila berpoligami. Ini satu isu yang perlu diperjelaskan, ini mesti kita selesaikan dulu di situ. Jadi kita kena berbalik kepada tafsiran harta sepencarian mengikut Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, ada dalam Seksyen 2 tentang tafsiran itu, harta sepencarian. Saya *quotekan* di sini, "iaitu harta yang diperoleh bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak".

Ini tentang hukum syarak ini sangat besar peranannya dalam undang-undang, iaitu saya suka mengatakan daripada harta yang diperoleh bersama suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa, iaitu daripada tarikh sekian kepada tarikh sekian makna harta yang diperoleh, aset yang diperoleh dan sebagainya itu maka itu dianggap sebagai harta sepencarian mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan oleh syarak diikat juga dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak saya beri tafsiran. Daripada tafsiran ini tiga elemen utama yang perlu diambil kira

mengenai harta sepencarian ialah pertama, harta yang diperoleh bersama oleh suami isteri dalam masa perkahwinan berkuat kuasa tadi.

Yang kedua, harta itu diperoleh semasa perkahwinan sedang berkuat kuasa. Makna sebelum tak jadi, selepas tak jadi masa itu yang dianggap harta tadi diperoleh.

Yang ketiga, pembahagian harta itu adalah mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak. Ini juga ada diikat dengan hukum syarak. Jadi saya buat huraian, jika harta itu diperoleh oleh isteri tanpa sumbangan suami maka harta tersebut tidak termasuk dalam harta sepencarian. Ini saya rasa kena faham ini, harta yang diperoleh oleh isteri tanpa sumbangan suami. Ertinya dia berkahwin dia makan gaji, dia ada pendapatan sendiri maka harta itu tidak dianggap tidak termasuk harta sepencarian oleh itu suami tidak berhak untuk menuntut harta tersebut.

Ini adalah merupakan maknanya keelokan, kecantikan agama Islam. Sebagai contoh A seorang isteri misalnya, telah berkahwin dengan B seorang suami. Semasa dalam perkahwinan, A iaitu seorang isteri tadi telah membeli sebuah rumah dengan wangnya sendiri melalui potongan gajinya, B iaitu suami telah mendapat kebenaran untuk berpoligami dalam kes ini walaupun ada permohonan tuntutan harta sepencarian oleh suami ke atas rumah tersebut, suami tidak berhak ke atas rumah tersebut kerana mengikut hukum syarak apa-apa perolehan yang diperoleh isteri dalam masa perkahwinan melalui usahanya sendiri adalah milik mutlak isteri.

Apa-apa perolehan yang diperoleh oleh suami dalam masa perkahwinan, si isteri berhak untuk menuntutnya bergantung pada takat sumbangan yang dibuat oleh setiap pihak dalam bentuk wang, harta dan kerja seperti pengurusan rumah tangga dan sebagainya. Ada diterangkan *detail* dalam rang undang-undang itu. Jadi dalam perkara ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah sekarang Yang Berhormat beri laluan.

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin meminta penjelasan mengenai seksyen baru 122, mengenai pembahagian harta sepencarian. Saya katakan ketika ini saya memiliki harta RM6 juta, saya berkahwin yang kedua saya kena bahagikan harta saya. Jadi harta saya dibahagi dua bererti saya dapat RM3 juta, saya kahwin lagi satu yang ketiga, RM3 juta itu dibahagi tiga dengan isteri yang tua, yang kedua dan saya sendiri. Jadi saya dapat RM1 juta, kalau saya kahwin yang keempat saya ada hanya RM250 ribu sahaja. Jadi akhirnya saya ada yang keempat itu saya ada RM50 ribu sahaja, apakah benar? Minta penjelasan.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Sebenarnya tidak begitu perkiraannya saya tak mahu kata tak benar itu 'agak berbincang'. Persoalannya kita kenal dahulu apakah takrif ataupun definisi harta sepencarian. Harta sepencarian itu ialah apabila kita akad nikah misalnya pada 1 hari bulan Januari 1980 sehinggalah sampai kepada 1 hari bulan Januari 2000, maknanya dalam masa 20 tahun masa itulah yang harta-harta yang didapati dianggap sepencarian. Tetapi

yang kita dapat pusaka daripada orang tua tak boleh itu harta mutlak kita, itu kena faham. Itu harta dalam masa itu dan keistimewaan dalam sistem ini maknanya syarak tadi, iaitu isteri bekerja, kebanyakan isteri bekerja yang tidak bekerja ada ruangnya untuk mendapat sepencarian.

Isteri yang bekerja tidak langsung diusik sebab itu berdasarkan kepada kita pilih pula lagi daripada Al-Quran yang mengatakan (membaca sepotong ayat Al-Quran), bagi orang lelaki dia ada bahagian dia daripada apa yang dia kerja kemudian disebutkan (membaca sepotong ayat Al-Quran), bagi perempuan juga dia ada bahagiannya yang tersendiri daripada apa yang diusahakannya. Ertinya itu adalah milik mutlak dia tetapi kerana jadi sang suami.....

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Yang Berhormat minta laluan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya kira saya sekarang kena jagaan, isu ini isu yang cukup emosional dan kalau saya tak jaga-jaga daripada masa pertanyaan kita beralih kepada masa perbahasan. Ini sekarang daripada perbahasan kita nak balik beralih kepada masa pertanyaan. Saya perlu mintalah kalau tak betul-betul.....

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya jelas dahulu selepas itu saya bagi. Saya bagi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Maknanya apabila yang sang suami, saya berhenti di situ tadi. Makna jadi sang suami, dah kerana nak kahwin sangat, ha ini saya belasah sikit tak apa, makna sama sejenis kena bela juga dia kena bodek dia juga nanti kalau tidak marah dia. Ini betul bodek yang betul tak apa. Jadi, kerana dia nak kahwin, walaupun dia kerja ada pendapatan dia, soal isteri ada kerja pendapatan dia. Yang isteri tetap hak dia, dia beli rumah katakan, rumah adalah hak dia. Suami beli rumah katakan beli aset-aset yang lain, kena lihat apabila dia nak kahwin itu mahkamah ada kuasa iaitu untuk menentukan setakat mana sumbangan isteri kepada harta sepencarian tadi.

Mungkin agak kuranglah kot sebab dia pun kerja daripada pagi kalau jadi Senator sehingga jam 12 tak balik lagi rumah maknanya kena kuranglah sikit. Misalnya, saya bagi contoh yang jelas jangan marah lagi, makna itu. Kalau suri rumah tangga daripada awal lagi makna dia bangun sahaja dok berperang dengan anak dan sebagainya, mungkin lebih. Ada, tetapi bahagian ada lagi jangan risau, ada bahagian yang akan ditentukan, tetapi takat mana berdasarkan kepada huraian-huraian ini, takat sumbangannya, wangnya, tenaganya, jaga rumahnya, jaga anaknya, misalnya yang sepenuh masa. Jadi ada, ini ambil daripada ayat Al-Quran ini dalam Mazhab Syafie tidak menentukan kita cari dalam Mazhab Hanafi, saya rasa dia menyebut ada peruntukan itu.

Ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya boleh mintalah cuba *round* dalam negara Islam seluruh dunia Islam ini tak ada macam ini peruntukan, ini adalah paling *advance*, paling maju dan apabila saya jelas kepada Perdana Menteri sebab itulah dia minta

supaya diluluskan keadaan ini, dijelaskan keadaan ini dan ini bukan huraian murahan sebenarnya, ini adalah berdasarkan kepada apa yang diberi oleh JKSM, oleh penggubal daripada JAKIM dan juga penggubal daripada Peguam Negara. Jadi saya rasa kekeliruan yang besar itu tak timbul lagilah maknanya kepada keadaan tersebut. Saya rasa saya beri laluan kepada .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Datuk.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Ha, berilah laluan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Datuk, Yang Berhormat beri laluan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih. Saya cuma nak tanya.....

**Tuan Yang di-Pertua :** Dah orang nak beri laluan dah tak mahu pula dah.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Tak mahu?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Nak, nak saya dah bangun.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Ingat tak mahu saya teruskan sahaja.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tak, tak. Terima kasih Yang Berhormat ini kita nak perjelaskan lagi, minta penjelasan sedikit. Katalah kita wanita beli rumah. Ok, kita beli rumah selepas itu suami itu masa itu baik lagilah belum ada orang yang ketiga. Jadi dia pun kata tak apalah abang ada bonus, abang buat sedikit *renovation*. So bila pertenggaran besok cerai adakah itu dianggap harta sepencarian?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]... yang ini akan ditentukan oleh mahkamah, saya tidak boleh....

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Itu yang kita tidak mahu itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Jadi saya sudah beri jawapan tetapi hendak beri yang .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan beri penerangan Yang Berhormat. Yang Berhormat, masalah di depan kita ialah satu rang undang-undang. Insya-Allah, rang undang-undang akan jadi undang-undang. Sesuatu rang undang-undang itu akan ditadbir oleh pihak-pihak yang diamanahkan untuk mentadbirkan undang-undang. Dari sesuatu rang undang-undang timbul satu implikasi dan andaian atau contoh yang kita boleh beri sebab itu sesuatu rang undang-undang itu perlu ditadbir dan segala kesamaran faham tidak boleh dibereskan di sini. Segala kesamaran hanya akan dibereskan melalui proses mentadbir sesuatu rang undang-undang. Hanya kesamaran-kesamaran pokok dan asasi dan prinsip boleh dibereskan dalam sesuatu dewan perundangan. Sila Yang Berhormat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih. Saya teruskan kepada beberapa isu sahaja. Yang kedua isu yang menuduh, maafkan saya. Ini sudah sejam, sudah dekat jam 12, ya. Isu yang juga telah ditimbulkan mengatakan bahawa memudahkan lelaki berpoligami. Ini juga isu yang saya anggap besar ini dan mesti diselesaikan. Yang tadi itu sepencarian itu sudah

jelaslah itu, saya pegang itu sahaja. Mentadbir soal lain dan mahkamah yang mentadbirkan nanti, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua. Jadi soal ini berdasarkan kepada ada pendapat mengatakan dengan pindaan perkataan “patut” dan “perlu” tadi. Okey, kepada patut atau perlu, betullah dalam Bahasa Melayu saya rasa maknanya mempunyai pengertian yang sangat berbeza. Saya pun belajar Bahasa Melayu daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat, makna betullah itu.

Cuma yang dimaksudkan di sini, sebab apa mungkin dia dari segi gubalan sahaja, iaitu dalam Bahasa Arabnya dia dua sahaja iaitu dalam feqah Islam boleh berpoligami ataupun tidak boleh berpoligami, itu sahaja. Masa yang hendak isi borang dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan, maknanya pendapatan pemohon diambil kira, kemudian dalam ikrar yang dikatakan akuan, maafkan saya. Akuan itu ya, yang dikemukakan bersama permohonan untuk berpoligami hakim akan menilai butiran-butiran lain seperti berikut:

- Pendapatan pemohon itu berapa - Tidak timbul masalah kita katakan dahulu makan ikan tenggiri, kemudian sesudah poligami, makan ikan kering. Ini tidak usah dan tidak dibenarkan oleh hakim. Maknanya itu, ada duit RM500 sahaja, macam mana hendak dibahagikan. Itu saya rasa kita tengok dahulu.
- Butir-butir komitmen - kewajipan dan tanggungjawab kewangan ditengok dan diteliti. Bilangan orang tanggungan termasuk orang yang akan ditanggung nanti, ditengok juga lagi. Maknanya kalau dia hendak kahwin misalnya, ibu tunggal dan tinggal, apa istilah tadi. Maknanya dia tengok pula tanggungan berapa lagi, duit ada RM500 sahaja, maknanya itu. Iaitu banyak aspek yang akan dikira dan keizinan itu dikeluarkan oleh mahkamah dan mahkamah yang akan mengizinkan tetapi apabila diizinkan setelah misalnya diteliti dengan baik. Kemudian, dipanggil secara berasingan ini, proses ini dipanggil isteri yang pertama, isteri yang ada ataupun isteri-isteri yang sedia ada. Kalau macam Yang Berhormat daripada mana tadi? Dia kata dia pengamal poligami, dipanggilkan isteri-isteri. Kemudian dipanggil bakal isteri, maknanya tambah lagi bakal isteri dan wali kepada bakal isteri dipanggil juga ataupun orang lain lagi untuk menjadi saksi, maka apabila sudah berpuas hati mungkin rakan sekerja ataupun siapa, puas hati baru diberi keizinan. Kalau diberi keizinan akan pergi kepada pelaksanaan tadi.
- Pelaksanaannya berdasarkan kepada atau juga, atau tadi, atau itu memang itu betullah, iaitu berdasarkan kepada permohonan daripada isteri ataupun isteri-isteri yang sedia ada. Kalau isteri yang sedia ada dia kata, saya hendak selesaikan masalah nafkah sahaja, yang lain itu

terserahlah, sebab saya pun sudah ada harta sedikit. Ataupun yang agak tidak berapa setuju maknanya sudahlah dia hendak kahwin hendak kenakan bala pula kepada kita dan sebagainya.

Jadi boleh membuat dua permohonan sama ada atau satu atau hendak membahagikan aset. Ini keistimewaan yang tidak dapat pada negara-negara lain. Cuba cek dan cuba *study* kita akan dengar iaitu biasa dalam hal perceraian sahaja baru dikira nafkah dan baru dikira aset harta sepencarian. Ini tidak, yang tolak itu ada lagi kalau itu, ini pun sudah mula hendak dibenarkan oleh mahkamah mesti diselesaikan pembahagian tadi. Nafkah boleh, kalau isteri hendak nafkah sahaja, atau dua-dua pun boleh membuat permohonan membuat permohonan kepada mahkamah, itu dikatakan atau.

Jadi beri kemudahanlah, jadi saya rasa ini tidak betul bahasa ini atau hendak satu ataupun hendak dua, boleh, tidak ada masalah dan atau itu sekiranya dikehendaki oleh maknanya isteri atau pun isteri-isteri yang hendak dimadukan itu. Itu dikatakan atau tadi, jadi tidak ada masalah. Tidak apalah ini penjelasan saya, kalau tidak setuju dengan saya pun, tidak percaya kepada saya pun tidak apalah, saya jelaskan. Maknanya itu adalah merupakan realiti daripada apa yang disebut oleh peguam negara, apa yang disebut oleh JKS dan juga penggubal, maknanya atau itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau didapati tidak betul boleh dibawa balik untuk dipinda lagi seperti yang dijanjikan.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Ya, ya terima kasih, terima kasih. Saya pergi kepada hak fasakh, juga fasakh, bukan pasak, pasak pada lain pula. Fasakh, itu kata Arab. Fasakh ini maknanya membatalkan, hendak merungkai semula apa yang telah diijabkabulkan itu, hendak rungkai. Maknanya itu hendak membatalkan, kalau talak lain. Sebagai mana ini kebanyakan difahamkan kalau keadaan ini. Jadi kalau sekiranya ini diberi ialah dalam penggubalan ini AG pun kata, kita kena *spirit* perlembagaan Malaysia, jangan diskriminasi perempuan sahaja dapat, jadi yang ini bagilah lelaki sedikit. Saya takut nanti apabila cerita tadi maknanya Ahli Yang Berhormat lelaki ataupun bapa menurut istilah tadi, maknanya itu boleh....

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Beri laluan Tuan Yang di-Pertua, *please*.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Ya.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Kalau melihatkan kepada keadilan dalam perlembagaan, kalau talak sudah pun berada dalam tangan lelaki - suami, apa lagi yang hendak fasakh? Kalau hendak adil, dia dapat fasakh, kami pun dapat talak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah saya katakan tadi Yang Berhormat ....

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Kalau apa kiranya ada apa-apa macam nasihat daripada Tan Sri Yang di-Pertua, makna kita boleh bincang lagi, tidak apa, tidak apa....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya lihat semangat - saya bukan buat kesimpulan - semangat di sebalik perbahasan ini adalah untuk memberi peluang undang-undang ini ditadbir buat seketika.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seheinggakan pihak sebelah kerajaan pun begitu fleksibel dalam sedikit sebanyak memperakui untuk dipertimbangkan sehalus-halusnya. Jadi kita tidak bolehlah andaikan perkara-perkara yang akan berlaku kerana bahas di atas andaian kita itu kerana 1001 andaian kita boleh buat kerana semangatnya kita kata seolah-olah biarlah rang undang-undang ini dipersetujui dan diberi peluang untuk ditadbir oleh kerajaan. Jadi jangan balik kepada macam kata-kata Inggeris, "*back to square one*" dalam perbahasan kita.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya rasa saya masih boleh lagi untuk memberi penjelasan dan penerangan dan saya rasa cukup jelas arah tuju yang telah disebut oleh Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau boleh kita berhenti setakat itu pun saya pun Alhamdulillah saya menerima. Kalau hendak teruskan lagi pun saya rasa tidak apa. Tengoklah, takut nanti mencecah jam 12.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa eloklah Yang Berhormat Menteri beri kepuasan - bagi sedikit penerangan lagi dan saya tidak akan membenarkan perbahasan merosot menjadi pertengkaran. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Okey, okey, sedikit lagilah, sedikit lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana menggunakan *wisdomnya* iaitu kebijaksanaan dalam menguruskan perjalanan perdebatan ini, dan saya akur dengan kebaikan yang kita akan dapati bersama daripada undang-undang ini sebagaimana yang saya perjelaskan di peringkat awal tadi iaitu yang paling besarnya ialah harta sepencarian. Kita selesai di situ hampir yang lain itu akan terjawablah.

Cuma di sana, sini, soal pelaksanaan, soal menguruskan, itu saya akuilah. Sebab apa, JKSM pun umurnya tak berapa dewasa lagi. JAKIM sudah lama daripada JKSM. Kuasa agama adalah kuasa negeri-negeri. Kena faham juga di situ. Yang sangat sukar kalau kita tidak meraikan, tidak melalui Majlis Raja-Raja, saya rasa sukar amat bagi kita untuk mendapat restu tadi.

Tapi, Alhamdulillah dengan *wisdom* perdana Menteri kita, dia telahpun membawa, kemudian telahpun dipersetujui, kemudian negeri-negeri lebih advance daripada wilayah, tapi tak apa. Orang kata daripada tidak lebih terlewat. Lewat tidak apa. Maknanya kita telah cuba, dan Alhamdulillah. Maknanya sekarang ini kalau diluluskan ini, ada empat tinggal tugas lagi satu sahaja iaitu undang-undang pentadbiran Islam. Saya rasa itu lagi mudah, tak berapa sensitif. Ini yang paling payah. Saya semalam pun tak berapa nak lena tidur. Maknanya takut nak menghadapi Ahli-ahli Yang Berhormat wanita. Saya boleh sambung lagi sedikit,

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat sambung, saya ingin sekali lagi memberi penjelasan. Sebelum ini kita telah mempertimbangkan Rang Undang-undang Rang Undang-undang tertentu. Dalam membahaskan Rang Undang-undang tersebut, kita tidak pun mengambil pendekatan harap-harap percaya tidak. Mengapa pula dalam membahas Rang Undang-undang ini kita hendak mengambil pendekatan, harap-harap percaya tidak? Mengapa kita tidak timbul andaian, seribu satu andaian bila kita bahas Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan? Jadi saya tak mahulah pendekatan membahas satu-satu Rang Undang-undang berlainan daripada membahas satu lagi Rang Undang-undang.

Mungkin Rang Undang-undang yang masalah kita bentangkan itu menarik perhatian orang ramai, namun, prinsip-prinsip prosiding perlu saya pelihara. Demi kesempurnaan kita menjalankan tugas kita masing-masing iaitu buat undang-undang bagi negara Malaysia untuk ditadbir oleh pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbirkannya dengan sempurna. Silakan Yang Berhormat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya akan menyentuh penggubalan undang-undang. Penggubalan sesuatu undang-undang yang dibuat oleh JAKIM. Memang betul, penggubalan undang-undang ini dibuat oleh JAKIM. Kemudian prosesnya begitu ketat sekali iaitu dibentangkan dalam Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syara' Sivil. Kemudian yang terdiri juga daripada wanita-wanita. Wanita, Profesor di universiti dan sebagainya. Saya tak mahu sebut nama mereka. Undang-undang ini selepas itu dibentangkan pula di peringkat zon. Dia bagi pula kepada Zon Utara, Selatan dan lain-lain lagi.

Seterusnya di Persidangan Teknikal Undang-undang Syara' Sivil yang sememangnya mempunyai wakil daripada wanita. Di peringkat Wilayah Persekutuan ini apabila undang-undang ini seragam telah dicipta lama dahulu iaitu 2002 begitu. Kemudian kita apabila hendak bawa ke sini, kita terpaksa bawa sebagaimana yang kita pembacaan saya tadi, maknanya saya buat Memorandum kepada Jemaah Menteri. Sebelum saya bawa, mesti diteliti oleh tiga kementerian iaitu pertama Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, mesti mendapat pengesahan setuju atau tak setuju? Kemudian daripada JKSM, iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, menyatakan setuju, tidak setuju. Kemudian daripada Pejabat Peguam Negara sendiri. Memberi pandangannya.

Kemudian apabila ketiga-tiga tadi boleh, maka bahagian Urus Setia Kabinet maknanya telah membawa kepada Majlis Mesyuarat. Kemudian dibincangkan lagi supaya jelas kemudian apabila itu, dibawa ke Parlimen iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Proses itu begitu lama. Itu untuk menjadikan Akta. Bagi ini adalah Akta bagi Wilayah Persekutuan. Bagi negeri untuk menjadi enaknya ialah proses. Selepas daripada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syara' dan Sivil. Dia akan pergi kepada Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syara' dan Sivil Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu



Exco, dan seterusnya ke Dewan Undangan Negeri. Iaitu proses saya rasa begitu lama setengah-setengah lama kerana terlalu teliti agaknya.

Maka sehingga sekarang pun ada lagi satu dua negeri belum lagi mencapai untuk diperdebatkan di dalam Dewan Undangan Negeri masing-masing. Tapi Alhamdulillah, saya difahamkan sebelas buah negeri telahpun bersetuju dan diperbahaskan. Kemudian ada sesetengah negeri satu ataupun dua yang belum digazetkan. Tapi pada umumnya, makna hampir dalam proses. Itu yang pertama.

Kemudian saya suka juga menjelaskan bahawa Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sedang memperkemas. Latihan-latihan kepada hakim-hakim Mahkamah Syariah Rendah. Kemudian Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Rayuan. Kita ada di peringkat negeri dua, iaitu Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, itu ada di negeri, termasuk juga di Wilayah Persekutuan pun ada. Kemudian kalau sekiranya tidak puas hati dengan perbicaraan di Mahkamah Rendah, maknanya boleh *appeal* di Mahkamah Tinggi Syariah, kalau tak setuju juga, boleh *appeal* di Mahkamah Rayuan Negeri-negeri.

Pihak JKSM sedang menyeragamkan. Jadi banyak lagi perlu dilaksanakan, kita sedar bahawa kelemahan-kelemahan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu memang ada kelemahan di sana-sini. Tapi kita cuba menyelesaikan dengan kerajaan menubuhkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dengan menyediakan boleh dikatakan hakim-hakim yang mencukupi dan pegawai-pegawai yang mencukupi. Kita mengharapkan perjalanan pentadbiran Mahkamah Syariah ini akan berjalan dengan lebih baik lagi. Saya rasa itu di antara perkara-perkara besar yang perlu saya *high-light*kan dan saya rasa bolehlah saya berhenti setakat ini dulu, saya beri laluan kepada rakan saya boleh kalau ada kuasa kepada..

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat minta laluan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tadi Yang Berhormat belum sempat memberi penjelasan tentang lelaki yang diberikan hak-hak fasakh. Jadi boleh diperjelaskan semula?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Ini adalah berdasarkan kepada 'muyub'. Ini ada sebenarnya dalam kitab Fikah lagi. Dalam kitab Fikah membicarakan dengan jelas keaiban yang ada pada perkahwinan itu. Yang ada pada wanita dan juga ada pada lelaki. Jadi bagi wanita, dia boleh fasakh. Maknanya kerana keaiban. Kalau saya sebut dalam kesempatan ini pun boleh. Maknanya banyak sebenarnya boleh fasakh kalau sekiranya tak setuju dengan perkahwinan seperti kita katakan dia tak mampu beri nafkah batin.

Maknanya tapi kalau nak dilonggarkan untuk satu tahun untuk berubat dan sebagainya. Ataupun ada dalam setengah-setengah kitab, menyebut kalau bau busuk yang tidak dapat ditanggung oleh isteri, juga boleh fasakh suami. Begitu jugalah aib yang ada pada kedua-dua belah pihak itu. Ini sudah masuk dalam kitab Fikah. Maknanya memberi fasakh tadi kerana

keaiban. Disebut dalam bahasa Arab iaitu *Muyub*, maknanya aib-aib yang boleh difasahkan. Apabila kita membaiki tadi, selain daripada itu, saya rasa tidak dibenarkanlah.

Maknanya kerana keaiban-keaiban tersebut seperti menghidap HIV, dan sebagainya ataupun penyakit yang berjangkit dan sebagainya. Itu aib-aib yang dirasakan mustahak, perlu untuk memberi hak fasakh tadi.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Minta laluan. Tuan yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan kepada hak fasakh kepada lelaki ataupun dengan talak kepada lelaki? Apa bezanya talak itu dengan fasakh ini?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Fasakh iaitu membatalkan. Membatalkan perkahwinan itu kerana aib tadi. Jadi talak mungkin dengan sebab yang lain daripada aib pun boleh. Makna dia difikirkan mustahak, tapi dia mesti bertanggungjawab. Iaitu nafkahnya kalau dah ada anak dan sebagainya, kalau belum ada anak, maknanya ada syarat-syaratnya, peraturan-peraturannya.

Jadi, itu adalah merupakan fasakh pada yang aib, yang talak itu pembubaran perkahwinan yang tidak berdasarkan apa sebab-sebab yang telah saya sebut tadi, penyakit berjangkit dan sebagainya. Ini kedua belah pihaklah, saya rasa adillah, maknanya yang lelaki pun kalau ada aib, perempuan boleh fasakh, kalau yang lelaki pun maknanya kalau perempuan ada aib boleh fasakh. Saya rasa spirit tadilah, Perlembagaan sebagaimana yang disebut tadi, AG kata maknanya itu adalah merupakan perkara yang wajar dalam mempertimbangkan sesuatu pindaan.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya lagi. Bila lelaki boleh ambil fasakh, adakah lelaki itu mesti memberikan tanggungan kepada isteri itu, ataupun fasakh begitu sahaja, tidak ada apa-apa? Tidak ada apa imbuhan ke ataupun tanggungan, macam kita bagi nafkah?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Ini peraturan ditentukan oleh mahkamah, saya rasalah *pendetailan* itu mahkamah boleh keluarkan peraturan-peraturannya, makna sebagai tambahan kepada pelaksanaan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh teruskan.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya memberi peluang kepada rakan saya iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri kalau mendapat keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menyampaikan sedikit ucapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebagai penyokong, Yang Berhormat bolehlah tambah hujah-hujah bagi pihak kerajaan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ada satu perkara yang menjadi keprihatinan kepada saya iaitu satu soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rashid Ngah waktu ketika Yang Berhormat Senator Nor Hayati tengah berucap kalau tak silap saya. Di mana

Senator Dato' Abdul Rashid tanya ada tiga Menteri wanita di dalam Jemaah Menteri, apakah mereka tidak menjalankan tanggungjawab mereka untuk mempertahankan kepentingan wanita?

Saya rasa tidak adil untuk menanyakan, menghalakan soalan itu kepada Yang Berhormat Senator Nor Hayati kerana beliau tidak berada di dalam Jemaah Menteri. Ketidakadilan itu juga akan menampakkan seolah-olah iaitu Menteri-menteri lelaki ataupun kaum bapa dalam Jemaah Menteri langsung tidak hirau tentang kepentingan wanita maka itu tidak adil. Sebab itu saya nak ambil kesempatan ini untuk menyatakan iaitu pertamanya, memang perkara ini telah dibangkitkan dalam Jemaah Menteri pada bulan lapan pada tahun ini dan saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa ketiga-tiga menteri wanita yang ada dalam Jemaah Menteri iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah, Yang Berhormat Datuk Azalina dan juga Yang Berhormat Dato' Seri Shahrizat, mereka telah membawa pandangan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, di mana ini ialah hasil daripada penyiasatan yang dibuat oleh mereka iaitu bahawa mereka sukar untuk menerima rang undang-undang ini waktu kita bincangkan di dalam Jemaah Menteri kerana mereka mempunyai pandangan yang membela hak wanita.

Jadi, oleh kerana tujuan kita menerima rang undang-undang ini ialah kerana untuk penyeragaman dan saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa menteri-menteri, bapa-bapa Menteri juga prihatin tentang kepentingan wanita. Kerajaan Barisan Nasional memandang berat dan sememangnya sebuah kerajaan yang memberikan perlindungan kepada golongan wanita. Jadi, sebab itu tidak adil kalau sekiranya diberikan jawapan oleh Yang Berhormat Senator Nor Hayati yang tidak ada dalam Dewan, dan dia pun cakap dia tak tahu. Jadi, saya kena perjelaskan, wakil wanita di dalam Jemaah Menteri, mereka memberikan pandangan mereka seperti mana yang dibangkit oleh Ahli-ahli Dewan Negara wanita di dalam Dewan ini. Ini saya nak beritahu, ya. Jadi, tidak adil kalau nak mengatakan bahawa mereka tidak memainkan peranan, tidak adil kalau nak mengatakan bahawa mereka *sold out* dia punya hak-hak wanita. Itu adalah tidak adil kepada ketiga-tiga menteri.

Dan, juga tidak adil kepada bapa-bapa menteri kerana kita juga prihatin di atas kepentingan dan kebajikan wanita. Tidak betul untuk menyatakan iaitu bahawa bapa menteri langsung tidak pedulikan bahawa rang undang-undang ini rugikan kaum wanita. Itu adalah tidak betul. Perdana Menteri sangat prihatin di atas kebajikan golongan wanita. Dia merupakan seorang Perdana Menteri yang prihatin, jadi itu tidak betul.

Oleh kerana itu, pada Mesyuarat Jemaah Menteri yang bertarikh 17 Ogos 2005, pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah pun memberi pandangan bahawa selepas usaha menyeragamkan Undang-undang Keluarga Islam ini selesai, tindakan susulan perlu diambil oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk memperbaiki lagi model Undang-undang Keluarga Islam supaya tiada peruntukan yang mendiskriminasikan

wanita, dengan mengambil kira cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh badan-badan bukan kerajaan serta pihak kerajaan.

Keputusan mesyuarat Jemaah Menteri secara rasmi ialah JAKIM diarah mengambil tindakan mengkaji untuk meminda Undang-undang Keluarga Islam, terutamanya peruntukan-peruntukan yang mendiskriminasikan wanita selepas undang-undang mengenai keluarga Islam dan perkara-perkara yang bersangkutan dengan perundangan hal ehwal Islam diseragamkan di antara negeri-negeri. Ini keputusan Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2005 dan keputusan ini dibuat terdiri daripada Ahli Jemaah Menteri yang terdiri daripada 3 Menteri wanita dan juga bapa-bapa. Sebab itu saya ingin menyatakan di sini supaya jangan ada satu pandangan iaitu bahawa tiga wakil wanita dalam Kabinet tidak memainkan peranan mereka untuk menyokong dan tidak betul kalau sekiranya dianggap bahawa bapa Menteri langsung tidak hiraukan tentang wanita berlandaskan kepada keputusan 17 Ogos 2005.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedikit sayanglah kerana kita terpaksa sipi-sipi melampaui dua prinsip pokok untuk memberi penjelasan, prinsip kerahsiaan Kabinet dan prinsip kolektif *responsibility*, kita menghargai Yang Berhormat Menteri yang mengambil risiko untuk nyaris-nyaris melintasi batasan tersebut demi memelihara prinsip tersebut tetapi lebih mustahak lagi demi meyakinkan Yang Berhormat-Yang Berhormat setelah mendengar hujah-hujah. Jadi, Yang Berhormat Menteri harus diberi tepukan di sini. *[Tepuk]* Bolehkah selesaikan Yang Berhormat?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga Parlimen yang telah menyebut perkara tadi. Tetapi saya nak menyebut itu takut nanti, sebab saya orang barukan, hendak sebut lebih-lebih takut kerahsiaan itu sebab kebocoran dan sebagainya. Jadi, saya tanya Dato' Nazri, katanya boleh dan saya ucapkan terima kasih kerana pengalaman beliau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat tak mungkinlah didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi?

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Tak ada, saya rasa tidak. Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang ada pada saya, saya rasa banyak sudah tentulah kalau nak sebut satu persatu *pendetailan* itu, jadi saya minta izin daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan-cadangan ini saya pegang dan menjadi asas kepada JAKIM untuk melaksanakan sebagaimana yang telah diminta oleh Jemaah Menteri. Jadi dengan kata-kata itu, saya ucap banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 27** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat maka selesailah perkara-perkara di bawah Aturan Urusan Mesyuarat kita. Saya bagi pihak Timbalan Yang di-Pertua mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat khasnya kepada Yang Berhormat dua Menteri Kabinet dan saya hanya bersama dengan Timbalan Yang di-Pertua nak menyatakan bahawa tidak lain tidak bukan, saya berbangga menjadi seorang Ahli Dewan Negara di atas prestasi Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk memberi khidmat kepada rakyat. Terima kasih.  
[Tepuk]

Dewan akan ditangguhkan sekarang dan akan bersidang semula pada satu masa yang akan ditetapkan.

***Dewan tamat pada pukul 10.53 malam.***